

## **BAB 1 - PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Setiap bangsa di dunia mempunyai kebudayaan tersendiri. Kebudayaan ialah tatacara hidup dalam sesebuah masyarakat. Masyarakat dan kebudayaan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Tidak akan ada kebudayaan sekiranya tidak wujud masyarakat dan tidak berfungsi sesuatu masyarakat sekiranya tidak ada kebudayaan yang menyusun, mengatur dan mengarah sesebuah masyarakat itu. Kebudayaan memperkenalkan identiti sesuatu bangsa tertentu. Keunggulan sesuatu bangsa terhasil dari nilai-nilai budaya kerana ia mencerminkan keunikian dan keistimewaan sesuatu bangsa. Rentetan daripada inilah, usaha dilakukan untuk memberikan fokus kepada budaya orang Bajau.

Orang Bajau merupakan salah satu kaum terbesar di Sabah. Berdasarkan kajian-kajian ilmiah yang pernah dijalankan oleh para sarjana, orang Bajau di Sabah boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu kelompok Bajau di pantai barat dan kelompok Bajau di pantai timur. Masyarakat Bajau di pantai barat terkenal sebagai petani dan nelayan di samping menunggang kuda manakala masyarakat Bajau di pantai timur Sabah terkenal sebagai nelayan dan penyelam yang mahir.

Secara umumnya, ‘urf dan adat masyarakat Bajau di Sabah hampir sama dengan ‘urf dan adat orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Hal ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana kedua-dua etnik ini beragama Islam yang jelas memberi banyak pengaruh dan impak kepada perlakuan berbudaya. Namun, pemisahan dari sudut geografi dan pengaruh luar memperlihatkan terdapat titik perbezaan di antara kedua etnik ini. Orang Bajau kaya dengan adat resam yang diwarisi secara *verbal*

daripada nenek moyang turun temurun hingga ke hari ini. Asimilasi orang Bajau dengan ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam. Akibat percampuran ini, ada antara amalan yang diwarisi secara turun temurun itu dianggap sebagai ajaran Islam, sedangkan ia hanya amalan yang diwarisi dan tidak ada dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Persoalan berhubung identiti budaya adalah intipati utama penyelidikan ini. Identiti budaya boleh diibaratkan sebagai jati diri seseorang individu yang merangkumi aspek-aspek sejarah, sistem agama dan kepercayaan, adat resam dan amalan, norma-norma dan sebagainya. Aspek identiti budaya masyarakat Bajau pernah dilakukan oleh beberapa sarjana tempatan sebelum ini dalam kajian-kajian lepas. Bagi membezakan penyelidikan ini dengan kajian sebelum ini, pengkaji cuba mensintesiskan kajian sosiobudaya Bajau dengan memfokuskan terhadap amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna serta menganalisisnya dari perspektif '*urf* dalam hukum Islam mengenainya.

## **1.1 MASALAH KAJIAN**

Secara tradisinya, asal usul amalan tradisi kepercayaan orang Bajau merupakan hasil daripada kepercayaan animisme seperti pemujaan dan kepercayaan kepada benda-benda tasyul, ghaib, kuasa jin dan sihir. Namun, pada hari ini kehidupan serta amalan beragama orang Bajau sudah mengalami banyak perubahan. Amalan-amalan animisme yang mendominasi kehidupan serta amalan beragama dan kepercayaan tradisi Bajau semakin terhakis akibat orang Bajau ramai yang memeluk agama Islam. Bahkan, orang Bajau yang mendiami pantai timur dan pantai barat di Sabah majoritinya adalah beragama Islam.

Walaupun secara umumnya adat-adat ini telah menerima perubahan yang telah direlevansikan dengan nilai-nilai agama Islam, namun begitu, masih terdapat beberapa amalan orang Bajau yang berhubung dengan kepercayaan tradisi yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Ini kemungkinan disebabkan amalan-amalan tradisi tersebut tidak menerima perubahan dan penyesuaian nilai-nilai agama Islam secara total atau menyeluruh.

Lazimnya, sesuatu kepercayaan yang disertai dengan ketakjuban atau ketakutan akan melahirkan beberapa amalan yang berunsur pemujaan. Hal yang sama berlaku kepada kepercayaan tradisi Bajau. Hakikatnya, orang Bajau mengamalkan amalan tertentu kerana mereka percaya terhadap amalan tersebut mampu memberikan kebaikan atau mengelak kemudaratan kepada mereka. Antara amalan tradisi tersebut ialah amalan berhubung kepercayaan kepada jin dan orang yang berjin, amalan berhubung kepercayaan kepada bomoh atau *kelamat*, amalan berhubung kepercayaan kepada *tulah*, amalan berhubung kepercayaan kepada *magombbo* '(nenek moyang), amalan berhubung kepercayaan kepada *pitulak*, amalan berhubung kepercayaan kepada ilmu sihir serta yang terakhir amalan berhubung kepercayaan kepada mitos hantu. Dalam amalan tersebut, hakikatnya terdapat unsur *sinkretisme*<sup>1</sup> iaitu konsep mencampur aduk antara adat dan syariat di mana seolah-olah adat itu adalah syariat dan sebaliknya yang mana adat-adat tersebut mendominasi kehidupan masyarakat Bajau dalam beragama. Konsep *sinkretisme* lazimnya digunakan dalam bidang falsafah dan agama.<sup>2</sup> Fenomena *sinkretisme* boleh

---

<sup>1</sup> Istilah *sinkretisme* berasal dari perkataan *sugkretismos* dan *sugkretos* yang bererti bercampur bersama. *Sinkretisme* didefinisikan sebagai percampuran yang terhasil dari penyerapan unsur budaya luaran yang umumnya tidak selari dengan asas ajaran sesuatu agama. Sila lihat A. Belford, *The Encyclopedia Americana International Edition* (Connecticut: Grolier Incorporated, 1996), 26:180.

<sup>2</sup> Suraya Sintang, "Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah", (makalah, Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu 1, Institut Peradaban Melayu, Kuala Lumpur, 12-14 Ogos 2003), 6.

dilihat dalam agama Islam yang diamalkan masyarakat Bajau di Sabah. Misalnya, penggunaan jampi serapah yang diselitkan dengan nama Allah SWT, para nabi, ayat-ayat al-Qur'an serta beberapa upacara keagamaan yang lain.<sup>3</sup> Fenomena *sinkretisme* agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami ajaran Islam yang sebenar bahkan tanpa disedari fenomena ini boleh menimbulkan gejala penyongsangan akidah hingga menjaskan tahap keyakinan seseorang.

Seterusnya, isu yang menjadi perhatian pengkaji ialah amalan yang sudah menjadi budaya dalam masyarakat Bajau dan terus dipraktikkan dalam perkara akidah, ibadat ataupun sosial. Apa yang menjadi persoalan dalam hal ini adalah sekiranya amalan itu bercanggah dengan ajaran Islam. Namun tidak dapat dinafikan ada antara amalan tersebut yang bertepatan dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi sejauh mana relevansi amalan tersebut dengan hukum syarak perlu dianalisis untuk memastikan masyarakat Bajau bebas dari amalan khurafat yang bertentangan dengan syariat Islam. Ini kerana, sebagai umat Islam, adalah penting untuk setiap orang Muslim memastikan segala amalan dan perbuatan mereka bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana Rasulullah SAW sendiri telah berpesan bahawa segala amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam adalah ditolak.<sup>4</sup>

Selain itu, terdapat amalan tokok tambah (bidaah) dalam amalan orang-orang Bajau, dibimbangkan menjadi tokok tambah yang merosakkan akidah Islam. Terutamanya hal yang berkaitan dengan kepercayaan tertentu seperti kepercayaan

---

<sup>3</sup> Konsep *sinkretisme* ini turut berlaku kepada masyarakat yang lain seperti masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Sila lihat fenomena *sinkretisme* dalam Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 130.

<sup>4</sup> Hal ini sejajar dengan sabda Baginda yang bermaksud: “*Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan yang bukan daripada agama kami, maka amalan itu akan ditolak*”. Direkodkan oleh al-Bukhari, Kitab al-'I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah Bab Idha Ijtahada al-'Amil aw al-Hakim Akhta'a Khilafun, no. hadis: 7350/7351. Demikian juga Rasulullah SAW berpesan dengan sabdanya yang bermaksud “*Sesiapa yang tidak suka sunnahku, dia bukan dalam kalangan pengikutku*”. Al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab al-Taghrib fi al-Nika, no. hadis: 5063. Sila rujuk Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Riyadh: Dar al-Salam lil Nasyri wa al-Tauzi', 1999), 1264 dan 906.

kepada bomoh, pengamalan ilmu hitam seperti ilmu kebal, ilmu tilik dan ilmu pukau. Seperti contohnya, nenek moyang masyarakat Bajau berpendapat ilmu kebal boleh diamalkan dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam mengajar umatnya untuk melindungi diri.<sup>5</sup> Justeru, menurut mereka, tidak menjadi kesalahan mempelajari ilmu tertentu dan diselitkan dengan ajaran Islam kerana perbuatan melindungi diri merupakan kewajipan kepada individu Muslim.

Tidak kurang juga segelintir daripada orang Bajau yang jahil kemudian menganalisis perkara-perkara adat menurut kaca mata mereka, sehingga lahirlah tafsiran-tafsiran yang salah dan mengelirukan orang awam hatta ada yang percaya kepada tafsiran yang salah itu. Majoriti daripada mereka salah faham terhadap amalan-amalan yang mereka lakukan dengan menyabitkan ia wujud di dalam Islam sedangkan ia sebaliknya. Lebih malang lagi apabila golongan yang jahil tadi mendakwa apa yang ditafsirkan dan dijelaskan oleh mereka atau nenek moyang mereka adalah mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah. Hal seperti ini termasuk ke dalam golongan orang-orang mendustakan Rasulullah SAW dan mereka ini mendapat tempat yang buruk di akhirat kelak seperti yang terdapat di dalam hadis sahih.<sup>6</sup> Ekoran daripada sikap seperti inilah mengakibatkan orang awam berada di dalam kekeliruan sepanjang masa.

---

<sup>5</sup> Dalam masyarakat Bajau, ia dikenali sebagai ilmu *panglias* iaitu ilmu yang tidak dapat ditembusi oleh apa jua jenis senjata termasuk peluru. Nenek moyang orang Bajau beranggapan ilmu ini perlu diamalkan kerana untuk melindungi diri daripada penjajah kerana mereka kerap bertempur dengan kuasa asing seperti British, Jepun, malah lanun Filipina yang kerap merompak dan membahayakan mereka. Temu bual yang dilakukan dengan Haji Marinsah b. Hj.Abdul Hamid di rumah kediamannya di Kampung Rancangan Wawasan, Semporna pada 14 September 2012.

<sup>6</sup> Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Sesiapa yang mendustaiku maka sediakanlah tempatnya di dalam neraka*”. Direkodkan oleh al-Bukhari , kitab al-‘Ilm, Bab Ismun Man Kadhdhaba ‘ala al-Nabi, no. hadis: 106. Sila rujuk Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Riyadh: Dar al-Salam lil Nasyri wa al-Tauzi’, 1999), 24. Sila lihat juga hadis yang sama tetapi matan yang berbeza-beza yang direkodkan oleh Imam Muslim, Muqaddimah al-Imam Muslim, Bab Tagliz al-Kazb ‘ala Rasulillah Saw, no hadis: 1,2,3&4. Sila rujuk Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010) j. 1, 27-28.

Kesimpulannya, amalan-amalan ini diwarisi turun temurun dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat Bajau di Sabah. Antara punca utama berterusannya amalan dan sikap seperti ini ialah kerana orang Bajau pengaruh dengan adat resam yang menebal yang mana secara jelas adat-adat tersebut tidak diketahui asal-usulnya. Justeru, berasaskan senario inilah pengkaji akan menganalisis sosio-budaya masyarakat Bajau khusus dalam aspek kepercayaan dan amalan tradisi Bajau dari perspektif '*urf* dalam hukum Islam.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang menjadi perhatian pengkaji dalam melakukan kajian ini ialah:

- a. Bagaimanakah bentuk amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Semporna?
  
- b. Apakah latar belakang di sebalik amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Bajau di Semporna?
  
- c. Adakah amalan tradisi yang diamalkan oleh orang Bajau Semporna menepati syariat Islam atau sebaliknya?

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian dalam penyelidikan ini ialah:

- a. Menghuraikan bentuk-bentuk amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna Sabah.
- b. Mengenal pasti latar belakang di sebalik pengamalan amalan tradisi masyarakat Bajau di Semporna Sabah.
- c. Menjelaskan amalan-amalan tradisi masyarakat Bajau di Semporna Sabah menurut perspektif hukum Islam .

### **1.4    SKOP KAJIAN**

Subjek Kajian:      Etnik Bajau Darat dipilih sebagai subjek kajian ini kerana etnik ini dilatari dan dicirikan dengan keunikan budaya tersendiri.

Lokasi Kajian:      Ia ditumpukan kepada komuniti Bajau di pantai timur Sabah khususnya di daerah Semporna. Pengkaji memilih Semporna sebagai lokasi kajian kerana populasi orang Bajau paling ramai bertumpu di sini.

Aspek Kajian: Kajian ini lebih memfokuskan kepada beberapa amalan tradisi orang Bajau berhubung dengan aspek kepercayaan tradisi dan menganalisisnya menurut perspektif ‘urf dalam hukum Islam.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Tidak dinafikan sejak beberapa tahun yang lepas, para sarjana sama ada sarjana tempatan atau luar negara telah melakukan penyelidikan terhadap etnik Bajau. Setiap sarjana tersebut memberikan sumbangan yang berbeza-beza antara satu sama lain. Justeru, kepentingan kajian yang dapat disimpulkan pengkaji ialah:

- a. Menyediakan satu panduan kepada orang awam umumnya dan orang Bajau khususnya dalam mengetahui realiti di sebalik pengamalan dalam adat tradisi Bajau sama ada ia menurut Syariat Islam atau sebaliknya.
- b. Menyediakan rujukan kepada pengkaji sosio-budaya dan penyelidik hukum Islam tentang amalan orang Bajau di Semporna, Sabah.
- c. Membantu pihak berkuasa agama di Sabah khususnya dalam menangani dan membanteras amalan yang bertentangan dengan syariat Islam.

## 1.6 SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap beberapa penulisan yang berkait rapat dengan adat orang Bajau, pengkaji mendapati belum ada perbincangan yang holistik mengenai adat orang Bajau menurut perspektif Islam. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa penyelidikan mengenai etnik ini telah lama dilakukan sama ada dalam penyelidikan sarjana barat mahu pun tempatan.

Menurut Appel,<sup>7</sup> sebelum tahun 1964 tidak ada sebarang penyelidikan tentang orang-orang Islam di daerah pantai Sabah, iaitu termasuk orang Bajau. Apa yang ada hanyalah catatan ringkas yang kebanyakannya dibuat oleh penulis-penulis Eropah seperti Spenser St. John (1862), Ivor H.N Evans (1922), Oscar Cook (1924), Charles Bruce (1924), Owen Rutter (1929), dan Crrill Alliston (1961). Selepas tahun 1964, barulah terdapat kajian khusus tentang orang Bajau beragama Islam di Sabah. Antaranya ialah kajian Clifford Sather (1966, 1968, 1971 dan 1974), James F. Warren (1971), Jainisah Nurajin (1976/1977), Carol Warren (1977), Yap Beng Liang (1977 hingga 1990), Supriya Singh (1984), Hassan Mat Nor (1980), Halina Sendera (2007), Saidatul Nornis Mahali (1992, 2009, 2012) dan ramai lagi. Kajian Clifford Sather adalah tentang sistem kekerabatan, hubungan domestik dan aspek lain dalam budaya Bajau Laut daerah Semporna.<sup>8</sup> Sementara itu, James F. Warren pula membincangkan teknik pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara dalam

---

<sup>7</sup> Appell, G.N., “Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect,” *Sabah Society Journal* 3, no. 4 (1968), 247-286.

<sup>8</sup> Clifford Sather, “A Bajau Prawn Snare”, *Sabah Society Journal* 3, no.1 (1966), 42. Sila lihat juga Clifford Sather “Cultural Affiliations in Eastern Sabah and Sulu Province” *Borneo Research Bulletin* 6, no. 1, (1974), 15-16.

mengawal orang Bajau pantai timur Sabah.<sup>9</sup> Manakala kajian Jainisah Nurajin pula memerihalkan sistem kekerabatan dan perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud. Saidatul Nornis Mahali pula banyak membincangkan kajian yang berhubung dengan linguistik antropologi. Namun, pada masa yang sama beliau turut mendokumentasikan beberapa penulisan berhubung etnik Bajau pantai barat Sabah berkaitan kitaran hidup, sistem ekonomi, sistem kepimpinan, genre lisan, kosmologi Bajau dan sebagainya.

Daripada kajian-kajian tersebut, pengkaji mendapati kesemua kajian mempunyai skop yang berbeza dan terbatas. Oleh itu, kajian yang lebih efisien perlu dijalankan untuk kita memperolehi satu gambaran yang lebih sempurna berhubung budaya dan perubahan sosial yang dialami orang Bajau. Justeru, pengkaji telah meletakkan beberapa aspek dalam menjalankan sorotan perpustakaan terhadap kajian ini. Antaranya:

- i. Asal usul masyarakat Bajau di Sabah dan pengklasifikasiannya.
- ii. Isu ‘urf dan adat masyarakat Bajau menurut hukum Islam.

Sejarah asal usul masyarakat Bajau wujud dalam dua bentuk. Pertama, hasil daripada pengkajian dan penelitian penulis barat. Kedua, melalui cerita lagenda dalam masyarakat Bajau tentang asal usul mereka. Terdapat dua teori yang menerangkan kedatangan masyarakat Bajau ke Sabah. Pertama, ada pihak yang mengatakan bahawa orang Bajau berasal dari negeri Johor. Seorang Penyelidik barat iaitu Forest pernah mencatatkan bahawa ketika beliau dalam pelayaran ke New

---

<sup>9</sup> James F. Warren, “The North Borneo Chartered Company’s Administration of the Bajau, 1878-1909” ,(Kertas Kerja International Studies, Southeast Asia Series, no 22, Ohio University Centre For International Studies, 1971).

Guinea, beliau telah menemui nelayan Bajau di sepanjang bahagian Tenggara Pulau Borneo dan dipercayai nelayan Bajau tersebut berasal dari Johor. Teori ini turut disokong oleh Cryill Alliston (1966), Yap Beng Liang (1979), Yeop Johari Yaakob, Ismail Abbas (1988), Najeeb M. Saleeby (1963), dan ramai lagi. Keterangan-keterangan kesemua pengkaji ini mempunyai cerita lagenda yang tersendiri yang akan diterangkan dalam bab yang akan datang.

Manakala teori yang kedua pula mengatakan bahawa masyarakat Bajau berasal dari selatan Filipina. Jenar Lamdah (1988), menegaskan teori ini berkemungkinan boleh diterima sekiranya dikaji dengan lebih mendalam mengenai kehidupan masyarakat Bajau Laut di daerah Semporna.<sup>10</sup> Ini disebabkan kedudukan Semporna di pantai timur Sabah adalah berdekatan dengan kepulauan Sulu. Wujudnya persamaan bahasa Bajau Semporna dengan bahasa *tausug* dan *samal* di Selatan Filipina di samping persamaan dari segi cara hidup dan kebudayaan kedua-dua tempat ini menguatkan lagi teori yang mengatakan masyarakat Bajau berasal dari kepulauan Sulu. Disebabkan teori ini berbagai-bagai, pengkaji akan membuat satu hipotesis awal di bab yang akan datang menerusi kajian yang lebih mendalam di sebalik asal usul masyarakat Bajau di Sabah.

Selain itu, asal usul pengklasifikasian Bajau kepada Bajau Laut dan Bajau Darat juga menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji. Ini kerana, sebenarnya terdapat sedikit kekeliruan berhubung istilah Bajau Laut dan juga Bajau Darat. Di Sabah, golongan Bajau dibahagikan kepada dua iaitu orang Bajau pantai barat yang dikenali sebagai Bajau Darat dan orang Bajau pantai timur yang dikenali sebagai Bajau Laut. Pengklasifikasian ini wujud hasil kajian-kajian yang dilakukan oleh para

---

<sup>10</sup> Jenar Lamdah, “Sistem Nilai-nilai dan Norma Masyarakat Bajau di Sabah”, (makalah, Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 10-19 Mac 1980), 1-9.

pengkaji dan telah diterima pakai oleh kerajaan bertujuan memudahkan masyarakat luar dan masyarakat Sabah sendiri membezakan kelompok-kelompok etnik terbabit. Hal ini kerana berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan, terdapat perbezaan antara Bajau Darat dan Bajau Laut dari aspek fizikal, bahasa, corak kehidupan serta adat resam walaupun kedua-duanya dikenali sebagai Bajau. Kerajaan negeri Sabah telah mengklasifikasikan dan mengidentifikasi masyarakat Bajau di pantai timur Sabah seperti Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan sebagai Bajau Laut (Yap Beng Liang 1993; Sarther 1997; Rosnah 2001), dan masyarakat Bajau di pantai barat seperti Kota Belud, Tuaran dan sebagainya sebagai Bajau Darat.

Walau apa pun kepentingannya, pengkaji bersetuju dengan pendapat Harlina Sendera dan Jehom yang mengusulkan bahawa identiti takrifan penguasa (pihak kerajaan) kepada suatu kelompok etnik tidak semestinya selaras dengan identiti takrifan harian yang wujud pada kelompok etnik terbabit.<sup>11</sup> Justeru, di dalam bab yang akan datang, pengkaji akan menganalisis sama ada benarkah teori identifikasi yang dilakukan kerajaan, memenuhi identiti suatu bangsa tersebut. Ini kerana, bagi pengkaji sendiri, kelompok Bajau yang berada di pantai timur Sabah turut terbahagi kepada dua iaitu Bajau Darat dan juga Bajau Laut. Pengkaji akan memberikan hujah untuk menegaskan dan mengukuhkan pembahagian kelompok ini di dalam bab seterusnya.

Sehubungan itu, bagi aspek kedua pula, pengkaji mendapati tidak ada perbincangan yang menyeluruh berhubung adat resam orang Bajau menurut perspektif Islam. Mengikut pengamatan pengkaji, apa yang telah dikaji oleh sarjana sebelumnya rata-ratanya membabitkan beberapa tema yang agak terhad. Ia merangkumi:

---

<sup>11</sup> Halina Sendera, *Identiti Budaya Etnik Palau'*, 5 ; Jehom, "Ethnicity and Ethnic Identity", 83-89.

- 1) Penyelidikan berbentuk linguistik antropologi.<sup>12</sup> Linguistik antropologi boleh ditakrifkan sebagai disiplin ilmu yang meneliti hubungan antara bahasa dan budaya.<sup>13</sup> Dalam erti kata lain, kajian ini lebih memfokuskan kepada bahasa dan pemikiran orang Bajau.
- 2) Penyelidikan berbentuk teoritis. Penyelidikan ini membabitkan aspek fonologi, morfologi dan sintaksis bahasa Bajau.<sup>14</sup>
- 3) Penyelidikan berbentuk sosiobudaya. Penyelidikan ini berhubung dengan masyarakat dan budaya Bajau. Secara umumnya, kajian ini berhasil mengetengahkan amalan tradisi masyarakat Bajau khususnya di pantai timur Sabah.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Terdapat dua istilah dalam bidang ilmu ini iaitu antropologi linguistik dan linguistik antropologi. Istilah antropologi linguistik adalah satu bidang dalam disiplin antropologi dan meneliti peranan bahasa dalam kehidupan manusia. Dalam erti kata lain, antropologi linguistik sebagai satu bidang pengajian dan pengkajian berkembang dalam disiplin antropologi yang merupakan penelitian yang sepadu sifatnya tentang kehidupan manusia. Manakala linguistik antropologi adalah satu bidang dalam disiplin linguistik dan berkembang di dalamnya. Dengan erti kata lain, antropologi linguistik dan linguistik antropologi adalah dua bidang yang berlainan, masing-masing wujud dan berkembang dalam disiplin-disiplin yang berbeza. Saidatul Nornis, *Bahasa dan Alam Pemikiran*, 26.

<sup>13</sup> Lihat contoh kajian ini yang dilakukan oleh Saidatul Nornis Mahali, *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau* (Kota Kinabalu: Centre For The Promotion of Knowledge and Language Universiti Malaysia Sabah, 1999). Sila lihat juga Saidatul Nornis, “Fonologi Bahasa Bajau: Satu Kajian Preliminari” (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992).

<sup>14</sup> Lihat misal kajian ini yang diusahakan oleh Asmah Omar, “The Bajau Darat Language”, *The Brunei Museum Journal* 4, no. 4 (1980), 11-28. Penelitian ini membabitkan aspek fonologi, morfologi dan sintaksis bahasa Bajau. Antara beberapa unsur fonologi yang dibincangkan dalam kajian beliau ialah bunyi diphong, rangkap, konsonan, vokal dan ciri prosidi. Sila lihat juga Mirafuentes, M.E, “A Contrastive Analysis of the Phonemes and Verb Morphology of Central Sinama and Bajau Darat”, (Dissertation, University of Philippines, 1990); Mark T. Miller, “A Grammar of West Coast Bajau” (Tesis kedoktoran, The University of Texas at Arlington, 2007); Maria Tahir, “Bahasa Bajau Darat: Beberapa Aspek Morfologi” (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1989).

<sup>15</sup> Lihat contoh kajian ini yang dilakukan oleh Yap Beng Liang , “Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya”(Tesis sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1977); Lihat juga penulisan beliau “Perubahan Sosial Dalam Masyarakat Bajau Kota Belud” (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 1990); Hassan Mat Noor, “Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud, Sabah”, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 8 (1980), 172-185.

- 4) Penyelidikan berbentuk etnologi. Penyelidikan ini diusahakan untuk menyingkap persoalan-persoalan berhubung identiti budaya Bajau khususnya Bajau Laut yang dikenali sebagai etnik Palau'. Ia lebih memfokuskan fenomena konservasi, adaptasi dan transformasi budaya.<sup>16</sup>
- 5) Penyelidikan berbentuk latihan ilmiah. Usaha untuk mendokumentasikan sebahagian lagi amalan budaya masyarakat Bajau turut mendapat perhatian di kalangan mahasiswa di peringkat sarjana muda. Walaupun latihan ilmiah di peringkat sarjana muda kurang autoriti, namun bagi pengkaji, ia sedikit sebanyak memberi maklumat tentang sosiobudaya orang Bajau. Penelitian sedemikian rata-ratanya memaparkan bentuk adat istiadat Bajau, kesenian, bahasa dan pemikiran orang Bajau dan sebagainya.<sup>17</sup>

Kesimpulannya, kajian-kajian setakat yang pernah disentuh oleh kalangan sarjana, banyak menyingkap tentang perbincangan etnografi, linguistik dan penyelidikan antropologi masyarakat Bajau. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat beberapa ruang kosong yang masih belum disentuh oleh pengkaji-pengkaji lain setakat ianya menyentuh persoalan adat orang Bajau. Antara aspek yang dimaksudkan :

---

<sup>16</sup> Sila lihat contoh penyelidikan ini dalam Halina Sendera Mohd Yakin , "Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya" (Kertas Kadangkala Bil.7, Universiti Malaysia Sabah, 2007); Hanafi Hussin, "Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan Serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah" *Borneo Research Journal* 2, (2008). Makalah ini turut dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia, Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jun 2009.

<sup>17</sup> Lihat contohnya dalam Hikmah Hamid , "Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bajau Darat di Daerah Semporna Sabah: Satu Tinjauan Menurut Perpektif Islam", (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010). Lihat juga Jeniar Subeh , "Seni Persembahan Ngalai dalam Ritual Sistem Pengubatan: Kajian Kes Masyarakat Bajau Kg. Karang Benai, Kota Belud", (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Jabatan Sosio Budaya, Universiti Malaya, 2002).

1) Penyelidikan hukum Islam yang bersifat empirikal.<sup>18</sup> Apa yang dimaksudkan dengan kajian hukum Islam yang bersifat empirikal ialah satu metodologi penyelidikan yang menggunakan metode-metode ilmu sosial, seperti sosiologi antropologi mahupun psikologi. Selaras dengan konteks ini, secara sosiologi, agama Islam dianggap sebagai sebahagian daripada konstruksi realiti sosial masyarakat Bajau. Manakala secara antropologi, agama dipandang sebagai sebahagian daripada sistem budaya masyarakat Bajau. Sedangkan secara psikologi, kesedaran agama tidak dapat dipisahkan dalam mempengaruhi sistem dan struktur seseorang individu. Justeru, dalam erti kata lain, pengkaji ingin melakukan penyelidikan berbentuk sosiologi hukum Islam.<sup>19</sup> Dalam penyelidikan ini, pengkaji berusaha meneliti adat resam orang Bajau menurut perspektif hukum Islam memandangkan banyak adat orang Bajau yang bertentangan dengan ajaran Islam khususnya yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi.

2) Penyelidikan sosiologi dan antropologi<sup>20</sup> dalam skop yang lebih luas dalam menentukan lokasi dan subjek kajian. Ia merangkumi lokasi kajian yang bertumpu di pantai timur Sabah seperti Semporna. Ini kerana, terdapat

---

<sup>18</sup> Metode empirikal Islam merupakan salah satu daripada metodologi penelitian hukum Islam. Maklumat lanjut berhubung metode ini sila lihat M. Tahir Azhari, “Penelitian Agama Islam: Tinjauan Disiplin Ilmu Hukum” dalam *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam, Tinjauan Antara Disiplin Ilmu*, ed. Mastuhu (Bandung: Penerbit Nuansa & Pusjarlit, 1998), 133-143.

<sup>19</sup> Penelitian hukum Islam menggunakan pendekatan sosiologi merupakan satu bidang yang sangat popular dilakukan oleh para sarjana luar mahupun tempatan pada masa kini. Sila lihat contoh penyelidikan menggunakan metode ini antaranya H.M Atho Mudzhar dalam kajiannya “Studi Hukum Islam dengan Pendekatan Sosiologis”, pidato pengukuhan Guru Besar Madya pada LAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta pada 15 September 1999. Sila lihat juga contoh lain Martha Mundy, “The Family, Inheritance, and the Islam: A Re-examination of the Sociology of Faraid Law” dalam *Islamic Law Social and Historical Contexts*, ed. Aziz al-Azemah (New York: Routledge, 1988), 1-123.

<sup>20</sup> Penelitian hukum Islam menggunakan pendekatan antropologi dapat dilihat dalam tulisan Ziba Mir-Hosseni, *Marriage on Trial: A Study of Islamic Family Law, Iran and Morocco Compared*, (London: New York: I.B Tauris & Co. Ltd, 1993).

perbezaan di antara orang Bajau di Semporna Sabah dari segi bahasa, cara hidup dan adat istiadat walaupun berada di kelompok zon tempat yang sama. Ini disebabkan kerana terdapat pelbagai suku dan dialek dalam kaum Bajau itu sendiri seperti *Bajau Simunul*, *Bajau Kubang*, *Bajau Ubian* dan sebagainya.

## 1.7 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengenal pasti tumpuan masalah kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode pengumpulan data berbentuk kepustakaan dan lapangan serta metode analisis data.

### 1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan pengumpulan maklumat dan seterusnya mentafsir data-data yang tersebut.<sup>21</sup>Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua metode penyelidikan selaras dengan matlamat dan hala tuju kajian yang telah dirancangkan. Pengkaji menggabungkan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan bagi mengumpulkan data berkaitan.

---

<sup>21</sup> Maklumat lanjut berhubung metode pengumpulan data, sila lihat Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur:Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1987).

### i. Kajian Perpustakaan (*library research*)

Dalam kaedah Perpustakaan ini, metode dokumentasi akan diaplikasi, iaitu dengan mendapatkan maklumat dan data melalui sumber sekunder dari perpustakaan atau boleh dierangkan sebagai suatu teknik bagi seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>22</sup> Metode ini penting bagi tujuan mendapatkan informasi dan maklumat yang sahih dan tepat daripada sumber sekunder yang terdapat perpustakaan. Ia dapat dikelaskan dalam pembahagian berikut:

a) Sumber-sumber primer:

- Sumber primer merangkumi teks kajian, rujukan tafsir, syarah hadis dan pandangan ulama klasik.

b) Sumber sekunder:

- Antaranya termasuk buku, jurnal, kertas persidangan, majalah, ensiklopedia, bibliografi dan sebagainya.<sup>23</sup> Metode ini merupakan metode yang paling kerap digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh data dan sumber yang bedata. Data-data kualitatif ini, dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengkaji dalam bab kedua dalam kajian.
- Karya pengkaji Barat berhubung dengan asal usul dan latar belakang Bajau. Ini kerana kebanyakan kajian ke atas masyarakat Bajau dilakukan oleh penulis barat sama ada mereka yang menjajah negeri Sabah ketika itu atau yang melakukan kajian ke atas masyarakat

---

<sup>22</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), 41.

<sup>23</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajaran Islam* (Selangor: Shah Alam Selangor, 2009), 68.

Bajau secara umum. Antaranya, Spenser St.John (1862), Ivor H.N Evans (1922), Oscar Cook (1924), Charles Bruce (1924) dan ramai lagi.

Selain itu, pengkaji turut mendapatkan bahan kajian daripada:

- Perpustakaan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya.
- Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- Perpustakaan Utama Universiti Malaysia Sabah.
- Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

## ii. **Kajian Lapangan (*field research*)**

Dalam metode ini, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah temu bual dan kaedah observasi. Pada dasarnya kedua-dua kaedah ini perlu dilakukan secara beriringan kerana kaedah observasi mampu untuk memperkuatkan data-data yang terhasil melalui kaedah temu bual.<sup>24</sup> Kedua-dua kaedah ini pengkaji jalankan dalam di lokasi kajian iaitu di Semporna Sabah. Perbincangan kedua-dua metode ini diperincikan seperti di bawah;

---

<sup>24</sup> Huraian lanjut mengenai kaedah ini, sila lihat Marohaini Yusoff , “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif”, dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 100-109.

a) **Metode Temu bual<sup>25</sup>**

Metode temu bual juga merupakan salah satu metode yang boleh digunakan dalam sesuatu kajian. Pengkaji akan menemu bual beberapa orang yang mempunyai maklumat dalam bidang yang dikaji. Informan tersebut dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam pengamalan adat tradisi. Di antara informan tersebut ialah para sarjana yang mengkaji etnik Bajau, orang tua-tua kampung, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kerajaan di Mahkamah Anak Negeri Semporna, dan sebagainya. Banyak maklumat penting diperolehi dengan metode temu bual ini. Antaranya tentang sejauh mana pegangan orang Bajau terhadap ajaran Islam dan adat tradisi, reaksi masyarakat Bajau terhadap amalan kepercayaan mereka yang bertentangan dengan ajaran Islam dan sebagainya. Selain itu, bomoh dan dukun tradisional juga turut ditemu bual untuk mendapatkan keterangan berhubung dengan cara pengubatan yang mereka lakukan dan jampi serapah yang mereka gunakan. Informan-informan yang menjadi rujukan pengkaji dapat disenaraikan seperti berikut;

- a. Dr. Yap Beng Liang (Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau merupakan antara sarjana tempatan yang terawal mengkaji etnik Bajau di Sabah).
- b. Hj. Marinsah b. Hj. Abdul Hamid (Ketua Kampung Rancangan Wawasan Semporna. Beliau berumur 70 tahun ketika temu bual dilakukan dan merupakan antara sumber rujukan (orang tua-tua) di kalangan orang Bajau).

---

<sup>25</sup> Maklumat lanjut berhubung metode ini, sila lihat William Foddy, *Constructing Questions for Interviews and Questionnaires: Theory and Practise in Social Research*. Cambridge: Cambridge University Press, 1993.

- c. Hj. Amping (Orang tua-tua di kalangan masyarakat Bajau. Beliau berumur 87 tahun ketika temu bual dilakukan).
- d. Hj Bijani ( Dukun atau dikenali sebagai *kelamat* dalam masyarakat Bajau. Beliau banyak mengubati pesakit-pesakit di kalangan orang Bajau yang berkait rapat dengan penyakit yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden).
- e. Puan Norasmah bt. Marinsah (Responden yang pernah mengamalkan salah satu amalan tradisi Bajau).
- f. Puan Mariamah bt. Yusof (Responden yang pernah mengamalkan salah satu amalan tradisi Bajau).
- g. Puan Saimah bt. Yusuf (Responden yang pernah mengamalkan salah satu amalan tradisi Bajau).
- h. Mohd Rahman b. Baharom (Responden yang pernah menjadi mangsa dan saksi kepada salah satu amalan tradisi Bajau).
- i. Encik Yusuf b. Kassim (Anak kepada tok kelamat dan pernah menyaksikan dan mengamalkan amalan tradisi tertentu).
- j. Encik Omar Hassan b. Tuksoh (Responden yang menjadi rujukan dalam sistem ekonomi orang Bajau. Beliau merupakan salah seorang usahawan di Semporna Sabah).
- k. Encik Mad Rasidi b. Muhammad (Pensyarah pengajian Islam di Kolej Pengajian Tinggi Mara Semporna).
- l. Encik Ranza b. Robin (Responden seorang nelayan dan banyak mengetahui amalan-amalan tertentu dalam masyarakat Bajau).

Untuk menjadikan kaedah temu bual ini bersifat objektif dan boleh diguna pakai, pengkaji telah melakukan beberapa kaedah yang bersifat mikro iaitu pengkaji telah mengadakan temu janji dengan setiap informan untuk memastikan mereka mempunyai ruang yang cukup dalam menjawab persoalan pengkaji. Dalam proses temu bual ini, pengkaji menggunakan pita rakaman serta catatan dan akan dipindahkan dalam bentuk transkrip bagi memastikan ia betul-betul dalam keadaan terancang.

### b) Metode Observasi

Menurut Sunawari Long, kaedah observasi merupakan kaedah klasik yang sering digunakan dalam kajian saintifik.<sup>26</sup> Dalam erti kata lain, ia kaedah melalui pemerhatian dan pemantauan terhadap sesuatu amalan yang sedang dikaji.<sup>27</sup> Menurut Hashim Awang, untuk memastikan satu kajian lapangan itu betul-betul tepat, maka wajib bagi pengkaji tinggal di dalam sesebuah masyarakat selama jangka masa yang tertentu untuk tujuan memerhati, menghayati, memahami dan mengumpul data-data perlakuan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat.<sup>28</sup> Justeru, melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat sendiri bagaimana corak hidup masyarakat Bajau. Ini meliputi aspek-aspek budaya dan adat tradisi orang Bajau yang berada di pantai timur Sabah khususnya di daerah Semporna. Melalui kaedah ini juga, beberapa maklumat yang

---

<sup>26</sup> Ahmad Sunawari Long , *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, ( Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 50.

<sup>27</sup> Dalam hal ini, pengkaji bertindak sebagai peserta dalam situasi tanpa kawalan dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan yang ingin dikaji, *ibid.*, 51.

<sup>28</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Hashim Awang A.R , *Fieldwork: Suatu Pencarian dan Pengalaman*, (Kuala Lumpur: t.p.,1996), 3-28.

diperolehi hasil daripada temu bual dapat disemak kebenaran dan ketepatannya.<sup>29</sup> Di samping itu, kebaikan kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa kejadian itu berlaku.<sup>30</sup>

### **1.7.2 Metode Analisis Data**

Analisis data merupakan proses mengesan dan mengenal pasti bentuk-bentuk taburan data. Setelah data-data yang dikehendaki diperoleh, pengkaji akan menjalankan proses menganalisis data dengan menggunakan kaedah:

#### **i. Metode Pensejarahan<sup>31</sup>**

Metode ini merujuk kepada kajian suatu masalah pada aspek pencejarahannya. Ia menumpukan pada proses asal usul sesuatu pemikiran serta perkaitannya dengan pengaruh asing. Dalam erti kata lain, ia menumpukan pada proses gejala, peristiwa atau konsep yang lahir masa lalu.<sup>32</sup> Setiap peristiwa sosial mempunyai sejarah yang mendahuluinya melalui proses *evolutif* yang membentuk fasa-fasa

---

<sup>29</sup> Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini dalam Suseela Malakolunthu , “Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan”, dalam *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 123-125.

<sup>30</sup> Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, ed. Ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 61.

<sup>31</sup> Sila lihat contoh kajian yang menggunakan metode ini dalam David S. Power, *Studies in Qur'an and Hadis: The Formation of Islamic Law of Inheritance* (London: University of California Press, 1986).

<sup>32</sup> Sidi Gazalba, *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981), 77.

perkembangannya.<sup>33</sup> Pendekatan ini menggunakan dua perspektif utama iaitu sosio-historis (menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan) dan yang kedua kritikal metode iaitu usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang terpilih.<sup>34</sup> Pengkaji telah menggunakan metode ini dalam menghuraikan sejarah kedatangan orang Bajau di Sabah.

## ii. Metode Induktif<sup>35</sup> dan Deduktif<sup>36</sup>

Pengkaji menggunakan metode induktif ini untuk menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan kepada perkara-perkara yang bersifat umum.<sup>37</sup> Metode ini digunakan pengkaji dalam perkara-perkara berikut:

- Latar belakang masalah dalam bab 1, 2, dan 3. Terutama yang berkaitan dengan latar belakang masyarakat Bajau, serta amalan tradisi mereka.
- Rumusan masalah dalam bab pendahuluan di mana pengkaji telah merumuskan beberapa masalah secara umum setelah menggariskan beberapa masalah khusus berkaitan dengan subjek penyelidikan.

---

<sup>33</sup> Lihat Kartini Kartono, *Pengantar Metodologi Research Social* (Bandung: Penerbit Alumni, 1976), 271.

<sup>34</sup> Ghufron A. Mas'adi, *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam* (Jakarta: t.p., 1997), 62-68.

<sup>35</sup> Dalam ilmu usul fiqh kaedah induktif ini dikenali dengan kaedah *istiqra'*. Lihat Idris Awang , *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: APIUM, 2001), 82.

<sup>36</sup> Dalam ilmu usul fiqh, kaedah deduktif ini dikenali dengan kaedah istinbath. *Ibid.*, 82.

<sup>37</sup> Mohd. Majid Konting , *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 11; Sidek Mohd. Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktis* (Serdang : Universiti Putra Malaysia, 2000), 6.

Metode deduktif pula ialah merupakan cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian berdasarkan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus. Metode ini digunakan pengkaji di dalam menganalisis beberapa bentuk kepercayaan tradisi Bajau Semporna. Hasil daripada penganalisaan tersebut akan dijadikan kesimpulan umum berhubung kepercayaan tradisi Bajau menurut perspektif Islam.

### **iii. Metode Sosiologi Hukum**

Metode ini merupakan satu kajian dalam disiplin ilmu hukum Islam.<sup>38</sup> Secara mudahnya ia boleh ditakrifkan sebagai disiplin ilmu yang meneliti fenomena masyarakat sebagai latar pembinaan hukum.<sup>39</sup> Metode ini bertujuan memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti perlaksanaannya di dalam masyarakat.<sup>40</sup> Metode ini sangat penting untuk memastikan sama ada sesuatu adat yang menjadi amalan masyarakat Bajau tergolong dalam ‘urf yang sahih ataupun fasid.<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup> Maklumat lanjut berhubung metode ini sila lihat Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender Dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu”, (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 30. Dalam penyelidikan ini, beliau cuba mengkaji hubungan di antara karya fiqh dan lingkungan masyarakat Melayu. Untuk itu, kaedah sosiologi hukum diaplikasi dalam kajian tersebut. Sila lihat juga metode yang sama dalam disertasi beliau “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia”, (Tesis sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003), xxxvi.

<sup>39</sup> Lihat metode dan bentuk kajian alternatif yang dikemukakan oleh M. Atho Mudzhar mengenai metode penelitian sosial dalam M. Atho Mudzhar, *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori Dan Praktek* (Yogjakarta: Pustaka Pelajar, 1998), 68. Sila lihat juga Amir Mu’alim Yusdani, *Konfigurasi Hukum Islam* (Yogyakarta: UII Press, 1999), 122.

<sup>40</sup> Noor Naemah Abdul Rahman, “Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an-1990an: Satu Analisis”, (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 39-40.

<sup>41</sup> Lihat metode ini dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Ke arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini: Satu Pengenalan” dalam *Jurnal Syariah* 10 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002), 13.

#### **iv. Metode Analisis Kritis**

Metode analisis kritis ialah gagasan atau idea manusia yang terkandung di dalam media cetak sama ada dalam bentuk primer atau sekunder.<sup>42</sup> Lazimnya, di dalam sumber-sumber ini, turut dinyatakan beberapa teori atau idea pengkaji terdahulu. Oleh yang demikian, tujuan penelitian metode analisis kritis ialah untuk mendeskripsikan, membahaskan dan mengkritik secara ilmiah beberapa teori pengkaji terdahulu.

Langkah pertama dalam melakukan metode ini adalah mendeskripsikan gagasan primer yang menjadi objek penelitian sesuatu kajian. Gagasan primer atau teori yang sedia ada dari sumber-sumber berkaitan seterusnya akan dibahaskan dan dianalisis mengikut metode-metode tertentu dalam penyelidikan. Kebiasaannya, pengkaji-pengkaji berikutnya akan memberikan pendapat dan teori yang berbeza berbanding sebelumnya hasil daripada kajian dan penyelidikan yang mendalam. Metode ini digunakan pengkaji dalam membincangkan teori yang dikemukakan oleh Dr. Yap Beng Liang yang menyatakan tidak terdapat konflik antara adat orang Bajau dan ajaran Islam. Hakikatnya, berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji, terdapat konflik dalam beberapa adat tertentu antara adat orang Bajau dengan ajaran Islam yang harus diperhatikan dan dikaji.

---

<sup>42</sup> Ir. Jujun S. Suriasumanti, “Penelitian Ilmiah, Kefilsatan dan Keagamaan: Mencari Paradigma Kebersamaan” dalam *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam, Tinjauan Antara Disiplin Ilmu*, op.cit., h. 45.

## v. Metode Kompromi

Teori kompromi merupakan metode penyelesaian terbaik dalam menghadapi sesuatu konflik.<sup>43</sup> Sehubungan itu, kompromi merupakan metode yang mempunyai prioriti berbanding metode-metode yang lain. Ini kerana ia merupakan kaedah penyelesaian yang selaras dengan asas-asas syariat. Sebenarnya metode ini merupakan rentetan atau lanjutan daripada metode *al-jam' wa al-tawfiq*. Namun ia boleh diguna pakai dalam menyelesaikan sesuatu hukum yang terdapat konflik padanya. Selaras dengan itu, pengkaji menggunakan metode ini dalam menyelesaikan konflik antara adat dan syariat di dalam amalan tradisi Bajau. Sekiranya terdapat amalan tradisi yang ditokok tambah dan tidak mempunyai asas dalam agama, pengkaji akan menggunakan metode ini dengan meneliti latar belakang di setiap amalan tersebut. Jika amalan itu berasal daripada animisme, maka ia secara langsung ditolak. Namun sekiranya sesuatu amalan itu berasal daripada ajaran-ajaran pendakwah-pendakwah silam yang datang ke Sabah kemudian dipraktikkan untuk menggantikan fahaman-fahaman terdahulu, maka bagi penulis ia seharusnya dikekalkan kerana untuk menghargai sumbangaan fuqaha silam berdasarkan kepada metode kompromi.

## 1.8 SISTEMATIKA KAJIAN

Bagi memudahkan perbincangan tajuk kajian ini, pengkaji telah membahagikan kajian kepada 5 bab yang utama. Setiap bab mengandungi tajuk-tajuk kecil dan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

---

<sup>43</sup> Amir Fazlim Jusoh, "Metode Kompromi: Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha" (Disertasi Sarjana, Jabatan fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006), xix.

## **Bab Pertama: Pendahuluan**

Bab pertama merupakan pendahuluan yang merangkumi, latar belakang masalah kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, ulasan penulisan terdahulu (*literature of review*), metodologi penyelidikan serta bentuk-bentuk penganalisisan data yang telah digunakan dalam kajian ini dan sistematika penulisan.

## **Bab Kedua: Latar Belakang Masyarakat Bajau**

Dalam bab kedua, pengkaji akan membincangkan istilah Bajau, sejarah dan asal usul orang Bajau. Dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana, didapati sejarah dan asal usul Bajau mempunyai banyak andaian dan pendapat. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji cuba menganalisis setiap pendapat tersebut dan cuba memberikan satu pendapat yang paling tepat mengenainya. Selain itu, dalam bab ini juga akan dipaparkan taburan orang Bajau yang berada di pantai timur dan pantai barat Sabah di samping membuat perbezaan antara keduanya.

## **Bab Ketiga: Amalan Tradisi masyarakat Bajau Semporna**

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan dan menganalisis berhubung dengan sistem agama dan kepercayaan masyarakat Bajau di Semporna Sabah. Walaupun orang Bajau Semporna hampir keseluruhannya orang Islam, namun mereka masih berpegang teguh kepada kepercayaan dan amalan tradisi yang mana mereka menganggap kepercayaan tradisi ini mampu menjamin kehidupan mereka di dunia atau pun akhirat. Dalam bab ini juga, pengkaji sertakan sekali beberapa dapatan asal usul di sebalik kepercayaan tradisi mereka itu.

## **Bab Keempat: Analisis Hukum**

Dalam bab keempat, pengkaji cuba menganalisis setiap adat resam orang Bajau berdasarkan dapatan yang diperoleh berhubung dengan sistem agama dan kepercayaan. Di dalam bab ini, pengkaji cuba memberikan nas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam setiap amalan yang diamalkan orang Bajau agar masyarakat Bajau mengetahui sama ada amalan adat resam mereka merupakan ibadah atau pun adat semata-mata.

## **Bab Kelima: Penutup**

Dalam bab kelima iaitu bab yang terakhir pula, pengkaji akan membuat rumusan, hasil dapatan, saranan serta kesimpulan berkaitan adat atau ‘urf yang dilakukan oleh orang Bajau di Semporna Sabah agar masyarakat Bajau di Semporna Sabah dapat mengamalkan adat resam mereka selari dengan kehendak agama Islam.

## **BAB 2 - LATAR BELAKANG MASYARAKAT BAJAU**

### **2.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji berusaha menyoroti latar belakang masyarakat Bajau dengan menghuraikan beberapa ciri budaya masyarakat Bajau secara umum yang merangkumi asal usul istilah Bajau, asal-usul etnik Bajau, pengklasifikasian orang Bajau, taburan orang Bajau di serata dunia dan sebagainya. Usaha merungkai dan membuat rumusan berhubung isu berkaitan etnik Bajau bukannya satu perkara yang mudah. Ianya memerlukan pemahaman yang holistik dan selektif kerana banyak persoalan yang mengelirukan berhubung etnik ini yang sangat sukar dibuktikan kebenarannya sehingga ke hari ini. Ini disebabkan pengetahuan yang terbatas mengenai sejarah dan kebudayaan etnik Bajau serta analisis ilmiah mengenai masyarakat ini tidak begitu prolifik. Pada masa yang sama juga, terlalu banyak pendapat atau teori yang berbeza sama ada kajian yang dilakukan oleh para sarjana tempatan atau luar negara yang menyebabkan apa juar persoalan berhubung etnik ini tidak mempunyai jawapan yang tepat atau muktamad di atas setiap persoalan yang diutarakan.

Secara umumnya, kebudayaan masyarakat Bajau merangkumi berbagai-bagai aspek termasuklah adat resam, kepercayaan dan amalan tradisi, norma-norma, sosiobudaya, ekonomi dan sebagainya. Ia dapat mencerminkan, mencorakkan dan membentuk diri serta tingkah laku individu dalam satu kumpulan budaya di samping memberi panduan dalam kehidupan seharian. Masyarakat Bajau merupakan salah satu kelompok peribumi Sabah yang mempunyai identiti tersendiri yang mempunyai pelbagai variasi dari segi budayanya. Menurut Headly, masyarakat Bajau memang

terkenal dan kaya dengan tradisi mereka yang diwarisi secara lisan dari dahulu lagi.

Beliau menggambarkan masyarakat Bajau seperti berikut:

*“They are a colorful people in many ways, combining a skill at weaving and good carving with good horsemanship, and in former days a propensity for piracy, which subsequently gave place to cattle lifting”.*<sup>44</sup>

Di Sabah, orang Bajau terdapat di kedua-dua pantai barat dan timur Sabah.

Pola penempatan yang berselerak di kalangan etnik Bajau di Sabah menyebabkan wujud banyak perbezaan di antara dua kelompok etnik ini. Etnik Bajau pantai barat menetap di sekitar Putatan, Tuaran, Kota Belud dan Papar manakala etnik Bajau pantai timur menetap di sekitar Sandakan Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau. Sementara di Kepulauan Sulu, mereka boleh didapati di Zamboanga dan pulau-pulau lain seperti Basilan, Jolo, Siasi, Tawi-Tawi dan Sibutu.<sup>45</sup> Di Indonesia pula, orang Bajau kebanyakannya terdapat di sebelah timur, khususnya di daerah pantai timur Sulawesi.

Memandangkan orang Bajau di Sabah mendiami dua kawasan berbeza iaitu di pantai barat dan pantai timur Sabah, maka wujud variasi dalam pelbagai aspek sama ada slanga bahasa, budaya dan adat istiadat. Perbezaan itu termasuk dari segi pertuturan, pakaian tradisi, adat resam dan budaya. Tambahan pula, etnik Bajau sendiri mempunyai kepelbagaian cabang etnik. Antaranya Bajau *Kubang*, Bajau *Omadal*, Bajau *Simunul*, Bajau *Ubian* dan sebagainya. Kepelbagaian cabang etnik ini

<sup>44</sup> D. Headly, “Some Illaanuns and Bajau Marriage Customs in the Kota Belud District”, *North Borneo Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 24, no. 3 (1951), 159-162.

<sup>45</sup> Menurut H.A Nimmo, di Kepulauan Sulu orang Bajau terdapat dalam dua kumpulan utama, iaitu;

- i) Bajau Selatan yang terdapat di Pulau Tawi-Tawi dan Sibutu. Mereka mempunyai pertalian dengan orang Bajau daerah Semporna.
- ii) Bajau Utara yang terdapat di daerah Pulau Siasi, Jolo, Basilan dan Zamboanga. Orang Bajau utara ini kuat mengembara ke serata dunia mencari hasil laut. Sila lihat H.A Nimmo, “Reflections in Bajau History”, *Philippines Studies* 16, no. 1 (1968), 37-38.

wujud sebenarnya merujuk kepada identiti mereka berdasarkan tempat mereka menetap.

Walau bagaimanapun, variasi yang wujud tidak begitu ketara kerana mereka berasal daripada rumpun yang sama. Namun, perbezaan ini selalunya menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat luar daripada etnik ini terutamanya dalam hal yang berkaitan identifikasi. Hal ini pengkaji akan jelaskan dalam perbincangan seterusnya.

## 2.1 ASAL USUL ISTILAH BAJAU

Terdapat beberapa pendapat yang telah diutarakan berhubung dengan asal usul istilah Bajau. Kebanyakan pendapat ini ditulis oleh pengkaji barat yang menyelidik masyarakat Bajau di seluruh dunia. Menurut Sopher, perkataan Bajau itu berasal daripada perkataan Bugis iaitu *Waju* yang bererti orang yang bergerak secara kumpulan.<sup>46</sup> Teori ini juga disokong oleh John Crawford dengan kata-kata beliau yang menggambarkan orang Bajau sebagai “*men that go in troops*”.<sup>47</sup> Ben J. Wallace berpendapat perkataan Bajau merupakan singkatan daripada perkataan *Bajak Laut* atau *Baja Laut* yang bererti lanun<sup>48</sup> manakala Hasan Mat Nor pula berpendapat perkataan Bajau berasal daripada perkataan berjauhan yang menggambarkan cara hidup orang Bajau yang sentiasa berjauhan.<sup>49</sup> Begitu juga menurut Yap Beng Liang

<sup>46</sup> D.E Sopher, *The Sea Nomads* (Syracuse University: Memoirs of The National Museum, 1977), 18.

<sup>47</sup> “A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries” dipetik oleh David E. Sopher, *A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia* (Syracuse University, Memoirs of The National Museum ,1965), 158.

<sup>48</sup> Wallace, B.J, *Village Life in Insular Southeast Asia* (Boston: Methodist University Little Brown Company, 1965), 43.

<sup>49</sup> Hassan Mat Nor, “Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud, Sabah”, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 8, (1980), 172-185.

bahawa segelintir orang Bajau yang berada di Semporna berpendapat perkataan Bajau dipetik daripada perkataan berjauhan kerana pada masa dahulu orang Bajau sentiasa berada di laut iaitu ‘berjauhan’ dari kawasan darat.<sup>50</sup>

Orang Bajau gemar menggunakan nama *Sama* atau *A'asama*. Manakala Bajau pula merupakan nama yang diberi oleh orang asing merujuk kepada mereka seperti yang terdapat di kenyataan Sather:<sup>51</sup>

*...the generic label they apply to themselves, at least in Sabah, is *Sama* or *A'asama*, or dialect variants of these arms...to my knowledge Bajau and Samal are never used in self-reference among the *Sama* themselves, although most know these terms are used by outsiders and frequently use them when speaking to non-sama..*

Menurut pemerhatian pengkaji sendiri juga yang merupakan orang Bajau Semporna, pengkaji mendapati orang Bajau Semporna lebih cenderung menggunakan nama *Sama* untuk mereka sendiri manakala istilah ‘Bajau’ lebih kepada panggilan orang luar kepada etnik mereka. Bukan sahaja masyarakat Bajau Semporna, menurut Yap Beng Liang, penggunaan istilah *Sama* juga diguna pakai oleh masyarakat Bajau di Kota Belud dalam mengidentifikasi diri sesama mereka.<sup>52</sup>

Manakala Asmah Hj. Omar pula menjelaskan asal-usul penggunaan istilah *Sama*. Menurut beliau, orang Bajau sendiri menjelaskan bahawa apabila mereka bertemu di satu kawasan setelah sekian lama tidak berjumpa, mereka sering menganggap mereka dari keturunan dan etnik yang sama namun tinggal berjauhan antara satu sama lain. Rentetan itu, wujud perkataan Bajau yang terhasil dan

<sup>50</sup> Yap Beng Liang, “Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya”(tesis sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1977), 36.

<sup>51</sup> Sather, C.A, “Cultural Affiliation in Eastern Sabah and Sulu Province”, *Borneo Research Bulletin* 6, no. 1, 1974, 15-16.

<sup>52</sup> Yap Beng Liang, “Orang Bajau Pulau Omadal”, 34.

terbentuk daripada imbuhan ‘ba-‘ dan kata dasar ‘jau (jauh) yang memberi makna “duduk jauh antara satu sama lain”.<sup>53</sup>

Berdasarkan cerita seorang penduduk di Kota Belud, Hj. Abdul Mumin b. Hj. Sunsang yang berusia 80 tahun,<sup>54</sup> istilah Sama wujud selepas berlaku pertemuan semula antara etnik Bajau di kawasan Asia Tenggara. Menurut beliau, kumpulan ini pada asalnya digelar Bajau kerana tempat tinggal mereka yang terletak berjauhan di antara satu sama lain tetapi sekiranya bertemu, mereka akan memperkenalkan identiti mereka sebagai Bajau. Rentetan daripada itulah, istilah “*samalah kita*” yang kemudiannya disingkatkan menjadi *Sama* sebagai gelaran bagi kumpulan mereka.<sup>55</sup>

Jika diperhatikan, terdapat persamaan fakta antara catatan Asmah Hj. Omar (1983) dengan maklumat yang diberikan oleh Hj. Abdul Mumin kepada pengkaji sebelum ini (Saidatul Nornis Hj. Mahali) iaitu, istilah Bajau ialah istilah asal yang digunakan untuk merujuk kepada etnik ini, manakala *Sama* digunakan untuk memperkenalkan diri mereka kepada etnik Bajau yang lain.

Walau apa pun justifikasinya, bagi pengkaji sendiri, istilah Bajau atau *Sama* hakikatnya cuma satu perselisihan yang kecil. Hakikatnya, Bajau adalah *Sama*, dan *Sama* adalah Bajau. Hanya perbezaan penggunaan istilah sahaja yang menjadi kekeliruan kerana kebiasaannya Bajau ialah istilah yang digelar oleh orang luar atau asing kepada kelompok ini manakala *Sama* pula ialah istilah yang digunakan kelompok ini sesama mereka. Cuma istilah *Sama* itu kerap kali digunakan dan agak sinonim dengan masyarakat Bajau yang menetap di Semporna mahupun Kota Belud.

---

<sup>53</sup> Asmah Omar, *The Malay Peoples of Malaysia and Their Language* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 102.

<sup>54</sup> Temu bual antara pengkaji Bajau sebelum ini (Saidatul Nornis Hj. Mahali) dengan Hj. Abdul Mumin. Sila rujuk dalam Saidatul Nornis Mahali, *Bajau Pantai Barat, Siri Etnik Sabah* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012), 11

<sup>55</sup> *Ibid.*, 11. Sila lihat hal yang sama dalam karya beliau Saidatul Nornis Mahali, “*Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*”, 35.

### **2.1.1 Istilah *The Sea Nomad/ The Sea Gypsies***

Tidak dinafikan dalam kajian yang dilakukan oleh sarjana barat, orang Bajau pernah digolongkan sebagai satu kelompok *Sea Nomads*.<sup>56</sup> Antara istilah lain yang sinonim dengan *Sea Nomads* ialah *Nomadic Sea Folks* atau *Boat Nomads*.<sup>57</sup> Menurut D.E Sopher, kebiasaannya pengkaji orang Inggeris menisahkan orang Bajau sebagai *Sea Gypsies* manakala *Sea Nomads* dinisahkan oleh pengkaji Jerman dan Belanda. Kedua-dua istilah ini mempunyai makna yang sama yang merujuk kepada kelompok yang suka mengembara di laut.<sup>58</sup> Kelompok Bajau ini boleh ditemui di beberapa kawasan seperti di Kepulauan Sulu (selatan Filipina), bahagian Timur Indonesia khususnya di kawasan pantai Sulawesi,<sup>59</sup> Sabah, dan sebagainya.

D.E Sopher berpendapat bahawa kelompok *Sea Nomads* ini mempunyai satu corak budaya yang sama iaitu ‘backward looking’ atau primitif dari segi sosial dan teknologi. Ini ditegaskan dalam kata-kata beliau iaitu “*they belong to one original cultural stock*”.<sup>60</sup> Kemunduran mereka dalam kedua aspek ini dapat dilihat dengan gambaran mereka yang menggunakan teknologi yang agak primitif<sup>61</sup> dalam menangkap ikan dan kecenderungan kediaman mereka tinggal di atas perahu. Secara

---

<sup>56</sup> *Sea Nomads* merujuk kepada sekelompok manusia yang suka mengembara di laut. Menurut I.H.N. Evans, masyarakat Bajau adalah satu kelompok Melayu Proto yang bersifat maritime atau mempunyai hubungan yang rapat dengan laut. Sila rujuk I.H.N. Evans, *Among Primitive Peoples In Borneo* (London: Seeley Service & Co. Ltd, 1922), 52.

<sup>57</sup> D.E Sopher, *The Sea Nomads*, 51.

<sup>58</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal, Aspek-aspek Budaya*, 1.

<sup>59</sup> Menurut Sather, orang Bajau paling ramai terdapat di Selatan Filipina, mereka berjumlah 90 000 orang. Ini disusuli oleh Sabah yang mempunyai penduduk Bajau seramai 72 000 orang. Di bahagian Timur Indonesia, orang Bajau Cuma berjumlah 30 000-40 000 orang. Sila lihat C.A. Sather, *The Bajau Laut dalam Essays on Borneo Studies*, ed. Victor King (Oxford: Oxford University Press, 1978), 172.

<sup>60</sup> D.E Sopher, *The Sea Nomads*, 47.

<sup>61</sup> Penggunaan teknologi yang agak primitif sebagaimana dakwaan Sopher (1965) sudah tidak diterima lagi. Ini kerana, sekiranya diperhatikan sistem teknologi yang digunakan oleh suku kaum Bajau pantai timur Sabah, mereka telah banyak mengubah teknologi yang mereka gunakan dalam mengumpul hasil laut. Mereka telah menggunakan enjin yang berkuasa tinggi, pukat yang lebih baik, serta beberapa kemudahan teknologi yang lain. Malah, pada masa kini, mereka juga mendapat bantuan daripada pihak Jabatan Perikanan negeri Sabah.

generalisasinya, budaya tradisi dan taraf hidup *Sea Nomads* agak terbelakang berbanding etnik-etnik yang ada pada masa itu.

Dari segi organisasi sosial, didapati kelompok *Sea Nomads* ini tinggal bersama keluarga di perahu masing-masing. Secara mudahnya, setiap keluarga akan berada di perahu masing-masing dengan dipimpin oleh seorang ketua.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, populasi kelompok Bajau *Sea Nomads* pada hari ini sangat berkurangan disebabkan beberapa faktor seperti penghijrahan mereka ke persisiran pantai dan proses asimilasi yang berlaku antara kelompok-kelompok lain di persisiran pantai.

Kini, masyarakat Bajau telah berubah corak kehidupan khususnya kediaman dengan mendiami rumah di darat. Perubahan cara hidup ini dibuktikan dengan kewujudan penempatan Bajau yang bertumpu di kawasan pantai barat Sabah khususnya di sekitar lembah Tempasuk.<sup>63</sup> Ini ditegaskan oleh Hoebel dan Heiss:

*“Thus they came to know the hinterland even settled down on the Tempasuk plain since the latter half of the last century. With amazing rapidly, they change their entire life-style”*.<sup>64</sup>

Justeru, menurut Jenar Lamdah, gelaran-gelaran pengkaji barat terhadap etnik Bajau seperti *Sea Gypes* tidak dapat diterima lagi. Menurut beliau, tanggapan-tanggapan pengkaji barat tidak boleh dipertanggungjawabkan seratus peratus kebenarannya kerana pengetahuan mereka tidak begitu mendalam terhadap sesuatu

<sup>62</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 2.

<sup>63</sup> Lembah Tempasuk merupakan satu kawasan yang berada di daerah Kota Belud Sabah. Pengkaji Barat menjelaskan bahawa mereka telah memilih untuk mengubah corak kehidupan mereka khususnya corak ekonomi mereka dengan menjadi penanam padi yang cekap. Pertanian yang diusahakan di daerah ini adalah jenis pertanian campur.

<sup>64</sup> R. Hoebel, R dan L.H Heiss, *Sabah* (Hong kong: Robert Rovera Ltd, 1984), 66.

masyarakat yang mereka selidiki.<sup>65</sup> Ini selaras dengan pendapat Syed ‘Abdullah Hassan, perselisihan tidak mungkin terjadi jika penulis-penulis barat mengetahui secara mendalam bahasa beberapa kumpulan etnik yang mereka tulis.<sup>66</sup>

Namun begitu, bagi pengkaji sendiri, kesalahan pengkaji barat dalam menggambarkan orang Bajau tidaklah begitu keterlaluan. Ini kerana kemungkinan mereka mengkaji etnik Bajau menurut pandangan sosiologis pada ketika itu yang dilakukan secara observasi sedangkan pengkaji tempatan seperti Jenar Lamdaah lebih kepada pandangan seorang sasterawan. Pendapat pengkaji ini juga selaras dengan pendapat Saidatul Nornis Mahali yang mendakwa bahawa penggolongan orang Bajau ke dalam kategori *Sea Nomads* ini memang tepat kerana pada masa dahulu hampir kesemua orang Bajau mendiami perahu-perahu yang dijadikan tempat kediaman mereka seumur hidup.<sup>67</sup> Walau bagaimanapun, faktor gelombang masa dan perubahan sosiobudaya orang Bajau pada hari ini menjadikan persepsi ini seharusnya diubah untuk mengelakkan persepsi negatif pengkaji seterusnya terhadap etnik Bajau.

### **2.1.2 Istilah Bajau Laut/ *Palau*’**

Secara umumnya, di Sabah golongan Bajau boleh dibahagikan kepada dua iaitu orang Bajau pantai barat yang dikenali sebagai Bajau Darat dan orang Bajau di

---

<sup>65</sup> Jenar Lamdaah, “Sistem Nilai-nilai dan Norma Masyarakat Bajau di Sabah”, (makalah, Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 10-19 Mac 1980), 2.

<sup>66</sup> Syed Abdullah Hassan, “Kepercayaan-kepercayaan dan Ilmu dukun di Kelompok Tausug Daerah Sandakan” (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1973), 19.

<sup>67</sup> Saidatul Nornis Mahali, *Bajau Pantai Barat*, 216.

pantai timur yang dikenali sebagai Bajau Laut.<sup>68</sup> Kedua kelompok etnik ini walaupun berasal dari rumpun yang sama namun mempunyai pelbagai perbezaan sama ada dari sudut fizikal maupun beberapa budaya tertentu. Bajau Laut sebenarnya lebih terkenal dengan gelaran *Palau'*.

Etnik *Palau'* yang mendiami negeri Sabah kurang dikenali dan tidak diketahui umum kerana kemungkinan kurang penyelidikan dilakukan ke atas etnik ini. Kajian-kajian sebelum ini kebanyakannya bertumpu kepada masyarakat Bajau Darat yang tinggal di pantai barat Sabah seperti Kota Belud. Ini termasuklah kajian yang dilakukan Headly (1951), Hassan (1980), Zulkifly dan Sulung (1983), Hanafiah (1991), Asmah (1990), Jasni (1993), Saidatul Nornis (1999) dan Harlina Sendera (2007). Kajian ke atas Bajau yang berada di pantai timur Sabah pula dilakukan oleh pengkaji seperti Warren (1971), Yap Beng Liang (1978), Sather (1997), dan Rosnah (2001).

Menurut Yap Beng Liang, perkataan *Palau'* mungkin berasal daripada perkataan ‘perahu’ atau ‘pelaut’ yang menggambarkan kehidupan orang Bajau sebagai maritim, *Sea Nomads* atau pengembara laut yang tinggal di perahu. Di Sabah, masyarakat *Palau'* boleh ditemui majoritinya di daerah Semporna dan bertempat di Kampung Bangau-Bangau.<sup>69</sup> Uniknya, etnik *Palau'* yang terdapat di Kampung Bangau-Bangau ini telah bertempat di rumah masing-masing namun terdapat segelintir yang masih hidup di atas perahu dan enggan mendiami darat.<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup> Halina Sendera Mohd Yakin, “Identiti Budaya Etnik Palau’ di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya” (Kertas Kadangkala, Bil. 7, Universiti Malaysia Sabah, 2007), 5.

<sup>69</sup> Kg. Bangau-Bangau merupakan satu kawasan di daerah Semporna yang menempatkan majoriti etnik Palau’ di sini. Dari segi demografi, daerah Semporna mempunyai 114, 989 orang penduduk. Berdasarkan banci penduduk tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia), majoriti penduduk Semporna terdiri daripada masyarakat Bajau Laut.

<sup>70</sup> Sila rujuk gambar etnik Palau’ yang tinggal di rumah dan di atas perahu di lampiran.

Di Kepulauan Sulu, orang Bajau mempunyai beberapa gelaran yang berbeza. Antaranya *Badjau*, *Sama*, *Samal*, *Palau'*, *Kaliaggeh*, dan *Luwaan* dan sebagainya. Namun begitu, orang Bajau sendiri lebih suka menisbahkan diri mereka sebagai ‘*sama*’ atau ‘*samal*’. Ini kerana nama-nama seperti *Palau'*, *Kaaliggeh* dan *Luwaan* memberi maksud yang buruk dan gelaran-gelaran tersebut seolah-olah dari keturunan yang rendah tarafnya dan darjatnya. Ini selaras seperti yang terdapat dalam penulisan Ben J. Wallace iaitu *Kaliaggeh* membawa maksud *people who are rude and dirty* (orang yang kasar dan kotor) manakala *luwaan* membawa maksud *outcast* (masyarakat terasing).<sup>71</sup> Konotasi yang tidak baik ini terdapat juga di dalam penulisan Sather dalam karyanya iaitu:<sup>72</sup>

‘*sea-nomadic communities were identified by outsiders by pejorative terms, such as Pala'au or Luwaan, meaning, literally, that which is spat or vomited out*’.

Menurut Wilfredo F.Arce, di kalangan penduduk kepulauan Sulu sendiri terdapat kecenderungan untuk membezakan kedua etnik ini (Bajau Darat dan Bajau Laut).<sup>73</sup> Menurut mereka, orang Bajau yang beragama Islam dan mendiami rumah dikenali sebagai *Samal* dan mereka yang bukan beragama Islam dan tinggal di atas perahu dikenali sebagai *Palau'* atau *Luwaan*. Seperti penyelidik yang terdahulu juga, Wilfredo turut menyatakan terdapat perbezaan darjat kedua etnik ini yang mana *Samal* lebih tinggi kedudukannya daripada *Palau'*.

Menurut H. Arlo Nimmo, pada pandangan beliau, sewajarnya tidak wujud pembahagian identiti antara *Samal* dan Bajau di Kepulauan Sulu kerana ia boleh

<sup>71</sup> Wallace, B.J, *Village Life in Insular Southeast Asia* (Boston: Methodist University, Little Brown Company, 1971), 44.

<sup>72</sup> Sather, C.A, *The Bajau Laut, Adaptation, History and Fate ia a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997), 16.

<sup>73</sup> W.F Arce, “Social Organization of the Muslim People of Sulu” *Philippines Studies* 2, no.2 (1963), 244.

mengelirukan dan wujud ‘double standard’. Beliau berpendapat kedua etnik ini adalah sama kerana mempunyai beberapa ciri dan persamaan. Perbezaan yang ketara hanya perbezaan dialek dan beberapa orang *Samal* telah memeluk agama Islam.<sup>74</sup>

### **2.1.3 Kekeliruan Berhubung Istilah Bajau Laut (*Palau’*) dan Bajau Darat**

Sebelum ini, telah dijelaskan bahawa orang Bajau di Sabah terbahagi kepada dua iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut. Selaras dengan itu, wujud pengklasifikasi berbeza iaitu panggilan Bajau Darat untuk masyarakat Bajau di pantai barat Sabah dan sebaliknya Bajau Laut untuk masyarakat Bajau di pantai timur Sabah. Pengklasifikasi ini wujud rentetan daripada kajian yang dilakukan oleh para pengkaji barat dan istilah ini telah diterima pakai oleh kerajaan bagi memudahkan masyarakat luar membezakan kelompok kedua etnik ini. Pengklasifikasi ini dapat dilihat dengan jelas khususnya menerusi buku bincian penduduk.

Hasil daripada pengklasifikasi ini menimbulkan kekeliruan berhubung istilah Bajau Laut (*Palau’*) dan Bajau Darat khususnya dalam konteks daerah Semporna. Ini kerana, orang Bajau yang berada di Semporna sendiri tidak mengakui bahawa mereka merupakan kelompok Bajau Laut.<sup>75</sup> Ini kerana terdapat perbezaan yang ketara antara kedua etnik ini dari segi fizikal dan keperibadian, corak kehidupan, bahasa, adat istiadat walaupun kedua-duanya dikenali sebagai Bajau.

---

<sup>74</sup> H.A Nimmo, “Reflections on Bajau History” *Philippine Studies* 16, no.1 (1968), 32-59.

<sup>75</sup> Orang Bajau Semporna sendiri tidak mengiktiraf mereka adalah etnik Bajau Laut seperti takrifan yang diberi pihak kerajaan (pemerintah). Bagi mereka, etnik Bajau Laut merupakan etnik yang tinggal di atas perahu atau etnik yang mendiami Kampung Bangau-Bangau di daerah Semporna. Ini kerana majoriti penghuni yang mendiami kampung tersebut asal daripada penghuni perahu. Ini dijelaskan oleh Panglima Haji Tiring yang ditemu ramah oleh Harlina Sendera pada tahun 2004. Sila lihat Harlina Sendera, “Identiti Budaya Etnik Palau”, 18.

Bagi pengkaji sendiri, pengklasifikasian ini wujud hasil daripada kajian-kajian para sarjana yang mendapat terdapat perbezaan yang ketara antara dua kelompok etnik ini. Jika ditelusuri sejarah penghijrahan orang Bajau ke Sabah, didapati hakikatnya semua masyarakat Bajau berasal daripada rumpun yang sama yang mana realitinya berasal dari *Sea Nomads* iaitu pelayar laut yang mahir. Namun, akibat daripada gelombang penghijrahan yang berbeza-beza menjadikan masyarakat Bajau yang terlebih dahulu menduduki Sabah mendapat tempat di daratan seterusnya merubah corak kehidupan mereka daripada menangkap ikan kepada aktiviti bercucuk tanam.

Seiring dengan peredaran masa, masyarakat Bajau majoritinya telah mengubah beberapa identiti budaya asal mereka dan diadaptasikan diri dengan suasana persekitaran yang baru. Lantaran itu, kemungkinan masyarakat Bajau yang berada di Semporna mengalami fenomena yang sama. Menurut pandangan pengkaji, fenomena inilah yang telah membezakan dan membahagikan kelompok-kelompok etnik berkenaan kepada Bajau Darat dan Bajau Laut. Walaupun pada hakikatnya kerajaan Negeri Sabah (penguasa) telah mengidentifikasi masyarakat Bajau di pantai timur Sabah seperti Semporna adalah Bajau Laut manakala masyarakat Bajau di pantai barat Sabah sebagai Bajau Darat, namun bagi pengkaji sendiri perlu wujud perbezaan kerana terdapat banyak unsur perbezaan yang ketara antara kedua etnik ini sehingga masyarakat Bajau yang berada di Semporna tidak pernah terlintas atau mengaku mereka adalah Bajau laut kerana mereka telah lama duduk di daratan sejak sekian lama.

Justeru itu, pengkaji bersetuju dengan pandangan Jehom<sup>76</sup> dan Harlina Sendera<sup>77</sup> yang mana mereka mengusulkan bahawa takrifan penguasa (pihak

---

<sup>76</sup> Jehom, W.J., “Ethnicity and Ethnic Identity in Sarawak”, *Akademika* 55 (1999), 83-89.

<sup>77</sup> Harlina Sendera, “Identiti Budaya Etnik Palau”, 5.

kerajaan) iaitu identiti yang diberikan oleh pihak memerintah kepada sesuatu kelompok etnik tidak semestinya selaras dengan identiti takrifan yang dikonstruk sendiri oleh kelompok etnik terbabit.

Pendapat ini juga disokong oleh Md. Saffie Abd. Rahim yang mendakwa takrifan penguasa ini perlu disemak semula.<sup>78</sup> Ini kerana jika Bajau di pantai barat Sabah digolongkan kesemuanya sebagai Bajau Darat, timbul persoalan bagaimana pula etnik Bajau di pantai barat yang juga tinggal dan menetap di kawasan tepi laut, seperti Tuaran, Kota Belud dan Papar? Adakah kumpulan etnik Bajau ini juga dikenali sebagai Bajau Laut kerana mendiami kawasan tepi laut?

Kesimpulannya berhubung hal ini, banyak sarjana memberi tafsiran yang kurang tepat tentang identiti etnik Bajau pantai timur Sabah. Mereka sering menghubung kaitkan etnik Bajau pantai timur sebagai etnik Bajau serumpun seperti yang berlaku di pantai barat Sabah. Penggunaan satu istilah iaitu Bajau Laut untuk merujuk kesemua etnik Bajau di pantai timur Sabah perlu diubah. Ini kerana, hakikatnya etnik Bajau pantai timur berasal daripada berpuluhan-puluhan pulau yang wujud di Kepulauan Filipina dan Kepulauan Indonesia yang tidak diketahui sama ada mereka berasal daripada etnik Bajau Darat atau Laut.

Oleh sebab wujud kekeliruan dan penggunaan istilah yang kurang tepat dalam merujuk identiti etnik Bajau pantai timur Sabah, maka dalam kajian ini seeloknya dan amat wajar digunakan dua istilah yang berbeza untuk merujuk kepelbagai etnik di pantai timur iaitu Bajau Darat Pinggir Pantai dan Bajau Laut (*Palau’*).

---

<sup>78</sup> Md.Saffie Abd.Rahim dan Ramzah Dambul, “Identiti Etnik Bajau Pantai Timur” dalam *Bajau Pantai Timur Siri Etnik Sabah*, ed. Md.Saffie Abd.Rahim (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan& Buku Malaysia, 2012), 21-28.

## 2.2 ASAL USUL MASYARAKAT BAJAU

Sejarah asal usul masyarakat Bajau wujud dalam dua bentuk iaitu yang pertama hasil daripada penelitian dan pengkajian para sarjana barat, dan kedua melalui cerita lagenda dalam masyarakat Bajau tentang asal usul mereka. Maklumat yang diperoleh melalui cerita lagenda amat sukar untuk dibuktikan kesahihannya, namun ia mempunyai autoriti memandangkan sumber lisan menjadi salah satu bukti sejarah.<sup>79</sup>

Terdapat beberapa teori yang menghuraikan dan menjelaskan kedatangan masyarakat Bajau ke Sabah. Teori ini pula berbeza antara satu sama lain disebabkan kepelbagaiannya sumber dan hasil dapatan kajian. Kedua-dua teori yang dikemukakan masing-masing disokong oleh bukti dari sumber linguistik, demografi, geografi, budaya dan tradisi lisan. Teori ini dibahagikan seperti berikut:

1. Teori mengatakan masyarakat Bajau berasal daripada Selatan Filipina<sup>80</sup>
2. Teori mengatakan masyarakat Bajau berasal daripada Johor.<sup>81</sup>

Para pengkaji mempunyai beberapa hujah dan alasan dalam menyokong antara kedua teori tersebut. Antaranya Jenar Lamdah dan Md. Saffie Abd. Rahim. Jenar Lamdah memberikan pendapatnya dengan mengatakan teori pertama berkemungkinan besar boleh diterima jika dilihat dari sudut sosiobudaya masyarakat

<sup>79</sup> Sumber lisan merupakan sumber yang sangat penting dalam metodologi persejarahan. Ini kerana, kebanyakannya sumber sejarah pada zaman awal kemunculannya tidak mempunyai data berbentuk tulisan. Justeru, sumber lisan sangat penting dalam menentukan kesahihan sesuatu perkara walaupun tidak dapat dipastikan secara tepat kebenarannya. Ini termasuklah dalam mengkaji asal usul kedatangan orang Bajau di Sabah. Ia tidak dapat dipastikan bila dan bagaimana penduduk peribumi asli menetap di Sabah. Untuk keterangan lanjut, rujuk I. Carey, "Some Notes on the Sea Nomads of Johore" *Federation Museums Journal* (XV, 1970), 181-184; Helen Follett, *Men of the Sulu Sea* (New York: Charles Scribner, 1970), 12-16 ; H.Arlo Nimmo, *The Sea People of Sulu: A Study of Social Change in the Philippines* (San Francisco: Chandler Publishing Company, 1972).

<sup>80</sup> D.E Sopher , *The Sea Nomads*, 141.

<sup>81</sup> Jenar Lamdah, "Sistem Nilai-nilai dan Norma Masyarakat Bajau di Sabah", 1-9.

Bajau di daerah Semporna. Menurut beliau, keadaan geografi antara Semporna dan Kepulauan Sulu terutamanya Pulau Mindanao lebih memperkuatkan teori ini. Ini kerana Kepulauan Sulu merupakan kedudukan yang paling hampir dengan pantai timur Sabah.

Di samping itu, aspek linguistik turut menyokong teori ini dengan wujudnya persamaan bahasa antara Bajau Semporna dan *Samal* di Selatan Filipina serta persamaan cara hidup dan budaya kedua masyarakat ini.<sup>82</sup> Sarjana barat yang lain seperti Irena Obon juga turut berpendapat bahawa etnik Bajau pantai timur adalah serumpun dan berkongsi corak kehidupan dengan masyarakat Bajau di selatan Filipina. Walau bagaimanapun, akibat menetap lama di Sabah, cara hidup dan kegiatan ekonomi mereka mula berubah.<sup>83</sup> Sementara itu, tradisi lisan pula menjadi bukti apabila etnik Bajau dikatakan turun temurun berasal dari wilayah Zamboanga.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, menurut Jenar Lamdah, ada kemungkinan besar yang masyarakat Bajau Laut di daerah Semporna mungkin berasal dari kepulauan Sulu. Namun timbul persoalan bagaimana pula masyarakat Bajau yang tinggal di pantai Barat? Kedudukan geografi Bajau pantai barat kelihatan jauh daripada kepulauan Sulu. Jika teori Jenar Lamdah ini dijadikan hujah berhubung kedatangan orang Bajau di Sabah berasal dari Kepulauan Sulu, ia akan menjadi tanda tanya dan keraguan mengenai orang Bajau di pantai barat Sabah kerana kedudukan geografi yang jauh dan tidak wujud persamaan dari sudut bahasa.<sup>84</sup> Justeru itu, walaupun pada realitinya teori-teori ini mempunyai alasan-alasan tertentu yang kelihatan munasabah, namun bagi pengkaji sendiri ia amat sukar untuk menentukan

---

<sup>82</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>83</sup> Irenena obon, *The Sama Horseman* (Kota Kinabalu: Persatuan Seni Budaya Bajau Sabah, 1999), 2-9.

<sup>84</sup> Dialek bahasa Bajau di pantai barat Sabah jauh berbeza daripada bahasa Sama di selatan Filipina dan di pantai timur Sabah. Menurut Banker, bahasa Bajau pantai barat Sabah merupakan satu bahasa tersendiri dalam keluarga bahasa Bajau. Sila lihat Banker, E.F., ‘The West Coast Bajau Language dalam Julie, K.K & John, W.K, ed., *Language of Sabah: A Survey Report* (Pasific Linguistic: The Australia National University, 1984), 111.

secara mutlak kebenaran teori ini memandangkan setakat ini tidak dapat dipastikan asal usul sebenar masyarakat Bajau.

Manakala teori kedua yang mengatakan masyarakat Bajau berasal daripada Johor mempunyai ramai pengkaji yang cenderung kepada pendapat ini. Forrest pernah mencatatkan bahawa ketika beliau dalam pelayaran ke New Guniea, beliau telah menemui nelayan Bajau di sepanjang bahagian Tenggara Pulau Borneo dan dipercayai nelayan-nelayan tersebut kemungkinan besar berasal dari Johor.<sup>85</sup> Teori ini disokong oleh beberapa pengkaji Barat dan tempatan antaranya Cyril Alliston (1966), Najeeb M. Saleeby (1962), Helen Follet (1945), Yeop Johari Yaakob dan Ismail Abbas (1988), Iskandar Caery (1976), dan Yap Beng Liang (1979). Apa yang menariknya, teori ini turut disokong catatan Tom Pirates pada abad ke-15 Masihi yang merekodkan kewujudan masyarakat maritim di perairan Johor, Singapura, serta Riau yang dikaitkan dengan etnik Bajau. Pada masa yang sama, di Semenanjung Tanah Melayu, kumpulan ini turut dikenali dengan pelbagai gelaran lain antaranya Orang Seletar atau Orang Suku Laut.<sup>86</sup>

Walaupun mereka menyokong asal usul Bajau berasal daripada Johor, namun catatan yang mereka perolehi mempunyai peristiwa-peristiwa berbeza yang dapat dirumuskan seperti berikut;

---

<sup>85</sup> Johor di sini merujuk kepada Johor Tua. Kesultanan Johor hanya bermula selepas kejatuhan kesultanan Melaka pada T.M. 1511. Berdasarkan sarsilah Brunei, Awang Alak Betatar yang memerintah Brunei pada T.M. 1368 telah berkahwin dengan seorang puteri Johor. Oleh itu, negeri Johor pada ketika itu adalah Singapura tua. Ini kerana kesultanan Melayu pernah wujud di Singapura yang didirikan oleh Seri Tri Buana (Sang Nila Utama). Rujuk antaranya Dayang Yus Sabariah bt Haji Adanan, persinambungan Keluarga Diraja Brunei dengan Keluarga Diraja Tanah Melayu, dalam *Pesaka*, Berita Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan Negara Brunei Darussalam, 1988, 45.

<sup>86</sup> Sila lihat Saidatul Nornis Mahali, *Bahasa dan Pemikiran Masyarakat Bajau*, 36. Lihat juga Saidatul Nornis, *Bajau Pantai Barat*, 8.

- **Catatan Cyrill Alliston**

Menurut keterangan Cyrill Aliiston,<sup>87</sup> masyarakat Bajau mengakui ada hubungan dan kaitan keluarga dengan kerajaan Johor. Mengikut cerita lagenda, ada masa silam sultan Johor mempunyai seorang puteri bernama Dayang Ayesha. Puteri ini sangat cantik oleh yang demikian dia menjadi rebutan antara Sultan Brunei dan Sultan Sulu. Tetapi puteri ini lebih mencintai sultan Brunei sedangkan ayahandanya pada ketika itu lebih berkenan kepada sultan Sulu. Justeru, puteri ini dihantar ke Sulu untuk berkahwin atas perintah ayahandanya tetapi ketika pelayaran rombongan ini telah diserang oleh sultan Brunei dan menculik puteri tersebut. Oleh sebab rombongan yang mengiringi puteri tersebut takut kepada sultan Johor atas kelalaian mereka, pengiring tersebut tidak berani pulang ke Johor tetapi terus menjadi pengembala laut.<sup>88</sup> Rentetan daripada itu, ada di antara mereka yang menetap di pulau-pulau terpencil sekitar perairan Borneo seperti yang didakwa hingga ke hari ini.

- **Catatan Najeeb M. Saleeby**

Berdasarkan keterangan Najeeb M. Saleeby, pada kurun ke 14 orang Bajau (*Samal*) dibawa oleh angin taufan ke tanah Sulu dari negeri Johor.<sup>89</sup> Bilangan mereka yang tersesat dan tiba di Kepulauan Sulu sangat ramai sehingga hampir majoriti penduduk di Kepulauan Sulu adalah dari kalangan mereka. Namun demikian, walaupun

<sup>87</sup> Cyrill Aliston, *Threatened Paradise: North Borneo and its People* (London: The Travel Book Club, 1966), 23-24.; Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 7.

<sup>88</sup> Kisah lagenda yang hampir serupa mengenai hipotesis kedatangan orang Bajau ini dari Johor juga didakwa oleh orang Bajau di Selatan Filipina dan di daerah Semporna, Rujuk antaranya James F. Warren, “The North Borneo Chartered Company’s”, 16-22.

<sup>89</sup> Menurut satu riwayat, Shariff Muhammad Kebongsuan dikatakan bertolak dari Johor dengan menaiki beberapa buah kapal layar bersama beberapa pengikutnya .Di tengah laut, mereka dilanda taufan maka kapal-kapal itu berpecah-pecah sehingga menuju haluan berlainan iaitu ke Palembang, Banjar, Kurau, Tempasok, Brunei, Sulu, Tubok dan Malabang. Berdasarkan keterangan tersebut, kemungkinan besar bahawa orang Bajau berasal dari Johor. Sharif Muhammad Kebongsuan Ibn Sharif Ali Zainal Abidin dengan puteri Jusul Ashikin dan mempunyai seorang anak bernama Sharif Muhammad Kebongsuan dan pengikutnya terdiri daripada orang Bajau. Rujuk antaranya Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*, 17-46, dan Forrest Thomas, “A Voyage to New Guinea”, 224-225.

bilangan mereka ramai, tetapi mereka tetap ditakluki oleh orang Suluk iaitu penduduk asal kepulauan tersebut dan perhubungan mereka dengan orang Suluk ibarat antara hamba abdi dengan tuannya. Mereka diseksa dan dijajah seperti rakyat dengan pemerintahnya.<sup>90</sup>

- **Catatan Helen Follet**

Mengikut keterangan Follet, pada masa dahulu, orang Bajau adalah pelaut yang tinggal dalam perahu di daerah dan persisiran pantai Johor. Mereka terdiri daripada nelayan yang hidup dengan aman dan damai serta takut kepada penduduk yang mendiami kawasan darat. Ketua masyarakat Bajau ini mempunyai seorang anak perempuan yang sangat cantik dan diculik oleh penduduk darat namun sempat melepaskan diri dan kembali ke pangkuan keluarganya. Oleh sebab khuatir dengan serangan balas oleh orang darat, maka orang Bajau ini telah meninggalkan kawasan tersebut (persisiran pantai Johor) dan akhirnya tiba di laut Sulu dan telah menetap di sana.<sup>91</sup>

- **Keterangan Orang Bajau Omadal<sup>92</sup>**

Pada masa dahulu, terdapat di negeri Johor seorang sultan yang bernama Sultan Iskandar Alam.<sup>93</sup> Sultan Iskandar ini mempunyai seorang puteri bernama Siti Zairan Kabaran. Puteri tersebut sangat cantik dan telah menjadi rebutan dua adik-beradik yang pada masa sama mencintainya. Dua adik-beradik tersebut bernama Selangaya Bongsu dan Haklum Nujum. Bagi mendapatkan puteri tersebut, Sultan Iskandar telah

<sup>90</sup> Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu* (Manila: Publications of the Filipina Book Guild, 1963), 32-40. Sila lihat hal yang sama dalam Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 7.

<sup>91</sup> “Men of the Sulu Sea” 1945, 129-130 . Dikutip oleh David E. Sopher, *The Sea Nomads, Memoirs of the National Museum*, no. 5 (1965), 141.

<sup>92</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 6.

<sup>93</sup> *Ibid.*, 6.

memerintahkan mereka berlumba ke pulau Angsor iaitu sebuah pulau yang terletak di negeri Johor. Sesiapa dari kalangan mereka memenangi perlumbaan tersebut ganjarannya adalah dikahwinkan dengan puteri tersebut. Semasa di dalam pelayaran, ditakdirkan kapal Selangaya Bongsu patah dan dia kalah dalam perlumbaan tersebut. Kekalahan tersebut menjadikan dia merajuk dan tidak kembali ke Johor tetapi terus belayar ke Filipina. Antara tempat yang disinggahinya Pulau Mindanao dan Zamboanga.

Difahamkan, nama Zamboanga itu berasal daripada perkataan Sembuang, iaitu sejenis pacang yang pada satu ketika dipacakkkan ke laut oleh Selangaya Bongsu untuk menambat perahunya sewaktu ribut. Seterusnya dari Zamboanga, Selangaya Bongsu pergi ke tanah Suluk di bahagian Selatan Filipina dan menetap di Pulau Setaluk yang kemudiannya diubah namanya kepada Pulau Siasi oleh Selangaya Bongsu. Dari sinilah bermulanya keturunan Selangaya Bongsu yang kemudiannya berpindah ke Pulau Omadal dan tempat lain di negeri Sabah yang ketika itu dikenali oleh mereka sebagai tanah *Mengirah*.

- **Keterangan Orang Bajau Kota Belud<sup>94</sup>**

Orang Bajau di daerah Kota Belud mengatakan bahawa asal usul mereka adalah dari Johor. Menurut lagenda, pada masa dahulu terdapat tiga bersaudara yang bernama Datu Amir Bahar, Datu Amirul Mukminin dan seorang lagi yang tidak diketahui namanya tetapi dipercayai menetap di Johor.<sup>95</sup> Mereka mempunyai seorang adik bernama Dayang Bulan yang berkahwin dengan orang Brunei dan dipercayai bahawa keturunan Raja Brunei adalah berasal daripada mereka. Datu Amir Bahar telah pergi

---

<sup>94</sup> Saidatul Nornis Mahali, *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*, 39.

<sup>95</sup> Evans, I.H.N, "Notes on the Bajau and other Coastal Tribes of North Borneo", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 25, no.1 (1952), 50-4.

ke Sulu dan menjadi raja di situ. Sementara itu pula, Datu Amirul Mukminin telah pergi ke bahagian utara Pulau Borneo iaitu di kawasan daerah Kudat.

Difahamkan ceritanya bermula Dayang Bulan memberitahu dua orang abangnya, bahawa beliau ingin bermain-main dengan menggunakan ajong bersama mereka selama seminggu. Mereka membawa sebuah meriam yang masih berpeluru. Selepas belayar selama tujuh hari, mereka telah tidak diterima oleh abang mereka di Johor. Akhirnya mereka belayar semula bersama dengan pengikut mereka sehingga di kawasan daerah Kudat. Selepas beberapa tempoh di dalam pelayaran, Dayang Bulan telah memberitahu keinginannya kepada kedua saudaranya bahawa dia mahu singgah di Pulau Tindakan Dayang (kini dikenali batu Mandi) untuk berhenti rehat. Mereka kemudiannya meneruskan pelayaran sehingga sampai ke satu kawasan yang terdapat banyak batu yang timbul. Dayang Bulan telah menamakan tempat tersebut sebagai ‘Mandi Darah’ (kini dikenali sebagai Kudat) dan mereka membina penempatan di situ.

Selepas itu, dalam tempoh beberapa lama kemudian, seorang pemuda yang difahamkan anak raja Brunei, telah merentasi kawasan tersebut dan anak raja tersebut sekeping atap yang terapung-apung di atas air yang mana terdapat sehelai rambut di atas atap tersebut. Anak raja tersebut menyusuri sungai tersebut dan berjumpa dengan Dayang Bulan serta kedua-dua abangnya. Pemuda Brunei itu telah tinggal bersama mereka lalu berkahwin dengan Dayang Bulan. Datu Amir Bahar kemudiannya telah belayar ke Sulu selepas perkahwinan Dayang Bulan dan dikatakan bahawa Raja Sulu berasal dari keturunan beliau. Sementara itu, Dayang Bulan bersama suaminya telah belayar ke Brunei dan dipercayai keturunan Raja Brunei adalah berasal dari mereka.<sup>96</sup>

---

<sup>96</sup> Saidatul Nornis Mahali, *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*, 39

Datu Amirul Mukminin pula telah berpindah dan belayar ke Kuala Tamburulan dan menetap di sana. Beliau telah membawa turut serta anaknya Datuk Tunggal dari Johor. Beberapa lama kemudian, Datu Amirul Mukminin dan isterinya telah meninggal dunia. Oleh itu, Datu Tunggal telah membuka penempatan di Tamburulan tetapi malangnya isteri beliau telah meninggal dunia akibat disambar buaya.<sup>97</sup>

Akhirnya beliau berhijrah ke Kandis dekat dengan Marangkian (Kampung Rampaian, Kota Belud) dan berkahwin dengan seorang pengikut wanitanya lalu mendapat seorang anak lelaki bernama Datu Awang. Datu Tunggal dan isteri serta Datu Awang dengan isterinya telah meninggal di Kandis dan warisnya, iaitu Datu Ugih telah berkahwin dengan seorang pengikut wanitanya telah menetap di Pintasan dan Kuala Tempasuk dalam daerah Kota Belud.<sup>98</sup>

Sebagai rumusan asal usul Bajau berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, majoriti para sarjana cenderung untuk mengatakan asal usul Bajau adalah dari Johor. Walau bagaimanapun, gelombang penghijrahan yang berbeza telah menyebabkan mereka mendiami beberapa kawasan yang berbeza sehingga bertabur di Sabah, Indonesia dan Filipina. Menurut Sopher, beliau membuat andaian bahawa nenek moyang orang Bajau di Borneo-Filipina berasal daripada Kepulauan Riau Lingga dan sebelum berpindah ke daerah Borneo-Filipina, mereka sememangnya telah sekian lama mendiami perahu.<sup>99</sup>

Alasan yang diberikan Sopher dalam menguatkan teori ini ialah berdasarkan cerita lagenda yang terdapat di kalangan orang Bajau dan beberapa ciri persamaan yang terdapat di kalangan orang Bajau Kepulauan Riau-Lingga dengan orang Bajau

---

<sup>97</sup> *Ibid.*, 40.

<sup>98</sup> Evans, I.H.N, “Notes on the Bajau and other Coastal Tribes of North Borneo”, 50-53.

<sup>99</sup> Sopher , *The Sea Nomads* , .352.

Borneo-Filipina dari sudut sosio-budaya dan fizikal. Sopher juga berpendapat bahawa sesuatu migrasi umum yang melibatkan perpindahan orang Bajau dari Kepulauan Riau-Lingga telah berlaku pada abad ke 14.

Menurut beliau lagi, ada kemungkinan perpindahan masyarakat Bajau itu didorong oleh faktor perdagangan yang pada ketika itu sedang berkembang di Brunei dan Jolo antara orang Cina dengan penduduk tempatan. Konsep adanya permintaan barang seperti hasil laut yang diperlukan oleh peniaga Cina daripada orang Bajau pada ketika itu memungkinkan pendapat ini. Sather menggambarkan situasi tersebut sebagaimana berikut:<sup>100</sup>

*"This event coincides with the rise of Brunei as a very important place in the trade with China...Brunei in the early fifteenth century began to prosper greatly from the benefits of increased commercial activity with China, her business being carried on by newly converted Moslem Malays and Chinese...an important part of China trade carried on at Brunei and Jolo was in the marine products to be derived from the remunerative island environment off the North Borneo Coast and especially in the Sulu archipelago.. Bring in Malays with their vassals the boat people, indispensable for the exploitation of these resources, and the entry of the boat people into the Borneo area, followed almost immediately by the introduction of Islam, is seen in its proper historical context."*

Selain faktor perdagangan, terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan perpindahan orang Bajau dari tempat asal mereka. Ini termasuklah faktor pertambahan penduduk yang menyekat peluang mereka untuk mendapatkan hasil laut yang lumayan dan perselisihan dengan penduduk tempatan yang lain.

Berdasarkan hujah berserta alasan tertentu yang diberikan oleh para sarjana tentang asal usul kedatangan orang Bajau di Sabah, ternyata wujud pelbagai pendapat yang berbeza. Hal ini menyebabkan masyarakat Bajau sampai sekarang

---

<sup>100</sup> C.A. Sather, "Bajau Number & Adjacent of Quantity", *Sabah Society Journal* 2, no. 2 (1965), 352.

tidak mempunyai satu identiti yang jelas berhubung dengan asal usul mereka. Sama ada orang Bajau itu sendiri berasal daripada Johor atau Filipina, ia merupakan satu fakta yang masing-masing ada kemungkinan. Bagi pengkaji sendiri, sifat orang Bajau yang suka berpindah randah menyebabkan masyarakat ini berkemungkinan sahaja berasal daripada mana-mana tempat yang disebutkan di atas.

## **2.3 TABURAN DAN POLA PENEMPATAN ORANG BAJAU DI DUNIA**

Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, orang Bajau merupakan suku kaum yang berselerakan di seluruh dunia. Kenyataan ini turut disokong dan diperkuuhkan dengan kenyataan Nagatsu bahawa orang Bajau berselerak di kawasan Kepulauan Sulu, di bahagian utara, timur dan selatan Borneo, Sulawesi serta di seluruh kepulauan Sulu.<sup>101</sup> Kenyataan ini secara tidak langsung menggambarkan etnik Bajau tidak dinafikan wujud di merata dunia. Untuk membuktikan kenyataan ini, pengkaji akan menganalisis dan merumuskan hasil daripada penyelidikan para pengkaji berhubung kewujudan etnik Bajau di beberapa tempat dalam dan luar negara.

### **2.3.1 Komuniti Bajau di Sabah**

Pada awalnya, sama ada sumber dari barat ataupun tempatan, tidak wujud penerangan yang jelas berkaitan rekod data demografi etnik Bajau di Sabah dalam

---

<sup>101</sup> Nagatsu Kazufumi, “Kai No Min Samajin No Sankei Senryaku” (*Strategi Orang-orang Sama*), *Kokuritsu Miuzoku Hakubutsukan* (*Majalah Kebangsaan Muzium Suku-Suku Kaum*) (Jepun: t.p., 1995), 19-20.

bentuk jumlah populasi.<sup>102</sup> Akibatnya, amat sukar untuk mengenal pasti jumlah sebenar populasi etnik tersebut sebelum Sabah dijajah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Jika wujud pun, ia hanya catatan pertama berkaitan populasi masyarakat Sabah secara umum. Ini kerana, banci penduduk Sabah yang pertama hanya dimulakan oleh SBBUB Pada tahun 1891.<sup>103</sup>

Tetapi dalam kajian ini, penulis tidak akan senaraikan data-data tersebut kerana ia banyak terdapat di dalam kajian-kajian penulis-penulis lain. Oleh itu, penulis hanya melaporkan dan mencatatkan banci terkini masyarakat Sabah. Menurut laporan banci penduduk tahun 2000,<sup>104</sup> bilangan penduduk Bajau bagi negeri Sabah ialah 343, 178 orang daripada jumlah penduduk yang seramai 2,603,485 orang. Statistik ini menunjukkan orang Bajau merupakan kumpulan penduduk bumiputera yang kedua terbesar selepas etnik Kadazan-Dusun yang berjumlah 479, 944 orang. Laporan banci penduduk Bajau Sabah dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah, dan didapati bilangan penduduk Bajau paling ramai berpusat di Semporna kemudian Kota Kinabalu, dan disusuli dengan Kota Belud. Walau bagaimanapun, laporan banci pada tahun 2010,<sup>105</sup> terdapat sedikit perubahan populasi pertambahan penduduk. Ini dapat dilihat di dalam jadual 1 di bawah.

---

<sup>102</sup> Sumber yang terdapat dalam catatan pengembara luar ini hanya berbentuk gambaran budaya etnik peribumi, penempatan atau lokasi mereka di Sabah dan senario sosiopolitik etnik peribumi. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk S.E.Dalrymple, “The Tawaran and Putatan Rivers, North Borneo”, *ISBRAS*, no. 13 (1884), 261-272. D.E. Brown, *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate Brunei* ( Brunei: Brunei Museum, 1970), 115.

<sup>103</sup> Banci penduduk yang dilakukan oleh SBBUB pada tahun 1981 ini dianggap penting dalam mengenal pasti demografi penduduk di Sabah kerana ia digunakan sebagai panduan awal untuk menjalankan banci seterusnya memandangkan pada ketika itu ia tidaklah begitu sistematik seperti banci yang ada sekarang. Melalui banci awal inilah etnik-etnik mendiami Sabah dapat dikenal pasti. Oleh yang demikian, sejak awal banci ini dijalankan, sememangnya rekod menyatakan bahawa etnik Bajau di Sabah memang wujud selain daripada etnik Kadazan-Dusun. Sila lihat L.W Jones, *North Borneo: Census of Population Taken On 10<sup>th</sup> August 1960* ( Kuching: Government Printing Office, 1962), 12-41.

<sup>104</sup> Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 adalah merupakan banci keempat yang dijalankan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1970, 1980, dan 1991. Sila Lihat Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi* (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000), 61.

<sup>105</sup> Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 adalah merupakan banci kelima yang dijalankan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1970, 1980, dan 1991 dan 2000. Sila Lihat Banci

**Jadual 2.1:** Bilangan penduduk Bajau mengikut daerah di Sabah pada tahun 2000 dan 2010

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PENDUDUK BAJAU (2000)</b>	<b>BILANGAN PENDUDUK BAJAU (2010)</b>
Tawau	27,984	30,558
Lahad Datu	31,589	38,807
<b>Semporna</b>	<b>63,008</b>	<b>75,889</b>
Sandakan	37,705	38,897
Kinabatangan	1,228	1,861
Beluran	3,654	4,668
<b>Kota Kinabalu</b>	<b>60,857</b>	<b>72,931</b>
Ranau	765	1,089
<b>Kota Belud</b>	<b>26,054</b>	31,506
Tuaran	25,238	<b>34,637</b>
Penampang	11,810	9,133
Papar	14,274	19,060
Kudat	7,266	17,695
Kota Marudu	8,425	10,139
Pitas	3,391	3,972
Beaufort	1,873	3,346
Kuala Penyu	1,675	1,882
Sipitang	858	942
Tenom	891	1,255
Nabawan	90	295
Keningau	3,903	5,403
Tambunan	226	429
Kunak	10,254	13,123
Tongod	160	826

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara tahun 2000 dan 2010

Mengikut jadual 1, dapat dilihat bahawa mengikut banci tahun 2000, orang Bajau paling ramai berpusat di residensi Tawau iaitu daerah Semporna ( 63,008 orang), kemudian disusuli di residensi pantai barat iaitu daerah Kota Kinabalu (60,857 orang) dan Kota Belud (26,054 orang). Secara tradisinya, setiap sepuluh tahun, sudah tentu bilangan penduduk akan bertambah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas. Sama seperti tahun-tahun sebelum ini, Semporna tetap berada di kedudukan pertama dalam pertambahan penduduk Bajau. Begitu juga dengan daerah Kota Kinabalu. Apa yang berbeza dengan sebelum ini, daerah Tuaran mendahului jumlah penduduk daerah Kota Belud pada tahun 2010.

Penempatan orang Bajau di Sabah boleh ditemui di daerah-daerah Kota Belud, Kudat, Papar, Tuaran dan sebagainya seperti yang tercatat di atas. Uniknya, walaupun orang Bajau bertumpu di kawasan tersebut, tetapi kumpulan-kumpulan etnik ini dikenali dengan nama daerah di mana mereka tinggal seperti Bajau Semporna, Bajau Kota Belud, Bajau Tuaran, Bajau Kinarut dan sebagainya. Secara umumnya, kedua-dua kelompok ini dipisahkan oleh kedudukan geografi yang berbeza. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan variasi dan dialek bahasa Bajau di kalangan mereka.

### **2.3.2 Komuniti Bajau di Kepulauan Sulu**

Seperti mana yang diterangkan sebelum ini, tujuan kedatangan orang Bajau ke Kepulauan Sulu adalah untuk berlindung dari angin monsun dan mereka dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang hendak ke Brunei dan

kumpulan yang hendak ke Mindanao.<sup>106</sup> Di kepulauan Sulu, terdapat beberapa kelompok Bajau yang berbeza yang mana separuh daripada mereka mendiami pinggir pantai dan dikenali sebagai *Samal* sementara selebihnya tinggal di atas perahu dan dikenali sebagai Bajau. Etnik Bajau yang dikenali sebagai *Samal* merupakan kaum Bajau *Balanginggi*.<sup>107</sup> Bajau *Balanginggi* ini mendiami di seluruh persisiran pantai selatan Pulau Basilan dan Pulau *Balanginggi*. Menurut Spillett, mereka adalah pemburu hamba yang sering membawa hamba dan menjualnya ke Sulu untuk dilatih sebagai pekerja kepada kumpulan Bajau Laut untuk mencari teripang (timun laut) dan mutiara.<sup>108</sup>

Nagatsu menjelaskan bahawa orang Bajau di Kepulauan Sulu sebenarnya menjalankan aktiviti nelayan. Selain itu, mereka sebenarnya menjalankan aktiviti perniagaan kecil-kecilan untuk meneruskan hidup dengan menjual timun laut, mutiara, kerang, kulit siput, sotong kering dan sebagainya yang dijual kepada pembeli berbangsa Cina.<sup>109</sup> Namun, sesuai dengan peredaran masa, ekonomi mereka telah dijalankan secara bersistem dengan berusaha membiak atau menternak sejenis tumbuhan laut iaitu agar-agar. Nagatsu juga menegaskan bahawa majoriti dan hampir keseluruhan daripada mereka menganut agama Islam.

Tambahan pula, mereka asalnya tiba di Kepulauan Sulu sebagai pengembala laut dalam jumlah yang ramai dan mendiami pulau-pulau kecil di Kepulauan Sulu

---

<sup>106</sup> Tiga kumpulan etnik di Sulu iaitu kumpulan etnik *Tausug* (Suluk), *Samal* dan Bajau percaya bahawa mereka perlu berhijrah secara berasingan. Arah migrasi bergantung pada kawasan, keadaan politik, sosial dan status ekonomi. Sila rujuk Richard L.Stone, "Intergroup Relation Among the Tausug, Samal and Bajau of Sulu", *Philippine Sociological Review*, bil. X (1962), 110.

<sup>107</sup> Kumpulan *Samal Baginggi* gemar merantau jauh untuk mencari hamba-hamba dan buah-buahan sehingga sampai ke perairan Malaysia, Singapura, Kalimantan, Sulawesi dan utara Filipina. Mereka pernah ditemui secara berasingan di kawasan selatan Riung di Flores Timur dan antara kawasan paling jauh mereka telah mengembara ialah di bahagian timur laut wilayah Australia yang dikenali sebagai *Marege* oleh orang Makasar. Akibat perselisihan orang Bajau *Balanginggi* dengan orang Bugis tentang khidmat yang diberikan oleh Sama Bajo Laut, maka ramai di antara ahli kumpulan sama bajau laut ini telah berhijrah ke Tontoli dan Makasar di Sulawesi.

<sup>108</sup> Spillett, P.G, "A Race Apart"( makalah, Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Masyarakat Bajau, Jakarta, 22-25 November 1993), 3.

<sup>109</sup> Nagatsu Kazufumi, *Kai No Min Samajin No Sankei*, 20.

dan di kawasan selatan Filipina seperti Zamboanga, Basilan, Jolo, Siasi, Tawi-tawi, Sibutu, dan Pulau Sitangkai. Penutur bahasa Bajau di kawasan ini dianggarkan berjumlah 90 000 orang<sup>110</sup> dan mengamalkan cara hidup berasaskan aktiviti perikanan.

### 2.3.3 Komuniti Bajau di Indonesia

Komuniti Bajau di Indonesia mempunyai banyak gelaran antaranya *Moken*, *Bajo* dan *Bajoe*.<sup>111</sup> Mereka tinggal di persisiran pantai dan hidup dalam kumpulan yang kecil di bawah rumpun Melayu-Proto. Komuniti Bajau di Indonesia juga boleh ditemui di kawasan Kepulauan di Selatan Burma, Kepulauan Riau, Timur Sulawesi<sup>112</sup> bahagian timur dan utara Kalimantan, Maluku, barat laut Flores, Sumbawa, pulau-pulau di Nusa Tenggara dan sebagainya.<sup>113</sup>

Uniknya, etnik Bajau di rantau ini mampu menerima pengaruh daripada budaya-budaya suku kaum lain yang berjiran dengan mereka dan bahasa-bahasa mereka telah dipengaruhi oleh bahasa-bahasa yang digunakan oleh etnik-etnik lain sekeliling mereka. Komuniti ini mendakwa dua teori berhubung asal usul mereka. Pertama, mereka mendakwa asal mereka daripada Johor dan kedua dikatakan berasal daripada Ussu di Luwu, iaitu di kawasan Teluk Bone, Maluku.<sup>114</sup>

---

<sup>110</sup> International Encyclopedia of Linguistik (New York: Oxford University Press) 3: 363.

<sup>111</sup> P.W.J Nababan, "Languages of Indonesia in Papers on Southeast Asian Languages", *Anthology Series 5*, (SEAMEO Regional Language Centre, 1979), 273.

<sup>112</sup> Komuniti Bajau yang mendiami bahagian timur Sulawesi merupakan kelompok Bajau *Sangkuang*. Sopher (1977), dalam Collins (1996) memasukan petikan ringkas oleh Valentijn (1724) mengenai laporan yang dibuat pada abad ke 17 tentang orang-orang Bajau yang tinggal di pinggiran barat Maluku dan memasukkan beberapa komuniti Bajau/sama kontemporari yang terdapat di bahagian timur Indonesia. Coolhaas (1926) memberikanuraian ringkas mengenai komuniti Bajau yang tinggal di selat Obit berhampiran pulau Bacan di utara Maluku. Penduduk Bajau yang mendiami pulau Bacan sangat sedikit jumlahnya iaitu dianggarkan sebanyak 50 000 orang.

<sup>113</sup> Pires 1515; Cortesao 1944; Fox 1977; Mattulada 1978; Nimmo 1977.

<sup>114</sup> Spillett, P.G, "A Race Apart", 2.

Orang Bajau di kawasan ini mengenalkan diri mereka sebagai *Baong Sama* yang memberi erti orang Bajau. Seperti etnik Bajau di Sabah, kumpulan etnik ini turut wujud perbezaan identiti di kalangan mereka sendiri. Jika di Sabah, wujud istilah Sama iaitu merujuk kepada etnik Bajau yang tinggal di darat dan Palau' merujuk kepada etnik Bajau yang tinggal di atas air. Bezanya, istilah Bajau laut yang dikenali sebagai Palau' dikenali sebagai *Sama ma dilao*. Di samping itu, terdapat istilah lain yang wujud dalam komuniti ini. *Sama* merujuk kepada orang Bajau dalam kumpulan mereka dan kumpulan lain. Manakala *Bagai* merujuk selain daripada etnik Bajau namun boleh bertutur Bajau dengan begitu baik sekali. Dilaporkan bahawa penutur bahasa Bajau di kawasan ini berjumlah 31 873 orang di bahagian timur Indonesia terutama di pinggir pantai Sulawesi.<sup>115</sup>

#### 2.3.4 Komuniti Bajau di Australia

Mendengar etnik Bajau berada di perairan Australia seolah-olah mustahil. Namun hakikatnya, orang Bajau telah wujud di perairan Australia sejak 160 tahun yang dahulu. Menurut Earl, komuniti Bajau di kawasan ini adalah bertujuan untuk meneruskan kehidupan dan mencari sumber pendapatan. Apabila kawasan barat laut Australia dijajah oleh orang Eropah, mereka mendapati wujud penempatan orang Bajau yang melibatkan diri dalam aktiviti kelautan.<sup>116</sup>

Tambah Earl lagi, beliau telah melihat banyak perahu *Badju* di Pelabuhan Essington. Kumpulan *Badju* ini diandaikan telah keluar dari perairan Sulawesi secara

---

<sup>115</sup> J.A.J Verheijen, “The Sama/ Bajau Language in the Lesser Sunda Islands”” (Pacifics Linguistics, Series C, No. 7 (1986).

<sup>116</sup> G.W Earl, *The Eastern Seas: or Voyages & Adventures in the Indian Archipelago in 1823-1834, Comprising a Tour of The Islands of Java-Visit to Borneo, The Malay Peninsula* (London: W.H Allen, 1824), 4.

beramai-ramai untuk mencari teripang dan kulit kura-kura seterusnya belseyar semula ke barat laut Australia di kawasan Cape Londonderry dan Teluk Admiralty.

Menurut Earl juga, pelabuhan Essington memang menjadi tumpuan utama etnik-etnik tertentu pada ketika itu kerana ia menjadi pusat perniagaan yang begitu terkenal. Bukan sahaja Bajau, etnik-etnik lain seperti orang Sulawesi, Sumbawa, Bajau dari kepulauan Borneo, orang Jawa serta sebilangan kecil kelompok asli dari New Guinea. Asalnya, tujuan orang Bajau di perairan Australia adalah semata-mata ekonomi namun akhirnya mereka menempati kawasan itu sehingga kini.<sup>117</sup> Di samping itu, Nagatsu menjelaskan bahawa nelayan Bajau yang memasuki perairan Australia berani untuk menangkap ikan jerung. Ini membuktikan orang Bajau merupakan nelayan dan pemburu yang mahir di lautan.

Komuniti Bajau di perairan Australia turut dibuktikan oleh pengkaji tempatan. Namun ia bukanlah bermaksud membuktikan etnik Bajau wujud di sana seratus peratus. Ini dijelaskan dan terbukti apabila Wan Hashim Wan The (1990) telah melakukan lawatan ke Australia Barat. Lawatan tersebut telah menemukan sekelompok orang Melayu yang tinggal menetap di sana. Mereka dianggarkan berjumlah 3000 orang. Kawasan yang menjadi tumpuan mereka ialah di Perth (300 keluarga), Port Hedland (200 keluarga), Katanning (120 keluarga), Geraldton (40 keluarga) dan tempat-tempat lain seperti Shay Gap, Kathara, Albury, Broome, Tom

---

<sup>117</sup> Fenomena yang serupa dapat dilihat dalam kes pemindahan paksa seperti yang terjadi di Afrika Selatan, Sri Langka, Betawi, Pulau Kokos-Keeling. Sebagai contoh, pemindahan penutur Melayu yang membentuk masyarakat yang berbahasa Melayu tidak berhenti hanya pada abad ke 17. Masyarakat Melayu Cocos-Keeling wujud sebagai akibat pemindahan pekerja dari Pulau Jawa dari tempat lain ke Pulau Cocos-Keeling. Demikian juga proses pembentukan masyarakat Melayu Sri Langka. Pemberontak dan hamba abdi dipindahkan ke sana ditambah lagi dengan pemindahan bala tentera Nusantara yang berbahasa Melayu. Pada abad ke 17, sekutu Belanda telah mengarahkan tentera-tentera Maluku Tengah untuk ditugaskan berperang di sana dengan Portugis dan kemudiannya dengan orang Sri Langka sendiri. Nanulaitta, Timbulnya Militerisme Ambon: Sebagai Suatu Persoalan Politik-Sosioekonomi (Jakarta: Bhratara, 1966) dipetik dalam Collins, "Sumbangan Dialek Brunei, 488.

Price, dan New Man yang masing-masing berjumlah 100 keluarga.<sup>118</sup> Ini membuktikan apabila wujudnya satu penempatan Melayu di wilayah tersebut, ini adalah rentetan daripada penghijrahan yang berlaku pada masa silam. Justeru, ia kemungkinan turut berlaku kepada komuniti Bajau seperti ia berlaku pada komuniti Melayu di sana.

Earl mengemukakan teorinya bahawa kemungkinan besar orang Bajau mengasimilasikan diri dengan etnik Melayu lain. Justeru, ia akhirnya mampu untuk membentuk satu identiti kelompok Melayu di negara-negara tersebut. Senario ini dapat disamakan dengan penghijrahan paksa yang menimpa kelompok etnik Melayu di Pulau Cocos-Keeling.

Kesimpulannya, etnik Bajau yang wujud di serata dunia mempunyai pelbagai gelaran. Pelbagai panggilan etniknya sudah cukup untuk mencerminkan kerumitan budaya yang mencorakkan kepelbagaian cara hidup mereka. Gelaran-gelaran seperti *Bajau, Badjo, Bajo, Sama, Samal, Sinama, Sama Dilaut, Sama Bajau, Sama Bajo, Badju* dan sebagainya hakikatnya gelaran ini semua merupakan Etnik Bajau. Apa yang membezakan mereka ialah kelompok masyarakat selain lokasi geografi yang dipecahkan tiga oleh sempadan tiga negara-Malaysia, Indonesia, dan Filipina.

## 2.4 SOSIOBUDAYA MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

Untuk memahami budaya orang Bajau Semporna dalam aspek amalan tradisi, kita memerlukan satu gambaran lengkap tentang sistem sosiobudaya orang Bajau. Dari pelbagai segi, sosiobudaya mempengaruhi kehidupan masyarakat Bajau di Semporna. Antara aspek sosiobudaya yang dibincangkan ialah sistem kekerabatan,

---

<sup>118</sup> *Mingguan Malaysia*, 11 Februari 1990.

sistem perkahwinan, sistem kepercayaan dan sistem kepimpinan. Namun, sebelum itu pengkaji akan memberikan latar belakang Semporna memandangkan ia merupakan tempat kajian.

Istilah Semporna berasal daripada perkataan *Simporna* yang bermaksud tempat untuk berehat. Nama *Simporna* ini diberi oleh gabenor Inggeris, iaitu W.M Crocker apabila beliau dan beberapa orang rakannya termasuklah seorang pedagang Cina yang bernama Toonah menemui daerah tersebut pada pertengahan tahun 1887.<sup>119</sup> Daerah Semporna berkeluasan 442 batu persegi atau 111, 412 hektar, iaitu bersamaan dengan 282,880 ekar. Dari segi geografi, daerah Semporna terletak di lokasi yang strategik kerana kedudukannya disempadani oleh dua persempadan perairan antarabangsa iaitu perairan Filipina dan Indonesia.<sup>120</sup>

Dari segi demografi pula, daerah Semporna mempunyai 114,989 orang penduduk. Berdasarkan banci penduduk 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia), majoriti penduduk Semporna terdiri daripada Bajau Laut. Walau bagaimanapun, menurut Harlina Sendera realitinya majoriti daripada populasi Bajau di daerah Semporna terdiri daripada bangsa Bajau Darat berdasarkan analisis tentang ciri-ciri pengklasifikasian yang pernah dikaji.<sup>121</sup> Dari tahun 1970 & 1991, populasi Bajau meningkat sebanyak 23, 841 menjadikan jumlahnya 42,158 tidak termasuk mereka yang bukan warganegara. Ini kerana kebanyakan penduduk di Semporna terdiri daripada rakyat Bajau yang tidak memiliki kad pengenalan kerana sukar untuk berurus dengan Jabatan Pendaftaran negara atau kemungkinan besar tidak ingin memiliki kad pengenalan sebab tinggal di atas perahu (Bajau Laut). Berdasarkan banci penduduk tahun 2000, jumlah etnik Bajau melebihi 80 peratus daripada populasi penduduk Semporna, iaitu kira-kira 90 000 orang termasuk mereka yang

<sup>119</sup> K.P Tabrett, “The Founding of Semporna”, *Sabah Society Journal* 16 (1999), 57-60.

<sup>120</sup> Lihat Profil Daerah Semporna di lampiran.

<sup>121</sup> Harlina Sendera, “Identiti Budaya Etnik Palau”, 6.

bukan warganegara (imigran dari negara serantau seperti Filipina dan Indonesia). Selain etnik Bajau, penduduk Semporna juga terdiri daripada etnik lain seperti Kadazan (0.53%), Murut (0.04%), Melayu (3.10%), Cina (0.91%) dan bumiputera lain (6.29%).<sup>122</sup>

Daerah Semporna ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah dan dibantu oleh beberapa wakil tempatan yang dilantik untuk mengendalikan pentadbiran tempatan.<sup>123</sup> Daerah ini mempunyai 11 mukim dan 117 kampung, iaitu 60 kampung di tanah besar, 33 kampung di Pulau Bum-Bum dan 24 buah kampung di kepulauan.<sup>124</sup>

#### **2.4.1 Sistem Kekerabatan orang Bajau Semporna**

Dalam masyarakat Bajau, kaum kerabat dikenali sebagai *danakan*. Sistem kekerabatan ialah satu sistem yang sangat penting kerana ia berperanan menentukan pola kelakuan sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahu pun sosial. Sistem ini juga mampu mewujudkan kestabilan dan memupuk norma-norma sosial kepada sesuatu etnik. Sistem kekerabatan ini juga memainkan peranan dalam mengatur hubungan antara anggota-anggota masyarakat. Di Semporna, hampir dikatakan setiap kampung mempunyai ikatan kekerabatan dalam institusi kejiranian.<sup>125</sup> Setiap penduduk yang mendiami sesuatu kampung pasti mempunyai pertalian darah

---

<sup>122</sup> *ibid.*, 4.

<sup>123</sup> Rosnah Ismail, *Interaksi Keluarga Bajau* (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2001).

<sup>124</sup> Profil Daerah Semporna

<sup>125</sup> Di kampung pengkaji sendiri, boleh dikatakan semua orang mempunyai pertalian darah antara satu sama lain. Menurut ayah pengkaji sendiri yang bertugas sebagai J.K.K.K Kampung Rancangan Wawasan Semporna, nenek moyang orang Bajau yang mendiami sesuatu kampung pastinya akan berkeluarga antara satu sama lain. Ini kerana, nenek moyang orang Bajau yang pada mulanya mendiami sesuatu kawasan perkampungan di daratan, hanya akan membeli tanah tersebut jika ia mempunyai keluarga di tanah tersebut. Temu bual dijalankan pada 14 September 2012 di Kampung Rancangan Wawasan Semporna Sabah.

ataupun melalui perkahwinan. Bagi masyarakat Bajau, kaum kerabat khususnya yang mempunyai pertalian darah yang rapat dan dekat, mempunyai kedudukan yang sangat penting di dalam kehidupan mereka. Daripada kaum kerabat itu, mereka bukan sahaja mendapat kerjasama, malah mereka juga boleh mengharapkan bantuan dan pertolongan ketika mereka berhadapan dengan kesulitan. Galakan tolong-menolong dan bekerjasama antara kaum kerabat ini dapat dilihat di dalam majlis tertentu seperti majlis bergunting, majlis akikah, majlis tahlil dan sebagainya.

Sehubungan itu, sistem kekerabatan masyarakat Bajau menurut Yap Beng Liang adalah bercorak bilateral<sup>126</sup> atau kognatik.<sup>127</sup> Dalam sistem sedemikian, kaum kerabat pihak bapa dan ibu dianggap sama penting dari sudut autoriti. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui penggunaan istilah-istilah sebutan dan panggilan yang sama bagi kerabat kedua-dua pihak sebelah bapa ataupun ibu. Berkenaan perkara ini, Radcliffe-Brown telah mengatakan:<sup>128</sup>

*“the inclusion of two relatives in the same terminological category implies that there is some significant similarity in the customary behavior due to both of them, or in the social relation in which one stands to each of them, while inversely the placing of two relatives in different categories implies some significant difference in customary behavior or social relation”*

Sehubungan itu, dua jenis kerabat yang sangat dititikberatkan oleh masyarakat Bajau Semporna ialah kaum kerabat sedarah (seibu dan sebapa) dan kaum kerabat yang diperolehi melalui perkahwinan. Kedua-dua kaum kerabat ini

<sup>126</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Bilateral ialah melibatkan dua pihak: sebenarnya masyarakat ini pada asasnya bersifat ~ (menitikberatkan lelaki dan perempuan), Sila rujuk Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 186.

<sup>127</sup> Yap Beng Liang (1993), *Orang Bajau Pulau Omadal.*, 28.

<sup>128</sup> Radcliffe Brown, A.R. & Forde, *African Systems of Kinship and Marriage*, 10<sup>th</sup> Impression (Britain: Oxford University Press, 1970), 5.

sangat penting dan diberi penghormatan yang sama tanpa wujud pilih kasih antara satu sama lain. Selain daripada kedua jenis kerabat ini, turut wujud kaum kerabat angkat yang lazimnya mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama dengan kaum kerabat sedarah dan kaum kerabat melalui perkahwinan.

#### **2.4.2 Sistem Perkahwinan Orang Bajau Semporna**

Setiap etnik di dunia ini mempunyai sistem perkahwinan yang tersendiri. Lazimnya upacara perkahwinan yang dijalankan berbeza antara satu etnik dan etnik yang lain. Dalam masyarakat Bajau, kebanyakannya perkahwinan yang berlaku adalah antara kaum kerabat. Dalam erti kata lain, perkahwinan yang berlaku adalah bersifat *endogami*.<sup>129</sup> Pilihan perkahwinan adalah antara sepupu dan dua pupu. Hal ini mereka amalkan memandangkan melalui perkahwinan sesama mereka, ia membolehkan segala kesusahan dapat dihadapi bersama-sama. Antara sebab lain mengapa perkahwinan orang Bajau Semporna bersifat *endogami* adalah kerana ibu bapa umumnya tidak suka berpisah dengan anak-anak mereka.<sup>130</sup> Oleh yang demikian, apabila menantu dari kalangan keluarga mereka, sudah tentu mereka senang untuk berkunjung dan melawat anak mereka.

Sehubungan itu, perkahwinan dalam kalangan masyarakat Bajau Semporna berlaku pada tahap umur yang masih muda. Puratanya, umur perkahwinan antara anak lelaki dan perempuan dalam lingkungan 17-20 tahun. Bagi kebanyakan ibu bapa, perkahwinan anak adalah satu kebanggaan. Oleh yang demikian, kebiasaannya

---

<sup>129</sup> Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, endogami bermaksud perkahwinan bersama suku. Sila rujuk Noresah Baharom , *Kamus Dewan ed. ke-4*, 393.

<sup>130</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 69 ; Md. Saffie Abd. Rahim , *Bajau Pantai Timur*, 127.

hantaran perkahwinan di kalangan orang Bajau sangat tinggi untuk memastikan majlis perkahwinan anak-anak mereka dijalankan dengan sempurna.<sup>131</sup>

### 2.4.3 Sistem Kepercayaan Orang Bajau Semporna

Umumnya, masyarakat Bajau Semporna beragama Islam. Lantaran itu, amalan ibadat yang mereka lakukan tidak jauh berbeza dengan penganut Muslim yang lain di Malaysia. Namun begitu, orang Bajau tetap berpegang dengan kepercayaan tradisi. Mereka masih mempercayai kuasa jin dan kuasa orang yang berjin. Orang yang berjin ini mendapat tempat yang istimewa bagi mereka kerana kononnya mereka mampu mengubati penyakit yang tidak mampu dirawati oleh pihak hospital.

Di samping itu, orang Bajau turut mempercayai konsep *tulah*. *Tulah* secara umumnya dapat difahami balasan buruk yang diterima seseorang kerana melanggar pantang larang nenek moyang. Antara perbuatan yang boleh menjadikan seseorang terkena tulah apabila seseorang itu tidak menghormati ibu bapa, kaum kerabat, nenek moyang dan sebagainya yang sepatutnya diamalkan sekali sepanjang tahun.

Antara upacara tradisi Bajau yang masih diamalkan hingga ke hari ini ialah upacara *magombbo*'. Difahamkan, kepercayaan ini sebenarnya merupakan satu bentuk kawalan berkesan untuk mengekalkan struktur sosial.<sup>132</sup> Kepercayaan ini hakikatnya menampilkan satu corak pemikiran yang menyelubungi masyarakat Bajau Semporna. Walaupun pada asalnya, tujuannya sangat murni agar orang muda tidak bersifat kurang ajar terhadap orang yang lebih tua, namun terdapat maksud

<sup>131</sup> Hasil temu bual dengan encik Mad Rasidi Haji Muhammad pada 17 Ogos 2012 di Masjid Kampung Damai daerah Semporna. Menurut beliau, hantaran orang Bajau Semporna pada hari ini sangat tinggi. Purata hantaran kahwin di Semporna boleh mencapai RM 10 000 hingga ke RM15 000. Malah ada yang mencapai hingga ke RM 20 000 dan ke atas bergantung pada taraf keluarga dan majlis yang ingin diadakan.

<sup>132</sup> Md. Saffie Abd.Rahim , *Bajau Pantai Timur*, 129.

yang tersirat iaitu boleh menyimpang terhadap agama Islam. Masyarakat Bajau pada hari ini lebih memfokuskan memelihara kestabilan diri sampai sanggup membelakangkan agama tetapi tidak berusaha untuk mencari perubahan.

Di samping itu, orang Bajau juga turut mempercayai amalan tradisi tertentu seperti percaya kepada orang yang berjin, kuasa jin, konsep *tulah* dan sebagainya. Memandangkan kajian ini memfokuskan amalan tradisi Bajau, maka dalam bab selanjutnya akan dihuraikan dengan terperinci berhubung hal ini supaya orang awam mendapat gambaran yang jelas mengenainya.

#### **2.4.4 Sistem Kepimpinan Orang Bajau Semporna**

Dalam masyarakat Bajau, lazimnya setiap kampung wujudnya orang tua yang dikenali sebagai *mattoa*. Mereka ini adalah orang lama dan wajib dihormati dan biasanya menjadi ketua dalam sesuatu urusan seperti menjadi jurucakap dalam sesuatu majlis perkahwinan atau perselisihan yang berlaku. Selain orang tua ini, masyarakat Bajau amat mementingkan kepimpinan dari seorang ketua kampung. Menurut mereka, ketua kampung inilah yang berperanan menyelesaikan konflik yang berlaku antara mereka, berperanan memelihara adat, dan berperanan mengadakan satu mesyuarat jika berlaku atau timbul sesuatu isu.

Kebiasaannya, jawatan ini diperoleh melalui perlantikan oleh Pejabat Daerah Semporna. Pada kebiasaannya, ketua kampung ini dilantik berdasarkan konsep warisan, iaitu hanya mereka yang mempunyai darah keturunan ketua kampung.<sup>133</sup>

---

<sup>133</sup> Hasil temu bual bersama Hj. Marinsah Hj. Abdul Hamid pada 14 September 2012 bertempat di kediaman beliau di Kg. Rancangan Wawasan Semporna. Menurut beliau, perlantikan ketua kampung jarang diadakan secara demokrasi atau suara rakyat penduduk kampung. Ia kebiasaan secara warisan. Namun, penduduk kampung tidak membantah malah menyokongnya kerana kebiasaannya ketua kampung yang dilantik pada masa lalu berasal daripada keluarga yang baik

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu sememangnya dari keturunan ketua kampung, walaupun tidak mempunyai pendidikan, dia secara langsung akan dilantik ke jawatan tersebut.<sup>134</sup> Peranan ketua kampung adalah sebagai orang perantaraan antara orang kampung yang dipimpinnya dengan kerajaan. Ketua kampung tersebut menjadi saluran kerajaan untuk menyampaikan maklumat kepada anak buah yang dipimpinnya dan juga menjadi saluran anak buahnya untuk menyampaikan harapan mereka kepada pemerintah.

## 2.5 SISTEM EKONOMI MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

Etnik Bajau yang merupakan etnik majoriti di Semporna memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi daerah Semporna sejak awal pembukaan Semporna. Penglibatan Bajau dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perikanan, perniagaan, perkhidmatan dan beberapa jenis kegiatan ekonomi yang lain menyebabkan Semporna mengalami ekonomi yang cukup baik sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, kegiatan mereka yang hanya bertumpu dalam sektor pertanian dan perikanan menyebabkan kedua-dua sektor tersebut menjadi sektor ekonomi bagi Semporna sejak zaman SBBUB lagi.

### 2.5.1 Sektor Pertanian

Kegiatan ekonomi yang bersumberkan laut dan daratan merupakan sumber pendapatan dalam kalangan etnik Bajau Semporna. Penglibatan mereka dalam sektor pertanian sebenarnya bermula daripada zaman kesultanan Sulu lagi. Namun, ia hanya

---

dan dipercayai. Lantaran itu, warisnya turut dipercayai untuk menguruskan dan mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan masalah penduduk kampung.

<sup>134</sup> *Ibid.*

mula ketara apabila zaman pemerintahan SBBUB di Sabah. Di samping itu, selepas Sabah mencapai kemerdekaan, mereka masih bergiat dalam bidang pertanian.<sup>135</sup>

Sebenarnya, orang Bajau mula melibatkan diri dalam bidang pertanian kelihatan lebih ketara kerana kerajaan British menggalakkan mereka memohon tanah bagi mengusahakan pertanian. Permohonan tersebut dikemukakan melalui Jabatan Tanah dan Ukur yang ditubuhkan di Semporna sejak tahun 1952 lagi.<sup>136</sup> Walau bagaimanapun, permohonan secara besar-besaran hanya berlaku selepas Sabah mencapai kemerdekaan. Contohnya pada tahun 1963 hanya 96 orang pemohon, sementara pada tahun 1964, permohonan bertambah kepada 103 orang pemohon. Majoritinya, semua permohonan untuk membuka tanah-tanah baharu bagi tujuan pertanian datangnya daripada masyarakat yang menetap di sekitar Bugaya, Sungai tohok, Bukit Sakkung dan kawasan lain sekitarnya.<sup>137</sup>

Jenis tanaman yang diusahakan mereka pula antaranya kelapa,<sup>138</sup> kelapa sawit,<sup>139</sup> koko,<sup>140</sup> ubi kayu,<sup>141</sup> jagung. Tanaman-tanaman ini kebiasaannya ditanam

---

<sup>135</sup> Md. Saffie Abdul Rahim, *Bajau Pantai Timur*, 70.

<sup>136</sup> Jabatan Tanah dan Ukur Daerah Semporna merupakan jabatan yang tertua di daerah ini. Jabatan tersebut ditubuhkan pada tahun 1952 di sebuah bangunan kecil. Pada mulanya, Jabatan Tanah dan Ukur ini bergabung dengan Jabatan Hutan dan mula dipisahkan pada tahun 1960. Pejabat Tanah dan Ukur dipindahkan ke sebuah bangunan yang kini menjadi Pejabat Pentadbiran Telekom Malaysia di Semporna. Fungsi Pejabat Tanah dan Ukur adalah untuk menyukat pemohonan baharu L.A, menyukat topografi sesebuah kawasan, memasang tide gauge record untuk menyukat paras air laut, mencari sempadan lama, iaitu dalam hal yang berkaitan masalah pertikaian sempadan tanah dan sebagainya. Rujuk Arkib Negeri Sabah, "Semporna, Doket 37", 50.

<sup>137</sup> Pejabat Tanah dan Ukur Semporna, *Fail L.A. Register Semporna Year 1955-1966*.

<sup>138</sup> Kesedaran etnik Bajau Semporna menceburkan diri dalam perusahaan penanaman kelapa amat lambat berbanding sektor lain kerana ia bukanlah menjadi tumpuan utama etnik Bajau. Sebelum tahun 1963, hanya 30 peratus etnik Bajau Semporna terlibat dalam mengusahakan tanaman kelapa. Sila lihat data tersebut dalam Jabatan Pertanian Negeri Sabah, *Annual Report of the Department of Agriculture for the 1965*. Lihat juga Jabatan Tanah dan Ukur Semporna, *Fail L.A. Register, Semporna, Year 1955-1966*.

<sup>139</sup> Perusahaan penanaman kelapa sawit di kalangan etnik Bajau Semporna sudah bermula pada tahun 1970 lagi. Namun pada masa itu, tidak ramai yang menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana kebanyakannya bertumpu dalam bidang perikanan dalam mencari rezeki. Maklumat lanjut mengenai sejarah perusahaan kelapa sawit di kalangan etnik Bajau, sila lihat Md. Saffie Abdul Rahim, "Sejarah Semporna: Sistem Pentadbiran dan Pembangunan Ekonomi 1963-1985" (Kertas Kerja Seminar Sabah Setelah 50 Tahun Malaysia Merdeka, Universiti Teknologi Mara, 2007).

<sup>140</sup> Koko diberikan tumpuan oleh etnik Bajau Semporna pada awal tahun 1970-an sebagai salah satu jenis komoditi pertanian. Sehingga tahun 1985, tanaman koko di Semporna mempunyai keluasan 11,723 hektar daripada 172,713 hektar tanaman koko di seluruh negeri Sabah. Sila lihat Jabatan Pertanian Negeri Sabah, *Agriculture Statistics of Sabah 1985-1986*.

secara komersial dengan hanya mengkhususkan ladang tersebut dengan satu jenis tanaman sahaja. Namun demikian, majoriti etnik Bajau Semporna juga memberi tumpuan terhadap tanaman lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan seperti mangga. Hal ini terbukti apabila kebanyakan hasil pertanian yang dijual oleh etnik Bajau ini di pasar ialah sayur-sayuran dan buah-buahan.

### 2.5.2 Sektor Perikanan

Sektor perikanan merupakan sumber pendapatan utama bagi masyarakat Bajau Laut Semporna dan etnik Suluk.<sup>142</sup> Hasil laut yang mereka peroleh bukan sahaja untuk keperluan keluarga, malah ada yang dijual untuk keperluan masyarakat kampung dan dibawa ke pelabuhan Semporna untuk dijual kepada masyarakat yang tinggal di bahagian darat Semporna. Antara aktiviti ekonomi berdasarkan sektor ini adalah memungut hasil laut, menangkap hasil laut, menternak ikan dalam sangkar dan mengusahakan rumpai laut.

Antara hasil laut yang diberi perhatian oleh etnik Bajau Semporna ialah *bat* (teripang atau gamat),<sup>143</sup> *tayum* (bulu babi laut),<sup>144</sup> siput, kerang serta sejenis rumpai

---

<sup>141</sup> Tanaman ubi kayu sebenarnya telah bermula sejak dahulu lagi memandangkan ubi kayu merupakan makanan asasi utama etnik Bajau Semporna. Namun, asalnya ia hanya dijalankan secara pertanian sara diri sahaja. Md.Saffie Abd.Rahim , *Bajau Pantai Timur*, 78.

<sup>142</sup> Mohammad Radzuan Mohd Arif, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000), 96-134.

<sup>143</sup> Kebiasaannya, gamat merupakan hasil laut untuk dijadikan ubat. Ia sangat popular yang dikenali sebagai ubat gamat pada hari ini yang mana Pulau Langkawi merupakan antara pengeksport terbesar gamat di Malaysia. Uniknya, di Semporna, ia turut dimakan. Namun, ia hanya dicampurkan dengan beberapa jenis makanan laut yang lain untuk dijadikan makanan yang dinamakan *bantunan*. *Bantunan* merupakan makanan hasil daripada campuran tayum, bat, kima dan lada tanpa dimasak. Selalunya ia dimakan bersama ubi kayu oleh orang Bajau Semporna.

<sup>144</sup> *Tayum* ialah sejenis makanan yang biasanya dikutip oleh etnik Bajau Palau' di sempurna. Gambaran fizikalnya berwarna hitam dan mempunyai duri yang panjang di sekitar bulatan cangkerangnya. Ia merupakan makanan tradisi orang Bajau Semporna. Uniknya, hanya orang sahaja Bajau berani memakannya kerana gambaran fizikalnya kelihatan sangat berbahaya dan kelihatan tidak boleh dimakan. Sila lihat gambar *tayum* di lampiran.

laut yang dikenali sebagai *lato*.<sup>145</sup> Uniknya, harga-harga yang orang Bajau Laut bekalkan kepada peniaga di kawasan pekan Semporna sangat murah. Ini mungkin disebabkan mereka hanya ingin menampung kehidupan dengan membeli keperluan-keperluan asas yang lain seperti beras, tepung, gula dan sebagainya. Sebagai contoh, udang yang peniaga jual kepada orang ramai di pasar daerah Semporna dalam RM7 sekilogram. Tetapi orang Bajau yang menangkap udang dan menjualnya kepada peniaga hanya RM3 sekilogram.<sup>146</sup>

### 2.5.3 Sektor Kemahiran Pertukangan

Selain bergiat dalam sektor perikanan dan pertanian, etnik Bajau Semporna juga terkenal dengan kemahiran pertukangan. Antaranya pertukangan dalam membuat perahu, parang, rumah dan sebagainya. Walaupun upah dalam melakukan pertukangan ini tidak begitu lumayan di Semporna, namun ia menjadi salah satu sumber ekonomi. Hal ini kerana, faktor penggunaan terhadap kemudahan ini sangatlah diperlukan. Sejak tahun 1960 an lagi, pertukangan merupakan sumber pendapatan dalam kalangan penduduk kampung disebabkan kepakaran bertukang semakin kurang.

Secara umumnya, perahu merupakan salah satu pengangkutan yang sangat penting dalam menjana ekonomi orang Bajau Semporna. Ini kerana ia digunakan untuk mencari rezeki di laut sama ada digunakan sebagai pengangkutan daripada

---

<sup>145</sup> *Lato* merupakan tumbuhan laut yang banyak terdapat di atas pasir. *Lato* berwarna hijau dan keseluruhan rupa fizikalnya mempunyai batang yang lembut. Ia juga merupakan makanan tradisi Bajau Semporna. Kebiasaannya ia diibaratkan memakan sayur-sayuran atau buah pencuci mulut. Menurut *local genius* orang Bajau, makanan ini dikatakan dapat menyembuhkan penyakit cacar. Tetapi sejauh mana kebenarannya, ia belum lagi dipastikan oleh kajian saintifik. Sila lihat gambar *lato* di lampiran.

<sup>146</sup> Hasil temu bual bersama informan orang Palau' yang dikenali sebagai Randah. Temu bual dijalankan di tepi jalan berdekatan pasar ikan Semporna pada 13 Ogos 2012.

pekan Semporna ke pulau-pulau sekitarnya atau digunakan untuk menangkap ikan atau hasil laut. Kalau ditinjau pada tahun 1960-an, harga perahu pada ketika itu mencecah RM300 hingga RM600, manakala pada tahun 1980-an, harga perahu dinaikkan kepada antara rm600-rm800, bergantung pada saiz dan rupa fizikalnya. Perahu yang dibuat ialah lepa, *kumpit* dan *boggo-boggo*.<sup>147</sup> Oleh yang demikian, sudah tentu pada tahun 2012, harga sebuah perahu boleh mencecah RM800 dan ke atas.<sup>148</sup>

Selain daripada pertukangan membuat perahu, kemahiran membuat rumah sangat penting di kalangan penduduk Bajau Semporna. Ini kerana, perusahaan membuat rumah menjadi satu perusahaan yang lumayan. Pada hari ini, kebanyakan rumah di Semporna boleh dikatakan agak mewah dan besar. Ini disebabkan orang Bajau Semporna mula berjinak-jinak dengan perusahaan lain seperti pertanian, kontrak-kontrak tertentu seperti membina bangunan dan sebagainya. Oleh itu, keperluan membina rumah dengan cara besar dan moden menjadi satu ‘trend’ di kalangan penduduk Semporna. Justeru, kemahiran pertukangan dalam membuat rumah sangat diperlukan dan menjadi rebutan di kalangan orang berada untuk mengupah mereka.<sup>149</sup>

Selain itu, sektor pertukangan yang lain yang turut menjana ekonomi orang Bajau Semporna ialah kemahiran membuat parang dan anyaman. Pembuatan parang tradisional memang sudah lama wujud dalam masyarakat Semporna. Sehingga tahun

<sup>147</sup> Boggo’ ialah sejenis perahu kecil yang digunakan untuk menangkap ikan dan juga sebagai alat pengangkutan dari perahu ke perahu yang lain. Ia lazimnya digunakan oleh generasi muda dan hanya mempunyai muatan yang kecil. Sila lihat Ismail Ali , “Boggo Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut di Sabah: Malaysia”, *Jurnal Kajian Malaysia*, Jil. xxv, no. 1 (2007), 61-68.

<sup>148</sup> Hasil Temu bual bersama encik Ranza b. Robin pada 1 Ogos 2012 di Kg. Bugaya Semporna Sabah. Beliau merupakan seorang nelayan secara kecil-kecilan . Menurut beliau, di Kampung Gusung Melanta bahagian Dun Sulabayan, harga sebuah perahu sekarang (tahun 2012) boleh mencecah RM 1500 dan ke atas bergantung pada material sama ada kayu atau pun *fiber*.

<sup>149</sup> Temu bual bersama Omar Hassan Tuksoh pada 9 September 2012 di Kampung Kabogan Semporna. Beliau merupakan usahawan muda yang berjaya dan memiliki sebuah kilang perabot. Majoriti pekerja beliau dari kalangan orang Bajau dan Suluk yang mahir dalam kemahiran pertukangan membuat perabot daripada kayu dan sebagainya.

1970-an, upah untuk membuat parang mencecah RM30 atau lebih untuk sebilah parang bergantung pada rupa dan saiznya. Sehingga tahun 1980-an, harga parang berukir mencecah RM50. Manakala bagi perusahaan anyaman tikar pula, walaupun ia tidak mendatangkan pendapatan lumayan seperti perusahaan pertukangan yang lain, namun ia mampu serba sedikit menarik minat pelancong asing dalam membeli tikar tersebut. Ini kerana, tikar yang dihasilkan sangat unik dan tradisional.

## 2.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, orang Bajau boleh didapati di serata dunia sama seperti yang dinyatakan sebelum ini antaranya sekitar Asia Tenggara- dari Teluk Martaban di Burma hingga ke Indonesia, Australia, Malaysia dan Filipina. Di Malaysia, orang Bajau paling ramai bertumpu di Sabah terutamanya di pantai timur seperti Semporna dan pantai barat seperti Kota Belud. Walaupun pada asalnya orang Bajau pernah dianggap oleh sarjana barat sebagai pengembara laut gipsi laut, panglima di laut dan sebagainya, namun pada hari ini apa yang menariknya perubahan corak hidup etnik Bajau ini telah berubah dan majoriti daripada mereka sekarang menjadi penghuni daratan.

Seterusnya, banyak sarjana memberi tafsiran yang kurang tepat tentang identiti etnik Bajau pantai timur khususnya etnik Bajau di daerah Semporna. Akibatnya, timbul kekeliruan di kalangan orang awam tentang identiti etnik Bajau pantai timur itu sendiri. Orang Bajau di pantai timur khususnya Semporna sering dikaitkan dengan etnik Bajau Laut. Sedangkan hakikatnya orang Bajau di Semporna terbahagi kepada dua iaitu etnik Bajau Darat dan etnik Bajau Laut seperti mana yang dijelaskan sebelum ini.

Berhubung dengan asal usul Bajau pula, boleh disimpulkan hingga ke hari ini tidak ada satu pendapat yang konkret untuk dijadikan hujah sebenar asal usul kedatangan mereka. Setiap teori mempunyai hujah tersendiri yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Apa pun justifikasinya, titik persamaan di antara teori-teori tersebut ialah orang Bajau hakikatnya adalah salah satu daripada warganegara Malaysia dan diiktiraf kerana kehadiran mereka di tanah Melayu telah wujud sejak sekian lama.

## BAB 3 - AMALAN TRADISI MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

### 3.0 PENGENALAN

Majoritinya, orang Bajau yang berada di daerah Semporna Sabah menganut agama Islam. Pengaruh agama Islam ini pula banyak mendominasi kehidupan masyarakat Bajau dalam semua aspek. Sebagai penganut agama Islam, sudah tentu orang Bajau Semporna juga turut melakukan kewajipan rukun Islam seperti mana yang difardhukan ke atas semua individu Muslim. Walau bagaimanapun, di samping berpegang teguh kepada ajaran Islam, pada masa yang sama orang Bajau turut berpegang teguh kepada kepercayaan tradisi yang diwarisi melalui proses sosial atau pembelajaran.<sup>150</sup>Dalam erti kata lain, kepercayaan ini terus diamalkan dan berkembang melalui medium tradisi lisan. Kepercayaan tradisi ini sebenarnya rentetan daripada kosmologi Bajau yang berasaskan syamanistik dan animistik, namun perkembangan selanjutnya memperlihatkan pengaruh Hindu dan Buddha yang mula mewarnai alam Bajau kemudian datang Islam sebagai pengaruh yang dominan. Kepercayaan tradisi ini meliputi pelbagai aspek kehidupan bermula dari proses kehamilan-kelahiran, perkahwinan sehingga kematian.

Sebelum pengkaji menghuraikan dan menjelaskan beberapa amalan tradisi Bajau Semporna yang diamalkan sehingga ke hari ini, pengkaji cuba menghuraikan kosmologi Bajau dan pandang dunia (*world-view*) yang melingkari kehidupan serta budaya etnik Bajau di negara ini umumnya dan di Semporna khususnya. Seterusnya,


---

<sup>150</sup> Hakikatnya, budaya tidak diperturunkan sebagai warisan tanpa disokong proses pembelajaran yang penting untuk mengukuhkan kefahaman generasi pendukung. Sehubungan itu, masyarakat Bajau tidak akan mewariskan sebarang budaya mereka kepada generasi seterusnya tanpa disusuli dengan penjelasan berkaitan yang bertujuan membantu melestarikan budaya tingkah laku etnik mereka.

pengkaji cuba memberikan latar belakang kebudayaan Bajau memandangkan amalan tradisi Bajau termasuk dalam kebudayaan Bajau.

### 3.1 KOSMOLOGI BAJAU<sup>151</sup>

**Rajah 1:** Kosmologi Bajau



**Sumber:** Saidatul Nornis Mahali dalam *Bajau Pantai Barat*

Aspek kosmologi Bajau boleh dikesan dalam banyak perkara. Berdasarkan gambaran kosmologi Bajau pada rajah 1, jelas dapat digambarkan bahawa masyarakat ini mempunyai kepercayaan seperti mana yang terdapat pada etnik-etnik lain di serata dunia. Berdasarkan gambaran tersebut, terdapat empat tingkatan atau level tertentu yang membabitkan norma serta *world-view* yang menjadi pegangan dan dukungan seumur hidup yang melingkari kehidupan mereka. Tingkatan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut;

---

<sup>151</sup> Saidatul Nornis Mahali, *Bajau Pantai Barat*, 191-196.

- i. **Tingkat Bumi** : Iaitu sebagai tempat tinggal masyarakat Bajau
- ii. **Tingkat Langit**: Iaitu sebagai ruang pengantara yang dipercayai kononnya turut dihuni oleh makhluk ghaib seperti hantu.
- iii. **Tingkat Roh**: Iaitu sebagai ruang yang dipercayai dihuni oleh dua jenis roh iaitu *embo'-embo* (roh baik), dan *meron* (roh jahat)
- iv. **Tingkat Latallah**: Iaitu tingkat tertinggi yang melambangkan kedudukan Allah SWT.

Berdasarkan gambar rajah di atas, paparan pandang dunia (*world-view*) masyarakat Bajau ini hanya dikesan atau diketahui menerusi perlakuan budaya yang menjadi amalan mereka setiap hari. Menurut masyarakat Bajau, tingkatan yang paling utama dalam kehidupan mereka ialah tingkat *latallah* (semata-mata kerana Allah). Dalam erti kata lain, segala tindak-tanduk mereka akan berpaksikan kepada agama Islam. Dalam pada itu, mereka percaya selepas segala ikhtiar dilakukan untuk apa juar sebarang tujuan, mereka akhirnya perlu menyerahkan segala-galanya kepada kuasa tertinggi, iaitu *latallah*. Ia merujuk kepada Allah SWT cuma, ia disebutkan dengan cara sebutan Bajau.<sup>152</sup>

Dalam tingkat roh pula, iaitu tingkatan kedua, masyarakat Bajau mempercayai kewujudan roh baik yang dikenali sebagai *embo-embo* dan roh jahat yang dikenali sebagai *meron*.<sup>153</sup> Mereka percaya, roh jahat akan sentiasa berusaha mengganggu kehidupan mereka Manakala roh baik (*embo-embo*) atau sebenarnya generasi Bajau yang lama meninggal dunia digambarkan sebagai roh yang

---

<sup>152</sup> *Ibid.*, 192.

<sup>153</sup> Istilah *meron* ini hanya diguna pakai oleh masyarakat Bajau pantai barat Sabah. Bagi masyarakat Bajau pantai timur, hanya satu istilah sahaja iaitu *ombo* yang merujuk kepada roh nenek moyang sama ada baik atau jahat. Temu bual dengan Hj. Marinsah b. Hj. Abdul Hamid di Kampung Rancangan Wawasan pada 14 September 2012.

memerhati segala tindak-tanduk generasi muda.<sup>154</sup> Jika generasi tersebut tidak berkelakuan baik seperti yang melanggar sesetengah pantang larang, difahamkan maka roh tersebut akan menegur mangsa dalam bentuk penyakit atau sebagainya. Fenomena yang dikenali sebagai ‘keteguran’ ini sering menjadi ketakutan kepada masyarakat Bajau.<sup>155</sup>

Sementara itu, pada tingkatan ketiga, iaitu tingkat langit, masyarakat Bajau sangat percaya ia dihuni oleh makhluk ghaib seperti hantu, roh dan sebagainya. Ini terbukti seperti dalam hal yang berhubung kematian. Menurut masyarakat Bajau, roh si mati yang telah meninggal dunia akan kekal dan hampir dengan keluarganya sepanjang tujuh hari selepas kematianya. Dalam tempoh tersebut, dipercayai roh si mati akan berada pada tingkat langit dan dipercayai akan kekal di situ sehingga hari ke-100. Oleh yang demikian, ahli waris atau keluarga si mati hendaklah mengadakan kenduri arwah untuk si mati kerana pada ketika ini dikatakan roh si mati masih berlegar-legar dan memerhatikan tingkah laku keluarganya.<sup>156</sup> Jika kenduri arwah

---

<sup>154</sup> Kepercayaan kepada roh ini bukan hanya tertakluk kepada masyarakat Bajau yang berada di Malaysia sahaja, namun ia turut dipercayai oleh masyarakat Bajau yang mendiami perairan Indonesia. Apa yang membezakan, roh-roh ini mereka istilahkan sebagai *pangroak kampoh*. Mereka percaya bahawa di antara roh-roh tersebut, terdapat roh yang baik dan roh yang jahat. Sila lihat Soesangobeng, “Perkampungan Bajo di Bajo-E, Satu Rintisan Studi Tentang Bajo dan Konsep Pemukimannya di Teluk Bone dan Sekitarnya”( Laporan Penelitian Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial, Ujung Pandang , 1977) , 68.

<sup>155</sup> Dalam masyarakat Bajau, isu ‘keteguran’ ini lazimnya berlaku ketika peristiwa menziarahi kubur. Jika seseorang individu itu menghidapi sesuatu penyakit seperti demam, kudis dan sebagainya, selepas pulang daripada tempat perkuburan, mereka percaya itu adalah fenomena keteguran daripada roh orang yang telah meninggal dunia. Keteguran dalam hal ini mungkin disebabkan tidak menjaga adab ketika menziarahi kubur.

<sup>156</sup> Dalam masyarakat Bajau Semporna, selepas sahaja mayat dikebumikan, pada setiap malam selepas isyak bermula hari pertama hingga hari ketujuh akan diadakan majlis mengaji oleh keluarga arwah bersama-sama tetamu yang lain. Majlis akan dimulai dengan bacaan tahlil dan doa. Biasanya malam ketujuh merupakan malam yang penting dalam masyarakat Bajau malah pada malam itu tetamu akan lebih ramai berbanding malam-malam sebelumnya. Selepas kenduri hari ketujuh, masyarakat Bajau Semporna akan terus mengadakan kenduri untuk memperingati tarikh kematian si mati. Kenduri tersebut akan diadakan pada hari ke-20 (*bahangi dua mpu*’), hari ke-40 (*bahangi empat mpu*’) dan hari ke-100 (*bahangi dahatus*).

tidak dilakukan, kononnya, roh si mati akan datang menerusi mimpi kepada salah seorang ahli keluarganya untuk menegur perkara tersebut.<sup>157</sup>

Seterusnya pada tingkat terakhir pula iaitu tingkat bumi, etnik Bajau dikehendaki supaya hidup secara harmoni sesama mereka. Ini kerana mereka percaya hubungan yang baik sesama manusia akan menjamin rohnya selepas mati kelak. Jika semasa hayat seseorang itu baik ketika di dunia, maka rohnya selepas mati akan baik dan begitu juga sebaliknya. Jika sebelum ini, terdapat dakwaan bahawa etnik Bajau merupakan sebuah etnik yang kasar, perompak dan sebagainya, tanggapan tersebut perlu dibetulkan dan dimurnikan agar persepsi masyarakat luar kepada etnik ini tidak negatif. Ini kerana, hakikatnya masyarakat Bajau yang terdapat di seluruh dunia tidak mempunyai sifat sedemikian.

Gambaran kosmologi Bajau ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Dr. Hanafi Husin.<sup>158</sup> Menurut beliau, *world-view* orang Bajau khususnya Bajau Kubang (salah satu etnik Bajau di Semporna) walaupun sudah beragama Islam, namun masih dipengaruhi dengan ajaran pra Islam. Ini terbukti seperti dalam kenyataan beliau:<sup>159</sup>

*“God is recognized as Tuhan (a Malay term) or Allah (the Islamic god). However, Omboh (ancestor), which is a Sama or Tausug term, may also be called as arwah (a Malay term for departed soul). Ruwata (spirits of the sky) and Jin (spirits in the guise of smoke) and syaitan (a derivative of Islamic Satan in the Malay language) are malevolent or benevolent powers from the spiritual world. Many of their religious ritual practices are syncretism of traditional and Islamic beliefs and ceremonies.”*

---

<sup>157</sup> Saidatul Nornis, *Bajau Pantai Barat*, 195-195.

<sup>158</sup> Lihat Hanaffi Hussin, “Magpaii-Bahau: Reunion Between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia”, dalam *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*, ed. Hanafi Hussin (Kuala Lumpur: University of Malaya, Institute of Ocean and Earth Sciences), 25.

<sup>159</sup> *Ibid.*, 25.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa world-view dan kosmologi Bajau adalah dua perkara yang saling berkait rapat. Kedua-duanya memberi impak yang sangat besar kepada etnik Bajau itu sendiri. Oleh yang demikian, etnik Bajau sering berusaha bersungguh-sungguh untuk memelihara rantaian tersebut supaya tidak terganggu, pecah atau putus. Atas dasar itu, maka setiap amalan tingkah laku mereka dijaga dan dipelihara dari generasi ke generasi untuk memastikan setiap kelakuan mereka di dunia dan akhirat sentiasa baik dan harmoni.

### **3.2 LATAR BELAKANG KEBUDAYAAN BAJAU**

Kebudayaan Bajau bermula dari zaman kepercayaan awal yang berbentuk animisme dan tauhid, diikuti era estetika Hindu-Buddha, kemudiannya penerimaan Islam dan pencerobohan kuasa Barat. Kebudayaan sesuatu kumpulan manusia itu tidak wujud dengan sewenang-wenangnya sahaja. Ianya adalah hasil pengalaman kumpulan itu melalui sejarahnya sendiri.<sup>160</sup> Hal yang sama turut berlaku kepada masyarakat Bajau.

Jika diperhatikan, sejarah kebudayaan Bajau mempunyai banyak persamaan dengan sejarah kebudayaan orang Melayu. Ini disebabkan kedudukan geografi negeri Sabah yang terletak berhampiran dengan Tanah Melayu. Persamaan latar belakang kebudayaan ini juga disokong oleh pengaruh peradaban India yang telah meluas dan berkembang secara dominan dari kurun 1M hingga kurun 15M di daerah-daerah Nusantara.<sup>161</sup> Justeru, awal penerimaan agama atau asal kebudayaan kedua-dua kaum ini banyak persamaan yang ketara. Ini dapat dilihat di dalam adat resam tertentu

---

<sup>160</sup> A. Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* (Kuala Lumpur : Kementerian Belia dan Sukan, 1975), 1.

<sup>161</sup> Mohd Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka 1988), 40.

bermula dari proses kehamilan, perkahwinan sehingga proses kematian.<sup>162</sup> Selain itu, masyarakat Bajau juga dikelompokkan dalam rumpun Melayu, sekali gus memungkinkan keterikatan terhadap persamaan tersebut.<sup>163</sup>

Pada asalnya, masyarakat Bajau sama seperti masyarakat primitif<sup>164</sup> yang lain iaitu mempercayai dan menganut animisme.<sup>165</sup> Teori animisme ini diperkenalkan oleh ahli antropologi Edward Burnett Tylor. Ia berasal dari perkataan Latin *anima*. Istilah animisme bererti kepercayaan kepada makhluk halus (*spiritual beings*).<sup>166</sup> Ia juga bermaksud satu kepercayaan kepada semangat dan benda ghaib<sup>167</sup> yang mana setiap benda mempunyai jiwa atau roh yang memiliki keperibadian tersendiri. Ringkasnya, ia disebut sebagai serba jiwa sahaja.<sup>168</sup>

---

<sup>162</sup> Boleh dikatakan, kitaran hidup (*life cycle*) masyarakat Melayu dan masyarakat Bajau mempunyai banyak persamaan. Ini dapat dilihat di dalam sistem sosial khususnya dalam adat istiadat seperti adat-adat perkahwinan dan kematian, kesenian seperti majlis keramaian, kepercayaan dan falsafah seperti kepercayaan kepada roh, dukun atau bomoh dalam pengubatan dan sebagainya.

<sup>163</sup> Saidatul Nornis, *Bajau Pantai Barat*, 87.

<sup>164</sup> Berasaskan skema evolusi beragama, aliran ini berpegang bahawa manusia primitif menganut *animisme*, meningkat kepada *politheisme* (fasa berbilang tuhan), kemudian *henotheisme* (fasa seleksi) dan berakhir dengan *monotheisme* (fasa keesaan). Lihat Abbas Mahmud al-Aqqad, *Ketuhanan Sepanjang Ajaran Agama-agama dan Pemikiran Manusia*, terj. A. Hanafi (Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1970), 20. Bertentangan dengan teori persejarahan Islam, manusia pertama (Adam) menganut fahaman tauhid (*monotheisme*) dan kemudiannya berlaku penyelewengan hingga menimbulkan *politheisme*. Lihat juga karangan freelance monotheist Karen Armstrong, *A History of God : The 4000 Year Quest of Judaism, Christianity and Islam* (New York : Ballantine Books, 1993).

<sup>165</sup> Richard Olof Winstedt, *The Malay Magician : Being Shaman, Saiva and Sufi*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1933), 14; R.J. Wilkinson, *Malay Beliefs* (London : Luzac & Co, 1906) ; Frank Athelstane Swettenham, *Malay Sketches* (London : John Lane, 1895) ; Walter William Skeat, *Malay Magic : An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula* (London : MacMillan, 1900) ; K.M. Endicott, *An Analysis of Malay Magic*, ed. ke-3 (Singapore : Oxford University Press, 1991) ; Richard James Wilkinson, ed., *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971), 17.

<sup>166</sup> Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 28.

<sup>167</sup> Nik Safiah Abdul Karim et al., *Kajian Kebudayaan Melayu* (Kota Bharu : Pustaka Dian, 1963), 39.

<sup>168</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara : Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 1.

Selain animisme terdapat teori lain, iaitu dinamisme<sup>169</sup> yang dikemukakan oleh Alfred Bertholet. Sama seperti teori animisme, teori dinamisme juga menekankan kepercayaan terhadap jiwa yang terdapat di mana-mana tetapi ia mempunyai tenaga dan kekuatan yang dapat membawa kesan sama ada baik atau buruk. Ringkasnya ia disebut sebagai serba tenaga.<sup>170</sup> Teori dinamisme menjadi pelengkap kepada teori animisme iaitu teori tentang kewujudan jiwa yang adanya kuasa tertentu sama ada baik ataupun buruk.<sup>171</sup>

Dalam menanggapi kedua-dua teori tersebut, konsep animisme dapat diterjemahkan dengan konsep mempercayai nyawa ataupun roh yang berhubung kait dengan makhluk hidup,<sup>172</sup> sedangkan teori dinamisme boleh dilihat dalam semangat<sup>173</sup> berkaitan dengan benda atau makhluk yang tidak hidup. Menurut Hamka, walaupun belum mempunyai agama khusus, dalam jiwa masyarakat sudah ada persediaan untuk menerima agama. Terdapat dua perkara yang menyebabkan tumbuhnya kepercayaan itu, iaitu alam sekeliling serta soal hidup dan mati.<sup>174</sup>

Justeru, corak penyembahan dan pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat yang mengamalkan animisme bergantung kepada suasana tempat tinggal dan pekerjaan mereka. Masyarakat Bajau yang terlibat dengan aktiviti pertanian akan

---

<sup>169</sup> Teori ini pada asalnya dikemukakan oleh R.R. Marett dengan nama pra-animisme atau animatism sebagai menolak teori animisme oleh Tylor. Menurut beliau, animisme bukanlah bentuk kepercayaan pertama sebaliknya ada pra-animisme atau animatism. Bagaimanapun Alfred Bertholet menggantikan istilah tersebut dengan dinamisme tanpa mengubah konsepnya yang asal. Lihat Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications, 2000), 29.

<sup>170</sup> Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam* (Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti, 1985) , 2.

<sup>171</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Tauhid Melayu* (Petaling Jaya : Access Infotech, 1995), 16.

<sup>172</sup> William McDougall, *Body and Mind : A History and Defense of Animism*, ed. ke-7 (London : Methuen & Co., 1928), 2.

<sup>173</sup> Tenaga ghaib yang tidak berperibadi. Ia disebut mana dalam bahasa Polinesia-Melanesia

<sup>174</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Sejarah Umat Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1977), 411.

memuja semangat tanaman tersebut seperti semangat padi,<sup>175</sup> manakala yang terlibat dengan aktiviti perikanan akan melakukan pemujaan pantai untuk keselamatan dan mendapat rezeki yang banyak.<sup>176</sup> Kemudiannya pengaruh animisme ini berkembang dan mencetuskan kepercayaan dan pemujaan terhadap roh nenek moyang (*ancestor worship*).<sup>177</sup>

Kesimpulannya, dalam mengenal pasti latar belakang kebudayaan Bajau, sebenarnya ia banyak persamaan dengan masyarakat Melayu. Ini disebabkan faktor geografi yang menunjukkan orang Bajau berada di kepulauan Melayu yang mana pada asalnya menganut agama animisme dan pengaruh daripada Hindu-Buddha. Namun demikian, walaupun terdapat banyak persamaan baik dengan masyarakat Melayu, India atau kaum lain berhubung latar belakang kebudayaan Bajau, namun dari segi amalan tradisi dan budaya, masyarakat Bajau mempunyai beberapa adat yang eksklusif dan tersendiri.

---

<sup>175</sup> Sebagaimana yang dimaklumi, masyarakat Bajau di Sabah terbahagi kepada dua iaitu Bajau pantai barat dan Bajau pantai timur. Masyarakat Bajau di pantai barat kebanyakannya daripada mereka bekerja sebagai petani memandangkan kawasan geografi mereka yang berada di kawasan pertanian. Dalam masyarakat Bajau pantai barat, mereka turut mempercayai semangat padi. Rentetan daripada itu, sebelum padi dituai, petani Bajau akan mengadakan upacara ‘menangas’ atau memuja semangat padi dengan pepatah “yang muda cepat tua, yang pergi cepat balik”. Sila lihat Siti Zainol Ismail, *Getaran, Jalur dan Warna* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), 39.

<sup>176</sup> Sebenarnya, masyarakat Bajau mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Melayu dalam asal usul kebudayaan. Jika masyarakat Melayu bekerja sebagai petani dan mempunyai kepercayaan kepada semangat padi, malah hal yang sama turut berlaku kepada Bajau. Namun, hanya Bajau pantai Barat Sabah yang bekerja sebagai petani. Bagi masyarakat Bajau pantai timur Sabah, mereka bekerja sebagai nelayan. Justeru, pemujaan dan kepercayaan mereka bertumpu kepada apa-apa yang berkaitan laut. Amat Juhari Moain, *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 9.

<sup>177</sup> Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 97-98.

### **3.3 FENOMENA SINKRETISME-ISLAM DALAM AMALAN MASYARAKAT BAJAU**

Secara literal, *sinkretisme* di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *syncretism* yang berasal daripada perkataan Greek *synkretizien* yang bermaksud merangkaikan, menggabungkan dan menyatukan.<sup>178</sup> Istilah *sinkretisme* berasal daripada perkataan *sugretismos* atau *sugkretos* yang bermaksud bercampur bersama. Istilah ini juga diguna pakai dalam bahasa Perancis (*syncretisme*), bahasa Jerman (*synkretismus*), dan bahasa Itali (*sinkretismo*).<sup>179</sup> Keseluruhan istilah ini memberi maksud suatu percubaan untuk memilih dan menggabungkan pelbagai elemen daripada beberapa sistem berfalsafah tanpa menumpukan perhatian kepada aspek dalaman sesuatu sistem yang dipilih.<sup>180</sup> Dengan meminjam kata-kata Robert Jay, Mohd Pozi Masurori yang mengungkapkan sinkretisme sebagai suatu bangunan atau lukisan mozek yang setelah diatur rapi dan disusun sesuai dengan kondisi bangunan di sekelilingnya yang menjadikan lukisan itu menarik.<sup>181</sup> Ungkapan ini memberi tanggapan umum bahawa sinkretisme mengandungi elemen yang menjadikan sesuatu perkara lebih bervariasi dan menarik sama ada untuk ditatap, diikuti atau dianuti.

Konotasi ini biasa digunakan bagi menjelaskan fenomena penyatuan agama-agama, budaya-budaya dan falsafah-falsafah pemikiran yang berbeza.<sup>182</sup> Ini kerana, konsep *sinkretisme* lazimnya digunakan dalam bidang falsafah dan agama. Selain

---

<sup>178</sup> William L. Reese, *Dictionary of Philosophy and Religion* (New Jersay: Humaanities Press Inc, 1980), 564.

<sup>179</sup> James Mark Baldwin, ed., *Encyclopedia of Philosophy and Pyschology* (New Delhi: Cosmo Publications, 1986), 4: 655.

<sup>180</sup> *Ibid.*, 655.

<sup>181</sup> Mohd Pozi Hj. Masurori, “Sinkretisme Antara Mitos, Hindu dan Jawa dalam Hikayat Hang Tuah” (Makalah, Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing dari 20-24 Mei, 1996), 1.

<sup>182</sup> Catherine Soaners, ed., *Oxford Dictionary, Thesaurus and Wordpower Guide* (New York: Oxford University Press, 2001), 1311.

falsafah, sinkretisme juga meliputi aspek-aspek lain seperti penyatuan budaya, kepercayaan dan keagamaan. Dalam hal ini, *sinkretisme* didefinisikan sebagai campur aduk pelbagai idea dan praktik keagamaan di mana salah satu daripada agama tersebut menerima dengan sepenuhnya sedikit sebanyak prinsip-prinsip agama yang lain.<sup>183</sup> Ia turut merangkumi aspek penyatuan kepercayaan yang diimani oleh penganut sesuatu agama dengan kepercayaan agama yang lain.

Dalam erti kata lain, *sinkretisme* dalam bidang agama dapat difahami sebagai percampuran yang terhasil daripada penyerapan unsur budaya luar yang tidak selari dengan asas ajaran sesuatu agama.<sup>184</sup> Pada asalnya, konsep ini digunakan pada pertama kali sebagai usaha untuk menyatukan agama Kristian yang pelbagai aliran (bentuk). Pada hari ini, konsep tersebut kebiasaannya merujuk kepada penyatuan sistem kepercayaan dan agama tempatan dengan institusi dan agama Kristian di negara-negara yang pernah dijajah. Penyatuan kepercayaan setempat dengan agama Kristian dapat turut dilihat dalam amalan penyembuhan penyakit secara spiritual.<sup>185</sup>

Namun demikian, istilah ini tidak hanya tertakluk kepada agama Kristian sahaja. Fenomena ini dapat turut dilihat dalam amalan agama lain seperti agama Islam khususnya bagi masyarakat Melayu. Antara amalan yang dapat dikesan menggunakan fenomena *sinkretisme* ialah penggunaan jampi serapah yang diselitkan dengan nama Nabi, Allah dan ayat-ayat al-Qur'an.<sup>186</sup> Fenomena *sinkretisme* agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami sesuatu ajaran yang dipercayai oleh seseorang individu Muslim. Apa yang lebih dikhuatiri ialah ia boleh menimbulkan gejala penyongsangan akidah dan iman seseorang individu

---

<sup>183</sup> James Hasting ed., *Encylopedia of Religion and Ethnics* (Edinburgh: T. & Clark, 1921), 156.

<sup>184</sup> A.L. Belford, *The Encyclopedia Americana International Edition* (Connecticut: Grolier Incorporated, 1996), 26;180.

<sup>185</sup> Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 130.

<sup>186</sup> *Ibid.*, 130.

Muslim. Ini terbukti melalui catatan sejarah yang dicatatkan oleh Carsten Colpe yang mendakwa seorang pemerintah Dinasti Mughal di India telah mencampur adukkan ajaran agama Islam dengan Hindu dan *Zoroastrianisme*.<sup>187</sup> Akibatnya, muncul agama baru yang dinamakan agama ‘Din Ilahi’. Begitu juga dengan bukti kelahiran agama Sikh yang terhasil daripada *sinkretisme* antara unsur *nirguna* (iaitu menganggap tuhan tanpa rupa dan bentuk) dalam tradisi agama Hindu dengan konsep beriman kepada tuhan yang satu dalam kepercayaan yang disematkan dalam ajaran Islam.<sup>188</sup> Justeru, fenomena *sinkretisme* tidak dapat dinafikan boleh menjaskan pegangan akidah yang asal dan boleh membawa kepada pembentukan agama yang baru.

Hal yang sama turut berlaku kepada masyarakat Bajau. Namun dalam konteks kajian ini, fenomena *sinkretisme* tidak sampai ke tahap lahirnya pegangan baru yang dipercayai orang Bajau. Ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup cuma dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau.

Sementara itu, *sinkretisme-Islam* ini pula terbahagi kepada dua keadaan iaitu *sinkretisme positif* dan *sinkretisme negatif*.<sup>189</sup> Berhubung dengan masyarakat Bajau, bagi pengkaji sendiri, *sinkretisme-Islam* yang timbul melahirkan unsur positif dalam sesetengah keadaan dan unsur negatif dalam sesetengah keadaan lagi. Namun begitu, dalam amalan tradisi yang diamalkan oleh orang Bajau, ia banyak melahirkan *sinkretisme negatif*. Ini kerana, ia boleh menjaskan akidah individu Bajau Muslim secara tidak langsung tanpa disedari dan boleh mengelirukan masyarakat Bajau

---

<sup>187</sup> Carsten Colpe, “Syncretism”, dalam *The Encyclopedia of Religion*, Eliade, Mircea, ed. (New York: Simon & Schuster Macmillan, 1987), 13: 226.

<sup>188</sup> Suraya Sintang, “Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah”, (Seminar Zaba Mengenai Alam Melayu 1, Nilai-Nilai Peradaban Melayu, 12-14 Ogos 2003), 7.

<sup>189</sup> Temu bual pengkaji dengan puan Noor Eshah bt. Abdul Wahab menggunakan email pada 31 Januari 2013, Khamis, pada jam 11 a.m. Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Faculty of Art and Social Sciences, Universiti Malaya.

dalam membezakan perkara adat dan syariat. Ini terbukti dalam keadaan apabila unsur pembauran (sinkronasi) bercampur antara ajaran Islam dan kepercayaan asli pra-Islam. Dalam pada itu, sesetengah masyarakat di kalangan etnik Bajau sendiri mendakwa bahawa amalan yang diwarisi nenek moyang itu tidak ditegah syariat kerana ia telah diharmoniskan dengan ajaran Islam walaupun hakikat sebenarnya ia tidak mengalami perubahan secara total malah ia lebih membahayakan akidah kerana ia tidak disedari secara langsung. Hal ini terbukti di dalam beberapa amalan tradisi Bajau. Setelah amalan tersebut dilakukan atau dilaksanakan upacara tertentu, ia akan diakhiri dengan majlis doa selamat atau bacaan berzanji.<sup>190</sup>

Sehubungan itu, terdapat konsep lain yang boleh diidentifikasi dengan konsep *sinkretisme* ini. Akulturasi misalnya, merupakan penyerapan unsur-unsur kebudayaan daripada suatu budaya kepada budaya yang lain.<sup>191</sup> Ia turut diinterpretasikan sebagai proses perubahan budaya di mana pertembungan secara berterusan antara dua atau lebih kelompok budaya yang nyata menyebabkan satu kelompok mengambil alih elemen budaya kelompok atau kelompok-kelompok yang lain.<sup>192</sup> Ia juga diistilahkan sebagai culture contact di kalangan ahli antropologi dalam mengkaji kebudayaan manusia.<sup>193</sup>

Selain itu, konsep *eclecticism* dalam bidang falsafah turut mempunyai pengertian yang hampir sama dengan konsep *sinkretisme*. Ia bermaksud pemilihan pelbagai elemen daripada sumber yang heterogen untuk menghasilkan pendekatan

---

<sup>190</sup> Contoh amalan tradisi Bajau yang telah diharmoniskan seperti upacara *magombbo*' (menyembah roh nenek moyang). Dalam upacara ini, orang Bajau akan melakukan beberapa upacara tertentu berbentuk sajian. Selepas upacara tersebut, lazimnya ia akan diakhiri dengan majlis doa selamat dan bacaan berzanji. Keterangan lanjut berhubung hal ini, pengkaji akan jelaskan dalam perbincangan seterusnya.

<sup>191</sup> Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 28.

<sup>192</sup> Julius Gould et al., ed., *A Dictionary of The Social Sciences* (New York: Free Press, 1964), 6.

<sup>193</sup> David. L. Sills et al., ed., *International Encyclopedia of The Social Sciences* (New York: The Macmillan Company & The Free Press, 1968), 21.

atau stail yang baru terutamanya di dalam falsafah.<sup>194</sup> Integrasi dalam *eclecticism* ini melibatkan pemilihan daripada pelbagai sumber dan kemudiannya menggunakan apa yang dianggap baik. Dalam hal ini, ketidakseimbangan dan integrasi hanya mungkin terjadi secara pemisahan atau kompartmentalisasi.<sup>195</sup>

Secara keseluruhannya, daripada gagasan pengertian yang telah dikemukakan, *sinkretisme* dapat dikonsepsikan sebagai suatu bentuk campur aduk, gabung jalin dan penyatuan idea, fahaman, doktrin dan praktik antara budaya dan falsafah pemikiran yang pelbagai dan mempunyai pertentangan nilai serta boleh dilakukan mengikut cita rasa manusia tanpa melihat kerasionalan dan kelogikan penyatuan tersebut dilakukan.

### **3.3.1 Faktor Berlakunya Fenomena Sinkretisme**

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya *sinkretisme* sama ada di kalangan etnik Bajau ataupun etnik lain secara am di dunia ini. Faktor-faktor ini pengkaji rumuskan berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lapangan yang dilakukan oleh para sarjana. Antaranya ialah;

#### **a. Faktor Kedekatan/Interaksi Sosial**

Kehidupan masyarakat yang berdekatan dengan masyarakat lain yang mengamalkan budaya dan agama yang berbeza memungkinkan berlakunya fenomena *sinkretisme*.

---

<sup>194</sup> *The Encyclopedia Americana international Edition* (Danbury: Grolier Incorporated, 1999), 9: 581.

<sup>195</sup> Justin Lee Hing Giap, "The Blurring of Boundaries at The Periphery: Explaining the Eclecticism and Syncretism of Alternative Healing, Psychotherapeutic, Motivational and Spiritual Movements" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sosiologi, Universiti Nasional Singapura), 66.

Ini terbukti dalam kajian yang dilakukan oleh Ho Hwee Sian yang mendapati kedekatan masyarakat Temuan dengan masyarakat Melayu dan Cina menjadi faktor penting yang membolehkan fenomena *sinkretisme* di antara etnik berlaku.<sup>196</sup> Menurut beliau, fenomena *sinkretisme* paling ketara berlaku dalam etnik ini adalah dalam aspek kepercayaan animisme masyarakat Temuan dengan kepercayaan masyarakat Cina dari segi penerimaan konsep-konsep roh atau semangat, keramat atau datuk, nenek moyang, penyembahan, upacara dan perayaan-perayaan seperti Tahun Baru Cina, Cheng Beng, Perayaan Kuih Chang, Pesta Kuih Bulan, Pesta Kuih Yi yang jarang berlaku di kalangan orang asli.<sup>197</sup> Hal yang sama turut berlaku kepada etnik Bajau. Kehidupan masyarakat Bajau Darat yang berdekatan dengan masyarakat Bajau Laut menyebabkan berlakunya *sinkretisme*. Ini terbukti apabila banyak amalan tradisi Bajau yang diamalkan hingga ke hari ini sama dengan etnik Bajau Laut. Ini akan dijelaskan di dalam bab yang akan datang.

### **b. Perkahwinan Campur**

Fenomena kahwin campur di kalangan masyarakat turut mempengaruhi berlakunya *sinkretisme*. Perkahwinan campur secara mudahnya dapat dikatakan sebagai perkahwinan di antara dua individu yang berasal dari dua bentuk etnik, budaya dan agama yang berbeza. Perkahwinan campur ini boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu yang pertama; salah satu pasangan melakukan konversi kepada pasangannya dan kedua; perkahwinan pasangan yang kekal mengamalkan agama masing-masing.<sup>198</sup> Dalam hal ini, pasangan yang bebas mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing di dalam ikatan perkahwinan mempunyai kecenderungan yang kuat untuk

---

<sup>196</sup> Ho Hwee Sian, “Sinkretisme di Kalangan Masyarakat Temuan di Kg. Lubuk Bandung, Melaka”, (*Latihan Ilmiah, Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994*), 10.

<sup>197</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>198</sup> Syahirin Abdullah, “Sinkretisme Dalam Ajaran Sesat”, 36.

berlakunya fenomena *sinkretisme*. Walaupun jumlahnya amat kecil, tapi ia tidak dapat dinafikan. Begitu juga yang berlaku dalam masyarakat Bajau. Perkahwinan campur antara Bajau Darat dan Bajau Laut menyebabkan kemungkinan berlakunya fenomena *sinkretisme*.<sup>199</sup> Walaupun hakikatnya, setakat ini ia tidak dapat dipastikan berapa jumlah etnik Bajau Darat yang berkahwin dengan etnik Bajau Laut dan menyebabkan berlakunya *sinkretisme*, namun potensi berlakunya fenomena sinkretisme itu tetap ada khususnya yang berlaku terhadap anak-anak mereka kerana tidak mungkin saki baki adat, budaya dan kepercayaan lama terus lenyap dari jiwa pasangan tersebut. Penyerapan unsur *sinkretisme* akan berlaku secara tidak langsung melalui pendidikan tidak formal seperti melalui mekanisme nasihat, adat, pepatah lama, cerita-cerita lisan warisan turun temurun dan sebagainya yang mana sedikit sebanyak mengandungi unsur-unsur kepercayaan yang lama.

### c. Gerakan Missionary dan Dakwah

Gerakan pengembangan dan penyebaran agama juga boleh menyumbang kepada berlakunya fenomena *sinkretisme*. Sebagai contoh, penyebaran agama Islam kepada masyarakat Bugis di Sabah telah menghadapi persaingan dengan penyebaran agama Kristian yang memaksa tokoh-tokoh dakwah Islam dan missionary Kristian menggunakan cara *sinkretisme* untuk membolehkan bangsawan Bugis menerima agama baru ini.<sup>200</sup>

Dalam hal ini, mitos yang mengatakan raja dan golongan bangsawan berasal daripada keturunan tuhan atau penitisan tuhan tidak ditolak sebagai kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam yang bertujuan untuk menarik pemerintah

---

<sup>199</sup> Temu bual pengkaji dengan Yap Beng Liang pada 16 Januari 2013 di pejabat beliau di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Beliau merupakan antara sarjana awal tempatan yang mengkaji etnik Bajau di Malaysia.

<sup>200</sup> Christian Perlas, *The Bugis* (Oxford: Blackwell Publishers, 1996), 136.

*Luwu*' memeluk agama Islam.<sup>201</sup> Ini kerana pengislaman masyarakat Bugis oleh tokoh-tokoh seperti Datuk Ri Bandang, Datu Ri Pattimang, dan Datuk Ri Tiro yang masing-masing menekankan aspek syariat, ilmu kalam dan tasawuf pada peringkat awal dalam memastikan masyarakat menganut agama Islam terlebih dahulu sebelum doktrin-doktrin Islam diterapkan secara beransur-ansur.

Implikasinya, Islam yang berkembang di kalangan masyarakat Bugis adalah Islam sinkretis kerana ajaran Islam yang diamalkan bercampur baur dengan tradisi dan kepercayaan asli nenek moyang. Hal yang sama berlaku kepada masyarakat Bajau. Uniknya dalam masyarakat Bajau, kebanyakan amalan tradisi yang diamalkan lebih dari satu unsur *sinkretisme*. Bukan sahaja *sinkretisme* dari animisme, Hindu Buddha, tetapi ia turut mendapat pengaruh daripada sinkretisme Islam.

Kesimpulannya dalam hal ini, berhubung dengan kebudayaan orang Bajau, fenomena *sinkretisme* dapat dilihat dengan jelas dalam kebudayaan mereka terutamanya dalam aspek amalan tradisi. Ini kerana amalan tradisi secara tidak langsung menggambarkan perlakuan budaya sehari-hari mereka yang terus menjadi identiti mereka tersendiri iaitu ‘masyarakat Bajau’. Tradisi keagamaan yang bersumberkan kepada kepercayaan asli nenek moyang dapat dikategorikan kepada empat bahagian iaitu,<sup>202</sup>

- i. Ritual menghadapi krisis
- ii. Ritual mengharapkan keselamatan
- iii. Ritual menghadapi penyakit atau malapetaka
- iv. Ritual yang menggambarkan kesyukuran

---

<sup>201</sup> Suraya Sintang, “Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis”, 9.

<sup>202</sup> *Ibid.*, 10.

Sebagai rumusannya, fenomena *sinkretisme* yang berlaku kepada masyarakat Bajau di Semporna Sabah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh unsur kepercayaan asli nenek moyang orang Bajau. *Sinkretisme*-Islam menjelaskan wujudnya kepercayaan pra-Islam yang mempengaruhi tradisi keagamaan dalam adat resam masyarakat Bajau. Ajaran Islam walaupun pada asalnya ingin membasmikan tradisi silam masyarakat Bajau, namun ia tidak dapat dilakukan dengan holistik. Justeru, terdapat beberapa amalan tradisi Bajau yang bercampur dengan kepercayaan terdahulu terutamanya dalam kepercayaan animisme.

Hakikatnya, unsur *sinkretisme* ini dapat dilihat dalam semua adat Bajau bermula dari proses kelahiran hingga proses kematian.<sup>203</sup> Sebenarnya, kebanyakan adat serta amalan tradisi Bajau mempunyai persamaan asas dengan masyarakat Melayu dan hal ini bukan luar biasa kerana kedua-duanya beragama Islam yang jelas memberi banyak pengaruh serta impak besar kepada perlakuan berbudaya. Selain itu, masyarakat Bajau juga dikategorikan dalam rumpun Melayu, sekali gus memungkinkan keterikatan terhadap persamaan tersebut. Namun, dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya membataskan kepada aspek amalan tradisi Bajau khususnya yang berhubung dengan kepercayaan masyarakat Bajau Semporna. Ini akan dijelaskan di dalam perbincangan seterusnya.

### 3.4 KEPERCAYAAN DAN AMALAN TRADISI BAJAU SEMPORNA

Etnik Bajau Semporna mempunyai budaya atau amalan tradisi yang tersendiri dan eksklusif yang membezakannya dengan etnik lain di Sabah. Apa yang menariknya,

---

<sup>203</sup> Antara adat resam Bajau yang dipengaruhi fenomena Sinkretisme ialah naik rumah baru, kelahiran bayi, sistem perkahwinan, dan sistem kematian. Dalam erti kata lain, kitaran hidup orang Bajau memang dipengaruhi oleh sinkretisme pra Islam dengan ajaran Islam.

amalan tradisi yang mereka amalkan merupakan warisan nenek moyang. Pegangan yang kuat dan utuh dalam prinsip kehidupan membolehkan kesemua amalan tradisi yang wujud sejak zaman berzaman terus kekal hingga ke hari ini. Walaupun pada zahirnya amalan atau ‘urf masyarakat Bajau kelihatan tidak bercanggah dengan ajaran Islam, namun hakikatnya terdapat amalan tradisi Bajau yang perlu dianalisis dan dikaji kerana dikhuatiri mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ini tidak dapat dinafikan kerana asal kepercayaan orang Bajau berpunca daripada kepercayaan animisme seperti yang dinyatakan sebelum ini. Antara amalan tradisi yang masih diamalkan oleh orang Bajau sampai ke hari ini adalah seperti berikut:

**i. Amalan berhubung kepercayaan kepada jin dan orang yang berjin**

Secara umumnya, orang Bajau percaya bahawa di dunia ini terdapat makhluk lain selain dari manusia iaitu jin. Walau bagaimanapun, kepercayaan terhadap jin ini sedikit berbeza dengan kefahaman yang tulen menurut syariat Islam. Ini kerana, orang Bajau percaya jin ialah makhluk luar biasa yang mempunyai kuasa dan keistimewaan luar biasa yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia. Lazimnya, sesuatu perbuatan yang disertai dengan perasaan ketakjuban dan ketakutan akan melahirkan kepercayaan. Rentetan daripada kepercayaan ini, maka lahirlah amalan tertentu yang selalunya berkait rapat dengan pemujaan.

Hal yang sama berlaku kepada masyarakat Bajau. Sebagai contohnya, terdapat segelintir masyarakat Bajau yang melakukan upacara memuja jin untuk

mengelakkan daripada dilanda malapetaka dan *busung*.<sup>204</sup> Kebiasaannya, upacara memuja jin ini dilakukan pada setiap bulan mengambang di kawasan pokok-pokok besar dan rendang. Dalam upacara tersebut, tarian yang dikenali sebagai tarian *igal-igal*<sup>205</sup> atau *Mag-paigal* turut diadakan.<sup>206</sup> *Mag-paigal* merupakan ritual yang diadakan setiap waktu bulan penuh atau bulan purnama di mana didakwa dalam upacara tersebut terdapat *Jin Lella* (jin lelaki) dan *Jin Denda* (jin perempuan) berkumpul untuk sama-sama menari yang diiringi dengan peralatan muzik *tagungguk*.<sup>207</sup> Mereka akan menari hingga kerasukan yang menandakan jin tersebut telah memasuki badan mereka. Tarian *igal* ini sebenarnya mempunyai pelbagai jenis yang lazimnya dilakukan dalam bentuk hiburan di majlis-majlis perkahwinan atau dalam bentuk ritual.

Namun, dalam konteks memuja jin ini, tarian *igal* yang dilakukan adalah tarian *igal* ritual. Tarian *igal* ritual merupakan salah satu tarian yang didakwa mempunyai kuasa ghaib kerana mampu menghubungkan manusia dengan kuasa yang luar biasa. Oleh itu, kuasa luar biasa ini kemudiannya diaplikasikan menjadi satu kepercayaan lebih-lebih lagi orang Bajau pada zaman sebelum ini menganut fahaman animisme. Masyarakat awal yang mengamalkan ajaran animisme pasti mempercayai

---

<sup>204</sup> *Busung* adalah satu konsep atau istilah yang digunakan oleh masyarakat Bajau dalam menggambarkan sesuatu perkara yang buruk dan tidak diingini berlaku. *Busung* berlaku disebabkan oleh tindakan tidak menunjukkan rasa hormat kepada orang tua, seperti mencaci dan menyumpah, melupakan tanggungjawab kepada ibu bapa, kaum kerabat dan nenek moyang.

<sup>205</sup> Tarian ini merupakan sejenis tarian yang diamalkan oleh orang Bajau hingga ke hari ini. Namun pada hari ini, ia biasanya ditarikan di majlis perkahwinan sebagai hiburan. Realitinya, ia sebenarnya dilakukan dalam upacara memuja jin. Dalam masyarakat Bajau Kota Belud pula, terdapat tarian seumpama ini turut wujud tetapi dalam istilah yang berbeza dinamakan *ngalai*. *Ngalai* merupakan salah satu upacara rawatan bagi orang sakit akibat gangguan makhluk halus, syaitan dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut berhubung ritual ini, sila lihat Jeniar Subeh, “Seni Persembahan Ngalai dalam Ritual Sistem Pengubatan: Kajian Kes Masyarakat Bajau Kg. Karang Benai, Kota Belud”( Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Jabatan Sosio-Budaya, Universiti Malaya, 2002), 117-120.

<sup>206</sup> Halina Sendera Mohd Yakin, “Identiti Budaya Etnik Palau”, 21.

<sup>207</sup> Dalam konteks ini, amalan tradisi Bajau Darat ini sama dengan amalan tradisi masyarakat Bajau Laut. Lihat Hanafi Hussin dan MCM Santamaria, “Dancing with the Ghosts of the Sea: Experiencing the Pangkanduli Ritual of the Sama Dilaut (Bajau Laut) in Sikulan, Tawi-tawi, Southern Philippines,” dalam *JATI, Journal of Southeast Asian Studies* 13, (2008), 159-172.

kewujudan semangat dalam persekitaran semula jadi seperti lautan, sungai, gunung, angin dan hutan yang akhirnya terbentuknya dan terciptanya kepercayaan yang berbentuk ritual lalu sekali gus mewujudkan pelbagai ritual seperti gerak tari (*mag-paigal*) ini.<sup>208</sup> Tarian igal yang bercorak ritual, antaranya tarian *igal-igal mageuwatta, igal magkaramat, igal limbayan, igal leleng* dan *igal tabawan*.<sup>209</sup> Kesemua tarian ini lazimnya diadakan sebagai upacara penyembuhan.<sup>210</sup>

Selain daripada kepercayaan terhadap jin, orang Bajau juga turut percaya kepada manusia yang dipilih khas oleh jin untuk menjadi perantaraanya yang dikenali sebagai ‘orang yang berjin’. Orang yang berjin ini dianggap sesuatu yang istimewa bagi mereka. Ini kerana, kononnya orang berjin ini mampu mendoakan dan mengubati mereka daripada sesetengah penyakit dan kemalangan yang disebabkan oleh perbuatan makhluk halus atau iblis.<sup>211</sup> Menurut Hj Amping,<sup>212</sup> orang berjin ini sangat penting dalam masyarakat Bajau kerana atas dasar sumbangan yang mereka lakukan kepada masyarakat. Ini kerana, pada masa dahulu, tidak wujud sebarang hospital atau klinik yang mampu mengubati orang yang sakit. Justeru, orang Bajau pada ketika itu sangat memerlukan mereka terutama dalam hal-hal kesihatan, dan pengubatan. Walau pun pada ketika itu masyarakat Bajau sudah menganuti agama Islam, tetapi atas faktor kurang didikan dan pendedahan terhadap konsep syirik,

---

<sup>208</sup> Ismail Abbas dan Charles Shaong, *Tarian-tarian Tradisional Negeri Sabah* (Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan Negeri Sabah, 1984), 2-9.

<sup>209</sup> Jacqueline Pugh-Kittingan, Hanafi Hussin & Judeth John Baptish (2005), “Dance as Ritual, Dance as Celebration-Tradition and Change Among the Bajau of Semporna Sabah, Malaysia” (Kertas Kerja Proceeding of Asia Pasific International Dance Conference, 2005). Diterbitkan dalam *Global and Local Dance in Perfomance*, Mohd. Anis Md. Nor dan Revathi Murugappan, ed. (Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan).

<sup>210</sup> Mohd Anis Md Nor & Stephanie, ed., *Sharing Identities Celebrating Dance in Malaysia* (New Delhi: Routledge Taylor & Francis Group, 2011), 171.

<sup>211</sup> Saidatul Nornis Mahali, *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*, 14.

<sup>212</sup> Temu bual bersama Hj Amping pada 15 September 2012 di kediaman beliau di Kampung Gusung Malanta. Pada waktu itu, beliau berumur 83 tahun. Beliau merupakan antara orang-orang tua di kampung tersebut.

mereka bergantung sepenuhnya kepada orang yang berjin dalam merawati dan mengubati mereka. Apa yang jelas, masyarakat Bajau pada ketika itu tidak dapat membezakan amalan-amalan khurafat yang bersangkut paut dengan syariat mahu pun adat. Kekangan kehidupan, ancaman penyakit serta keselamatan memaksa orang Bajau pada ketika itu mengambil inisiatif untuk melindungi diri dan keluarga dengan meminta bantuan sepenuhnya kepada orang yang berjin (iaitu seseorang yang mempunyai kelebihan lain yang dikaitkan dengan kuasa ghaib, jin dan ilmu kebatinan sama ada ilmu hitam atau ilmu sihir) jika terkena sesuatu musibah.

Dalam erti kata lain, hakikatnya orang yang berjin ini sebenarnya bomoh atau dukun tempatan di kalangan masyarakat Melayu. Uniknya, bomoh atau ‘orang yang berjin’ di kalangan orang Bajau ini sentiasa memelihara jin setiap masa sama ada di dalam rawatan atau di luar rawatan. Orang yang berjin ini juga mempercayai bahawa mereka mewarisi jin ini secara turun temurun. Biasanya, orang yang diamanahkan untuk memelihara jin yang dimilikinya secara turun temurun ialah antara bapa atau ibu kepada anak atau saudara terdekat. Hal ini bermakna, apabila seseorang yang memelihara jin telah meninggal dunia, jin peliharaannya akan diwariskan kepada ahli keluarga yang paling layak seperti adik, atau anaknya tidak kira lelaki atau wanita. Secara mudahnya, jin-jin yang diwarisi melalui keturunan ini dikenali sebagai ‘saka’ dalam masyarakat Melayu.

Menurut seorang pengamal ilmu ini di kalangan orang Bajau,<sup>213</sup> cara pengubatan yang diamalkan oleh orang yang berjin berbeza antara satu sama lain bergantung pada jenis jin yang dirawati. Sesetengah jin dikatakan perlu diadakan

---

<sup>213</sup> Temu bual dengan Haji Bijani,pada 30 Oktober 2012 bertempat di Kampung Rancangan Wawasan, Dun Bugaya Semporna Sabah. Sebenarnya, jika diteliti, bagi pengkaji sendiri, beliau banyak mengamalkan cara pengubatan Islam berbanding pengamal perubatan yang lain walaupun terdapat sedikit sebanyak perkara yang pelik sepanjang rawatan yang beliau jalankan.

upacara tertentu seperti upacara pukulan *tagungguk*<sup>214</sup> dan sedikit jamuan ketika ingin diperlukan bantuan mereka, manakala bagi sesetengah yang lain tidak memerlukannya. Lazimnya, jamuan yang sedikit itu terdiri daripada dodol, beras kunyit, kuih panyalam<sup>215</sup> dan sebagainya.

Apa yang harus diperhatikan dalam hal ini ialah, lazimnya rawatan yang diamalkan oleh orang yang berjin ini sering melakukan upacara pensyaratian jin seperti ayam hitam yang disembelih dengan bulu dan darah tidak dibuang, disyaratkan terdapat pulut kuning, kemenyan diasap untuk memanggil jin, senjata keturunan seperti keris, lembing atau pedang yang dipuja, diiringi jampi seraph, jamuan-jamuan tertentu yang disajikan kepada roh datuk nenek dan sebagainya. Sekiranya tidak dilakukan perkara-perkara di atas, maka segala hajat seperti untuk sembuh dari penyakit yang sering dihubung kaitkan dengan perkara ghaib tidak akan sembuh.

Kesimpulannya, orang Bajau sangat percaya kepada jin dan amat menghormati ‘orang yang berjin’ kerana mereka mampu merawat pesakit yang tidak dapat dirawat oleh perubatan moden. Kepercayaan ini menjadikan mereka secara tidak langsung menjalankan beberapa ritual yang menjadi amalan tradisi masyarakat Bajau seperti yang dinyatakan di atas sehingga ke hari ini.

---

<sup>214</sup> Upacara pukulan *tagungguk* merupakan sejenis irama muzik yang dipersembahkan oleh etnik Bajau pantai timur dengan menggunakan alat muzik tradisional mereka yang terdiri daripada tambul, *kulintangan* dan agung. Tambul dalam seni muzik diklasifikasikan sebagai alat muzik membranofon. *Kulintanagan* dan agung pula diklasifikasikan sebagai alat muzik idiofon.

<sup>215</sup> Kuih Panyalam merupakan kuih yang agak popular di kalangan orang Bajau. Boleh dikatakan, dalam setiap perkara sama ada dari peringkat kelahiran hingga kematian, apa jua jamuan atau ritual, kuih ini akan diadakan seolah-olah menjadi kewajipan dalam apa-apa acara yang ingin dilakukan. Sila lihat gambar kuih ini di lampiran.

## **ii. Amalan yang berhubung kepercayaan kepada bomoh atau *kelamat***

Bomoh atau dukun tempatan dikenali dalam masyarakat Bajau sebagai *kelamat*. Bomoh atau *kelamat* ini mempunyai fungsi yang sama dengan orang yang berjin. Dalam erti kata lain, mereka sebagai orang yang berkeahlian dalam mengubati pesakit yang ditimpa penyakit disebabkan makhluk halus, melanggar pantang larang dan sebagainya. Sebenarnya, menurut pengkaji sendiri, orang yang berjin dan *kelamat* adalah satu istilah yang sama kerana mereka adalah dukun tempatan atau bomoh bagi masyarakat Bajau sendiri. Cuma, mungkin terdapat perbezaan yang sangat kecil dalam peranan mereka dalam mengubati pesakit. Perbezaan-perbezaan tersebut dirumuskan oleh pengkaji sebelum ini antaranya kajian yang dilakukan oleh Dr. Yap Beng Liang. Antaranya;<sup>216</sup>

- a. *kelamat* ini tidak semestinya memiliki jin. Ia berbeza dengan istilah orang yang berjin. Dikatakan orang yang berjin kebiasaannya mempunyai jin-jin tertentu yang lazimnya diwarisi berdasarkan keturunan. Dalam erti kata lain, ia dikenali sebagai saka dalam masyarakat Melayu. Sedangkan bagi *kelamat*, pemeliharaan jin bukanlah bersifat wajib diwarisi, tetapi ia sebagai bantuan sahaja.
- b. Pengubatan yang dilakukan oleh *kelamat* ini kurang berkesan dalam mengubati seseorang berbanding pengubatan yang dilakukan oleh orang yang berjin. Ini terbukti menurut pengakuan seorang *kelamat*.<sup>217</sup> Menurut beliau,

---

<sup>216</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 144-154.

<sup>217</sup> Temu bual bersama Haji Bijani pada 30 Oktober 2012 di kediaman beliau di Kg. Rancangan Wawasan.

dalam mengubati orang yang terkena sihir atau buatan orang umpamanya, orang Bajau lazimnya mengambil khidmat rawatan daripada orang yang berjin berbanding *kelamat*. Namun, cara pengubatan orang yang berjin lebih berkesan memandangkan mereka lebih rapat dengan jin-jin yang merasuki badan seseorang individu yang terkena penyakit tersebut.

- c. *Kelamat* ini kononnya mampu meramal sesuatu misalnya mampu memperlihatkan barang yang kehilangan atau kecurian jika diadukan kepadanya.<sup>218</sup>

Lazimnya *kelamat* memperoleh ilmu melalui cara berguru, cara warisan,<sup>219</sup> cara mimpi,<sup>220</sup> cara semula jadi. Amalan tradisi yang selalu diamalkan oleh *kelamat* dalam melakukan proses rawatan ialah mereka melakukan upacara *anambal*<sup>221</sup> yang selalu dilakukan pesakit yang teruk seperti lumpuh. Dalam upacara *anambal* itu, bahan-bahan berikut mesti diadakan,<sup>222</sup>

- a. Payung hitam dan benda-benda lain yang melambangkan iblis laut. Payung itu dibuka dan diletakkan di atas lantai. Di sekeliling rangka payung tersebut,

---

<sup>218</sup> Dalam hal ini, *kelamat* berfungsi sebagai tukang tilik. Orang Bajau yang pernah kehilangan barang tertentu seperti emas umpamanya, akan datang untuk berjumpa *kelamat* ini. Kebiasaanya, *kelamat* akan memberikan beberapa klu atau maklumat berhubung barang yang hilang jika ia telah dicuri atau tercincir. Uniknya, pada kebiasaannya maklumat yang diberikan oleh *kelamat* ini betul. Ini terbukti melalui hasil temu bual bersama Puan Mariamah Yusof pada 30 Oktober 2012 di kediaman beliau bertempat di Kg. Rancangan Wawasan Semporna. Menurut beliau, beliau pernah kehilangan barang berharga (emas) dan mendapatkan khidmat *kelamat* untuk mengetahui sama ada emas tersebut tercincir atau dicuri. Atas bantuan *kelamat* tersebut, beliau dapat mengetahui bahawa emas tersebut telah dicuri oleh saudara-mara beliau yang pernah berkunjung ke rumah beliau.

<sup>219</sup> Sesetengah *kelamat* memperoleh ilmu daripada keturunan atau nenek moyang khususnya yang memelihara iblis. Dengan mewarisi pemeliharaan iblis itu, mereka juga mewarisi keahlian kerana sebenarnya keahlian itu dikuasai oleh iblis peliharaan mereka.

<sup>220</sup> Sesetengah *kelamat* memberitahu bahawa mereka mendapat kebolehan dengan cara melalui mimpi dan didakwa kononnya mereka diajarkan satu-satu ilmu oleh makhluk luar biasa yang hanya memerdengarkan suaranya tetapi tidak diingat oleh mereka.

<sup>221</sup> Upacara *anambal* ini mempunyai beberapa ciri persamaan dengan upacara ‘main puteri’ di kalangan masyarakat Melayu yang biasanya dilakukan untuk mengubati penyakit yang dikaitkan dengan makhluk halus. Maklumat lanjut mengenai upacara main puteri, sila lihat Azlina Musa dan Yusmilawati Yunos, “Simptom-simptom Penyakit Dalam Main Teri, Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan”, *Jurnal Melayu* 8, (2011), 233-249.

<sup>222</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 150-151.

digantung cincin emas bagi melambangkan cahaya dan penghormatan kepada iblis laut yang dipercayai telah mengganggu pesakit. Di bawah lindungan payung hitam tersebut diletakkan pula setandan pisang hijau, beras kunyit, bunga jagung dan sebatang buluh kecil. Benda-benda tersebut kecuali payung hitam akan dibuang ke laut setelah selesai upacara *anambal* sebagai persembahan kepada iblis laut.

- b. Kemenyan dan minyak wangi untuk penggunaan *kelamat* semasa menjalankan upacara *anambal* tersebut. Ini kerana iblis peliharaan *kelamat* suka akan bau wangi kemenyan dan minyak wangi itu dan dengan penggunaan benda-benda itu iblis peliharaan *kelamat* lebih mudah memasuki tubuhnya dan dengan itu mempercepatkan proses *kelamat* menurun.
- c. Mayang pinang yang digunakan oleh *kelamat* sebagai alat untuk menyebat tubuh pesakit supaya iblis yang telah merasuk badannya dapat dipujuk keluar dari badannya.
- d. Tiga biji telur diletakkan di atas beras dalam sebuah bekas. Ini adalah untuk jamuan *kelamat* dan orang lain yang turut membacakan doa bagi pesakit.
- e. Satu tempayan air yang telah ditawarkan sebagai air mandi pesakit.
- f. *Kelangkang* yang merupakan sebuah ‘mahligai’ bagi iblis yang dibuat khas untuk memberi perlindungan sementara kepada iblis semasa upacara *anambal* sedang dilaksanakan. Rangka mahligai terdiri daripada jalur-jalur buluh dan boleh dibuat dalam sebarang bentuk mengikut kehendak pembuatnya. *Kelangkang* dihiaskan dengan kepingan kain yang berwarna-warni dan dipotong dalam bentuk berlian. Ada kalanya kepingan kain ini digantikan dengan daun kelapa. *Kelangkang* digantungkan di tengah-tengah ruang rumah dengan menggunakan benang atau tali yang diikatkan di empat-empat penjuru rumah.

- g. *Pitulak* yang merupakan sebuah perahu kecil yang dibuat khas untuk mengangkut iblis penyakit ke laut.
- h. Sepinggan emas sebagai pengakuan pesakit bahawa dia sanggup dirawat oleh iblis peliharaan *kelamat*.

Upacara ini diadakan selama tiga malam berturut-turut dan kebiasaannya disaksikan oleh penduduk kampung. Semasa proses pengubatan, pesakit didudukkan tegak di atas sebuah tampi bulat yang beralaskan kain kuning berdekatan *kelangkang* dan kedua-dua kaki pesakit itu dilunjurkan. Tampi itu dianggap sebagai ‘istana’ iblis peliharaan *kelamat*.<sup>223</sup>

Semasa proses rawatan, *kelamat* dan pembantu-pembantunya akan menari di sekeliling pesakit sambil menyebat pesakit dengan mayang pinang untuk menghalau iblis yang merasuk badan pesakit. Selain penggunaan mayang pinang, pada masa yang sama *kelamat* juga turut menggunakan parang besi dan parang kayu. Parang-parang itu akan digeselkan pada anggota pesakit supaya kononnya usaha menghalau iblis akan lebih berkesan.<sup>224</sup>

Kesimpulannya, peranan golongan orang yang berjin dan *kelamat* ini sangat mempengaruhi kehidupan orang Bajau terutamanya dalam aspek rawatan. Orang Bajau sangat percayai dengan kebolehan *kelamat* ini yang didakwa mampu berinteraksi dengan perkara ghaib. Dalam pada itu, mereka telah mengadakan beberapa ritual tertentu kerana lazimnya apabila perasaan takjub, takut muncul terhadap sesuatu perkara maka amalan tertentu akan diadakan sebagai syarat seperti

---

<sup>223</sup> *Ibid.*, 151.

<sup>224</sup> *Ibid.*, 152.

mana yang disebutkan sebelum ini seperti upacara *anambal* atau ‘main puteri’ dalam masyarakat Melayu.

### **iii. Amalan yang berhubung kepercayaan kepada *Pitulak***

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, orang Bajau sangat percaya kebolehan orang yang berjin serta *kelamat*. Kedua-dua peranan mereka ini sangat mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Bajau terutamanya dalam aspek pengubatan yang didakwa ada kaitan dengan perkara ghaib. Antara lain kepercayaan dan amalan tradisi yang diamalkan oleh orang Bajau ialah percaya kepada konsep *pitulak*. *Pitulak* merupakan satu proses pengubatan atau perawatan dengan menghanyutkan *pitulak* (perahu) ke laut. *Pitulak* yang merupakan perahu kecil diadakan semasa mengubat budak yang lumpuh akibat daripada iblis atau makhluk halus yang merasukinya. Dipercayai dengan menghanyutkan perahu tersebut, iblis yang berada di dalam badan budak tersebut akan hanyut bersama-sama perahu tersebut. Dalam erti kata lain, adat ini seolah-olah adat untuk ‘menolak bala’. Proses rawatan melalui *pitulak* ini sebenarnya jarang diadakan kecuali jika penyakit seseorang sangat kronik akibat rasukan syaitan atau iblis. Sebenarnya, amalan ini sama dengan amalan orang Bajau di Kepulauan Filipina iaitu di Pulau Tawi-Tawi. Amalan ini ditegaskan oleh H. Nimmo seperti berikut:

*“During periods of much illness, death, or unusually bad luck, a ceremony is held to rid the moorage of the evil spirits believed to be causing the misfortune. Each family contributes a small amount of moneys or goods towards the construction of a small boat to carry away the trouble. After they have travelled through the moorage waters, the boats is taken to the open sea and set adrift, in*

*the belief that the disease causing spirits have been attracted to the boat and will drift away from the moorage with it.”<sup>225</sup>*

Sebenarnya, upacara *pitulak* ini tidak lagi kelihatan dalam kalangan masyarakat Bajau Semporna. Ini kemungkinan arus pemodenan yang mendominasi masyarakat serta mereka lebih percaya kepada rawatan moden di hospital-hospital atau klinik dan rawatan yang berteraskan islamik seperti rawatan menggunakan khidmat ustaz-ustaz di kampung, sekolah atau sebagainya. Namun begitu, menurut Encik Mel, upacara ini masih wujud di kalangan orang Bajau Laut khususnya di Kampung Bangau-bangau.<sup>226</sup> Menurut beliau, lazimnya *pitulak* dihiasi dengan bendera dan layar kuning yang dimuatkan dengan penumpang yang terdiri daripada kain berwarna-warni. Patung-patung itu dianggap sebagai wakil pesakit. Di samping patung-patung tersebut, seekor ayam putih atau hitam akan dihanyutkan ke laut bersama-sama *pitulak* tersebut. Sama fungsinya seperti patung, ayam itu turut didakwa wakil kepada pesakit tersebut. Selain patung dan ayam, turut disertakan dalam *pitulak* tersebut makanan yang beraneka jenis sebagai persembahan kepada iblis yang pembawa penyakit.

Sebelum *pitulak* dihanyutkan ke laut, *kelamat* dan beberapa orang pembantunya akan mengelilingi tempat atau rumah pesakit tersebut dengan menaiki sebuah perahu diiringi dengan pukulan *tagungguk*. Usaha untuk mengelilingi pulau tersebut didakwa sebagai langkah menjemput iblis ke dalam perahu tersebut. Setelah itu, barulah *pitulak* dihanyutkan ke laut mengikut arah angin. Semasa menolak *pitulak*, penduduk yang turut hadir akan membacakan doa selamat untuk kampung tersebut. Jika penyakit cepat merebak, tiga petang berturut-turut penduduk pulau

---

<sup>225</sup> H.A Nimmo, *The Sea People of Sulu (A Study of Social Change in The Philippines)* (London: International Textbook Co. Ltd, 1972), 42.

<sup>226</sup> Temu bual dengan Encik Mel pada 29 Oktober 2012 di kediaman beliau di Kg. Bangau-Bangau Semporna Sabah. Beliau merupakan orang Bajau Laut, tetapi telah lama menetap di darat.

akan membacakan doa daripada ayat al-Quran di hujung kampung atau di mana-mana tempat yang dirasakan sesuai sebagai usaha untuk menolak bala agar iblis penyakit tidak kembali mengganggu mereka.

Sebenarnya, walaupun asal usul sejarah *pitulak* ini sama dengan upacara orang Bajau Pulau Tawi-Tawi Filipina, ia juga terdapat persamaan di dalam amalan orang Kadazan di daerah Papar dan Kimanis. Di dalam amalan orang Kadazan, terdapat sejenis upacara yang dinamakan *Inajung-ajung* (sejenis perahu juga sama seperti *pitulak*).<sup>227</sup> Ia diadakan setiap tahun semasa perayaan *monsung dahungan* yang bermaksud memberi persembahan di kuala sungai. Perayaan ini diadakan khas untuk membuat rayuan kepada makhluk halus supaya mendatangkan rezeki kepada mereka. *Inajung ajung* tersebut akan dimuatkan dengan makanan seperti nasi-buah-buahan, pinang, makanan laut dan sebagainya. Mereka akan melayarkan perahu tersebut ke laut dan beranggapan jika perahu tersebut kembali ke pantai maka mereka akan mendapat petanda buruk iaitu rezeki akan berkurangan. Selain itu, di dalam amalan tradisi orang Kadazan, terdapat juga perayaan *barasek* yang turut menggunakan perahu. Jika *Inajung-ajung* berperanan untuk mendapatkan rezeki, *barasek* ini pula diadakan untuk mengelakkan penyakit tertentu.

Kesimpulannya, jelas bahawa unsur amalan tradisi seperti *pitulak* atau menghanyutkan perahu ke laut tidak hanya diamalkan oleh orang Bajau tetapi ia juga diamalkan oleh bangsa-bangsa lain di Sabah. Ini tidak asing atau mustahil kerana semua bangsa yang berada di kepulauan Borneo berasal daripada fahaman animisme. Malah ia juga diamalkan oleh masyarakat di semenanjung khususnya di pantai timur. Di sana, terdapat satu amalan yang dilakukan nelayan pantai timur yang terdapat unsur seperti *pitulak* dan *Inajung ajung* tetapi istilah yang berbeza iaitu *buang ancak*

---

<sup>227</sup> Jack M.N, “Spirit Boats”, *Journal of the Sabah Society* 4 (1963), 23-27.

yang merupakan satu ritual untuk menggelakkan daripada gangguan makhluk halus.<sup>228</sup>

#### **iv. Amalan yang berhubung kepercayaan kepada tulah**

Tulah secara mudahnya didefinisikan sebagai balasan jahat luar biasa terhadap orang yang melanggar sesuatu pantang larang.<sup>229</sup> Lazimnya, tulah yang selalu menghantui masyarakat Bajau ialah tulah keturunan yang boleh mendatangkan penyakit seperti kudis, busung, sukar membuang air kencing dan sebagainya.<sup>230</sup> Kepercayaan kepada konsep tulah ini merupakan indikator sosial yang amat berkesan dalam memastikan keharmonian struktur sosial masyarakat Bajau. Walau pun terdapat unsur positif dalam kepercayaan kepada konsep tulah, namun pada masa yang sama terdapat unsur negatif yang boleh merosakkan akidah orang Bajau. Menurut orang Bajau Semporna, tulah boleh menimpa seseorang jika melakukan perkara-perkara seperti berikut;

- a. Tidak menghormati orang-orang tua. Tindakan tidak menghormati ini termasuklah mereka yang mencaci, menyumpah, kurang ajar, memarahi atau enggan menurut kehendak mereka.
- b. Melupakan tanggungjawab kepada ibu bapa, kaum kerabat, dan nenek moyang.
- c. Bersifat kedekut terhadap ibu bapa atau nenek moyang seperti tidak menunaikan permintaan mereka terhadap sesuatu barang dan sebagainya.

---

<sup>228</sup> Sila rujuk ritual ini di dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) @ DBP Malaysia. “Buang Ancak”, dicapai 14 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=buang&d=8>.

<sup>229</sup> “Tulah”, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 14 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tulah>

<sup>230</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 137.

- d. Tidak menjaga barang-barang yang diwarisi.<sup>231</sup>

Kebiasaannya, orang yang terkena tulah ini akan cuba mendapatkan rawatan dengan golongan ‘orang yang berjin’ atau *kelamat*. Cara rawatan tersebut pula mengandungi beberapa upacara ritual tertentu yang menjadi amalan tradisi masyarakat Bajau sehingga ke hari ini. Lazimnya, amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Bajau selepas terkena tulah adalah dengan melakukan upacara tertentu seperti upacara *magombbo*<sup>232</sup> dan upacara *magmatalau*.<sup>233</sup> Kedua-dua upacara ini mempunyai beberapa pantang larang seperti isi rumah pesakit tidak boleh mandi, tidak boleh memakan benda yang pedas, dan sebagainya.<sup>234</sup> Selain daripada upacara *magombbo*, upacara lain yang popular diadakan yang berkaitan dengan kepercayaan tulah ialah *Mag-Duwata Kabusungan*. Upacara ini dilakukan apabila seseorang itu mengalami penyakit tertentu yang disebabkan tulah oleh nenek moyang. Ini jelas seperti yang ditegaskan oleh Jacqueline Pugh-Kitingan:

*The Magduwata Kabusungan is a series of ceremonies held over two days to cure a sick person attacked by jinn. It includes preparing a ritual space in the main room and the long process of making cake offerings from pounded rice (amagtuli-buas), bathing ritual for the sick on the grave of the offended ancestor (amandi kubur), flying an ancestral flag (panji kaambo'an), ritual sprinkling of the family on the jetty (amandi), Islamic prayers for family and ancestors in the ritual space (mag-jikil), and concludes*

---

<sup>231</sup> Barang-barang yang diwarisi di sini bermaksud barang yang ditinggalkan oleh nenek moyang (barang pusaka). Antara barang pusaka nenek moyang yang selalu ditinggalkan kepada warisnya ialah gantang, gong, kulintangan, tambul, kitab, tali pinggang dan sebagainya. Sila rujuk Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 133-140.

<sup>232</sup> Upacara magombbo’ akan dibincangkan dalam halaman seterusnya.

<sup>233</sup> Sebenarnya upacara Magombbo dan Magmatalau ini adalah sama. Namun, menurut Yap Beng Liang, terdapat perbezaan antara kedua upacara ini. Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau omadal*, 139.

<sup>234</sup> *Ibid.*, 140.

*with the Mag-Duwata featuring igal accompanies by the tagunggu'.*<sup>235</sup>

Menurut seorang informan yang menjadi sumber rujukan pengkaji sendiri,<sup>236</sup> konsep tulah memang menebal di kalangan orang Bajau. Ia seolah-olah satu tegahan yang sangat ditakuti. Walau bagaimana pun, informan tersebut tidak mempercayai konsep tulah tersebut walaupun beliau menceritakan kepada pengkaji sendiri bahawa beliau pernah alami beberapa peristiwa pelik yang didakwa sebagai tulah oleh keluarga beliau. Beliau masih yakin dan percaya bahawa kepercayaan tulah ini boleh termasuk dalam gejala syirik memandangkan terdapat konsep kepercayaan orang Bajau bahawa nenek moyang mampu memberi mudarat selain daripada Allah SWT. Namun begitu, ibu bapa beliau sangat mempercayai konsep ini kerana ia menjadi kepercayaan warisan majoriti etnik Bajau di merata tempat.

Beliau menceritakan pada tahun 2009, beliau telah mengalami satu peristiwa pelik di mana beliau telah kehilangan beberapa tompok rambut secara tiba-tiba. Peristiwa ini turut dilihat sendiri oleh pengkaji.<sup>237</sup> Beliau tidak mempercayai konsep tulah dan merasakan ia kemungkinan perkara biasa yang dialami oleh sesetengah orang. Namun begitu, menurut bapa beliau, beliau telah terkena tulah nenek moyang kerana tidak menjaga barang yang telah diwariskan kepada mereka. Menurut bapa beliau juga, barang jagaan yang diwarisi kepada mereka ialah sebuah kopiah. Tetapi

---

<sup>235</sup> Jacqueline Pugh-Kitingan, “Dance and Ritual in Sabah” in *Sharing Identities Celebrating Dance in Malaysia*, ed. Mohd Anis Md Nor & Stephanie Burridge ( New Delhi: Routledge Taylor & Francis Group, 2011), 172.

<sup>236</sup> Temu bual bersama Mohd Rahman Baharom (Bukan nama sebenar) pada 23 Oktober 2012 di restoran kawasan Pantai Dalam Kuala Lumpur. Beliau merupakan pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Nama beliau dirahsiakan atas permintaan beliau untuk menjaga nama dan maruah keluarga beliau.

<sup>237</sup> Pada asalnya, pengkaji sendiri merasakan informan tersebut hanya mengalami penyakit keguguran rambut. Setelah informan tersebut menceritakan hal sebenar, pengkaji tertarik untuk melihat perubahan jika ibu bapa informan tersebut melakukan upacara membuang tulah. Dengan izin Allah, informan tersebut kembali sembah sedia kala selepas menggantikan barang yang diwarisi tersebut dan setelah membaca doa selamat.

kopiah tersebut telah dimakan tikus dan uniknya rambut yang hilang di atas kepala informan tersebut adalah sama dengan gigitan yang koyak pada kopiah tersebut.

Justeru, bapa beliau sendiri berusaha untuk merawat dengan cara membelikan sebuah kopiah baru yang sama dengan kopiah yang digigit tadi disusuli dengan bacaan doa selamat. Apa yang menariknya, dengan izin Allah SWT, rambut yang hilang di kepala informan tersebut telah pulih dan sembah seperti sedia kala. Tetapi informan tersebut masih percaya bahawa itu merupakan kuasa dan izin Allah SWT, bukan kerana kepercayaan tulah yang dipercayai oleh keluarga-keluarga beliau.

Dalam kes yang lain pula, Hj. Marinsah menceritakan,<sup>238</sup> terdapat salah seorang daripada ahli keluarga beliau telah terkena tulah. Orang yang terkena tulah tersebut dikenali sebagai Hj. Mijanti yang merupakan sepupu beliau. Hj. Mijanti dikatakan tidak percaya kepada konsep tulah nenek moyang. Secara tradisinya, setiap tahun, terdapat satu upacara orang Bajau yang dikenali sebagai upacara *magjamu*<sup>239</sup> di pulau Salakan Semporna.<sup>240</sup> Dalam upacara tersebut, dikehendaki keluarga yang terlibat menghadirkan diri atau memberikan bantuan berupa duit, makanan atau sebagainya. Akibat ingkar dengan peraturan ini, Hj. Mijanti tersebut telah terkena ‘tulah bisu’ sehingga tidak dapat bercakap dalam tempoh tertentu. Setelah beliau

---

<sup>238</sup> Temu bual dengan Hj. Marinsah b. Hj Abdul Hamid pada 14 September 2012 bertempat di Kampung Rancangan Wawasan, Semporna.

<sup>239</sup> Upacara *Magjamu* merupakan satu upacara tahunan yang diadakan untuk mengelak daripada terkena tulah nenek moyang. Lazimnya tulah tersebut dalam bentuk penyakit atau malapetaka. Dalam upacara ini, setiap makanan yang disediakan akan menggunakan tepung beras sebagai asas. Ini kerana, dikatakan makanan yang dibuat daripada tepung beras adalah kesukaan nenek moyang mereka. Bahan lain yang digunakan dalam upacara *magjamu* ialah beras padi huma, air tebu, minyak kelapa, daun kencur yang direndam, jagung tua, gula merah, gula tebu, gula pasir, kelapa tua dan isi kunyit. Jenis makanan yang terhasil daripada kesemua bahan ini ialah kuih *penyalam*, doldol dan nasi kuning. Hasil temu bual dengan Hj. Marinsah Hj. Abdul Hamid.

<sup>240</sup> Pulau Salakan merupakan sebuah perkampungan kecil yang berada di salah satu pulau-pulau yang berada di Semporna. Perjalanan ke pulau tersebut dari pekan Semporna mengambil masa lebih kurang 20 minit menggunakan bot. Setiap tahun hingga ke hari ini, upacara magjamu mesti diadakan untuk menggelakkan mala petaka yang akan berlaku kepada waris-waris cucu atau generasi yang akan datang.

mengadakan dan membuat upacara tersebut, barulah beliau boleh bercakap semula seperti sedia kala.

Kesimpulannya, *tulah* ini menjadi satu ketakutan kepada masyarakat Bajau walaupun pada masa yang sama ia cuba untuk menjadi kawalan sosial bagi masyarakat Bajau. Bukan sahaja masyarakat Bajau, namun ia tetap dipercayai oleh kebanyakan bangsa di dunia ini.

#### v. Amalan berhubung kepercayaan *Magombbo'* atau *Kembo'-mbo'an*

*Magombbo'* merupakan amalan orang Bajau untuk memuja roh leluhur nenek moyang dengan tujuan memohon rahmat dan kesejahteraan hidup.<sup>241</sup> Istilah lain yang sinonim dengan *magombbo'* ialah *magpaii-bahau*.<sup>242</sup> *Magombbo'* atau *magpaii-bahau* merupakan ritual yang paling kompleks bagi komuniti Bajau di Semporna yang diwarisi sejak lama dahulu yang diperturunkan melalui keturunan yang dipanggil sebagai jin yang merupakan pewaris rasmi *langkapan*.<sup>243</sup> Amalan ini dilakukan oleh mereka yang melanggar pantang larang atau sesuatu perkara tertentu. Upacara *magombbo'* ini dilakukan jika seseorang itu terdapat ‘tulah keturunan’ yang mana ia dalam bentuk penyakit seperti kudis, kurap atau penyakit kulit yang lain yang tidak akan sembuh walaupun berjumpa dengan para doktor.

---

<sup>241</sup> Bottignolo, Bruno, *Celebrations with the Sun: An Overview of Religious Phenomena among the Badjaos* (Quezon City: Ateneo de Manila University Press, 1995), 73.

<sup>242</sup> Lihat Hanaffi Hussin, “Magpaii-Bahau: Reunion Between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia”, dalam *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*, ed. Hanafi Hussin (Kuala Lumpur: University of Malaya, Institute of Ocean and Earth Sciences), 19-34.

<sup>243</sup> *Langkapan* secara mudahnya difahami ialah barang pusaka nenek moyang. Sila lihat Hanafi Hussin , “Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah”, (*Borneo Research Journal*, no. 2 (2008), 154. Makalah ini juga turut dibentangkan di persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia, Universitas Gajah Mada, Yogjakarta, Indonesia, Jun 2009.

Upacara ritual *magombbo'* biasanya akan dilaksanakan pada setiap tahun dan dilakukan mengikut tatacara tradisi, keagamaan dan melibatkan orang yang berjin. Amalan *magombbo'* melibatkan jamuan besar-besaran yang juga dikenali sebagai *magjamu*. *Magjamu* dalam upacara *magombbo'* merupakan satu upacara untuk memberi makan kepada roh nenek moyang. Mereka mempercayai roh semangat dan jin mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Sajian yang menjadi kesukaan nenek moyang mereka ialah padi baru (paii-bahau).<sup>244</sup>

Tiga hari sebelum bermulanya upacara ritual *magombbo'*, semua ahli keluarga yang terlibat akan bergotong royong menyiapkan bahan-bahan untuk upacara *magombbo'*. Kebiasaannya, peralatan yang digunakan dalam upacara pemujaan ini termasuklah air, tikar, daun, beras, pulut, kelapa tua, kulit kayu dan juga *gurul*.<sup>245</sup> Memandangkan upacara *magombbo'* diketuai oleh orang yang berjin, oleh itu peralatan tetap disediakan untuk upacara berjin. Antaranya, kain kuning, dan kain putih yang panjangnya kira-kira lima meter, kemenyan, *parasappan* (bekas untuk meletakkan bara api), minyak wangi cap air mata duyung, mayang pinang, satu gelas air, dan beras kuning.<sup>246</sup> Sehari sebelum upacara *magombbo'* ini, waris akan membawa barang pusaka seperti sepersalinan pakaian nenek moyang, kain putih, dan kain kuning yang digunakan untuk berubat dan tepak sirih akan diletakkan di satu tempat khas (*nipatengko*).<sup>247</sup>

Ritual *magpatengko* bermaksud mempersembahkan dan mempamerkan bahan makanan dan peralatan untuk upacara jamu kepada nenek moyang. Dalam upacara *magpatengko* juga, semua peralatan dan bahan upacara *magjamu*, seperti

---

<sup>244</sup> *Ibid.*, 23.

<sup>245</sup> *Gurul* ialah sejenis gelas yang diperbuat daripada tembaga.

<sup>246</sup> Md Saffie Abd. Rahim & Ab. Nasir Roslan, “Proses Kitaran Kehidupan”, dalam *Bajau Pantai Timur*, ed. Md Saffie Abd Rahim et al., (Kuala Lumpur: UMS & ITBM, 2012), 43.

<sup>247</sup> *Ibid.*, 43. Sila lihat juga tatacara upacara *magombbo'* dalam Hanafi Hussin, *Magpaii-Bahau: Reunion Between Living and Dead*, 28-34.

bahan makanan, mayang dan pinang akan diletakkan di atas tikar mengkuang. Setelah semua barang tersebut dikumpulkan, ritual *magpatengko* akan dimulakan. Orang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan upacara *magpatengko* ini ialah ketua dalam upacara *magombbo'* juga. Ritual tersebut diadakan untuk menyatakan hasrat ahli keluarga menyempurnakan upacara *magjamu* pada keesokan harinya.<sup>248</sup>

Ritual ini sebenarnya bertujuan untuk meminta dan menyeru roh nenek moyang agar anak cucu yang masih hidup sentiasa dijaga. Lazimnya, upacara tersebut dijalankan dengan memulai bacaan doa ke atas nenek moyang. Kata-kata yang dilafazkan adalah dalam bahasa Bajau. Selesai membaca doa, ketua adat akan mengambil barang yang dijamu untuk diasapkan pada kemenyan sebagai simbol mempersembahkan barang tersebut kepada roh nenek moyang. Semua anak cucu perlu berhadapan dengan peralatan yang akan disediakan dalam upacara *magpatengko* berkenaan. Semasa ritual *magpatengko*, alunan muzik *tagunggu* akan dimainkan.<sup>249</sup>

Sebenarnya, amalan *magombbo'* atau *magpaii-bahau* ini berasal daripada Filipina. H. Arlo Nimmo mengelarkan ritual ini sebagai Magpaii-baha-o di Tawi-Tawi Filipina.<sup>250</sup> Di sana, ia merupakan ritual tahunan yang wajib dirayakan oleh masyarakat Bajau Laut. Jika komuniti Bajau Laut gagal mengadakannya, dikatakan seluruh kampung akan mendapat musibah dalam bentuk pelbagai penyakit yang dipanggil sebagai *busung* atau *tulah*.<sup>251</sup>

---

<sup>248</sup> *Ibid.*, 43-44.

<sup>249</sup> *Ibid.*, 42-43.

<sup>250</sup> H. A Nimmo, *Reflections in Bajau History*, 32-59.

<sup>251</sup> Hanaffi Hussin, "Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah", 154.

Menurut informan pengkaji yang dikenali sebagai puan Norasmah,<sup>252</sup> beliau pernah melakukan upacara *magombbo'* untuk anaknya. Beliau mempunyai enam orang anak dan empat daripadanya telah diadakan upacara *magombbo'*. Beliau menceritakan, ketika anak-anaknya masih kecil, lebih kurang berumur 3 tahun, anak-anaknya sering ditimpa penyakit kudis yang sukar untuk sembuh. Walaupun telah disuntik dan diberi ubat oleh para doktor, namun kudis tersebut terus merebak dan tidak sembuh. Oleh itu, beliau akan menjalani upacara *magombbo'*. Tetapi, menurut beliau, upacara yang beliau jalankan tidaklah seperti yang diperkatakan sebelum ini. Jika sebelum ini diterangkan bahawa upacara *magombbo'* hendaklah diadakan secara *magjamu* secara besar-besaran yang mana dikehendaki mangsa terkena *tulah* perlu datang ke pulau tertentu atau kubur tertentu untuk meminta kesejahteraan nenek moyang. Namun demikian, dalam hal ini, beliau hanya menyiapkan beberapa bahan untuk *magombbo'* seperti beras tepung, kunyit dan sebagainya lalu dibuat dodol dan disertakan niat telah mengadakan majlis *magombbo'* agar nenek moyang tidak murka dengan anak cucu mereka. Selepas itu, barulah disusuli dengan doa selamat. Menurut beliau juga, hanya penyakit tertentu seperti gila, kurang akal, tidak siuman dan sebagainya yang perlu dilakukan upacara *magombbo'* yang disertai dengan ritual-ritual tertentu.<sup>253</sup> Apa yang uniknya, beliau turut percaya bahawa benda-benda ini semua adalah khurafat. Namun, atas faktor takut dan risiko yang dialami jika tidak melakukannya mendorong beliau untuk melakukan upacara *magombbo'*. Tetapi, sekitar tahun 2004 dan ke atas, beliau sudah tidak melakukan upacara ini.

---

<sup>252</sup> Hasil temu bual bersama Puan Norasmah pada 28 Oktober 2012 bertempat di rumah beliau di Kampung Rancangan Wawasan Semporna.

<sup>253</sup> Hasil temu bual dengan Puan Norasmah pada 28 Oktober 2012. Menurut beliau juga, sewaktu beliau kecil, pernah terjadi penyakit tulah kepada pakcik beliau yang hampir mengakibatkan kematian. Doktor pakar tidak dapat mampu menyembuhkan penyakit tersebut. Namun, setelah mendengar pendapat orang tua-tua Bajau, pakcik beliau dikehendaki mengadakan upacara *magombbo'*. Dengan izin Allah, selepas melakukan upacara tersebut, dalam beberapa tempoh, pakciknya telah sihat seperti sedia kala.

## **vi. Amalan yang berhubung kepercayaan kepada ilmu sihir dan magik**

Secara tradisinya, ilmu sihir sudah lama bertapak di dunia ini. Ini terbukti seperti mana kisah yang berlaku antara Nabi Musa dan Fir'aun, kisah Rasulullah SAW terkena sihir dan sebagainya.<sup>254</sup> Rata-rata bangsa di dunia ini sangat mempercayai ilmu ini. Hal yang sama turut berlaku kepada masyarakat Bajau. Sehingga ke hari ini, ramai orang Bajau yang mempercayai ilmu ini dan mengamalkannya. Terutamanya di kalangan bomoh atau kelamat. Antara ilmu yang biasanya mendapat tempat di kalangan orang Bajau untuk mempelajarinya ialah ilmu *pugai*,<sup>255</sup> ilmu *panglias*,<sup>256</sup> ilmu *pukau*,<sup>257</sup> dan ilmu *bungkang*.<sup>258</sup> Kesemua ilmu ini mempunyai peranan dan keistimewaan tersendiri. Upacara setiap ilmu ini juga turut berbeza antara satu sama lain.

Hakikatnya, ilmu sihir dan magik adalah dua perkara yang berbeza. Lazimnya, ilmu sihir digunakan untuk tujuan jahat semata-mata. Manakala untuk ilmu magik pula ia digunakan untuk tujuan baik yang dikenali sebagai *white magic* dan tujuan tidak baik yang dikenali sebagai *black magic*. Hal ini dijelaskan oleh W. Lessa & Vogt “*Whereas magic may be either malevolent or beneficent, witch craft is invariably evil*”. Kedua-dua ilmu sihir dan magik mempunyai nilai dan fungsi yang

---

<sup>254</sup> Maklumat lanjut berhubung Rasulullah SAW pernah terkena sihir, sila lihat Abu Mazaya al-Hafiz, *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW* (Selangor: al-Hidayah Publications, 2010), 724-727.

<sup>255</sup> Ilmu pugai ini terdapat dalam istilah bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *love charm*. Ilmu ini digunakan untuk menjadikan dua orang pasangan saling mencintai.

<sup>256</sup> Ilmu ini diamalkan untuk menjadikan seseorang menjadi kebal dan tidak dapat dicederakan oleh mana-mana musuh walaupun menggunakan senjata-senjata tertentu.

<sup>257</sup> Ilmu ini digunakan untuk mencuri dan cuba membuatkan mangsa menuruti kemahuan pengamal tersebut dan tidak sedar atas apa yang terjadi.

<sup>258</sup> Ilmu bungkang adalah ilmu yang sama dengan santau dalam masyarakat Melayu. Ia digunakan ke atas seseorang apabila timbul rasa tidak puas hati.

tertentu dalam masyarakat. Malinowski menerangkan bahawa walau pun manusia mempunyai ilmu pengetahuan dan ilmu sains yang luas, mereka tidak dapat menguasai segala perkara yang berlaku di muka bumi ini seperti kejadian alam yang luar biasa, kemalangan yang tidak di sangka-sangka dan sebagainya. Oleh yang demikian, lazimnya manusia kan mencari alternatif dengan mempercayai ilmu magik. Ini terbukti seperti yang terdapat dalam pernyataan Malinowski:<sup>259</sup>

*“Magic is to be expected and generally to be found whenever man comes to an unbridgeable gap, a hiatus in his knowledge or in his powers of practical control, and yet has to continue in his pursuit.”*

Ilmu sihir dan magik di kalangan orang Bajau Semporna boleh dirumuskan seperti berikut;

**a) Ilmu Pugai**

Ilmu Pugai secara mudahnya dapat difahami sebagai ilmu pengasih dalam masyarakat Melayu. Manakala dalam masyarakat barat, ia dikenali sebagai *love charm*. Lazimnya, ilmu ini digunakan untuk salah seorang daripada pasangan jatuh cinta. Ilmu ini biasanya dilakukan oleh *kelamat*. Antara bahan yang boleh dijadikan sebagai ilmu pugai ialah rambut, gambar, baju dan sebagainya.

Ilmu pugai ini juga boleh dipelajari oleh orang awam dengan *kelamat* tersebut. Menurut seorang informan yang dikenali sebagai encik Yusuf, beliau pernah mempelajari ilmu ini pada waktu dahulu dari bapa beliau.<sup>260</sup> Menurut beliau,

---

<sup>259</sup> Malinowski, B., “The Role of Magic and Religion”, *Reader in Comparative Religion* (London: Harper, Evanston dan London), 102-112.

<sup>260</sup> Temu bual bersama Encik Yusuf Kasim pada 4 Oktober 2012 di kediaman beliau di kampung Gallam-gallam daerah Semporna. Beliau banyak mempelajari ilmu-ilmu ini pada ketika dahulu dari bapa beliau. Pada masa yang sama, kampung beliau memang terkenal dengan amalan-amalan

ilmu pugai ini berbagai-bagai-bagai. Ada ilmu pugai yang hanya dikenali sebagai ‘ilmu pemanis’ yang bertujuan membuatkan wanita suka dan senang dengan diri pengamal tersebut, dan ada juga ilmu pugai dengan tujuan cuba memikat hati wanita sehingga mereka menjadi hamba cinta pengamal tersebut dan sebagainya.

Cara mengamalkan ilmu ini juga menurut beliau mempunyai pelbagai cara mengikut guru atau *kelamat* yang dipelajari. Antara salah satu amalan yang diajarkan oleh bapa beliau kepada beliau ialah dengan melihat kepada bulan purnama. Pada ketika itu, pengamal tersebut hendaklah membayangkan wanita yang disukai pada bulan tersebut, kemudian disusuli dengan bacaan mantera seperti berikut “*andu-andu sin bulan, andu-andu sin matahari*”. Selepas itu, disebut nama wanita tersebut. Menurut beliau, mantera ini mesti dipercayai mujarab oleh seseorang barulah ia terbukti berkesan. Menurut beliau, beliau pernah mengamalkan mantera ini dan membuatkan seseorang wanita tertarik dengan beliau. Namun, pada hari ini, beliau sudah bertaubat dan meninggalkan amalan tradisi ini kerana beliau tahu bahawa ia perbuatan syirik dan berdosa besar.

Ilmu ini bukan sahaja digunakan untuk mencari jodoh, tetapi ia turut digunakan untuk menghancurkan rumah tangga seseorang.<sup>261</sup> Menurut orang Bajau, ilmu pugai tidak berbahaya dan baik kerana ia bertujuan untuk mewujudkan perasaan cinta terhadap pasangan. Sebenarnya ilmu ini juga diamalkan oleh kaum-kaum lain seperti kaum Melayu. Antara ilmu pugai yang terkenal di kalangan orang Melayu ialah ‘nasi kangkang’<sup>262</sup> yang bertujuan untuk menundukkan suami agar menurut kata-kata isteri.

---

sihir dan magik sehingga kampung yang berhampiran merasa takut apabila berlaku konflik dengan salah seorang ahli dari penduduk kampung ini.

<sup>261</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 163-164.

<sup>262</sup> Nasi kangkang merupakan satu istilah yang sangat sinonim dengan wanita. Ia bertujuan untuk menundukkan lelaki terutama suaminya. Dikatakan, lazimnya cara melakukannya pada waktu

### b) Ilmu Panglias

Ilmu ini dikenali sebagai ilmu kebal dalam masyarakat Melayu. Menurut cerita orang Bajau, ilmu ini dapat menjadikan seseorang kebal dan sukar untuk ditembusi peluru atau sebarang jenis senjata. Ilmu ini kerap digunakan oleh orang Bajau pada masa dahulu kerana orang Bajau kerap bertempur dengan penjajah seperti British, Jepun, lanun Filipina dan lain-lain lagi. Menurut Yap Beng Liang, kesan daripada desakan keadaan yang tidak tenteram, hampir majoriti orang Bajau mengamalkan ilmu ini.<sup>263</sup> Kenyataan ini juga disokong oleh encik Yusuf. Menurut beliau, bapanya menceritakan, pada ketika itu ilmu ini sudah menjadi amalan setiap dari kalangan orang Bajau. Ini kerana, bagi mereka tujuan mengamalkan ilmu ini adalah untuk mempertahankan diri memandangkan senjata yang penjajah guna pada ketika itu adalah moden berbanding mereka yang tradisional seperti lembing, parang, pisau dan sebagainya.<sup>264</sup>

Menurut informan pengkaji yang dikenali sebagai encik Ranza, arwah bapanya dikatakan pernah mengamalkan ilmu ini. Menurut beliau, bapanya merupakan seorang nelayan. Tetapi pada masa yang sama amat terkenal dengan kegagahannya apabila berlakunya pergaduhan. Arwah bapanya telah meninggal dunia disebabkan kecuaian dalam menangkap ikan. Ini kerana bapa beliau menangkap ikan menggunakan bom tangan yang dibuat sendiri.<sup>265</sup> Sewaktu letupan

---

haid. Wanita tersebut hendaklah memakai kain batik tanpa seluar dalam dan meletakkan seberkas nasi panas dan berwap di bawah kangangnya. Cecair dari kemaluan bercampur darah kemudian menitis ke dalam nasi panas lalu digaul dan dihidangkan ke atas suami. Pada masa yang sama, proses itu hendaklah disertai dengan mantera tertentu yang diajar oleh bomoh.

<sup>263</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 165.

<sup>264</sup> Hasil tembual bersama encik Yusuf pada 4 Oktober 2012.

<sup>265</sup> Di Semporna, ramai nelayan yang menggunakan cara ini (bom ikan) dalam menangkap hasil laut walaupun mengetahui risiko yang bakal dihadapi. Ini disebabkan cara ini boleh menjimatkan masa dan mampu memperoleh tangkapan ikan yang banyak tanpa perlu menunggu lama seperti cara menangkap ikan melalui pukat, joran dan sebagainya. Namun, pada hari ini, ia kurang gemar digunakan kerana kerajaan telah mengeluarkan arahan untuk menangkap sesiapa yang menangkap ikan menggunakan bahan ini kerana ia termasuk dalam bahan C4.

berlaku, bapa beliau meninggal di tempat kejadian. Apa yang menariknya, tubuh bapa beliau walaupun hampir 90 peratus terkena bom tangan tersebut, namun ia tidak hancur kerana mungkin disebabkan ilmu kebal yang diamalkan.<sup>266</sup>

### c) Ilmu Pukau

Ilmu ini sangat terkenal bukan sahaja di kalangan masyarakat Bajau, tetapi ia juga terkenal di kalangan masyarakat Melayu di semenanjung Malaysia. Ini terbukti di dada akhbar akhir-akhir ini yang menyatakan banyak kes-kes pukau berlaku yang direkodkan oleh mangsa di balai polis. Lazimnya, mangsa yang terkena ilmu ini akan terasa separuh sedar. Malah, seolah-olah lupa dan tidak ingat apa yang berlaku. Ilmu ini lazimnya digunakan untuk mencuri atau merompak sesuatu. Kebiasaannya ia disertai dengan mantera tertentu yang tidak difahami.<sup>267</sup>

Seorang mangsa yang dikenali sebagai puan Saimah menceritakan,<sup>268</sup> beliau pernah menjadi mangsa pukau ketika ditegur oleh seseorang yang tidak dikenali. Menurut beliau, pada awalnya orang tersebut cuba menjual jam tangan sambil memandang ke arah matanya. Dengan tidak semena-mena, beliau menuruti apa sahaja kemahuan orang tersebut sambil memberikan duit, cincin dan gelang emas yang dipakainya. Setelah beberapa ketika, barulah beliau sedar dan orang tersebut telah hilang di depan mata.

---

<sup>266</sup> Hasil temu bual bersama encik Ranza bin Robin pada 1 Ogos 2012 di Kampung Bugaya Semporna Sabah.

<sup>267</sup> Hasil temu bual dengan encik Yusuf Kassim pada 4 Oktober 2012.

<sup>268</sup> Temu bual dengan Puan Saimah bt. Yusof pada 18 November 2012 menggunakan telefon. Beliau merupakan ibu saudara bagi pengkaji sendiri.

#### d) Ilmu Bungkang

Ilmu *bungkang* adalah satu ilmu sihir yang sangat ditakuti oleh masyarakat Bajau Semporna. Ilmu *bungkang* dilakukan dengan cara menggunakan alatan tertentu seperti kunyit, kapur, tempurung dan jarum. Kesemua benda ini biasanya akan diletakkan di suatu kawasan yang berhampiran mangsa. Lazimnya di tempat yang sering dilintasi mangsa. *Kelamat* akan membaca doa tertentu pada alatan tersebut mengikut individu yang ingin menyakitkan seseorang.<sup>269</sup>

Menurut encik Yusuf, ilmu ini juga dikenali oleh mereka sebagai ilmu *pantak*.<sup>270</sup> Ia digunakan untuk menghancurkan atau membinasakan seseorang jika tidak puas hati terhadap orang tersebut. Lazimnya, ilmu ini digunakan untuk memberi kesedaran atau pengajaran kepada seseorang seperti pencuri atau orang yang membuat kesalahan. Menurut beliau juga, ilmu ini mampu menyeksa seseorang dengan teruk malah boleh membuat seseorang meninggal dunia.

Cara melakukan ilmu ini menurut beliau ialah dengan mengambil gambar mangsa secara penuh dari kepala hingga ke kaki. Kemudian, pengamal tersebut akan membuat boneka sama ada dari tanah liat atau kayu yang diukir berbentuk badan manusia sambil dibungkus dengan kain putih lalu dikenakan atau dicucuk jarum ke atas boneka tersebut. Sebelum dicucuk, boneka tersebut akan diasapkan yang dikenali sebagai *tangas* dalam bahasa Bajau dan pada masa itu mantera akan dibaca dengan tujuan roh jahat akan membantu proses memantak itu. Uniknya, mangsa yang terkena ilmu ini akan merasa sakit di bahagian yang dicucuk pada boneka tersebut.

---

<sup>269</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*,166.

<sup>270</sup> Hasil temu bual dengan encik Yusuf Kassim pada 4 Oktober 2012.

Pengalaman seorang informan pengkaji yang pernah menjadi mangsa ilmu ini menceritakan,<sup>271</sup> beliau pernah terkena ilmu pantak ini pada tahun 1987 yang dihantar seseorang atas dasar tidak puas hati. Menurut beliau, pada ketika itu, beliau bekerja sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Kem Kabota Tawau. Pada tahun tersebut, kerajaan telah membuat satu surat pekeliling dan mengarahkan semua guru besar di seluruh negara tidak boleh menerima pelajar yang tidak mempunyai dokumen surat lahir. Oleh sebab itu, beliau telah menolak seorang pelajar berketurunan jawa disebabkan tidak mempunyai dokumen. Disebabkan tidak puas hati, bapa pelajar tersebut telah menghantar dan membinasakan beliau sehingga hampir meninggal dunia. Antara simptom yang dialami beliau ialah merasa sakit di kepala, jantung dan sebagainya pada waktu maghrib seperti dicucuk dengan besi panas. Malah, ia menyebabkan muntah darah sehingga doktor pakar menyuruh berubat secara kampung. Namun, dengan izin Allah SWT, beliau mampu sihat sedia kala selepas berubat dengan seorang ustaz.

#### **vii. Amalan yang berhubung kepercayaan kepada mitos hantu**

Umumnya, setiap bangsa mempunyai kepercayaan mitos yang tersendiri. Kepercayaan ini juga turut wujud dalam amalan orang Bajau. Sesetengah mitos tersebut terhasil melalui pengalaman nenek moyang mereka, dan sesetengahnya pula merupakan rekaan mereka semata-mata. Mitos adalah sesuatu permulaan yang dilakukan oleh masyarakat kuno untuk mendapatkan sesuatu kebenaran. Mitos kebiasaannya diikuti dengan upacara keagamaan mengikut amalan masyarakat

---

<sup>271</sup> Temu bual dengan Hj. Marinsah B. Hj. Abdul Hamid pada 14 September 2012 di kediaman beliau di Kampung Rancangan Wawasan Semporna.

terdahulu<sup>272</sup> Antara mitos hantu yang popular dalam masyarakat Bajau ialah hantu *pangguah*,<sup>273</sup> *balbalan*,<sup>274</sup> *selok*, *kokok*,<sup>275</sup> *gelap*<sup>276</sup> dan *menanggalam*.<sup>277</sup>

Masyarakat Bajau percaya “Balan-balan” merupakan sejenis lembaga yang berasal daripada manusia. Menurut cerita orang tua-tua Bajau, “Balan-balan” terjadi apabila manusia itu salah menuntut dan mengamalkan ilmu kebatinan. Tujuan ilmu ini adalah supaya sentiasa muda, cantik dan boleh hidup lama. Manusia yang ingin mengamalkan ilmu ini hendaklah mengamalkan jampi mantera ilmu balan-balan selama empat puluh hari empat puluh malam berturut-turut.<sup>278</sup> Kemudian, badan pengamal ilmu syaitan ini akan terasa panas dan miang. Pada saat itulah, kepalanya akan tercabut dan terpisah dari tubuh badan sambil membawa keluar segala isi tubuh dan perut. ‘Balan-balan’ kelihatan sama seperti hantu ‘penanggalan’ atau ‘*Tenggelong*’ yang dikenali oleh kebanyakan orang Melayu. Namun bezanya, tidak pernah ada kisah penanggalan atau *Tenggelong* menyerang mayat untuk mendapatkan makanan.

---

<sup>272</sup> Karen Armstrong, *A Short History of Myth* (t.tp:Canon Gate Book, 2005), 4-7.

<sup>273</sup> Kepercayaan kepada hantu ini sangat menebal dan menjadi ketakutan di kalangan masyarakat Bajau. Kononnya ia merupakan penjelmaan bagi orang yang telah meninggal dunia. Rentetan daripada kepercayaan itu, jika berlaku kematian di sesebuah tempat, penduduk Bajau yang mendiami tempat tersebut akan mengelakkan diri daripada melintasi tanah perkuburan tersebut.

<sup>274</sup> Hantu *Balbalan* diceritakan kononnya mempunyai rupa manusia tetapi tidak mempunyai badan. Ia menyerang manusia pada waktu malam. Hantu ini bukan sahaja menjadi kepercayaan orang Bajau di Semporna Sabah, namun ia menjadi kepercayaan masyarakat Bajau di Kota Belud Sabah,

<sup>275</sup> Hantu *kekok* diceritakan tidak begitu berbahaya kerana tujuannya bukan untuk membinasakan mangsanya tetapi sekadar menjadikan mangsanya rakan atau kerabatnya sendiri.

<sup>276</sup> Hantu ini sangat popular bagi nelayan. Ini kerana orang yang biasanya menjumpai hantu ini adalah dari kalangan mereka. Di fahamkan hantu ini boleh mencekik manusia dan melemaskan mangsanya dengan cara menenggelamkan perahu.

<sup>277</sup> Hantu *menanggalam* pula dikatakan menyerupai api. Orang yang melihatnya dikatakan akan menjadi kaku, ketakutan dan bisu untuk tempoh tertentu.

<sup>278</sup> Ini berdasarkan filem yang ditonton pengkaji dalam filem “Misteri Dendam Balan-Balan The Movie”. Filem ini dibuat oleh pengarah Amith Abidin AW di bawah syarikat penerbit MAR Production Sdn. Bhd. Filem ini dibuat berdasarkan cerita benar yang diambil dari pengalaman orang Bajau Kota Belud.

Dikatakan, sebenarnya balan-balan suka menjilat darah pada uri perempuan bersalin. Namun sekiranya balan-balan gagal mendapatkannya, balan-balan akan menyerang dan menghisap darah manusia. Sekiranya masih gagal menghisap darah manusia, balan-balan akan menyerang mayat manusia dan memakan segala organ dalam tubuh mayat itu, terutama hati. Balan-balan dikatakan hanya terbang pada waktu malam dan bergerak bebas seperti manusia biasa pada siang hari. Dikatakan, cara untuk mengenal pasti balan-balan adalah dengan melihat pada matanya. Mata balan-balan dikatakan sentiasa merah. Untuk memastikan lagi, potonglah limau nipis sambil memperhatikan matanya. Jika dia mengamalkan ilmu balan-balan, matanya akan berair. Pengamal ilmu balan-balan juga tidak suka pada benda berduri dan tajam kerana semua itu boleh mengakibatkan isi perutnya yang terburai itu tersangkut dan luka.<sup>279</sup> Justeru di halaman rumahnya tidak akan ada pokok yang berduri seperti pokok limau dan benda-benda tajam seperti buluh.

Sementara itu, hantu *kekok* pula dikatakan tidak begitu bahaya kerana tujuannya bukan hendak membinasakan mangsa tetapi untuk menjadikan mangsa tersebut sebagai rakan atau kerabatnya sendiri. Lazimnya, hantu *kekok* ini dikatakan menyamar sebagai ibu bapa, saudara mara atau kaum kerabat. Dikatakan, ia selalu menjumpai mangsa dalam musim hujan atau di tempat kawasan bakau. Ia selalu menghilangkan mangsa dengan membawanya ke hutan. Jika ia tidak dapat dijumpai oleh saudara mara, maka ia kekal dengan hantu tersebut.<sup>280</sup>

Hantu *gelap* pula ialah hantu yang sering dikaitkan dengan laut. Ia dikatakan sangat berbahaya kerana mampu membunuh mangsa dengan menenggelamkan

---

<sup>279</sup> Dalam masyarakat Bajau Semporna, lazimnya rumah seseorang wanita yang sarat mengandung dan mempercayai mitos ini, akan meletakkan batang limau yang berduri sebagai cara untuk melindungi diri dari hantu balan-balan. Sejauh mana kebenaran teori ini tidak diketahui.

<sup>280</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omadal*, 143.

perahu dan melemaskan mangsanya. Menurut encik Ranza,<sup>281</sup> di kampung beliau iaitu Kampung Gusung Malanta, pernah terjadi peristiwa mangsa meninggal disebabkan hantu ini. Ini kerana kematian yang tanpa sebab di laut seperti cuaca yang baik atau keadaan perahu yang sempurna, namun meninggal dalam perahu secara tiba-tiba dikatakan berpunca daripada hantu ini.

Sebenarnya, kepercayaan kepada hantu-hantu tersebut berpunca daripada jika berlakunya kematian ke atas seseorang. Masyarakat Bajau memang unik apabila menyentuh soal kematian. Ini kerana terdapat satu adat atau amalan tradisi Bajau apabila berlaku kematian iaitu *adat mengawal kubur*.<sup>282</sup> Kawalan kubur selama tujuh hari dimestikan kerana masyarakat Bajau percaya mayat akan didatangi *balan-balang* dalam tempoh tersebut. Berbalik pada adat mengawal kubur masyarakat Bajau, adat yang sepatutnya menyeramkan ini sudah menjadi seperti budaya masyarakat yang ditunggu-tunggu dan membawa keceriaan. Lelaki Bajau yang terdiri daripada saudara mara si mati akan mengawal kubur sepanjang malam selama tujuh hari. Kaum wanita dan kanak-kanak pula akan berjaga di rumah si mati. Adat mengawal kubur ini menjadi semacam hiburan pula apabila para penjaga kubur mengadakan permainan untuk mengelakkkan rasa mengantuk atau rasa takut. Antara permainan yang biasa dilakukan semasa mengawal kubur adalah ‘pasang’, congkak, daun terup dan sebagainya.<sup>283</sup>

Bagi orang-orang tua Bajau, permainan-permainan ini sudah menjadi semacam ritual magis untuk menyingkirkan kuasa-kuasa luar biasa. Orang luar

---

<sup>281</sup> Hasil temu bual dengan Encik Ranza bin Robin pada 15 September 2012 di kediaman beliau di Kampung Gusung Malanta. Beliau merupakan seorang nelayan.

<sup>282</sup> Dalam kalangan masyarakat Bajau Semporna, adat menjaga kubur ini hanya selalu diamalkan oleh penduduk kampung yang berada di kawasan pulau-pulau berhampiran pekan Semporna seperti Pulau Omadal, Pulau Bum-Bum dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Bajau yang berada di kawasan sekitar daerah Semporna, amalan ini amat jarang kelihatan dan dilakukan.

<sup>283</sup> Hasil temu bual dengan encik Yusuf Kassim pada 4 Oktober 2012 di kediaman beliau di Kampung Gallam-Gallam Semporna.

pastinya berasa hairan apabila melihat adat mengawal kubur ini meriah dan ceria dengan jerit pekik dan tawa para pengawal kubur. Mereka bergurau senda dan berhibur sepanjang malam. Namun setiap kebiasaan sesuatu masyarakat memang lazimnya dianggap luar biasa oleh masyarakat lain. Itulah yang menonjolkan keunikan dan warna-warni budaya masyarakat Bajau yang rencam.

### **3.5 KESIMPULAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa amalan-amalan tradisi sesuatu bangsa perlu terus diamalkan agar pengekalan serta pemeliharaan warisan tradisi ini dapat diteruskan. Penerusan amalan-amalan tradisi ini seperti yang dilakukan oleh masyarakat Bajau Semporna adalah untuk memastikan warisan budaya ini terus terlestari dan dapat bertahan dari semasa ke semasa.

Lazimnya, usaha memelihara budaya atau amalan tradisi ini diamalkan dan dilakukan oleh orang-orang tua Bajau agar kesemua amalan tradisi ini tidak hilang mengikut arus kemodenan. Perubahan demi perubahan yang berlaku merupakan cabaran kepada pengekalan amalan tradisi ini dan menjadi ancaman kepada pengekalan identiti Bajau itu sendiri yang berasaskan kepada amalan tradisi.

Walau bagaimanapun, bagi pengkaji sendiri, walaupun terdapat usaha yang dilakukan oleh beberapa pihak untuk melestarikan amalan-amalan tradisi ini demi mengelakkan pupus akibat evolusi waktu, ia perlu dianalisis secara terperinci. Ini kerana banyak amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau sehingga ke hari ini bersangkut paut dengan akidah orang Bajau. Justeru, walaupun pengekalan budaya atau amalan tradisi ini wajar dipertahankan dan dilestarikan, namun sejauh mana ia

dipelihara dan diamalkan harus diselidiki agar budaya etnik Bajau terus dipelihara mengikut acuan hukum Islam.

Sehubungan itu, tidak dapat dinafikan bahawa agama Islam berperanan sangat penting dalam membentuk pemikiran etnik Bajau. Walaupun Islam telah lama bertapak di kalangan etnik Bajau, namun sisa kepercayaan dan adat yang diamalkan masyarakat Bajau pada zaman animisme serta Hindu-Buddha masih berbaki di kalangan mereka. Ini jelas seperti mana yang dinyatakan pengkaji dalam amalan-amalan tradisi yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Semporna hingga ke hari ini. Hakikatnya, kepercayaan yang menebal kepada amalan tradisi ini memberi kesan tampak kepada manifestasi sikap, nilai, psikologi dan perlakuan masyarakat Bajau dalam menghadapi dan menangani persoalan yang membabitkan kelangsungan hidup mereka.

Pada masa yang sama juga, usaha mengubah beberapa adat yang dikhuatiri boleh menjelaskan akidah Islam bukanlah semudah yang disangka. Ini kerana masyarakat Bajau sangat berpegang teguh dengan pemikiran yang membabitkan nilai, kepercayaan, dan pelbagai pantang larang yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Berdasarkan pengamatan pengkaji, amalan kepercayaan tradisi ini telah banyak dicampur aduk dengan kehendak agama bagi tujuan disesuaikan dengan lingkungan persekitaran semasa.

Selaras dengan itu, dalam usaha mengamalkan Islam secara menyeluruh, unsur-unsur pembauran (sinkronasi) dengan kepercayaan asli pra-Islam masih dijadikan sandaran utama khususnya dalam menyelenggarakan adat resam orang Bajau hingga ke hari ini. Namun begitu, pada masa yang sama tatacara Islam tetap dilaksanakan seperti bacaan doa selamat, tahlil dan berzanji. Dalam erti kata lain, penyelenggaraan adat resam Bajau bersifat ‘sinkretis’ yang mencampur-adukkan

antara ajaran Islam dengan kepercayaan lama. Fenomena sinkretisme-Islam ini sebenarnya lebih banyak melahirkan unsur negatif daripada positif. Ini kerana, ia secara tidak langsung boleh menjelaskan akidah masyarakat Bajau Muslim tanpa disedari. Pada masa yang sama juga, ia turut menimbulkan kekeliruan di kalangan etnik Bajau dalam membezakan perkara adat atau syariat. Justeru, dalam hal ini, fenomena sinkretisme-Islam harus diteliti semula agar masyarakat Bajau dapat mengamalkan adat menurut syariat Islam. Sehubungan itu, amalan tradisi Bajau bukan sahaja dipengaruhi oleh sinkretisme-Islam, namun pada masa yang sama ia turut dipengaruhi sinkretisme pra-Islam.

Secara teorikal dan konsep, sinkretisme bukanlah suatu bentuk pemikiran yang membawa ideologi baru, tertentu dan khusus terhadap sesuatu aspek. Sebaliknya, sinkretisme membawa faham terhadap fenomena percampuran dan pembauran beberapa bentuk pemikiran atau falsafah atau agama yang bersifat tertentu. Sinkretisme-Islam dalam adat resam Bajau secara mudahnya dapat difahami ‘campur aduk’ antara syariat Islam dan adat resam Bajau. Pada hari ini, rata-ratanya adat yang diamalkan oleh orang Bajau banyak mengalami perubahan. Dari asalnya animisme atau Hindu-Buddha, ia mampu diserapkan unsur-unsur Islam agar kononnya ia didakwa tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hakikatnya, asimilasi ajaran Islam dan adat resam Bajau tidak mengalami perubahan secara total. Walaupun ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup, namun dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau. Fenomena sinkretisme agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami sesuatu ajaran yang dipercayai oleh seseorang individu Bajau Muslim. Apa yang lebih dikhuatiri ialah ia boleh menimbulkan gejala penyongsangan akidah dan iman seseorang individu Muslim.

Walaupun begitu, penerimaan sesuatu budaya secara membata tuli tanpa melakukan analisis kritis bukanlah suatu tindakan yang bijak. Begitu juga sebaliknya. Penolakan bulat-bulat segala unsur asing tanpa pemeriksaan dan penelitian rapi hanya akan merugikan masyarakat jika terdapat nilai yang positif dan baik. Hal yang sama berlaku dalam fenomena sinkretisme. Penerimaan sesuatu perkara yang berhubung adat resam berlandaskan budaya ilmu dan syariat Islam adalah sangat penting. Seterusnya menjadi kewajaran kepada umat Islam khususnya masyarakat Bajau mengambil iktibar agar sinkretisme ini menjadi seperti pepatah “*yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan*” mengikut bilai-nilai baik dan buruk yang digariskan dalam syariat Islam.

## BAB 4 - ANALISIS HUKUM

### 4.0 PENGENALAN

Secara umumnya, masyarakat Bajau Semporna hingga ke hari ini masih mengamalkan beberapa amalan tradisi nenek moyang dalam kehidupan mereka. Amalan tradisi ini dilakukan tanpa mengenal pasti adakah amalan tersebut selari dalam ‘urf dalam hukum Islam atau sebaliknya. Antara punca utama berterusnya amalan dan sikap seperti ini ialah kebanyakan masyarakat Bajau Semporna terpengaruh dengan adat resam yang menebal, kejahilan dalam hal-hal agama, pemujaan kepada semangat roh nenek moyang dan sebagainya. Sebenarnya, kegagalan memahami adat resam masyarakat Bajau berdasarkan *manhaj* dan disiplin yang betul menjadikan seolah-olah adat ini selari dengan Islam sedangkan ia perlu dianalisis menurut hukum Islam bagi mengelakkan ia bersangkut paut dengan amalan syirik, ‘urffasid, bid‘ah, mahupun khurafat.

Secara amnya, di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah terdapat dua bentuk dalil iaitu dalil yang bersifat *qat'i* (putus dan jelas) dan dalil yang bersifat *zanni* (spekulatif dan samar-samar).<sup>284</sup> Dalil yang bersifat putus dan jelas ini merupakan prinsip dan peraturan yang ditetapkan Allah SWT tanpa mengalami sebarang perubahan hukum yang terkandung di dalamnya. Manakala dalil yang bersifat *zanni* (spekulatif), menurut al-Qaradawi, ia sengaja ditinggalkan Allah SWT untuk

---

<sup>284</sup> Lihat Yusuf al-Qaradawi, *Fi Fiqh al-Awlawiyyat* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 76.

memberikan fleksibiliti kepada para mujtahid untuk mengeluarkan hukum yang bersesuaian dengan realiti semasa mereka.<sup>285</sup>

Bagaimanapun, para sarjana Islam telah menetapkan beberapa kaedah dan metodologi supaya ijtihad yang dilakukan oleh seseorang sarjana itu tidak lari dari prinsip-prinsip asas syariah yang dinamakan sebagai kaedah *usul al-fiqh*.<sup>286</sup> Melalui metodologi ini, terdapat satu kaedah yang dikenali sebagai *al-'urf wa al-'adah*<sup>287</sup> yang bersangkut paut dengan kehidupan bermasyarakat manusia tetapi pada masa yang sama ia memastikan syariah Islam berjalan di atas paksinya yang sebenar. Kaedah ini sangat penting kerana ia mampu menangani segala permasalahan yang berlaku dalam masyarakat yang apabila didapati tidak ada sumber daripada al-Quran ataupun al-Sunnah. Kaedah ini juga telah diterima dan diguna pakai oleh semua mazhab.<sup>288</sup>

Justeru, memandangkan kajian ini memberikan tumpuan istimewa kepada amalan tradisi masyarakat Bajau menurut hukum Islam, maka dalam perbincangan seterusnya pengkaji akan menganalisis beberapa amalan tradisi Bajau seperti yang dijelaskan dalam bab sebelum ini menggunakan metodologi sosiologi hukum Islam.

---

<sup>285</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Al-Sahwah al-Islamiyyah Wa Humum al-Watan al-'Arabi wa al-Islami* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997), 51-55.

<sup>286</sup> Maklumat lanjut berhubung kaedah *Usul al-Fiqh*, sila lihat Mohd Daud Bakar, "Usul Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Syariah" dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001), 36. Sila lihat juga Muhammad al-Khudhari Bik, *Usul al-Fiqh* (Kaherah: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, 1962) ; Muhammad Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh* (Kaherah: Dar al-Fiqh al-'Arabi, 1958); Al-Zuhayli, Wahbah, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2010), 103-135.

<sup>287</sup> *Al-'Urf wa al-'Adat* merupakan salah satu sumber hukum di dalam ilmu Usul Fiqh. Kaedah ini sangat penting kerana ia digunakan sebagai pertimbangan ijtihad dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Ini kerana hukum Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan 'urf. Pada era sebelum agama, masyarakat sudah pun mengenal hak dan kewajipan mereka yang dapat diterima dalam masyarakat. Tradisi dan segala batasan mengenai tingkah laku anggota masyarakat menjadi rujukan penting dalam perlaksanaan sesuatu hukum. Maklumat lanjut berhubung al-'urf sebagai pertimbangan ijtihad, sila lihat Muhammad Firdaus Nurul Huda, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam* (Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002), 112-119.

<sup>288</sup> Syihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Idris al-Qarafi, *Syarh Tanqih al-Fusul fi Ikhtisar al-Mahsul fi al-Usul*. Tahqiq: Taha 'Abd al-Ra'uf Saad (Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, t.t), 194.

Perbincangan ini akan dimulakan dengan mendedahkan kepentingan *al-‘urf* dalam proses *istibath* hukum, seterusnya akan menganalisis amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna sama ada amalan-amalan tradisi ini diraikan dan dibolehkan oleh syariat Islam atau sebaliknya.

#### 4.1 KONSEP AL-‘URF

Secara umumnya, sumber-sumber syarak terbahagi kepada dua iaitu pertama, sumber disepakati jumhur ulama yang terdiri daripada al-Qur'an, al-Sunnah, ijma' ulama dan qiyas. Kedua, sumber tidak disepakati yang terdiri daripada *istihsan*, *masalih-mursalah*, *sadd al-zara'i*, *istishab*, ‘*amal ahli Madinah*, dan *al-‘urf wa al-‘adah*.<sup>289</sup> ‘Urf merupakan salah satu sumber penting yang telah meninggalkan kesan yang begitu besar dalam sejarah pembinaan hukum Islam. Ramai di kalangan ulama yang berpegang kepada ‘urf dalam mengeluarkan sesuatu hukum yang timbul di dalam masyarakat. Sebagai suatu sumber hukum, ‘urf mempunyai kedudukan yang kukuh dalam proses penyelidikan hukum dan ijtihad.

Majoriti fuqaha mengakui autoriti ‘urf sebagai salah satu sumber dalam penetapan hukum. Al-Qarafi (m. 1283H) menetapkan ‘urf sebagai salah satu sumber perundangan Islam.<sup>290</sup> Al-Tufi (m.1316H) pula menetapkan ‘urf di tempat ke sepuluh<sup>291</sup> dalam senarai sumber perundangan, manakala Abu Sunnah mengatakan

---

<sup>289</sup> Maklumat lanjut berhubung sumber disepakati dan tidak disepakati, sila lihat al-Ghazali, *al-Mustasfa*, (Kaherah: al-Matba'ah al-‘Aminiyah, 1324), Jil. 2 ; al-Syatibi, *al-Muwafaqat* (Kaherah: Matba'ah Subaih, t.t) ; al-Amidi, *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam* (Kaherah: Matba'ah Subaih, 1347H), Jil. 3; Al-Syaukani, *Irsyad al-Fuhul*, (Kaherah: Matba 'ah Subaih, 1349H).

<sup>290</sup> Lihat Abu Sunnah, *al-‘Urf wa al-‘Adah fi Ra'y al-Fuqaha* (Kaherah: Dar al-Basa'ir, 2004) , 32.

<sup>291</sup> Al-Tufi, *Risalah fī al-Maslahah* (Kaherah: t.p., 1954), 16.

‘urf hendaklah dilakukan mengikut proses ijma’.<sup>292</sup> Begitu juga Mahmasani berpendapat ‘urf mesti disesuaikan dengan sumber-sumber lain. Kalau bertentangan dengan sumber atau falsafah perundangan Islam, maka ‘urf tidak boleh digunakan.<sup>293</sup> Kesimpulannya, jelas di sini walaupun ‘urf diberi pertimbangan dalam pembinaan hukum, namun ia hendaklah dirujuk kepada dalil-dalil syarak yang muktabar.

#### 4.1.1 Definisi Etimologi *al-‘urf*

Dalam bahasa Arab, *al-‘urf* (العرف) mempunyai pelbagai maksud. Antaranya ia memberi maksud pengetahuan atau *al-ma‘rifah* (المعرفة) yang merupakan kata terbitan bagi perkataan ‘araf’ (عرف).<sup>294</sup> Selain itu, Menurut Ibnu Manzur, *al-‘urf* membawa maksud memberi sesuatu yang diketahui atau digunakan sebagai sesuatu yang baik.<sup>295</sup> Luis Ma‘luf pula menerangkan bahawa ‘urf ialah perkara yang wujud tetap di dalam diri manusia yang berpandukan akal fikiran yang diterima oleh tabiat yang sejahtera.<sup>296</sup>

Di dalam al-Qur'an juga terdapat perkataan *al-‘urf* yang telah digunakan dengan membawa pelbagai definisi dalam beberapa keadaan. Contohnya seperti;

- i. *Al-‘urf* digunakan sebagai satu tempat tinggi yang boleh dilihat.



<sup>292</sup> Abu Sunnah, *al-‘Urf wa al-‘Adah*, 32-38.

<sup>293</sup> Subhi Mahmasani, *Falsafah al-Tasyri’ fi al-Islam* (Beirut: t.p, 1971), 184. Sila lihat juga S. Mahmasani, *The Philosophy of Jurisprudence of Islam*, terj. (Selangor: Penerbitan Hizbi, 1987), 131.

<sup>294</sup> Jamal al-Din Muhammad bin Makram Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Fikr, 1990), 9: 239

<sup>295</sup> *Ibid.*

<sup>296</sup> Luis Ma‘luf, *al-Munjid* (Beirut: t.p, 1952), 521.


Terjemahan: Dan di antara keduanya (syurga dan neraka) ada tembok "al-A'raaf" (yang menjadi) pendinding, dan di atas tembok al-A'raaf itu ada sebilangan orang-orang lelaki yang mengenal tiap-tiap seorang (dari ahli-ahli syurga dan neraka) itu, dengan tanda masing-masing.

- ii. *Al-‘urf* digunakan sebagai sesuatu yang tersusun dan bersambung-sambung antara satu sama lain.<sup>297</sup>

  
Al-Mursalat: 1

Terjemahan: Demi (makhluk-makhluk) yang dihantarkan berturut-turut (menjalankan tugasnya).

- iii. *Al-‘urf* digunakan sebagai sesuatu yang diketahui baik, dan diterima jiwa dengan terang.

  
Al-‘Araf: 199

Terjemahan: Terimalah apa yang mudah Engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

#### 4.1.2 Definisi *al-‘urf* Dalam Terminologi Usul fiqh

Secara umumnya, para ulama telah mendefinisikan pengertian *al-‘urf* dengan pengertian yang pelbagai. Al-Jurjani mendefinisikan *al-‘urf* sebagai suatu amalan yang mendasari jiwa dengan penyaksian akal yang diterima oleh tabiat semula jadi

---

<sup>297</sup> Lihat Abu al-Fida’ Isma‘il Ibn Kathir, Tafsir al-Qur’an al-‘Azim ( Beirut: Dar al-Fahya’, 1998), 2: 289.

manusia.<sup>298</sup> Definisi ini hampir sama dengan apa yang diperkatakan oleh Ibn ‘Abidin (ulama bermazhab Hanafi), yang menurutnya telah dipetik daripada kitab al-Mustasfa iaitu:<sup>299</sup>

العادة والعرف ما استقر في النفوس من جهة العقول وتلقته الطباع السليمة  
بالقبول

Maksudnya: “al-‘Adah dan al-‘Urf ialah sesuatu yang telah mendasari jiwa melalui pemikiran yang diterima oleh naluri yang suci”.

Ahmad Fahmi Abu Sunnah juga telah memetik definisi yang sama dengan Ibn ‘Abidin iaitu daripada kitab *al-Mustasfa fi al-Fiqh* karangan oleh Imam Hafiz al-Din al-Nasafi, sebagai sesuatu yang telah mendasari jiwa melalui pemikiran, yang diterima oleh naluri yang suci.<sup>300</sup> Menurut sesetengah penulisan,<sup>301</sup> definisi yang sama juga telah diberikan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab al-Mustasfa karangannya. Walau bagaimanapun, menurut Dr. Mustafa al-Bugha kajianya mendapati tidak ada definisi sedemikian dalam kitab al-Ghazali itu.<sup>302</sup>

---

<sup>298</sup> Lihat al-Jurjani, *Kitab al-Ta‘rifat* (Kaherah: t.p, 1283H), 99.

<sup>299</sup> Lihat Muhammad Amin Afandi Ibn Abidin, *Majmu ‘ah Rasail Ibn Abidin* (t.t.: t.p., 1980), 2: 112.

<sup>300</sup> Definisi yang dipetik oleh Ahmad Fahmi Abu Sunnah ialah sebenarnya definisi yang sama dipetik daripada Ibn ‘Abidin. Cuma beliau menjelaskan bahawa al-Mustasfa itu ialah karangan al-Nasafi, berbeza dengan Ibn ‘Abidin yang tidak menjelaskan berkenaan dengan penulis al-Mustasfa itu. Sila lihat Ahmad Fahmi Abu Sunnah, *Al-‘Urf wa al-‘Adat fi Ra’y al-Fuqaha*’ (Kaherah: Dar al-Basair, 2004), 28.

<sup>301</sup> Antara penulis yang menyatakan sumber al-Ghazali ialah seperti Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Beirut: Dar al-Fikr, 1998), 2: 830. Sila lihat juga Mohd Salleh Hj. Ahmad, “‘Urf dan ‘Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak Dinaskan” dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzuan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000), 111.

<sup>302</sup> Dr. Mustafa al-Bugha berpendapat bahawa definisi tersebut merupakan definisi yang dibawa oleh al-Nasafi dalam *al-Mustasfa fi al-Fiqh*, bukan daripada *al-Mustasfa min ‘ilm al-Usul* karangan al-Ghazali. Sila lihat Mustafa Dib al-Bugha, *Athar al-‘Adillah al-Mukhtalaf fiha fi al-Fiqh al-Islami* (Damsyiq: Dar al-Qalam, 1993), 242.

Sementara itu, sarjana moden seperti ‘Abd al Wahhab Khallaf memberikan definisi yang agak terperinci iaitu *al-‘urf* merujuk kepada apa-apa yang diketahui oleh masyarakat dan mereka mengaplikasikannya dalam percakapan atau perlakuan atau meninggalkan sesuatu amalan dan dinamakan juga sebagai al-adah.<sup>303</sup> Definisi ini diterima pakai oleh Wahbah al-Zuhayli.<sup>304</sup> Mustafa Ahmad al-Zarqa’ pula memberikan definisi yang sedikit berbeza tetapi padat kerana merangkumi kesemua definisi di atas iaitu “sesuatu kebiasaan bagi sesebuah masyarakat dalam percakapan, dan amalan”. Menurut beliau, definisi ini lebih baik, jelas serta meliputi semua keadaan.<sup>305</sup>

Menurut ‘Abd al-‘Aziz al-Khayyat pula, beliau tidak bersetuju dengan definisi yang dibawa oleh Ibn Abidin. Menurut beliau, definisi tersebut tidak komprehensif. Beliau bersetuju dengan definisi yang dibawa oleh ‘Abd Wahhab al-Khallaf iaitu sebagai apa-apa yang dilakukan secara rutin oleh masyarakat dan berpegang dengannya dalam urusan kehidupan mereka.<sup>306</sup>

Kesimpulannya, para ulama telah memberikan definisi yang berbeza antara satu sama lain. Namun, ia bukanlah satu titik perselisihan yang besar kerana ia hanya berbeza dari sudut lafaz sahaja tetapi dari segi teorinya semua definisi tersebut membawa kepada implikasi hukum yang sama sahaja.

---

<sup>303</sup> Lihat ‘Abd al-Wahhab Khallaf , ‘Ilm Usul al-Fiqh (Madinah Nasr: Dar al-Fikr al-‘Arabi, 1995), 85.

<sup>304</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh*, 2: 83.

<sup>305</sup> Mustafa Ahmad al-Zarqa, *al-Madkhāl al-Fiqh al-‘Amm* (Damshiq: Dar al-Qolam, 1998), 1:141.

<sup>306</sup> Lihat petikan dalam Sulayman al-Asyqar, “al- ‘Urf Bayna al-Fiqh wa al-Qanun”, *Majalah Majma’ al-Fiqh al-Islami*, al-Dawrah al-Khamisah, bil. 5, (1988), 4: 3215.

## 4.2 RUKUN-RUKUN AL-‘URF DAN KLASIFIKASI PERUNDANGANNYA

Sebelum ini, pengkaji telah memberikan beberapa definisi *al-‘urf* yang dipetik di dalam beberapa karya ulama yang masyhur. Dalam definisi-definisi yang dinyatakan jelas bahawa *al-‘urf* ialah sesuatu pola pemikiran masyarakat yang terbentuk akibat melakukannya secara berulang-ulang kali dan telah dapat diterima oleh akal mereka sebagai sesuatu yang baik untuk dilakukan.<sup>307</sup> Bertitik tolak daripada definisi ini, timbul persoalan iaitu bagaimana sesuatu amalan itu diterima sebagai satu bentuk *al-‘urf*? Adakah semua amalan tradisi Bajau diiktiraf sebagai *al-‘urf*? Jika diiktiraf sebagai ‘urf, adakah ia termasuk dalam kategori ‘urf sahih atau ‘urf fasid? Justeru itu, dalam perbincangan selanjutnya, pengkaji akan mengemukakan beberapa rukun serta sifat sesuatu amalan itu boleh dianggap sebagai ‘urf.

### 4.2.1 Rukun dan Sifat *al-Urf*

Sebelum ini, pengkaji ada menyatakan bahawa Ahmad Fahmi Abu Sunnah telah mengemukakan teori bahawa ‘urf ialah berpunca daripada aktiviti-aktiviti sosial masyarakat yang terbentuk berdasarkan kepada keperluan semasa.<sup>308</sup> Muhammad Jabran al-Alafi pula melihat rukun ‘urf daripada dimensi yang berbeza. Menurut beliau, sesuatu amalan boleh dianggap *al-‘urf* jika memenuhi beberapa kriteria-kriteria tertentu yang mana meliputi dua bentuk iaitu rukun luaran dan rukun

---

<sup>307</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah, & Ab Mumin Ab Ghani, “Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Muamalat”, *Jurnal Syariah*, bil. 2 (2008), 16:400.

<sup>308</sup> Abu Sunnah, *al-‘Urf wa al-‘Adat*, 35-37.

dalaman.<sup>309</sup> Rukun luaran menurut beliau ialah perkara-perkara fizikal yang menjadi faktor bahawa amalan itu dilaksanakan secara konsisten oleh sesuatu masyarakat. Antara sifat yang membentuknya ialah tersebar meluas dalam seluruh dunia atau sesebuah kelompok yang mana telah wujud secara konsisten dan sebatи dalam masyarakat sehingga menjadikan kesukaran kepada masyarakat jika mereka enggan menerimanya. Manakala apa yang dimaksudkan dengan rukun dalaman ialah sifat amalan itu sendiri yang dirasakan terpaksa diikuti oleh individu dalam sesebuah populasi.<sup>310</sup>

#### 4.2.2 Klasifikasi *al-‘urf*

Dalam metodologi usul fiqh, para sarjana silam telah membuat membuat pemerhatian terhadap ‘urf masyarakat dan telah membahagikannya kepada klasifikasi tertentu. Menurut para sarjana, jika dilihat dari aspek bentuknya, *al-‘urf* boleh dibahagikan kepada *al-‘urf al-‘amali* (perbuatan) dan *al-‘urf al-qauli* (percakapan). Jika dilihat berdasarkan dimensi skop amalannya dalam masyarakat pula, ia dapat dibezakan kepada dua jenis iaitu *al-‘urf al-‘amm* (menyeluruh) dan *‘urf al-khass* (khusus). Namun, sekiranya ‘urf masyarakat diambil kira berdasarkan kriteria pengiktirafan syariah, ia boleh dikelaskan kepada dua iaitu ‘urf *al-sahih* dan ‘urf *al-fasiid*.<sup>311</sup> Berikut adalah perincian kepada pembahagian tersebut:

---

<sup>309</sup> Muhammad Jabran al-‘Alafi, “al-‘Urf. Bahth Fiqhi Muqaran”, *Majalah Majma al-Fiqh al-Islami*, al-Dawrah al-Khamisah, bil. 5 (1988), 4: 3268.

<sup>310</sup> *Ibid.*, 3271.

<sup>311</sup> Lihat al-Zarqa’, *al-Madkhāl al-Fiqh*, 875; al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2: 833; al-Bugha, *Athar al-‘Adillah*, 246.

### a. Klasifikasi Berasaskan Bentuk

- i. *Al-'urf al-'amali* ('urf perbuatan) ialah suatu praktis yang telah menjadi kebiasaan dan pengetahuan umum bagi sesuatu masyarakat dalam sesuatu urusan sama ada urusan rasmi (*al-mu'amalat al-madaniyyah*) atau tidak rasmi. (*al-af'al al-'adiyyah*).<sup>312</sup> Contohnya, jual beli di Malaysia yang hanya menunjukkan barang tertentu tanpa ada akad jual beli.<sup>313</sup> Begitu juga, mas kahwin menurut kebiasaan orang Melayu di Malaysia, ia dibayar suami kepada isteri sebelum mereka melakukan persetubuhan.<sup>314</sup>
- ii. *Al-'urf al-qawli* ('urf perkataan) ialah suatu praktis yang biasanya difahami melalui sesuatu perbualan atau percakapan. Sebagai contoh, perkataan 'daging' sahaja biasanya merujuk kepada daging lembu, dan tidak merujuk kepada daging ayam dan tidak digunakan untuk ikan.<sup>315</sup> Justeru itu, sesiapa yang bernazar untuk tidak memakan daging umpamanya, ia tidak dikira melanggar nazar sekiranya memakan ikan.<sup>316</sup> Begitu juga kalimah *al-walad* dimaksudkan dengan anak lelaki sahaja.<sup>317</sup>

---

<sup>312</sup> Lihat al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqh*, 875; al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2: 833; al-Bugha, *Athar al-'Adillah*, 246.

<sup>313</sup> Mohamad Bin Muda (2004), “ ‘Urf Tempatan Di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis”, (Dissertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 65.

<sup>314</sup> *Ibid.*, 65.

<sup>315</sup> Lihat al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqh*, 875; al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2: 833; al-Bugha, *Athar al-'Adillah*, 246. Sila lihat juga Muhammad Salam Madkhur, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Mesir: Dar al-Nahdah al-'Arabiah, 1976), 139.

<sup>316</sup> Lihat Badran Abu al-'Aynayn Badran, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jami'ah, t.t), 266.

<sup>317</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Shariah al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Sahwah, 1985), 11-12.

## b. Klasifikasi Berasaskan Skop Liputan

- i. *Al-‘urf al-‘amm* pula ialah suatu budaya yang bersifat menyeluruh yang tidak terhad kepada batasan masa mahu pun negara. Menurut al-Syatibi, *al-‘urf al-‘amm* sangat konsisten kerana tidak mempunyai geografi ataupun perubahan zaman.<sup>318</sup> Contohnya lafaz *dabbah* dipakai pada binatang-binatang berkaki empat sahaja tidak kepada manusia.<sup>319</sup> Begitu juga lafaz talak merujuk kepada perbuatan untuk merungkaikan ikatan perkahwinan.<sup>320</sup>
- ii. *Al-‘urf al-khass* ialah suatu budaya yang bersifat terhad kepada batasan tertentu seperti kedaerahan atau kenegerian.<sup>321</sup> Menurut Othman Ishak, undang-undang adat yang tidak bercanggah dengan nas yang terdapat dalam masyarakat Melayu terdahulu juga boleh dikategorikan sebagai ‘urf al-khass yang mana ia boleh mempengaruhi hukum fiqh di alam Melayu.<sup>322</sup> Dalam penyelidikan para sarjana, ‘urf jenis inilah yang menjadi bidang perbahasan utama para sarjana fiqh tentang autoritinya.<sup>323</sup>

---

<sup>318</sup> Ibrahim bin Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2: 215.

<sup>319</sup> Md. Saleh b. Mohd Ahmad, “Urf dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak di Naskan” dalam *Fiqh Malaysia* (Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn.Bhd, 2000), 107.

<sup>320</sup> *Ibid.*

<sup>321</sup> Lihat Ibn ‘Abidin, *Majmuah Rasail Ibn ‘Abidin* (t.t.p: tp,1980), 2: 116; Ahmad Fahmi Abu Sunnah, *al-Urf wa al-Adah*, 46; Lihat Ruqayyah Taha Jabir al-Alwani, *Athar al- ‘Urf fi Fahm al-Nusus* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mua’sir, 2004), 44; Lihat Mustafa ‘Abd al-Rahim Abu ‘Ajilah, *al-‘Urf Wa Atharuhu fi al-Tasyri’ al-Islami* (Tarbalas: al-Mansya’ah al-‘Ammah, 1986), 108-109; al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, 2: 215.

<sup>322</sup> Othaman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 41.

<sup>323</sup> Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, 2:215; Abu Zahrah , *Usul al-Fiqh*, 274.

### c. Klasifikasi Berasaskan Autoritinya

Majoriti para sarjana telah membahagikan ‘urf berdasarkan autoriti kepada dua bahagian iaitu ‘urf yang boleh dijadikan sebagai hujah iaitu ‘urf al-sahih dan tidak boleh dijadikan hujah iaitu al-‘urf al-fasid.<sup>324</sup>

- i. *Al-‘urf al-sahih*<sup>325</sup> bermaksud amalan umum masyarakat yang tidak bertentangan dengan sebarang nas-nas yang khusus, tidak cuba mengubah hukum syariah daripada halal kepada haram atau pun sebaliknya. Ia juga merupakan ‘urf yang diiktiraf oleh perundangan Islam.<sup>326</sup>
- ii. *Al-‘urf al-fasid*<sup>327</sup> pula ialah amalan dan kata-kata yang telah menjadi pengetahuan umum atau pun unsur-unsur tempatan yang menyalahi nas secara jelas, atau mengubah hukum daripada haram kepada halal atau sebaliknya.<sup>328</sup> ‘Urf jenis ini adalah tidak boleh dijadikan sandaran hukum, bahkan tidak harus diamalkan oleh masyarakat Islam.<sup>329</sup>

---

<sup>324</sup> Terdapat juga para sarjana usul fiqh yang membahagikan *al-‘urf* kepada tiga bahagian dalam aspek autoritinya iaitu *al-sahih*, *al-mulgha* dan *al-mursal*. *Al-sahih* ialah ‘urf yang jelas diterima oleh nas syariah, *al-Mulgha* ialah ‘urf yang telah jelas bercanggah dengan nas manakala *al-mursal* ialah ‘urf yang tidak diketahui nas yang jelas menyokong atau bercanggah. Lihat Ruqayyah Taha Jabir al-‘Alwani, *Athar al-Urf fi Fahm al-Nusus*, 45-48.

<sup>325</sup> Lihat contoh-contoh ‘urf sahih dalam Md. Saleh Hj. Ahmad, “Pengajian Syariah: Hubungannya Dengan Adat Resam Serta Keadaan Tempatan” (Kertas Kerja Seminar Pengajian Syariah 95 anjuran Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 13-14 Jun 1995) , 8-10.

<sup>326</sup> Al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2:835; Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh*, 273.

<sup>327</sup> Lihat contoh-contoh ‘urf fasid dalam budaya masyarakat Melayu dalam Abdullah Yusof, “Beberapa Aspek ‘Urf Fasid Dalam Budaya Melayu dan Kesannya Terhadap Hukum”, dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj. Ahmad (Universiti Malaya: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 2006), 119-131.

<sup>328</sup> Al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2:836; Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh* , 273.

<sup>329</sup> Lihat Mustafa ‘Abd al-Rahim Abu ‘Ajilah, *al-Urf Wa Atharuhu fi al-Tasri’ al-Islami* (Tarbalas: al-Mansya’ah al-‘Ammah), 113.

#### 4.2.3 Syarat-syarat ‘Urf Sebagai Sumber Hukum

Sebelum ini, telah dijelaskan bahawa ‘urf berasaskan autoritinya terbahagi kepada dua iaitu ‘urf sahib dan ‘urf fasid. Al-‘urf al-fasid jelas difahami adalah ditolak kerana bercanggah dengan nas. Untuk memperjelas situasi ini, para sarjana telah menetapkan beberapa syarat untuk memperbolehkan *al-urf* menjadi doktrin yang boleh diguna pakai dalam penentuan hukum. Antaranya ialah;<sup>330</sup>

- a. ‘Urf itu hendaklah benar-benar menjadi budaya dengan diamalkan oleh ramai manusia. Kalaupun ada yang tidak mengamalkannya jumlahnya hanya sedikit. Maka memadailah ia diamalkan oleh majoriti masyarakat. Syarat ini disebut sebagai ‘*muttarid*’ atau ‘*ghalib*’.<sup>331</sup> Dalam pada itu juga, ‘urf tersebut hendaklah konsisten dan tidak mudah berubah-rubah dalam tempoh yang singkat dengan mudah. Untuk melihat tahap konsistennya, sesuatu amalan sama ada ia mencapai tahap piawai ‘urf yang boleh diambil kira atau tidak, perlulah dilakukan ujian terhadap sesuatu amalan yang baru. Sekiranya perlaksanaan yang baru itu menyusahkan masyarakat, bermakna amalan yang sedia ada itu telah menjadi ‘urf masyarakat.
- b. ‘Urf mestilah telah wujud terlebih dahulu daripada sesuatu kontrak, baharulah ia berautoriti semasa kontrak itu berkuat kuasa.<sup>332</sup> Ini bermakna, kejadian ‘urf tersebut hendaklah mendahului waktu tindakan dan berterusan hingga masa

---

<sup>330</sup> Al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami* 2: 836-849; Al-Zarqa, *Usul Al-Fiqh*, 2: 897-902; Salih bin Ghaniyyah al-Sadlan, *al-Qawaaid al-Fiqhiyyah al-Kubra wa ma Tafarra'a 'Anha* (Riyadh: Dar al-Balansiyyah, 1999), 352-362.

<sup>331</sup> Mohd Salleh Mohd Ahmad, “Urf dan Adat Semasa di Malaysia”, 111.

<sup>332</sup> Amir ‘Abdul ‘Aziz, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Mesir: Dar al-Salam, 1997), 7: 513; al-Suyuti, *al-Asybah wa an Nazair*, 68.

berlakunya tindakan itu. Oleh yang demikian, tidak harus diamalkan ‘urf yang baru timbul setelah akad. Maka ‘urf yang mendahului nas syarak sahaja yang dikira ‘urf yang sah sedangkan yang sebaliknya tidak dijadikan pertimbangan ijтиhad dalam mengeluarkan hukum.

- c. ‘Urf dalam sesuatu kontrak dikira berautoriti selagi tiada sebarang kenyataan yang jelas daripada kedua-dua pihak yang bertentangan dengannya. Sekiranya terdapat sebarang kenyataan yang bercanggah, maka ‘urf tidak lagi diamalkan. Kaedah fiqhiyyah ada menyatakan “setiap hukum yang sabit berdasarkan ‘urf apabila dua orang berakad berterus terang mengetepikan dan bersetuju dengan syarat yang selari dengan maksud akad, maka sah (akad dan syarat itu)”.<sup>333</sup>
- d. ‘Urf itu tidak bertentangan dengan nas syarak atau pun bercanggah dengan mana-mana prinsip syariah yang telah putus (qat’i). Sebaliknya, jika ia berlawanan dengan nas syarak, maka ‘urf tersebut tidak diambil kira dan wajib ditinggalkan seperti bermuamalah dengan riba, menghidang arak di majlis-majlis tertentu seperti yang diadakan di majlis rasmi tertentu, pendedahan aurat dan sebagainya.

#### **4.3 ‘URF DAN HUBUNGANNYA DENGAN KHURAFAT DAN BID‘AH**

Khurafat dan *bid‘ah* adalah istilah yang menjadi komponen utama dalam amalan ‘urf *fasid*. Dalam kamus Mukhtar al-Sihhah, perkataan khurafat berasal dari nama

---

<sup>333</sup> Izz al-Din bin Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, j.2, 158.

seorang lelaki dari ‘Uzrah yang pernah dirasuk jin. Dipercayai di sini, sesuatu yang direka-reka atau cerita-cerita dongeng.<sup>334</sup> Selain itu, ia juga bererti ajaran karut, dongeng dan tahuyl.<sup>335</sup> Menurut Ibnu Manzur, khurafat ialah rosaknya akal kerana dosa-dosa besar.<sup>336</sup> Menurut Al-Bustami pula, ia adalah cerita-cerita batil dan karut semata-mata.<sup>337</sup> Dalam bahasa Inggeris, khurafat dinisbahkan sebagai *superstition* yang bererti kepercayaan karut atau dikatakan juga tahuyl.<sup>338</sup> Dari kaca mata barat, khurafat asalnya berpegang kuat pada agama, kemudiannya diguna pakai dengan meluas hingga beriktiad dengan perkara-perkara bukan ajaran agama yang tidak munasabah atau tidak diterima oleh akal yang waras. Khurafat juga bermaksud cerita-cerita yang tidak mempunyai hakikat kebenaran sebagaimana mimpi yang penuh dengan perkara ghaib dan tokok tambah tanpa ada sandaran yang tepat.<sup>339</sup>

Justeru itu, kelahiran khurafat sebagai sebahagian dari elemen budaya Bajau berkait rapat dengan latar belakang sejarah kepercayaan lama orang Bajau yang dihubungkaitkan dengan kuasa ghaib<sup>340</sup> yang didakwa suci dan berkuasa. Ia kemungkinan diwarisi dari kepercayaan nenek moyang (kuno). Dari sudut Islam pula, khurafat bukan sahaja membawa syirik, bahkan membawa malapetaka kepada pengamalnya. Contohnya sesiapa yang memakai azimat dan jampi untuk tolak sakit,

---

<sup>334</sup> Zayn al-Din Abu Bakar, *Mukhtar al-Shihah*, (Beirut: t.p, 1985), 173.

<sup>335</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan ed.-3* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 57.

<sup>336</sup> Ibnu Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar Sadir, 1956) 9:62.

<sup>337</sup> Al-Bustami, *Munjid al-Tullab* (Beirut: Dar al-Masyriq, t.t), 161.

<sup>338</sup> Lihat *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 261.

<sup>339</sup> Al-Kattani, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Karim, *Nizam al-Hukumat al-Nabawiyah* (Beirut, t.p, t.t), 11: 352.

<sup>340</sup> Menurut William Shaw, masyarakat Nusantara amat mempercayai kuasa ghaib sehingga dikaitkan dengan kehidupan harian mereka. Antaranya ilmu kebatinan, perbomohan, hantu dan sebagainya yang diwarisi secara turun temurun dan masih diamalkan sehingga kini. Sila lihat William Shaw, *Aspects of Malaysian Magic* (Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1975), 77.

mendatangkan rezeki atau untuk memanjangkan umur, maka ia tidak kurang seperti penyembah berhala.<sup>341</sup>

Sementara itu, *bid'ah* pula adalah benda-benda baru seperti satu kepercayaan atau amalan yang tidak terdapat pada zaman Rasulullah SAW dan bertentangan dengan sunnah Nabi SAW.<sup>342</sup> Menurut syarak, terdapat beberapa pengertian yang diberikan oleh ulama usul mahupun ulama fiqh. Ulama usul mengemukakan dua pendapat berhubung dengan *bid'ah*. Golongan pertama mendakwa *bid'ah* hanya bersangkut paut dengan perkara ibadah sahaja.<sup>343</sup> Manakala golongan kedua mengatakan *bid'ah* juga tertakluk kepada perkara adat.<sup>344</sup> Di sisi ulama fiqh juga, terdapat dua takrif berhubung dengan *bid'ah*. Golongan pertama mentakrifkan *bid'ah* ialah segala yang bertentangan dan menyalahi al-Qur'an, al-Sunnah dan ijma'.<sup>345</sup> Golongan kedua pula mentakrifkan *bid'ah* ialah perkara baru selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW sama ada dalam aspek kebajikan atau keburukan, ibadat atau adat. Bertitik tolak daripada takrif ini, golongan kedua membahagikan *bid'ah* kepada dua iaitu *bid'ah hasanah* (berasaskan dalil syarak) dan *bid'ah saiyyi'ah* (tidak berasaskan dalil syarak).<sup>346</sup>

Justeru, kesimpulannya khurafat dan *bid'ah* mempunyai perkaitan yang rapat. Khurafat termasuk dalam perkara *bid'ah* khususnya dalam aspek aqidah seperti kepercayaan kepada roh nenek moyang, kebolehan kuasa orang yang berjin dalam masyarakat Bajau, percaya kepada tulah dan sebagainya. Sama ada khurafat

---

<sup>341</sup> Syeikh Muhammad al-Ghazali , *Bukan Dari Ajaran Islam*, terj. (Indonesia: P.T Bina Ilmu, 1982), 182.

<sup>342</sup> Gibb H.A.R., J.H. Kramer dan E-Levi Provencel J. Schacht, *Encyclopedia of Islam* (Leiden: E.J. Brill, 1979), 1:119.

<sup>343</sup> Muhammad al-Ghazali, *Laysa Min al-Islam* (Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadhithah, 1963), 101.

<sup>344</sup> Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, 28.

<sup>345</sup> Abu al-Aynayn Badran, *Usul al-Fiqh al-Islami* (al Jami'iyyah Iskandariyyah: Muassasah Syabab, t.t), 28.

<sup>346</sup> Ibn Hajar al-Asqalani , *Fath al-Bari* (Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah, t.t), 3: 253.

mahupun *bid'ah*, kedua-duanya merupakan elemen penting dalam ‘urf fasilid masyarakat Bajau Semporna.

#### **4.4 AMALAN TRADISI BAJAU MENURUT ‘URF DALAM HUKUM ISLAM**

Perbincangan ‘urf dalam budaya Bajau Semporna adalah tidak lengkap tanpa memperlihatkan elemen-elemen tertentu yang mewarnai alam masyarakat Bajau sehingga wujud pembentukan budaya dan adat yang bertaut erat dalam kosmologi Bajau. Secara umumnya, banyak aspek dalam ‘urf Bajau berubah setelah kedatangan Islam, namun tidak dinafikan masih ada amalan tradisi yang mereka kekalkan hingga ke hari ini. Justeru itu, ‘Urf fasilid muncul dalam kosmologi dan pemikiran orang Bajau kerana beberapa faktor utama iaitu;

**Pertama:** Hasil adunan pengaruh-pengaruh animisme, Hindu-Buddha, dan Barat.

**Kedua:** Amalan khurafat atau karut serta tahuyl.

**Ketiga:** Unsur-unsur *bid'ah* yang diamalkan.

Justeru itu, ‘urf fasilid merangkumi antara lain perkara-perkara khurafat, tahuyl dan *bid'ah*. Khurafat membawa syirik kepada Allah tetapi *bid'ah* adalah perbuatan sia-sia tanpa pahala dari Allah bahkan dosa yang nyata. Lantaran itu, dalam perbincangan seterusnya, pengkaji akan menganalisis beberapa amalan tradisi Bajau seperti yang dinyatakan di dalam bab sebelum ini<sup>347</sup> menurut perspektif ‘urf dalam hukum Islam. Pengkaji akan memberikan beberapa dalil yang sahih daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyokong serta menegah amalan ini agar kedudukan


---

<sup>347</sup> Sila lihat contoh-contoh amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna yang dinyatakan pengkaji dalam Bab 3.

sebenar amalan tradisi ini tersingkap sama ada ia menurut syariat Islam atau sebaliknya. Berikut merupakan amalan tradisi Bajau Semporna yang masih diamalkan sehingga ke hari ini;

i. **Amalan berhubung kepercayaan kepada jin dan orang yang berjin**

Orang Bajau sangat terpengaruh dengan kuasa ghaib yang dikaitkan dengan kuasa jin, syaitan dan iblis. Ini diperakui seperti yang dinyatakan pengkaji dalam bab-bab yang lepas. Kepercayaan kepada jin merupakan satu kewajipan kepada manusia. Ini kerana jin merupakan makhluk ghaib yang sering diperkatakan Allah SWT di dalam kalam-Nya al-Qur'an al-Karim. Sekiranya kita merujuk kepada al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW, kita akan menemui istilah yang seumpama dengan jin iaitu syaitan atau *syayattin*, jin atau *jinnah*, *qarin*, *iblis*, *ifrit*, dan sebagainya.<sup>348</sup> Dalam hadis sahih pula, sering kedengaran pula istilah-istilah seperti *Ummu Sibyan*, *Khanzab*, *Aamir*, *'Ammar*, *Alwalahan*, *Mukhannas* dan *Mukhannatun*.<sup>349</sup> Semua istilah ini sama ada yang terdapat di dalam al-Qur'an atau al-Sunnah merujuk kepada wujudnya makhluk-makhluk halus ini pada kehidupan manusia. Kewujudan makhluk halus seperti jin ini dapat dilihat dengan jelas dalam al-Qur'an, Allah SWT berfirman:



<sup>348</sup> Haron Din, *Menjawab Persoalan Makhluk Halus, Kaitannya Dengan Penyakit dan Pengubatan* (Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') & Koperasi Darussyifa', 2009), 3. Sila lihat juga nama-nama jin menurut orang Arab dalam Imam al-Hafiz Jalaludin al-Suyuti, *Lugat al-Marjan fi Ahkam al-Jann* (Kaherah: Maktabah al-Qur'an li Tiba', wa al-Nasyri' wa al-Tauzi', t.t), 15.

<sup>349</sup> *Ibid.*, 15-16.



Al-Ahqaf: 29

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) semasa kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar al-Qur'an; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!"

Begitu juga yang terdapat kisah yang terdapat di dalam hadis sahih bahawa Rasulullah SAW telah bertemu dengan masyarakat jin untuk menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an.<sup>350</sup> Hadith daripada Ibnu Abi Hatim yang diriwayatkan daripada Mujahid menceritakan nabi Muhammad SAW telah bertemu dengan masyarakat jin untuk berdakwah.<sup>351</sup>

Namun begitu, kepercayaan kepada jin ini telah menyeleweng di kalangan orang Bajau. Menurut sesetengah orang Bajau, pemeliharaan jin dibolehkan di dalam Islam dengan syarat ia bertujuan untuk kebaikan dan hanya meminta pertolongan dengan jin Islam.<sup>352</sup> Bagi mereka khususnya golongan bomoh (kelamat), jin Islam ini

---

<sup>350</sup> Haron Din, *Menjawab Persoalan Makhluk Halus*, 4.

<sup>351</sup> Kisah dakwah Rasulullah SAW kepada bangsa jin boleh dilihat dalam surah al-Jinn ayat 1, maksudnya: "Katakanlah wahai Muhammad: Telah diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya satu rombongan jin telah mendengar al-Quran yang aku bacakan. Lalu mereka menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar al-Quran dan kandungannya sungguh menakjubkan." Imam al-Suyuti menyebut dalam kitabnya *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jan* mengenai kisah yang diriwayatkan oleh al-Thabrani dan Abu Nu'aim daripada Ibn Mas'ud. Ketika Ibn Mas'ud dan beberapa orang sahabat bersama-sama Baginda SAW berada di Makkah, Baginda bersabda yang bermaksud: "Hendaklah ada seseorang antara kamu yang pergi bersama-sama". Namun, tidak ada seorang pun yang berdiri kecuali Ibn Mas'ud. Mereka berjalan dan tiba di satu tempat tinggi di Makkah. Di sana, Ibn Mas'ud melihat kepulan asap seolah-olah berhimpun. Rasulullah SAW membuat satu garisan di sekeliling Ibn Mas'ud dan seraya berkata: "Kau berdiri sahaja di tempat ini sehingga aku kembali". Ibn Mas'ud menurut perintah. Rasulullah SAW menghampiri kepulan asap tersebut. Baginda cukup lama berbual mesra dengan mereka hingga baginda menemui Ibn Mas'ud waktu fajar menyinsing. Lihat kisah selanjutnya dalam Imam al-Hafiz Jalaludin al-Suyuti, *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jann* (Kaherah: Maktabah al-Qur'an li Tiba', wa al-Nasyri'wa al-Tauzi', t.t), 67-68. Sila lihat juga Mohd Wahid Abdul Hanif, "Solat Bersama Jin", *Majalah Solusi*, isu no. 42, April 2012, 92.

<sup>352</sup> Temu bual bersama encik Yusof Kassim di kediaman beliau di Kg. Gallam-gallam, Semporna pada 4 Oktober 2012. Beliau banyak mengetahui ilmu perubatan yang dikaitkan dengan perkara ghaib kerana bapa beliau seorang yang berkeahlian dalam bidang tersebut.

hanya bertujuan menolong ke arah kebaikan untuk menentang sebarang perlakuan yang dikaitkan dengan jin kafir. Kenyataan ini sebenarnya menyeleweng dan tidak benar. Ini jelas bercanggah dengan firman Allah SWT:

﴿يَأَيُّهَا أَيُّهَا الْجِنَّاتُ إِنَّمَا مَا تَنْهَاكُمْ عَنِ الْمُحَاجَةِ  
إِنَّمَا يُنَهَاكُمْ عَنِ الْمُحَاجَةِ عَمَّا يَرَوُونَ  
أَنَّا أَعْلَمُ بِمَا أَنْهَاكُمْ وَإِنَّا لَنَعْلَمُ  
مَا أَنْتُمْ تَفْعَلُونَ﴾

Al-Jin: 6

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sompong dan jahat.

Dalam ayat di atas, jelas bahawa tidak dapat dinafikan bahawa makhluk jin ini mampu menjadi pelindung manusia. Namun, dalam ayat di atas juga disertakan akibat daripada meminta pertolongan kepada makhluk jin akan mengakibatkan manusia menerima kesan buruknya. Ini dipertegaskan oleh Allah SWT dalam ayatnya yang lain iaitu;


﴿إِنَّمَا يُنَهَاكُمْ عَنِ الْمُحَاجَةِ عَمَّا يَرَوُونَ  
أَنَّا أَعْلَمُ بِمَا أَنْهَاكُمْ وَإِنَّا لَنَعْلَمُ  
مَا أَنْتُمْ تَفْعَلُونَ﴾

Al-An'am: 12

Maksudnya: Dan demikianlah kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. dan jika tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.

Di samping itu, di dalam tafsir al-Tabari, Imam Tabari ada menyatakan bahawa bersahabat dengan jin adalah haram<sup>353</sup> kerana mereka adalah golongan yang melakukan kejahanan kepada Allah dan berusaha menggoda manusia untuk melakukan kejahanan,<sup>354</sup> agar jiwa dan nafsu manusia suka kepada dunia sehingga melupai Allah.<sup>355</sup> Justeru itu, kalau manusia memohon pertolongan jin, maka bertambahlah sesat mereka.<sup>356</sup>

Berhubung dengan amalan tradisi Bajau yang memuja jin pula seperti yang dinyatakan di dalam bab sebelum ini, jelas bahawa perbuatan tersebut adalah syirik dan berdosa besar. Sesiapa yang melakukan demikian, bererti segala amalannya adalah terbatal kerana secara tidak langsung mensyirikkan Allah SWT. Firman Allah SWT:



Maksudnya: Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekuatkan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi.

Kesimpulannya, makhluk jin itu memang wujud dan wajib dipercayai seperti yang terdapat di dalam al-Qur'an. Tidak mempercayai ayat al-Qur'an boleh membawa kepada kerosakan aqidah. Namun, perlu diingatkan, masyarakat Bajau


<sup>353</sup> Lihat al-Baqarah (2): 168; al-Tabari, *Tafsir al-Tabari* ( Mesir: Dar al-Ma'arif, t.t), 12: 52.

<sup>354</sup> Tantawi Jawhari, *Tafsir al-Jawahir* (Mustafa al- Babi al-Halabi, 1350H), 31:178.

<sup>355</sup> Lihat hakikat ini dalam surah al-Jin : 6.

<sup>356</sup> Hasanin Muhammad Makhlut, *Tafsir al-Qur'an al-Karim* (t.tp: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1375/1956) 1: 91.

harus memperbetulkan fahaman mereka terhadap kepercayaan kepada jin. Seperti yang dijelaskan dalam ayat-ayat di atas, sesungguhnya perbuatan meminta pertolongan dengan jin sama ada jin kafir atau Islam adalah perbuatan yang salah dan boleh menambahkan dosa dan kesalahan manusia. Ini kerana jin merupakan seburuk-buruk teman. Firman Allah SWT:



Maksudnya: sesiapa yang mengambil syaitan itu menjadi kawannya, maka seburuk-buruk kawan ialah syaitan.


Manakala amalan tradisi seperti perbuatan memuja jin pula merupakan satu dosa yang besar seperti yang dinyatakan di atas. Ia tergolong dalam ‘urf fasid. Ini kerana disebabkan ia bercanggah dengan syarat-syarat ‘urf sebagai sumber hukum iaitu ‘urf tersebut tidak bertentangan dengan nas syarak atau pun bercanggah dengan mana-mana prinsip syariah yang telah putus (qat'i). Sedangkan amalan memuja jin di kalangan masyarakat Bajau jelas kelihatan mengandungi unsur-unsur syirik, khurafat yang bertentangan dengan norma-norma agama Islam.

## ii. Amalan berhubung kepercayaan kepada bomoh atau *kelamat*

Dalam masyarakat Bajau, dukun tempatan atau bomoh sangat berpengaruh dalam kehidupan mereka. Ini kerana, dikatakan mereka mampu mengubati mangsa-mangsa perlakuan jin. Sebenarnya, kepercayaan kepada bomoh ini bukan hanya kedengaran di kalangan orang Bajau sahaja, tetapi di dalam sejarah Islam sendiri pun, ia telah lama bertapak. Nabi Muhammad SAW telah menjumpai di tengah-tengah


masyarakat Arab pada zaman baginda ada sekelompok manusia tukang dusta yang disebut *kuhhan* (dukun) dan ‘*arraf* (tukang ramal). Mereka mengaku dapat mengetahui perkara-perkara ghaib untuk masa lepas ataupun akan datang dengan cara mengadakan hubungan dengan jin dan sebagainya.<sup>357</sup>

Justeru itu, Rasulullah SAW kemudian mengisyiharkan perang kepada mereka yang membuat sebarang dakwaan dusta yang tidak berlandaskan ilmu, petunjuk mahupun dalil syarak. Rasulullah SAW membacakan kepada mereka wahyu Allah yang berbunyi:



Maksudnya: Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).


Bukan malaikat, bukan jin dan bukan manusia yang mengetahui perkara-perkara ghaib. Rasulullah saw juga menegaskan tentang dirinya dengan perintah Allah SWT sebagai berikut:



<sup>357</sup> Zaharuddin Abdul Rahman, *Formula Solat Sempurna* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2008), 135–136.

Maksudnya: Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan.

Dalam ayat di atas, jelas menunjukkan kepada kita bahawa sesiapa yang mendakwa dirinya mampu mengetahui perkara ghaib, maka ia telah mendustakan kata-kata Allah di atas, mendustakan hakikat sebenar dan mendustakan manusia. Tetapi realitinya hari ini, dukun atau bomoh sama ada di kalangan orang Bajau atau orang Melayu sering mendakwa diri mereka arif dalam perkara-perkara ghaib. Sedangkan mereka sendiri tidak mengetahui perkara ghaib tersebut hatta jin sekali pun. Ini dapat dilihat dalam kisah sahih di dalam al-Qur'an di mana jin Nabi Sulaiman sendiri tidak mengetahui tentang kewafatan baginda a.s. Allah berfirman:



Saba: 14

Maksudnya: Setelah kami tetapkan berlakunya kematian nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaularah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.

Allah menceritakan di dalam al-Qur'an<sup>358</sup> bahawa jin dikerah membuat kerja-kerja membina bangunan dan benda yang dikehendaki baginda. Namun para jin yang bekerja keras atas perintah Nabi Sulaiman tidak mengetahui bahawa Nabi Sulaiman sudah menemui ajal Baginda. Mereka terus bekerja menyiapkan binaan tersebut. Ketika bangunan yang hampir siap itu dibina, Allah SWT telah mengutuskan anai-anai untuk memakan tongkat Nabi Sulaiman a.s. Setelah beberapa lama tongkat itu reput, maka jasad Baginda rebah dan pada waktu itulah para jin mengetahui raja mereka Nabi Sulaiman a.s telah wafat.<sup>359</sup> Iktibar daripada kisah di atas dapat memperlihatkan kepada kita bahawa jin nyata tidak dapat mengetahui perkara ghaib seperti yang dipercayai oleh bomoh dan dukun orang Bajau (kelamat).

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ada sesetengah bomoh yang mampu mengetahui sedikit ilmu ghaib berhubung dengan perkara-perkara yang akan datang. Namun, harus diingati dakwaan tersebut hanya bersandarkan perkhabaran yang dibisikkan oleh jin yang mencuri dengar ucapan para malaikat. Lalu ucapan itu dicampur adukkan dengan ratusan kebohongan, kemudian manusia mempercayai ramalan bomoh tersebut. Ini jelas berdasarkan sabda Rasulullah SAW:<sup>360</sup>

سَأَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَاسٌ عَنِ الْكَهَانِ فَقَالَ لَيْسَ بِشَيْءٍ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْهَمْ يَحْدِثُونَا أَحْيَانًا بِشَيْءٍ فَيَكُونُ حَقًا قَوْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

<sup>358</sup> Sila rujuk surah Saba' ayat 12 dan 13.


<sup>359</sup> Kisah lanjut mengenai Anai-anai buka rahsia kewafatan Nabi Sulaiman a.s di dalam Mohd Wahid Abd. Hanif, "Atlas al-Quran (Kisah Nabi Sulaiman A.S)", Majalah Solusi , Isu no. 20, 90-91. Sila lihat Surah Saba' 34:14. Menurut Ibnu Kathir, Allah SWT menceritakan tentang wafatnya Nabi Sulaiman serta bagaimana Allah merahsiakannya di hadapan para jin yang ditundukkan baginya untuk melakukan perkerjaan-perkerjaan berat. Tujuan perahsiaan ini untuk menunjukkan bahawa bangsa jin tidak mengetahui perkara ghaib. Sila lihat Ibnu Kathir, Tafsir Ibnu Kathir, terj. M. Abdul Ghafur dan Abu Ihsan al-Atsari ( Jakarta: Pustaka Imam al-Syafie), j. 7, 362-363.

<sup>360</sup> Hadis direkodkan oleh Al-Bukhari , Kitab al-Tibb, Bab al-Kihanah, no. hadis 5762. Sila lihat Muhammad Ismail Abu 'Abdullah al-Bukhari al-Ja'fi, Sahih al-Bukhari (Riyadh:Maktabah Darul Salam li Nasyri wa al-Tauzi', 1999), 1017.

وَسَلَمَ تِلْكَ الْكَلْمَةُ مِنَ الْحَقِّ يَخْطُفُهَا مِنِ الْجُنُونِ فَيَقُرُّهَا فِي أَذْنِ وَلِيِّهِ فَيُخْلَطُونَ مَعَهَا  
مائة كذبة

Maksudnya: “Segolongan orang bertanya Rasulullah SAW tentang bertilik nasib. Sabda Baginda: “tidak ada kelebihan apa-apa”. Lalu mereka bertanya: wahai Rasulullah! Bukankah mereka kadang-kadang menceritakan kepada kita suatu perkara dan perkara yang diceritakan itu benar?. Rasulullah SAW menjawab: “Itulah kalimah yang benar, yang dicuri oleh syaitan lalu dicampakkan ke telinga pengikutnya, kemudian pengikutnya mencampur adukkan dengan seratus berita lain”.

Sebenarnya, jin hanya boleh mengetahui perkara-perkara ghaib sebelum turunnya al-Qur'an. Setelah turunnya al-Qur'an, mereka tidak mampu mencuri berita daripada langit sebagaimana firman Allah SWT:



Maksudnya: `Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala. `padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa Yang cuba Mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya.

Oleh itu, masyarakat Bajau harus berwaspada dalam hal ini. Menggunakan khidmat bomoh adalah dilarang dalam Islam. Malah ia boleh dihukumkan syirik seperti yang terdapat dalam hadis Rasulullah SAW:

من أتى كاهنا فصدقه بما يقول فقد كفر بما أنزل على محمد (صلى الله عليه وسلم)

Maksudnya: “Barang siapa yang mendatangi bomoh lalu ia mempercayai apa yang bomoh itu katakan, maka kafirlah ia terhadap apa yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad SAW.”<sup>361</sup>

Malah Nabi juga bersabda.<sup>362</sup>

من أتى عرافا فسأله عن شيء لم تقبل له صلاة أربعين ليلة

Maksudnya: “Sesiapa yang menemui tukang tilik atau tukang tenung, lalu bertanya kepadanya sesuatu perkara maka tidak diterima solatnya selama empat puluh malam”.

*Arraf* dalam hadis di atas bermaksud orang yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib, atau dalam erti kata lain digelar sebagai tukang tilik. Apabila seseorang mempunyai masalah, lazimnya individu tersebut akan berjumpa tukang tilik lalu tukang tilik tersebut memberitahu perkara ghaib yang kononnya dia mengetahui. Perbuatan tukang tilik ini dilarang oleh Allah SWT kerana tiada sesiapa pun yang mengetahuinya kecuali Allah SWT sahaja hatta Rasulullah SAW sendiri tidak mengetahui perkara ghaib. Ini terbukti ketika Rasulullah SAW terkena sihir oleh Labid bin al-A’sam. Jika Rasulullah SAW sendiri makhluk manusia yang paling sempurna tidak mengetahui perkara ghaib seperti sihir yang berlaku ke atas baginda, mana mungkin orang biasa dapat mengetahuinya.<sup>363</sup>

Berhubung amalan tradisi bomoh dalam melakukan perbomohan seperti penggunaan jampi dan mantera, ulama telah berbeza pendapat. Ini seperti yang

---

<sup>361</sup> Riwayat al-Bazzar dengan sanad yang kuat. Berkata al-Haithami bahawa perawinya sahih kecuali ‘Uqbah bin Sinan 5/117. Sahih menurut Albani. *Muntaqa* 2/791. Hadis ini juga diriwayatkan Ahmad: 9252. Turut diklasifikasikan sebagai sahih al-Albani dalam *Sahih al-Jami*, no: 5939.

<sup>362</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Salam, Bab Tahrim al-Khihanah wa Ityan al-Kuhhan , no. hadis 2230. Sila lihat Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Kaherah: Dar al- Hadith, 2010) j.4, 48.

<sup>363</sup> Kisah lanjut mengenai Rasulullah SAW pernah disihir, sila rujuk Abu Mazaya al-Hafiz (2010), *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad Saw* (Selangor: al-Hidayah Publications, 2010), 724-727.

dijelaskan oleh imam Nawawi.<sup>364</sup> Hadith riwayat Abu Daud daripada Auf bin Malik mengemukakan jawapan Rasulullah saw bahawa jampi harus selagi tiada unsur syirik.<sup>365</sup> Juga riwayat daripada Jabir bahawa Rasulullah SAW pernah menjampi pesakit yang terkena kala jengking.<sup>366</sup> Ali pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah menziarahi pesakit, kemudian menjampi dengan doa.<sup>367</sup> Juga tentang Jibril pernah menjampi Rasulullah SAW.<sup>368</sup> Manakala sebahagian ulama tidak membenarkan jampi berdasarkan hadith yang bermaksud;<sup>369</sup> “*Sesungguhnya jampi, azimat dan ilmu pengasih adalah syirik*”. Mereka berhujah, jampi yang dibenarkan hanya kalam Allah, nama-nama dan sifat-sifat-Nya serta beriktikad bahawa sembuh dengan keizinan dan kekuasaan Allah.<sup>370</sup>

Kesimpulannya, mempercayai bomoh adalah dilarang dalam Islam. Ia bertentangan dengan konsep beriman kepada Allah SWT. Bomoh tidak lebih dari insan biasa yang hanya untuk menyesatkan manusia dan mengungkapkan perkhabaran dusta. Perkara ghaib merupakan milik Allah SWT di mana tidak ada satu makhluk pun yang mengetahuinya termasuklah Rasulullah sendiri. Orang Bajau harus mempercayai perkara ghaib merupakan rahsia Allah untuk hamba-hambanya yang beriman dan bertakwa kepada-Nya. Di samping itu, apa juamalan tradisi yang dikaitkan dengan ilmu perbomohan seperti upacara *anambal*, ia merupakan ‘urf fasid yang jelas bertentangan dengan agama Islam disebabkan cara-cara atau ritual-ritual tersebut tidak selari dengan syarat ‘urf yang diiktiraf Islam iaitu hendaklah tidak

---

<sup>364</sup> Lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarh Syarh al-Nawawi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 7: 14.

<sup>365</sup> Ibn Balaban al-Farisi, *al-Ihsan bi Tartib Sahih Ibn Hibban* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1987), 7:631-632.

<sup>366</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari* (Beirut: al-Matba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha), 195.

<sup>367</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, 1.

<sup>368</sup> Al-Nawawi, *Sahih Muslim*, 169

<sup>369</sup> Al-Hakim, *al-Mustadrak*, juz 4, 217.

<sup>370</sup> Mahmud Nazim al-Nasimi, *al-Tibb al-Nabawi wa al-Ilm al-Hasid* (Beirut: Mu’assah al-Risalah, 1987), 156.

bercanggah dengan syarak. Apa yang jelas, amalan tradisi tersebut tetap bercanggah walaupun diselitkan dengan bacaan al-Quran tertentu atau doa-doa tertentu. Walaupun terdapat dakwaan bahawa bacaan doa-doa atau ayat al-Quran tersebut hanya untuk mengelakkan konflik antara adat tradisi Bajau dengan syariat Islam, hakikatnya, selagi mana sesuatu amalan itu mengandungi unsur syirik dan khurafat, ia tetap tertolak walaupun cuba disesuaikan dengan kehendak agama Islam.

Walau bagaimanapun, Islam bukan agama yang rigid untuk menolak segala ilmu perbomohan. Ada juga ilmu perbomohan yang diharuskan syarak. Perbomohan yang dimaksudkan adalah perbomohan yang menggunakan ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir tertentu yang diiktiraf syarak sama ada ayat-ayat atau zikir-zikir tersebut dijampi kepada air, anggota badan, bahan-bahan makanan dan lain-lain. Banyak hadis-hadis yang menyokong perbomohan cara ini seperti yang direkodkan oleh Muslim,<sup>371</sup> al-Tirmizi,<sup>372</sup> Ibn Majah,<sup>373</sup> dan al-Bukhari.<sup>374</sup>

---

<sup>371</sup> Daripada Abu Said r.a, maksudnya: “ Kata Jibrail: Dengan nama Allah saya tiup jampi engkau daripada semua perkara yang menyakiti engkau yang terdiri daripada kejahanan orang yang dendki atau ‘ayn. Allah menyembuh engkau, dengan nama Allah saya tiup jampi engkau. Hadis diriwayatkan Muslim, Kitab al-Salam, Bab al-Tibb wa al-Marad wa al-Ruqa. Sila lihat Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusayri al-Naysaburi, *Al-Jami ‘al-Sahih* ( Beirut: Dar al-Fikr, t.t).

<sup>372</sup> Daripada Anas b. Malik r.a, maksudnya: “Bahawa Rasulullah SAW memberi kelonggaran dalam perkara tiup jampi penyakit keracunan, penyakit ‘ayn dan namlah. Hadis riwayat al-Tirmizi, Kitab Abwab al-Tibb, Bab Ma Ja ‘a fi al-Rukhsah fi Dhalik. Sila lihat Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmidhi* ( Beirut: Dar al-Fikr, 1978).

<sup>373</sup> Daripada Asma’ binti ‘Umays r.a , maksudnya: “Bahawa Bani Jaafar diserang penyakit Ayn, maka bolehkah saya tiup jampi mereka? Jawab Baginda: Ya Boleh. Kalaula ada sesuatu yang mendahului takdir (tidak ada), maka penyakit ayn yang mendahulunya. Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab Man Istarqa min al-‘Ayn. Sila lihat Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah* (Misr: ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah, t.t).

<sup>374</sup> Daripada Ibn Abbas, maksudnya: “ Bahawa satu kumpulan daripada para sahabat lalu di tempat yang ada air, ada seseorang yang disengat oleh binatang bisa, maka diberitahu oleh seseorang lelaki yang berada di dalam air: Adakah dalam kalangan kamu orang yang boleh tiup jampi? Kerana di tempat ini ada seseorang lelaki yang digigit oleh binatang bisa. Maka seorang daripada mereka (kalangan sahabat) pergi dan membaca al-Fatihah (tiup jampi) dengan upah seekor kibas, lalu lelaki itu sembuh. Maka sahabat tersebut datang kepada kawan-kawannya tidak bersetuju lalu berkata : Engkau mengambil upah membaca kitab Allah. Hingga mereka sampai ke Madinah dan bertanya kepada Rasulullah SAW. Dia mengambil upah membaca kitab Allah. Baginda bersabda: “ Upah yang sebaik-baiknya kamu boleh ambil ialah kitab Allah (membaca atau mengajar). Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Tibb, Bab Shart fi al-Ruqyah. Sila lihat Abu Abdullah mUhammad b.

Penyelesaiannya dalam hal ini, jika orang Bajau khususnya mengalami sesuatu dugaan yang berhubung dengan perkara ghaib yang melibatkan bomoh, sebaiknya mereka menggunakan cara tertentu yang disyariatkan Islam. Antaranya berusaha dengan berdoa kepada Allah SWT sambil menyebut nama dan sifat-Nya,<sup>375</sup> berdoa dan bertawassul kepada Allah dengan iman dan tauhid,<sup>376</sup> berdoa dan bertawassul kepada Allah SWT dengan menyebut amal soleh,<sup>377</sup> memohon doa daripada orang soleh yang masih hidup<sup>378</sup> dan sebagainya.

### **iii. Amalan berhubung kepercayaan kepada tulah**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, orang Bajau sangat percaya kepada konsep *tulah*. *Tulah* secara mudahnya dapat difahami ialah balasan jahat yang luar biasa terhadap orang yang melanggar pantang larang. Seolah-olah ia menjadi satu kawalan sosial yang menjadikan orang Bajau terutamanya generasi mudah takut untuk melakukan sesuatu yang dikhabarkan boleh mengundang kemarahan roh nenek

---

Ismail al-Bukhari, *Matn al-Bukhari bi al-Hasyiah al-Sindi* (Misr: ‘isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah, t.t).

<sup>375</sup> Allah menyatakan di dalam al-Quran cara berdoa kepada Allah SWT dengan menyebut nama dan sifatnya. Firman Allah SWT dalam surah al-‘Araf ayat 180 yang bermaksud: “Hanya milik Allah Asmaul Husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut itu dan tinggalkanlah orang yang menyimpang daripada kebenaran dalam menyebut nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka kerjakan.”

<sup>376</sup> Berdoa dan bertawassul kepada Allah dengan iman dan tauhid dapat dilihat dalam surah ali-‘Imran ayat 53 yang bermaksud: “ Wahai tuhan, kami telah beriman kepada apa yang telah engkau turunkan. Dan kami telah ikuti rasul, kerana itu, masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang menjadi saksi (tentang keesaan Allah). ”

<sup>377</sup> Menurut Imam al-Nawawi, sunat bagi setiap orang berdoa dan bertawassul dengan amalan soleh masing-masing ketika menghadapi kesusahan dan ketika minta hujan berdasarkan kisah sahih dua tiga orang yang diperkenankan ketika terperangkap di dalam doa. Sila lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, ed. ‘Abd Allah Ahmad Abu Zinah (Kaherah: Dar al-Sh’ab, t.t), 583.

<sup>378</sup> Keharusan bertawassul dengan amalan orang yang soleh boleh dilihat dalam peristiwa kelebihan Uways al-Qarni iaitu seorang tabi’in yang diakui oleh Rasulullah SAW mengenai kemaqbulan doa beliau lantas menggesa para sahabat yang berjumpa dengan beliau agar bertawassul kepadanya ketika berdoa dan meminta pengampunan. Sila lihat kisah ini di dalam hadis riwayat Muslim, Kitab Fada’il al-Sahabah r.a, Bab min Fada’il Uways al-Qarni r.a , *Al-Jami’ al-sahih*, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t).

moyang lalu menimpakan penyakit kepada mereka. Sebenarnya, kepercayaan kepada konsep tulah ini merupakan syirik dan berdosa besar.

Ini kerana *tulah* dapat dikategorikan dalam hukum Islam sebagai *tatayyur* atau *tiyarah* (kepercayaan kepada sial majal). *Tatayyur* atau *tiyarah* berasal dari perkataan (الطَّيْرُ) bermaksud burung. Menurut kepercayaan orang Arab jahiliah jika mereka akan mengadakan perjalanan maka mereka terlebih dahulu akan melepaskan burung.<sup>379</sup> Jika burung tersebut terbang ke arah kanan rumah maka mereka akan gembira tetapi jika sebaliknya terbang ke arah kiri maka mereka akan bersedih hati kerana itu petanda musibah akan menimpa dan mereka selanjutnya akan menangguhkan pemergian.<sup>380</sup>

Mengambil sempena perbuatan inilah maka muncul istilah *tatayyur* atau *tiyarah* yang bermaksud menganggap sial kerana sesuatu. Islam melarang keras *tatayyur* atau *tiyarah*. Rasulullah SAW bersabda:<sup>381</sup>

الطَّيْرُ شُرُكٌ ، الظَّيْرَةُ شُرُكٌ

Ertinya: “Tiyarah itu syirik ,Tiyarah itu syirik.”

*Tiyarah* atau *tatayyur* atau ‘sial majal’ dalam akidah bukan hanya terbatas pada rasa sedih atau pesimis terhadap burung tetapi juga berkaitan dengan nama-nama tertentu, ucapan-ucapan tertentu, tempat-tempat tertentu, orang-orang tertentu dan sebagainya. Justeru itu, pengkaji berpendapat, kepercayaan orang Bajau kepada pantang larang tertentu yang didakwa mesti diambil berat oleh generasi baru kerana

<sup>379</sup> Ibnu qayyim menyatakan bahawa orang Arab dahulu suka menerangkan burung jika ingin keluar. Jika ke kanan yang dikenali sebagai “sa-ih”, maka perjalanan dibolehkan. Jika ke kiri “baarih” maka bermakna ia membawa sial.

<sup>380</sup> Lihat *Miftah Daaris Sa'adah*, ta'liq dan takhrij oleh syeikh 'Ali Hasan al- Halabi. (t.tp: Idaar Ibnu Affan), 268-269.

<sup>381</sup> Hadis riwayat Al-Bukhari dalam *al- Adabul Mufrad*, no. Hadis 909. Sila lihat juga hadis tersebut dalam hadis yang diriwayatkan Abu Daud, Bab fi Tairah, no. hadis 3910. Lihat Abu Daud Sulaiman b. 'As 'at b. Ishaq, *Sunan Abu Daud* (Beirut: Maktabah 'Asriyah, t.t) j.4, 17.

ia merupakan satu tegahan atau suruhan nenek moyang hendaklah dijauhi. Ini kerana ia tergolong dalam *bab tiyarah* (kepercayaan kepada sial) dalam hukum Islam. Kepercayaan kepada tulah dihukumkan syirik bagi pengkaji kerana disebabkan kaedah *qiyas* kepada hukum *tiyarah*. ‘*Illah* atau sebab sedemikian kerana disebabkan ‘*illah* yang sama pada kepercayaan sial majal iaitu mengaitkan musibah yang menimpa kepada selain Allah dan meyakini musibah berpunca daripada makhluk (nenek moyang) yang tidak sedikit pun memiliki kuasa mendatangkan manfaat atau mudarat.

Sebaliknya, rasulullah SAW suka kepada sikap optimis (baik sangka) di dalam melakukan sesuatu perkara. Sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Abu Hurairah r.a.<sup>382</sup>

لَا طِيرَةٌ وَّ خَيْرُهَا الْفَأْلُ قَالُوا وَمَا الْفَأْلُ قَالَ الْكَلْمَةُ الصَّالِحَةُ يَسْمَعُهَا أَحَدٌ كُمْ


Ertinya:“ Tidak ada kepercayaan sial dan sebaik-baiknya ialah *al-fa’lu*. Para sahabat bertanya: Apakah yang dikatakan sebagai *al-fa’lu* itu? Ungkapan yang baik didengari oleh seseorang dari kalangan anda”.

Sebenarnya, kekurangan tidak terletak pada makhluk ciptaan Allah, sebaliknya ia terletak pada cara berfikir manusia dalam berhadapan dengan makhluk-makhluk tersebut. Begitu jugalah dalam kepercayaan kepada tulah. Orang Bajau mudah percaya jika terdapat keburukan yang luar biasa kepada mereka, ia berpunca daripada sesuatu perbuatan yang pernah dilakukan melanggar pantang larang nenek moyang orang Bajau. Sedangkan ia merupakan ketentuan Allah SWT untuk menguji hambanya yang beriman kepada-Nya.

---


<sup>382</sup> Hadis direkodkan oleh Al-Bukhari, , Kitab al-Tibb, Bab al-Fa’li, no. hadis 5755. Sila lihat Muhammad Ismail Abu ‘Abdullah al-Bukhari al-Ja’fi, *Sahih al-Bukhari* (Riyadh:Maktabah Darul Salam li Nasyri wa al-Tauzi’, 1999),1016.

*Tiyarah* sebenarnya penyakit yang muncul sejak zaman silam lagi. Allah menerangkan orang kafir telah melakukan *tiyarah* terhadap manusia pilihan Allah daripada kalangan para rasul dan orang yang beriman. Firman Allah SWT:



Maksudnya: Penduduk bandar itu berkata pula: "Sesungguhnya Kami merasa nahtas dan malang Dengan sebab kamu. Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas Yang kamu katakan itu), tentulah Kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak Kami azab seksa Yang tidak terperi sakitnya". Rasul-rasul itu menjawab: "Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran) Yang ada pada kamu. Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat pengajaran (maka kamu mengancam Kami Dengan apa Yang kamu katakan itu)? (kamu bukanlah orang-orang Yang mahu insaf) bahkan kamu adalah kaum pelampau".

Begitu juga dengan Bani Israil. Allah SWT telah berfirman:



Al-'Araf: 130-131

Maksudnya: Dan sesungguhnya kami telah menimpakan Firaun dan kaumnya dengan musim kemarau dan kekurangan buah-buahan, supaya mereka insaf mengambil pelajaran. Kemudian apabila datang kepada mereka kesenangan mereka berkata: "Ini ialah hasil usaha kami", dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan nahas dan malang itu disebabkan oleh Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya. (tuhan berfirman): ketahuilah, Sesungguhnya nahas dan malang mereka itu hanya di tetapkan di sisi Allah, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.

Syeikh Muhammad bin Salih al-'Uthaimeen menyatakan pendapatnya bahawa *tatayyur* adalah menganggap sial atas apa yang dilihat seperti melihat sesuatu yang menakutkan dan menganggap ia membawa sial atau didengari atau yang diketahui.<sup>383</sup> Menurut beliau, *tatayyur* haram kerana menafikan tauhid dari dua segi. Pertama, orang yang percaya kepada sial majal tidak memiliki rasa tawakal kepada Allah dan sentiasa bergantung kepada selain Allah. Kedua, berpaling kepada Allah dan memberi tempat yang tinggi kepada kepercayaan karut marut dalam masyarakat. Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani telah menyatakan di dalam kitabnya yang terkenal iaitu *Fathul Bari* bahawa *tiyarah* dianggap syirik kerana iktikad manusia bahawa terdapat sesuatu perkara yang boleh memberi manfaat atau mudarat. Dan ini secara tidak langsung menyekutukan Allah SWT.<sup>384</sup>

Oleh itu, Rasulullah SAW mengajar umatnya jika ditimpa perasaan takut kepada sesuatu seperti kepercayaan kepada *tulah*, maka jangan dihiraukan perasaan dan hendaklah seseorang itu segera berserah diri kepada Allah SWT dengan membaca doa ini:<sup>385</sup>

---

<sup>383</sup> Yazid b. 'Abdul Qadir Jawwas, *Syarah Aqidah Ahlus Sunnah wal Jema'h* (Bogor: Pustaka Imam Syafie, 2009), 478.


<sup>384</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, tahqiq., Abdul Aziz Bin Bazz (Beirut: Dar al-Ma'arif, t.t).

<sup>385</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abu Daud, Bab fi Tairah, no. hadis 3919. Lihat Abu Daud Sulaiman b. 'As 'at b. Ishaq, *Sunan Abu Daud* (Beirut: Maktabah 'Asriyah, t.t) j.4, 18.

اللهم لا يأتي بالحسنات إلا أنت، ولا يدفع السيئات إلا أنت، ولا حول ولا قوة  
إلا بك

Maksudnya: “Ya Allah, tiada yang dapat mendatangkan kebaikan kecuali Engkau, dan tiada yang dapat menolak keburukan kecuali Engkau, dan tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan izin Engkau”.

Kesimpulannya, dalam isu kepercayaan kepada *tulah* ini, orang Bajau seharusnya tidak percaya bahawa sesuatu malapetaka atau penyakit disebabkan kemarahan oleh roh nenek moyang. Pengharaman percaya kepada konsep tulah berdasarkan pada beberapa hal seperti terkandung sikap bergantung pada selain Allah SWT, melahirkan rasa takut, tidak aman dan boleh membuka jalan penyebaran khurafat dalam masyarakat kerana apabila mereka takut secara tidak langsung, mereka akan mengadakan upacara tertentu untuk mengelak mudharat yang menimpa mereka. Penyelesaian dalam isu ini, orang Bajau wajib bergantung dan bertawakal kepada Allah dan menolak kepercayaan kepada konsep tulah kerana ia boleh menjelaskan akidah atas faktor ia dihukumkan syirik dalam hukum Islam. Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menyeru kepada penggantungan kepada Allah dan menolak kepercayaan terhadap selainnya bagi mendapat kebaikan dan menolak keburukan. Firman Allah SWT:



Al-Zumar: 38

Maksudnya: Katakanlah (kepada mereka): "Kalau demikian, Bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? jika Allah hendak menimpakan daku Dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayanya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmatNya itu?" Katakanlah lagi: "Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memeliharaku); kepadaNyalah hendaknya berserah orang-orang Yang muah berserah diri".

Ayat di atas memperlihatkan konsep tawakal kepada Allah dalam semua keadaan. Orang Bajau mestilah mempercayai segala kebaikan dan kejahatan adalah dari Allah SWT. Allah yang Maha Berkuasa memungkinkan sesuatu sama ada memberi nikmat atau mudarat berupa malapetaka atau pun penyakit.

#### iv. Amalan berhubung kepercayaan Kepada *Magombbo'*

Dalam bab-bab yang lalu, telah dijelaskan bahawa orang Bajau sangat percaya kepada roh nenek moyang (*omboh*). Mereka beranggapan bahawa jika seseorang telah meninggal dunia, tidak mustahil roh mereka akan kembali ke alam dunia untuk melihat gerak-geri generasi baru. Jika generasi baru ini melanggar sesuatu adat yang dikatakan boleh mendatangkan kemarahan roh nenek moyang ini, maka sesuatu perkara pelik akan berlaku seperti penyakit, malapetaka dan sebagainya. Apabila penyakit dan malapetaka ini berlaku, masyarakat Bajau akan mengadakan upacara *magombbo'* (memuja roh nenek moyang). Sebenarnya kepercayaan roh boleh kembali ke dunia merupakan satu dakwaan yang salah dan menyimpang dari ajaran Islam. Ini dijelaskan dengan jelas dalam firman Allah SWT:



◀⑧◀▶②◆✉

◆ ♀ □ → ♀ ▲

၁၇၈ \* ၆

③ ⚡ 7 ━ ━ ☎

Al-Mu'minun: 100

Maksudnya: "Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan". Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).


Maksud firman Allah di atas ialah mereka yang telah mati mempunyai kehidupan baru, yang digelar alam *barzakh*. Kehidupan di alam *barzakh* membatasi antara dunia dan akhirat. *Barzakh* itu sendiri bermaksud pemisah atau penghalang iaitu seumpama sebuah tembok kukuh yang memisahkan dua alam. Ini bererti, dakwaan orang Bajau bahawa roh nenek moyang boleh kembali ke dunia ini adalah salah. Ini ditegaskan dalam firman Allah yang lain yang menyokong ayat di atas seperti dalam kalam-Nya:

Al-Zumar: 42

Maksudnya: Allah (yang Menguasai segala-galanya), ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: Dalam masa tidurnya; kemudian ia menahan jiwa orang yang ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).

Dalil naqli di atas turut disokong oleh dalil aqli. Sekiranya roh orang yang telah mati itu boleh kembali ke dunia dan boleh melakukan pelbagai perkara, sudah tentu orang-orang yang telah meninggal itu seolah-olahnya mereka bebas ke sana ke mari. Oleh itu, kita harus yakin bahawa roh si mati tidak boleh kembali untuk menziarahi keluarganya, rumahnya atau sebagainya.

Berhubung dengan isu *magombbo*', terdapat satu kepercayaan dalam masyarakat Bajau bahawa roh nenek moyang ini mampu memberi manfaat (kesejahteraan) atau mudharat kepada generasi akan datang. Ini merupakan dakwaan yang sesat dan menyeleweng. Hakikatnya, tidak ada makhluk lain di muka bumi ini mampu memberi kesejahteraan ataupun mudharat tanpa izin Allah SWT. Namun tidak dinafikan bahawa jin atau syaitan yang menyamar sebagai roh nenek moyang ini mampu memberi mudharat kepada manusia dengan izin Allah SWT. Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayub ketika ia berdoa merayu kepada tuhannya Dengan berkata: "Sesungguhnya Aku digangu oleh syaitan Dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit)".

Dalam ayat di atas, jelas menyatakan kisah Nabi Ayyub menghadapi penyakit fizikal yang dahsyat ketika itu adalah berpunca daripada sentuhan atau penangan syaitan. Dalam ayat yang lain juga, terdapat beberapa istilah yang jelas menyebut bahawa makhluk halus ini berupaya menyakiti manusia dengan pelbagai perlakuan sehingga menyebabkan manusia menderita kesakitan. Firman Allah SWT:

ﷺ ﴿ ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 Fusilat: 36

Maksudnya: Dan jika Engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari Syaitan, maka hendaklah Engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.


Istilah *nazghun* (نَزْغٌ) dalam ayat tersebut diterjemahkan oleh kamus dengan makna ditikam dengan tangan, ditumbuk atau ditendang. Dalam tafsir *al-Maraghi* dan Tafsir *al-Qurtubi*, menjelaskan istilah *nazghun* (نَزْغٌ) tersebut sebagai menendang, merasuk atau mencederakan seseorang. Firman Allah SWT:

◆ ﴿ ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 ◆ ﴿ ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 ◆ ﴿ ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 ◆ ﴿ ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 Al-Baqarah: 275

Maksudnya: Orang-orang Yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang Yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.

Istilah *al-Takhabbut* (الْتَّخْبَطُ) daripada perkataan dalam ayat tersebut ditafsirkan dengan makna mencekik, menyakiti hingga meraung kesakitan. Dalam sebuah hadith sahih yang menyebut fenomena *al-saru'* (الصَّرْعُ), maksudnya syaitan menjadi penyebab berlakunya kecederaan kepada manusia seperti kesakitan, hilang akal, kebisingan yang melampau dan sebagainya. Manakala dalam surah al-Mujadalah ayat 19, Allah SWT menggunakan perkataan *istahwaza*:

ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا  
 ﻭَمَنْ يُؤْمِنْ بِهِ فَلْيَأْتِ ﻤَنْ ﻰَنْ ﻮَلَّا




Maksudnya: Syaitan telah Menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak Syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi.

Perkataan *istihwaaz* (استحواز) daripada *istahwaza* bermaksud syaitan boleh menguasai dan mengalahkan manusia sehingga mereka tidak sedarkan diri atau lupa segala-galanya. Dalam satu peristiwa lain, *Ya'la bin Murah* menceritakan sebuah kisah daripada bapanya, suatu ketika seorang perempuan telah membawa anaknya yang berpenyakit *al-lamam* ( akal yang bercelaru atau gila). Rasulullah SAW merawatnya dengan membaca sesuatu lalu baginda SAW menepuk belakangnya. Pemuda itu memuntahkan objek kehitaman dan objek itu terus menghilang. Selepas itu, pemuda ini kembali siuman seperti biasa. Hadith ini terdapat dalam Musnad Imam Ahmad.

Daripada kisah-kisah dan ayat yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa terdapat sebahagian penyakit boleh dicetuskan syaitan ke atas manusia. Begitu juga penyakit yang didakwa dihidapi oleh masyarakat Bajau akibat melanggar pantang nenek moyang. Penyakit yang dihidapi mereka bukannya disebabkan roh nenek moyang mereka yang memberi mudharat, tetapi jin-jin yang menyamar sebagai nenek moyang mereka dengan izin Allah SWT dengan tujuan untuk menyesatkan manusia agar mempercayai sesuatu selain daripada Allah SWT. Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini, roh orang yang telah meninggal dunia tidak mungkin kembali ke dunia kerana roh orang yang telah mati akan berada di alam *barzakh* sehingga dibangunkan semula pada hari kiamat.

Pada pendapat pengkaji, dakwaan bahawa di dalam upacara *magombbo*', terdapat roh nenek moyang yang akan masuk ke badan seseorang dan menegur generasi baru yang melakukan kesalahan bukanlah roh nenek moyang, tetapi sejenis makhluk yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai *qarin*. Firman Allah SWT:



Fusilat: 25

Maksudnya: Dan kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (dari jin dan manusia), lalu teman-teman itu memperhiaskan kepada mereka (fahaman-fahaman sesat) mengenai perkara-perkara dunia yang ada di hadapan mereka, serta perkara-perkara akhirat yang ada di belakang mereka; dan (dengan sebab itu) tetaplah hukuman (azab) atas mereka bersama-sama dengan umat umat (yang sesat) dari jin dan manusia yang terdahulu daripada mereka. Sesungguhnya mereka semuanya adalah golongan yang rugi (bawaan hidupnya).

Ayat ini merujuk tentang kewujudan makhluk halus yang dipanggil *qarin* atau *qurana'* (jin yang menjadi sahabat baik kepada manusia). Ayat-ayat lain yang berkaitan tentang *qarin* ialah seperti dalam surah *al-Saffat* ayat 51, surah *al-Zukruf* ayat 38, surah *Qaf* ayat 23 dan ayat-ayat lain. Istilah *qarin* berbeza dengan *ifrit*, jin, syaitan dan sebagainya kerana *qarin* ini dirujuk sebagai makhluk halus yang berdampingan dengan manusia sehingga menjadi kawan rapat yang boleh memberi bantuan. Inilah *qarin*. Walaupun manusia telah mati, jin masih boleh menyerupai mereka untuk menyesatkan manusia dan mencederakan aqidah manusia. Di antara dalil yang jelas tentang perkara ini jin boleh menjelmakan diri dalam pelbagai rupa

termasuk manusia ialah kisah yang terjadi kepada Abu Hurairah. Imam Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah katanya:<sup>386</sup>

وَكُلْنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحَفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ، فَأَتَانِي آتٌ فَجَعَلَ يَخْثُو  
مِنَ الطَّعَامِ، فَأَخْدَتُهُ وَقُلْتُ: وَاللَّهِ لَأُرْفِعَنَكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.  
فَشَكَا حَاجَةً وَعِيَالًا فَرَحْمَهُ أَبُو هَرِيرَةَ وَتَرَكَهُ حَتَّى تَكَرَّرَ هَذَا ثَلَاثَ مَرَاتٍ وَفِي الثَّالِثَةِ  
قَالَ أَبُو هَرِيرَةَ: لَأُرْفِعَنَكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ وَهَذَا آخِرُ ثَلَاثَ مَرَاتٍ أَنْكَ تَرْعَمُ لَا تَعُودُ ثُمَّ  
تَعُودُ، قَالَ: دُعَنِي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهَا، قَلْتُ: مَا هُوَ؟ قَالَ إِذَا أُوْيَتَ إِلَى  
فَرَاشَكَ قَاقِرًا آيَةَ الْكَرْسِيِّ.

إِنَّكَ لَنْ يَزَّاكَ عَلَيْكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظًا، وَلَا يَقْرِبَنَكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تَصْبِحَ فَخْلِيَّتَ  
سَبِيلَهُ. وَحِينَ أَصْبَحَ أَخْبَرُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَا حَصَلَ، فَقَالَ النَّبِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَا إِنَّهُ قَدْ صَدَقَ وَهُوَ كَذُوبٌ. أَتَعْلَمُ مِنْ تَخَاطِبِي مِنْذِ  
ثَلَاثَ لَيَالٍ يَا أَبَا هَرِيرَةَ؟ قَالَ: لَا. قَالَ: ذَاكَ شَيْطَانٌ


Maksudnya: "Rasulullah SAW pernah menyuruhku menjaga zakat Ramadhan. Tiba-tiba seseorang datang kepadaku lalu menyelongkar makanan. Aku pun menangkapnya sambil berkata: Demi Allah! Aku akan membawamu kepada Rasulullah SAW. Maka, dia pun menceritakan mengenai keluarga dan hajatnya. Abu Hurairah berasa kesian lalu melepaskannya. Hal ini berulang sehingga pada hari yang ketiga, Abu Hurairah bertekad untuk membawanya kepada Rasulullah SAW. Dia berkata: Lepaskan aku, nescaya aku akan mengajarmu beberapa kalimah yang akan memberi manfaat kepadamu disisi Allah SWT. Aku menjawab: Apakah kalimah itu? Dia berkata: Jika kamu berada di tempat tidur kamu, bacalah ayat al-Kursi. Sesungguhnya engkau akan didampingi oleh seorang penjaga yang ditugaskan oleh Allah dan engkau juga tidak akan didekati oleh syaitan sehingga waktunya pagi. Akhirnya orang itu aku bebaskan sahaja. Keesokan harinya, beliau telah menceritakan kepada Rasulullah SAW tentang apa yang terjadi. Lalu Baginda berkata: "Adapun apa yang diperkatakannya kepadamu itu adalah benar. Namun demikian dia adalah pendusta. Wahai Abu Hurairah! Adakah kamu mengetahui siapakah yang berbicara dengan kamu selama tiga malam tersebut? Abu Hurairah menjawab: "Tidak". Baginda berkata: "Itulah syaitan".

---

<sup>386</sup> Hadis diriwayatkan oleh Bukhari, Kitab Bad'ul Khalqi, Bab Sifatul Iblis wajunudihi, no. Hadis: 3278. Sila lihat Muhammad Ismail Abu 'Abdullah al-Bukhari al-Ja'fi, *Sahih al-Bukhari* (Riyadh:Maktabah Darul Salam li Nasyri wa al-Tauzi', 1999), 545.

Dalam hadis di atas, terkandung beberapa pengajaran yang dapat diambil. Antaranya, syaitan memiliki tabiat suka berbohong, boleh menjelma pelbagai rupa seperti yang dilihat oleh Abu Hurairah (syaitan menyamar sebagai manusia). Hakikat bahawa jin tidak dapat dilihat oleh manusia hanya dikhususkan apabila ia kekal dalam bentuk semula jadinya<sup>387</sup>. Sedangkan, apabila ia menjelma kepada sesuatu, ia dapat dilihat oleh manusia.<sup>388</sup>

Kesimpulannya, upacara *magombbo*' merupakan upacara yang jauh menyeleweng dengan akidah Islam. Ia tergolong dalam 'urf fasid. Malah, amalan tradisi ini boleh dihukumkan syirik kerana mempercayai sesuatu kuasa yang mampu memberi manfaat atau mudharat kepada manusia selain daripada Allah. Bagi orang Bajau yang masih mengamalkan amalan tradisi ini, harus diingati perbuatan syirik merupakan dosa besar yang tidak diampuni oleh Allah di akhirat kelak. Ini dinyatakan dalam firman Allah:



Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekitarkanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan syariatNya). dan sesiapa yang

<sup>387</sup> Hal ini terbukti seperti dalam firman Allah yang bermaksud;” Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dalam keadaan kamu tidak dapat melihatnya”. Rujuk surah al-‘Araf, ayat 27.

<sup>388</sup> Terdapat riwayat lain mengenai syaitan menjelma dirinya kepada sesuatu. Antaranya syaitan pernah menampakkan dirinya kepada kaum kafir Quraisy yang menyerupai Suraqah b. Malik b. Ju’syam dan berusaha memerangi Nabi SAW semasa berlakunya perang Badar. Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa’id al-Khudri yang menyatakan syaitan juga mampu menjelma kepada ular. Maklumat lanjut kedua-dua peristiwa ini boleh didapati dalam Mohd Yusof Arbain, ed., *Fatwa Jin dan Sihir* ( Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd, 2007), 23-24.

mempersekuat Allah (dengan sesuatu yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

v. Amalan berhubung kepercayaan kepada *Pitulak*

*Pitulak* merupakan cara rawatan yang sangat popular bagi masyarakat Bajau pada satu ketika dahulu. Namun realitinya hari ini, ia jarang diamalkan disebabkan arus kemodenan yang wujud mampu mengubati pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit tertentu. Walaupun begitu, ia masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Laut hingga ke hari ini. Tujuan melakukan upacara *pitulak* sudah dijelaskan sebelum ini yang mana ia dilakukan untuk memohon hantu syaitan supaya tidak mengganggu manusia lagi. Perbuatan ini merupakan dosa besar kerana ia secara tidak langsung memohon pertolongan selain dari Allah. Firman Allah SWT:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuTkanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan syariatNya). dan sesiapa yang mempersekuTkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

Sebenarnya upacara syirik ini bukan sahaja kelihatan dalam masyarakat Bajau. Jika ditinjau pada sejarah awal perkembangan Islam di tanah Arab, terdapat kisah seumpama ini di kalangan masyarakat Arab. Ini terbukti dalam peristiwa saih

Saidina ‘Umar menulis surat kepada Sungai Nil.<sup>389</sup> Diriwayatkan, semasa ‘Amru bin al-Ash menjadi gabenor Islam di negara Mesir yang dilantik oleh Saydina ‘Umar al-Khattab r.a, beliau menghadapi satu cabaran iaitu musim kemarau yang menyebabkan keringnya sungai Nil yang merupakan sumber bekalan air ke seluruh negara tersebut.

Secara tradisinya, masyarakat *qibti* (masyarakat peribumi Mesir) sebelum kedatangan Islam, akan mengadakan upacara korban dalam sesuatu tempoh untuk “penunggu” yang kononnya ditugaskan menjaga kepentingan mereka di Sungai Nil. Mereka dikehendaki mengorbankan anak dara yang terbaik di kalangan mereka supaya ‘penunggu’ sungai Nil tersebut tidak murka. Apabila ‘Amru bin al-Ash menjadi pemimpin di situ, beliau telah berusaha menghentikan perbuatan syirik dan mungkar itu yang jelas memuja jin dan syaitan. Tetapi atas dasar desakan dan perasaan takut masyarakat *qibti*, mereka memohon untuk mengadakan upacara tersebut untuk mengelakkan keadaan kemarau yang lebih teruk.<sup>390</sup>

‘Amru bin al-Ash segera menghantar surat kepada khalifah ‘Umar r.a di Madinah untuk memaklumkan peristiwa pelik itu agar Saidina ‘Umar menghentikan amalan khurafat itu. Sebagai maklum balas surat itu, Saidina ‘Umar telah menulis sepucuk surat kepada Amru bin al-Ash dan meminta beliau untuk mencampakkan surat itu kepada sungai Nil. Isi kandungannya seperti berikut:

من عبد الله أمير المؤمنين عمر إلى نيل المصر- أما بعد- فإن كنت إنما تحرى من  
قبلك، فلا تحر. وإن كان الله الواحد القهار هو الذي يجريك، فنسأله الواحد  
القهار أن يجريك

---

<sup>389</sup> Sila lihat Tafsir al-Qurtubiy dan Hasyiat ash-Shawiy ‘ala al-Jalalain, tafsir ayat 57-58 surah asy-Syu’ara’. Cerita lanjut seperti ini juga boleh diperolehi daripada *101 Kisah dan Pengajaran Daripada al-Quran, Hadis dan Hayatus Sahabah*, Terbitan Telaga Biru.

<sup>390</sup> Zahazan Mohamed, *Himpunan Kisah Benar Tapi Pelik* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2012), 37.

Maksudnya: Daripada hamba Allah, Amirul Mukminin Umar kepada Nil Mesir. Jika engkau mengalir kerana kehendakmu semata-mata, maka janganlah engkau mengalir lagi. Tetapi jika Allah Maha Esa lagi Maha Gagah Perkasa yang mengalirkanmu, maka kami memohon kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Gagah Perkasa agar mengalirkan kamu semula.


Dengan karamah Saidina ‘Umar r.a, pada hari sepatutnya penduduk Mesir kembali melakukan amalan syirik itu, Sungai Nil menjadi lebih luas dan lebih banyak airnya. Allah SWT mentakdirkan agar tradisi syirik itu berakhir di tangan khalifah yang sangat dicintainya iaitu Saidina ‘Umar al-Khattab r.a.

Kesimpulannya, hikmah dan pengajaran daripada kisah ini ialah, syaitan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk menyesatkan manusia dengan membisikkan hasutan kepada manusia supaya melakukan amalan yang bertentangan dengan Islam. Masyarakat Bajau pada hari ini sama seperti kisah di atas. Mereka dipengaruhi dengan amalan khurafat kerana takut kepada faktor tertentu seperti malapetaka, penyakit, dan sebagainya. Justeru itu, mereka harus sedar bahawa syaitan sentiasa akan membisikkan kesesatan kepada manusia. Umat Islam khususnya orang Bajau wajib kembali kepada Allah memohon rahmat-Nya dalam segala ujian yang berlaku dalam kehidupan mereka seperti yang berlaku kepada mereka dalam isu *pitulak* ini. Apa yang jelas amalan tradisi pitulak ini tergolong dalam ‘urf fasid kerana ia bersangkut paut dengan elemen-elemen khurafat dan syirik.

#### **vi. Amalan berhubung kepercayaan kepada ilmu sihir dan magik**

Lazimnya, di kalangan masyarakat Bajau Semporna, mereka mengamalkan ilmu sihir dan ilmu hitam untuk melindungi diri mereka. Dalam syariat Islam, penggunaan ilmu-ilmu sihir atau hitam adalah diharamkan walaupun untuk tujuan kebaikan atau

kebijakan. Al-Qur'an pernah menyebut tentang orang yang belajar ilmu sihir sebagaimana firman Allah SWT:



Al-Baqarah: 102

Maksudnya: sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. dan Demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telah pun mengetahui Bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.

Ayat yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa sihir itu sememangnya wujud dan berlaku pada zaman Nabi Musa as dan di hadapan Nabi Sulaiman as. Perbuatan sihir tersebut boleh mempengaruhi manusia sehingga mereka tercengang kehairanan. Malah, perasaan takjub menguasai diri sehingga menimbulkan rasa percaya dan hebat atas ilmu sihir yang dimiliki seseorang. Ayat tersebut juga jelas menunjukkan bahawa ilmu sihir tidak memberikan sebarang kegunaan, tiada manfaat kepada manusia. Ilmu ini mengundang kemudharatan yang amat besar iaitu syirik kepada Allah SWT kerana mereka terpaksa melakukan penyembahan kepada syaitan. Ilmu ini haram dipelajari dan tidak boleh diamalkan kerana boleh menyebabkan kerosakan kepada manusia.<sup>391</sup>

Sehubungan itu, Rasulullah SAW juga menilai sihir sebagai salah satu daripada dosa besar yang boleh merosak dan menghancurkan sesuatu bangsa. Ini

---


<sup>391</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam*, terj. (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2009), 198-199.

kerana ia mampu mengakibatkan seseorang mendapat kecelakaan. Justeru itu, Nabi bersabda:<sup>392</sup>

اجتبوا السبع الموبقات قالوا يا رسول الله، وما هن؟ قال الشرك بالله، والسحر، وقتل النفس التي حرم الله إلا بالحق، وأكل الriba، وأكل مال اليتيم، والتولى يوم الزحف، وقدف المحسنات المؤمنات الغالفات

Maksudnya: "Jauhilah olehmu tujuh perkara yang mencelakakan! Sahabat bertanya: Apakah itu ya Rasulullah? Baginda menjawab: Menyekutukan Allah, menyihir atau percaya kepadanya, membunuh jiwa yang dilarang kecuali dengan hak, makan harta anak yatim, makan atau menjalankan riba, lari dari medan pertempuran dan menuduh wanita-wanita mukmin yang memelihara kehormatannya".

Para ulama berpendapat bahawa ilmu sihir adalah suatu bentuk kekufuran dan dapat mengheret manusia ke dalam kekufuran. Bahkan tukang sihir mesti dibunuh untuk melindungi masyarakat. Di dalam al-Qur'an, Allah memberikan suatu cara untuk berlindung dari tukang sihir. Allah berfirman:



Maksudnya: "Dan dari kejahanan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan).

Meniup buhul merupakan ciri khas yang lazimnya tukang sihir lakukan dan ia cara yang popular bagi tukang sihir. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i daripada Abi Hurairah Ra:<sup>393</sup>

من عقد عقدة ثم نفت فيها فقد سحر ومن سحر فقد أشرك

<sup>392</sup> Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Wisayah, Bab Qaulullah Ta’ala Innallazi amanu ya’kuluna amwalal yatima zuluman, no. hadis 2766. Sila lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *al-Jami’ al-Sahih*, 1980), 2: 295.

<sup>393</sup> Riwayat al-Nasa'i, Kitab Tahrim al-Dam, Bab al-Hukm fi al-Sihr, no. hadis 4090. Sila lihat Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Syu'ayb al-Nasa'i (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1988) j.7, 128.

Maksudnya: “Sesiapa yang menyimpulkan ikatan (benang) dan meniupnya (menjampi memanterakan untuk sesuatu tujuan jahat), maka sesungguhnya dia telah melakukan sihir. Sesiapa yang melakukan sihir, maka dia telah mensyirikkan Allah”.

Keharaman ini berlaku bukan hanya terhad kepada tukang sihir sahaja, tetapi juga merangkumi orang yang meyakini, mengusulkan, dan mempercayai apa yang dicakapkan oleh tukang sihir. Keharaman ini bertambah berat dosanya jika sihir ini digunakan untuk sesuatu yang jahat, seperti cuba mencederakan seseorang atau membinasakannya.

Walau bagaimanapun, dalam isu sihir ini, timbul persoalan yang menjadi tanda tanya di kalangan orang Bajau. Apakah hukum mengubati orang yang terkena sihir dengan melakukan pengubatan sihir atau dengan kata lain, sihir melawan sihir? Ini kerana, orang Bajau beranggapan sihir ini dibolehkan jika untuk melawan kuasa sihir orang jahat yang menggunakan khidmat bantuan jin kafir. Atas desakan ini, mereka mendakwa dibolehkan meminta pertolongan kuasa jin Islam untuk melawan kembali sihir yang dilakukan atas pertolongan jin kafir. Sebenarnya, ini merupakan dakwaan yang salah.

Menggunakan sihir untuk mengubati sihir diistilahkan dalam syarak sebagai *al-Nusyrah* yang bermaksud mengubati sihir dengan sihir.<sup>394</sup> Ia tetap diharamkan dan ditegah dalam Islam kerana amalan ini tetap mempunyai asas yang kukuh iaitu syirik walaupun berniat untuk kebaikan seperti ingin pulih daripada penyakit tertentu. Ini berdasarkan hadith Jabir ‘Abd Allah yang diriwayatkan Abu Daud.<sup>395</sup>

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّشْرَةِ فَقَالَ هُوَ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ

---

<sup>394</sup> Haron Din, *Menjawab Persoalan Makhlus Halus*, 107.

<sup>395</sup> Hadis direkodkan oleh Abu Daud, Kitab al-Tibb, Bab fi Nasyrah no. hadis 3868. Sila lihat Abu Dawud Sulayman ibn al-Asy’ath al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud*, , (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif Lil Nasyr wa al-Tawzi’, 2008), 695.

Maksudnya: Rasulullah SAW ditanya tentang hukum al-Nusyrah, maka Rasulullah SAW menjawab bahawa perbuatan itu merupakan pekerjaan daripada syaitan.

Hadis ini jelas menyatakan haram hukumnya pengubatan sihir dengan sihir. Kita hendaklah memikirkan cara lain selain daripada menggunakan khidmat ahli sihir. Jika kita mengetahui orang tersebut ahli sihir, lalu kita meminta untuk menggunakan khidmatnya, secara tidak langsung kita bersubahat dengan ilmu yang dilarang dalam Islam.

Berhubung dengan amalan orang Bajau yang mengamalkan ilmu-ilmu tertentu seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pukau dan sebagainya, Islam melarang keras amalan ini walaupun kelihatan alasan yang diberikan adalah munasabah seperti ingin melindungi diri, mengelakkan daripada kekejaman orang dan sebagainya. Islam tetap menghukumkan haram kepada sesiapa yang mengamalkannya. Ini kerana kebiasaannya, dalam mempelajari ilmu kebal, lazimnya pengamal tersebut akan menggunakan mantera tertentu, jampi serapah tertentu atau pun tangkal tertentu. Ini jelas pengharamannya seperti dalam hadis rasulullah SAW yang diriwayatkan Abu Daud, Imam Ahmad al-Hakim dan al-Baihaqi.<sup>396</sup>

إِنَّ الرُّقْيَ وَالْتَّمَائِمَ وَالْتَّوْلِةَ شُرُكٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya jampi mantera (yang tidak Islamik) dan tangkal-tangkal serta ilmu pengasih adalah syirik.

Dalam hadis di atas jelas menyatakan bahawa tangkal atau istilah asalnya *tamimah* atau *tamaim* adalah satu cara manusia untuk dijadikan azimat. Lazimnya, ia dilakukan dengan cara menggunakan benang, tali atau sebagainya dan dipakai di leher, di pinggang, di tangan, atau anggota-anggota lain untuk dijadikan sebagai

---

<sup>396</sup> *Ibid.*, no. hadis 3883, j. 10, 386.

pelindung yang didakwa mampu menjadi kebal, pukau, pengasih dan sebagainya. Secara tidak langsung, hakikatnya penggunaan tangkal ini cuba mempercayai benda-benda pelindung tersebut mempunyai kuasa yang mampu melindungi mereka selain daripada Allah SWT.

Dari segi penggunaan tangkal azimat yang bertulis ayat al-Quran dan al-hadis, ulama berselisih pendapat. Golongan yang mengharamkan berhujah berdasarkan bentuk umum lafaz hadis tentang larangan tangkal azimat tanpa ada pengecualian. Pendekatan ini berdasarkan *Sadd al-Zara'i* iaitu satu kaedah sebagai tindakan pencegahan yang dikhuatiri membawa kepada syirik atau penghinaan kepada al-Quran.<sup>397</sup>

Selain itu, terdapat dalil aqli yang menyokong kepada pengharaman ilmu-ilmu hitam seperti ilmu pengasih, dan ilmu kebal umpamanya. Jika ia dibolehkan dalam syariat, Islam sudah pasti menyuruh umatnya untuk mempelajari dan mengamalkannya. Sudah tentu juga Rasulullah SAW mengharuskannya dan mengamalkannya ketika berperang dengan musuh-musuh Allah pada ketika itu. Hakikatnya rasulullah SAW mengalami kecederaan yang teruk, luka-luka dan sebagainya ketika berperang atau dalam menghadapi dugaan dalam menyebarkan Islam.<sup>398</sup>

Kesimpulannya, ilmu sihir haram untuk dipelajari mahu pun untuk diamalkan. Alasan orang Bajau untuk mempelajari ilmu ini atas alasan desakan ekonomi atau politik pada zaman penjajah adalah tidak berasas. Ini kerana matlamat

---

<sup>397</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Aqaid al-Islam* (Kaherah: Maktabah Mahhabat), 48-49.

<sup>398</sup> Lihat sirah Rasulullah SAW mengenai perperangan yang disertai Baginda dalam Abu Mazaya al-Hafiz, *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW* (Selangor: al-Hidayah Publication, 2010).


tidak akan menghalalkan cara.<sup>399</sup> Sihir tetap tergolong dalam dosa besar yang dapat menjadikan pelakunya hina di dunia dan akhirat.

### vii. Amalan berhubung kepercayaan kepada mitos hantu


Kebiasaanya, orang Bajau percaya bahawa hantu syaitan ini boleh menyebabkan penyakit. Umpamanya hantu *seloh* boleh menyebabkan mangsa mengalami penyakit dada, sesak nafas muntah malah boleh membawa maut. Hantu *balan-balang* pula dikatakan penyebab kepada penyakit kuning sementara itu, *hantu gallap* dikatakan boleh menenggelamkan mangsanya.

Amnya, fenomena kepercayaan kepada hantu ini bukan sahaja dipercayai oleh masyarakat Bajau. Tetapi ia turut dipercayai oleh seluruh masyarakat di dunia. ‘Hantu’ sebenarnya sebenarnya istilah yang terkenal dalam masyarakat Melayu. Istilah-istilah lain yang sinonim dengan hantu dalam masyarakat Melayu ialah bunian, jembalang, puntianak, langsuir, pelesit dan sebagainya. Kesemua istilah ini sebenarnya merujuk kepada makhluk halus.

Persoalannya, adakah makhluk halus ini benar-benar wujud? Adakah makhluk yang digelar *balan-balang*, *pangguak*, *gallap* dan sebagainya dalam masyarakat Bajau wujud? Sebenarnya, makhluk ini wujud seperti yang terdapat di dalam al-Qur'an:



<sup>399</sup> Hakikatnya “matlamat tidak menghalalkan cara” bukanlah satu teori atau kaedah di dalam Islam. Sebenarnya frasa itu berkaitan dengan beberapa teori dalam pengajian usul fiqh iaitu “*Sadd al-zari'ah*” yang bermaksud menutup pintu keburukan.



Al-Ahqaf: 29

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) semasa Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (Wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Quran; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada Yang lain): "Diamlah kamu Dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!"

Disebutkan juga dalam hadith yang sahih bahawa Rasulullah SAW telah bertemu dengan masyarakat jin untuk menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an. Hadith daripada Ibnu Abi Hatim yang diriwayatkan daripada Mujahid menceritakan Nabi Muhammad saw telah bertemu dengan masyarakat jin untuk berdakwah.<sup>400</sup>

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan kisah hadith di atas, dapat difahami makhluk halus itu memang wujud dan wajib dipercayai. Pada pandangan pengkaji, yang membezakan hanyalah pada istilah atau terjemahannya sahaja sedangkan kesemuanya adalah makhluk yang sama. Sama ada hantu, jembalang, jin tanah, pelesit, bunian, hantu *gallap*, hantu *pangguak*, hantu *balan-bal* dan sebagainya, hakikatnya kesemua ini adalah makhluk halus yang wajib dipercayai kewujudannya


---

<sup>400</sup> Kisah dakwah Rasulullah SAW kepada bangsa jin boleh dilihat dalam surah al-Jinn ayat 1, maksudnya: "Katakanlah wahai Muhammad: Telah diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya satu rombongan jin telah mendengar al-Quran yang aku bacakan. Lalu mereka menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar al-Quran dan kandungannya sungguh menakjubkan." Imam al-Suyuti menyebut dalam kitabnya *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jan* mengenai kisah yang diriwayatkan oleh al-Thabrani dan Abu Nu'aim daripada Ibn Mas'ud. Ketika Ibn Mas'ud dan beberapa orang sahabat bersama-sama Baginda SAW berada di Makkah, Baginda bersabda yang bermaksud: "Hendaklah ada seseorang antara kamu yang pergi bersama-samaku". Namun, tidak ada seorang pun yang berdiri kecuali Ibn Mas'ud. Mereka berjalan dan tiba di satu tempat tinggi di Makkah. Di sana, Ibn Mas'ud melihat kepulan asap seolah-olah berhimpun. Rasulullah SAW membuat satu garisan di sekeliling Ibn Mas'ud dan seraya berkata: "Kau berdiri sahaja di tempat ini sehingga aku kembali". Ibn Mas'ud menurut perintah. Rasulullah SAW menghampiri kepulan asap tersebut. Baginda cukup lama berbual mesra dengan mereka hingga baginda menemui Ibn Mas'ud waktu fajar menyinsing. Sila lihat kisah lanjut mengenainya dalam Mohd Wahid Abdul Hanif, "Solat Bersama Jin", *Majalah Solusi*, Isu No. 42, Ogos 2012, 92. Lihat juga kisahnya dalam Imam al-Hafiz Jalaludin al-Suyuti, *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jann* ( Kaherah: Maktabah al-Qur'an li Tiba', wa al-Nasyri'wa al-Tauzi', t.t), 67-68.

sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qur'an. Tidak mempercayai al-Qur'an boleh membawa kepada kerosakan akidah.

Namun demikian, menjadi satu kemusyikan di sini ialah, jika benar kesemua makhluk halus ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar, mengapa dalam bab sebelum ini ada dinyatakan ciri-ciri hantu yang dipercayai oleh masyarakat Bajau? Adakah ia hanya satu mitos atau kepercayaan yang sengaja ditokok tambah oleh masyarakat Bajau? Hakikatnya, makhluk halus dapat melihat manusia dalam rupa bentuk mereka yang asal. Namun manusia boleh melihat makhluk ini apabila mereka telah menyerupai rupa bentuk tertentu yang diizinkan Allah SWT.<sup>401</sup>

Sebagai dalil, al-Qur'an telah menceritakan bahawa makhluk halus ini berupaya menyerupai manusia. Hal ini disebut dalam al-Qur'an:



Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Syaitan memperhiaskan kepada mereka perbuatan mereka (yang salah itu, untuk dipandang elok dan diteruskan), serta menghasut mereka Dengan berkata: "Pada hari ini tidak ada sesiapa pun dari umat manusia Yang dapat mengalahkan kamu, dan Sesungguhnya Aku adalah Pelindung dan Penolong kamu".

Sebagai contoh, dalam tafsir al-Qurtubi<sup>402</sup> menceritakan bahawa tentera musyrikin berasa gentar untuk memerangi tentera Islam ketika dalam perang *Badar*. Tiba-tiba, muncul satu pasukan perang yang diketuai oleh Suraqah bin Malik bin Ju'ashum dari suku Bani Bakr. Beliau dengan tenteranya amat ditakuti oleh

<sup>401</sup> Haron Din, *Menjawab Persoalan Makhluk Halus*, 70.

<sup>402</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakri al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006), 9: 493.

Quraisy kerana latar belakang permusuhan mereka dengan Bani Bakr ini. Apabila Suraqah berjanji untuk membantu tentera Musyrikin mengalahkan tentera Islam, maka tentera Musyrikin semakin berani. Ayat ini ditafsirkan secara muktabar bahawa orang yang berkata-kata dengan tentera Musyrikin ini ialah syaitan yang menyerupai Suraqah bin Malik.

Dalam peristiwa yang lain pula, Allah menceritakan tentang peristiwa orang kafir mengadakan satu pertemuan di Dar al-Nadwah untuk memutuskan perihal Muhammad SAW. Ketika para pembesar Quraisy hendak bermesyuarat, mereka didatangi oleh seseorang pemimpin dari puak Najdi. Beliau yang dikenali sebagai Syeikh al-Najdi, datang secara khusus untuk menyertai pembesar Quraisy dalam memberikan pandangan. Pembesar Quraisy Makkah membenarkan Syeikh al-Najdi turut sama dalam mesyuarat tersebut yang berakhir dengan keputusan untuk membunuh Nabi Muhammad SAW. Sebenarnya Syeikh al-Najdi ini ialah iblis laknatullah yang telah menyamar dengan menyerupai manusia.<sup>403</sup>

Kesimpulannya, semua peristiwa ini membuktikan bahawa makhluk halus memang berupaya menyerupai pelbagai rupa. Namun begitu, mereka bukan sewenang-wenangnya boleh mengganggu manusia kerana Allah SWT mengawal manusia dengan rahmat-Nya.

#### 4.5 KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau sehingga ke hari ini semua termasuk dalam ‘urf fasid yang wajib ditinggalkan kerana mempunyai

---

<sup>403</sup> Sila lihat tafsir al-Nasafi , ‘Abd Allah ibn Ahmad al-Nasafi , *Madarik al-Tanzil wa Haqa’iq al-Ta’wil* (Beirut: Dar al-Nafa’is, 1996), 2:146.

nas yang jelas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tentang pengharamannya. Harus diingati, '*urf fasid* yang boleh membawa kepada syirik merupakan satu dosa yang besar.<sup>404</sup> Antara punca pengekalan '*urf fasid* ini di kalangan orang Bajau ialah kerana kepercayaan orang Bajau bahawa jika adat ditinggalkan, tanda tidak selamat di kemudian hari. Justeru itu, ramai orang sanggup melanggar norma-norma agama walau pun sedikit sebanyak amalan-amalan tradisi ini bertentangan dengan syariat Islam.

Selain itu juga, terdapat di kalangan orang Bajau yang didakwa berautoriti dalam agama, mengharuskan amalan-amalan tradisi ini kerana kononnya ia telah menerima unsur-unsur Islam sepenuhnya dan mengamalkannya tidak menjadi satu kesalahan. Hakikatnya, ia sebaliknya. Malah isu yang dikhuatiri perkara ini merupakan amalan syirik yang tidak disedari secara langsung. Justeru itu, ramai orang Bajau yang semakin jahil dalam memahami tujuan syariat Islam. Amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna tergolong dalam '*urf fasid* boleh dirumuskan seperti jadual di bawah;

Jadual 4.5. Rumusan Amalan Tradisi Bajau menurut '*urf* dalam hukum Islam

Amalan Tradisi Bajau	'Urf Sahih	'Urf Fasid	Hujah/ Alasan
----------------------	------------	------------	---------------

<sup>404</sup> Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang membuktikan betapa besarnya dosa syirik antaranya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik (Surah al-Nisa': 48), boleh merosakkan amalan (surah al-Zumar: 65), menjadi hamba yang hina (surah al-Hajj: 31), diharamkan masuk syurga (surah al-Maidah: 72), Zalim (surah Luqman: 13) dan sebagainya.

i.	Amalan berhubung kepercayaan kepada jin dan orang yang berjin	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>‘Urf fasid kerana terdapat kepercayaan makhluk yang berkuasa selain Allah SWT yang mampu memberi manfaat atau mudharat iaitu jin.</li> <li>Mereka bersahabat dan meminta pertolongan daripada jin.</li> <li>Terdapat unsur syirik yang berbentuk ritual iaitu upacara memuja jin (pemujaan keramat).</li> </ul>
ii.	Amalan berhubung kepercayaan kepada bomoh atau kelamat	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>‘Urf fasid kerana terdapat banyak amalan yang diamalkan bomoh bercanggah dengan hukum syarak seperti pensyarat tertentu yang tidak ada nas di dalam al-Quran dan al-Sunnah dalam proses rawatan.</li> <li>Terdapat elemen-elemen khurafat serta penggunaan bahan kotor dan benda haram dalam proses rawatan.</li> <li>Terdapat kepercayaan kepada perkara ghaib yang akan datang (amalan tilik)</li> <li>Mengamalkan pantang larang tertentu yang bertentangan dengan syarak.</li> </ul>
iii.	Amalan berhubung kepercayaan kepada tulah	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Urf fasid kerana terdapat unsur syirik khafi iaitu percaya kepada ramalan bala yang akan datang.</li> <li>Terdapat unsur tatayur (sial-majal). Mereka percaya sesiapa yang melanggar tulah, akan memberi akibat buruk. Apa yang nyata, akibatnya sering dikaitkan dengan kuasa makhluk halus atau semangat.</li> </ul>

iv.	Amalan berhubung kepercayaan kepada Magombbo'	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Urf fasid kerana terdapat unsur syirik iaitu memuja leluhur nenek moyang (upacara magombbo').</li> <li>• Terdapat unsur tatayur (sial majal).</li> <li>• Terdapat upacara tertentu yang bercanggah dengan hukum syarak.</li> </ul>
v.	Amalan berhubung kepercayaan kepada pitulak	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘Urf fasid kerana terdapat unsur syirik iaitu percaya kepada satu kuasa selain dari Allah SWT.</li> <li>• Terdapat upacara tertentu yang berbentuk sajian yang jelas bercanggah dengan hukum syarak.</li> <li>• Banyak elemen-elemen khurafat dalam upacara tersebut.</li> </ul>
vi.	Amalan berhubung kepercayaan kepada ilmu sihir dan magik	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘Urf fasid kerana terdapat unsur-unsur khurafat yang diamalkan seperti ilmu kebal dan sebagainya.</li> <li>• Penggunaan jampi serapah dan mentera yang bertentangan dengan syarak.</li> <li>• Penggunaan tangkal-tangkal dan azimat tertentu yang boleh membawa kepada syirik.</li> <li>• Meminta pertolongan kepada jin</li> </ul>
vii.	Amalan berhubung kepercayaan kepada mitos hantu	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘urf fasid kerana mempercayai konsep semangat dan menyeleweng daripada fahaman kepada makhluk halus yang tulen.</li> </ul>

Konklusinya, dalam proses pembinaan hukum, ‘urf harus diberi pertimbangan. Namun, harus diingati, hanya ‘urf saih sahaja yang akan diambil kira dalam pembinaan hukum. Adapun ‘urf fasid, ia jelas ditolak dalam hukum Islam kerana mempunyai unsur-unsur tertentu seperti khurafat, bid’ah dan sebagainya. Berhubung dengan amalan tradisi Bajau, ia banyak bersangkut paut dengan ‘urf fasid

seperti yang dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, ia wajar ditinggalkan agar untuk mengelakkan pelakunya terjebak dalam perkara syirik.

Tidak dinafikan bahawa ada amalan di dalam masyarakat Bajau boleh tergolong dalam ‘urf sahih, tetapi ia tidak wujud di dalam amalan tradisi Bajau. Ini kerana, kebanyakan amalan tradisi Bajau berkait rapat dengan kepercayaan. Sedangkan dalam isu kepercayaan, tidak ada kompromi dalam melaksanakannya jika ia jelas bercanggah dengan hukum syarak walaupun ada sesetengah pihak mengatakan ia telah diharmoniskan yakni disesuaikan dengan unsur-unsur Islam. Sebenarnya, amalan-amalan ini tidak menerima perubahan secara total. Malah, apa yang dikhuatiri ia lebih berbahaya kerana unsur syirik yang terdapat di dalam amalan tradisi tersebut tidak disedari secara langsung kesan daripada fenomena sinkretisme-Islam. Fenomena sinkretisme agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami sesuatu ajaran yang dipercayai oleh seseorang individu Bajau Muslim. Apa yang lebih dikhuatiri ialah ia boleh menimbulkan gejala penyongsangan akidah dan iman seseorang individu Muslim.

## **BAB 5 – KESIMPULAN**

### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini memberikan tumpuan kepada aspek rumusan dan ringkasan keseluruhan dapatan penyelidikan yang telah dilakukan. Dalam bab ini juga, disertakan cadangan-cadangan dan saranan-saranan berdasarkan hasil penyelidikan.

### **5.1 RUMUSAN**

Secara umumnya, etnik Bajau merupakan kelompok penduduk Sabah yang mempunyai banyak variasi dari segi budayanya. Berdasarkan kajian pengkaji dalam bab-bab terdahulu, dapat dirumuskan bahawa orang Bajau boleh didapati di seluruh dunia sama ada di Nusantara atau pun luar darinya. Di Malaysia, orang Bajau banyak bertumpu di negeri Sabah . Komuniti ini banyak mendiami kawasan pantai barat Sabah seperti Kota Belud dan pantai timur Sabah seperti Semporna.

Walau bagaimanapun, banyak sarjana memberi tafsiran yang kurang tepat tentang identiti etnik Bajau pantai timur. Mereka sering mengaitkan etnik Bajau pantai timur sebagai etnik Bajau serumpun di bawah istilah ‘Bajau Laut’. Penggunaan satu istilah, iaitu Bajau Laut bagi merujuk semua etnik Bajau pantai timur oleh para sarjana asing menyebabkan timbul kekeliruan tentang identiti Bajau pantai timur itu sendiri. Hakikatnya, etnik Bajau pantai timur Sabah terbahagi kepada dua iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut. Ini kerana perbezaan loghat, corak penempatan, corak kehidupan serta pegangan agama seharusnya menjadi pemisah

kepada dua komuniti ini. Perbezaan ini bukan bertujuan untuk merendahkan martabat orang Bajau Laut itu sendiri, tetapi sebagai satu simbol identiti budaya yang dikenal pasti memandangkan orang Bajau Darat sendiri tidak mengiktiraf mereka adalah etnik Bajau Laut. Seiring dengan peredaran masa juga, gelaran Bajau Laut tidak lagi dipersepsikan sebagai suatu yang buruk oleh masyarakat Bajau sendiri kerana mereka mempunyai keistimewaan tersendiri yang mampu menobatkan mereka di dalam satu etnik yang unik.

Sehubungan itu, dalam bab-bab sebelum ini, jelas dinyatakan tentang beberapa amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna. Secara umumnya, masyarakat Bajau mempunyai pegangan yang teguh terhadap agama Islam. Walau bagaimana pun, mereka masih berpegang kuat kepada amalan tradisi sehingga ke hari ini. Kedua-dua aspek ini dianggap sama penting demi kelangsungan hidup bermasyarakat. Justeru itu, secara tidak langsung sebenarnya wujud konflik antara ajaran Islam dan amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau Semporna namun ia tidak disedari atas faktor sinkretisme-Islam dalam adat resam orang Bajau. Sinkretisme-Islam dalam adat resam Bajau secara mudahnya dapat difahami ‘campur aduk’ antara syariat Islam dan adat resam Bajau. Pada hari ini, rata-ratanya adat yang diamalkan oleh orang Bajau banyak mengalami perubahan. Dari asalnya animisme atau Hindu-Buddha, ia mampu diserapkan unsur-unsur Islam agar kononnya ia didakwa tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hakikatnya, asimilasi ajaran Islam dan adat resam Bajau tidak mengalami perubahan secara total. Walaupun ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup, namun dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau. Fenomena sinkretisme agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami sesuatu ajaran yang dipercayai oleh seseorang individu Bajau Muslim. Apa yang lebih dikhuatiri ialah ia

boleh menimbulkan gejala penyongsangan akidah dan iman seseorang individu Muslim.

Sebagai contohnya, dalam isu ritual yang dikaitkan dengan roh, jin atau perkara ghaib. Orang Bajau sangat percaya bahawa roh nenek moyang mampu memberi mudharat atau manfaat ke atas seseorang. Bagi mengelakkan malapetaka yang bakal berlaku, rata-ratanya orang Bajau meminta pertolongan daripada golongan bomoh (kelamat) yang kononnya didakwa mampu berinteraksi dengan alam ghaib. Dalam pada masa yang sama, bomoh ini dikatakan mengamalkan cara-cara yang dibenarkan Islam dalam mengubati pesakit umpamanya. Hakikatnya, golongan ini cuba mengaburi pandangan orang awam dengan baca-bacaan doa pada upacara awalnya, namun seterusnya diiringi dengan mantera-mantera tertentu yang mengandungi unsur syirik. Golongan ini dipandang tinggi dan mulia di kalangan masyarakat Bajau kerana biasanya ia terdiri daripada golongan agamawan seperti yang didakwa oleh masyarakat Bajau sendiri. Lantaran itu, masyarakat Bajau semakin jahil dalam beribadat dan tidak mengetahui sama ada amalan mereka diiktiraf oleh syariat Islam ataupun sebaliknya.

Begitu juga dengan amalan tradisi *magombbo'* dan kepercayaan kepada tulah. Amalan-amalan tradisi ini diselitkan dengan ajaran Islam agar kelihatan tidak berlaku konflik antara ajaran Islam dan adat resam Bajau. Mereka terus mengamalkan ritual-ritual tertentu dalam amalan-amalan tradisi yang disebutkan tadi. Tetapi selepas upacara ritual itu, mereka lazimnya mengadakan majlis doa selamat sebagai tanda kesyukuran untuk mengelakkan ia kelihatan jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Jika dilihat kepada tujuan asal amalan-amalan tradisi ini, ia sebenarnya termasuk dalam unsur syirik kerana kepercayaan kepada semangat roh nenek moyang serta ramalan bala yang akan datang kerana melanggar pantang larang

tertentu. Di dalam Islam, kepercayaan sedemikian merupakan dosa besar yang wajib dijauhi kerana akan menjerumuskan diri si pelakunya dalam kesesatan yang nyata. Walaupun amalan-amalan di atas didakwa telah diubahsuai menurut kehendak syariat Islam, namun ia tetap tertolak kerana matlamat tetap tidak menghalalkan cara.<sup>405</sup> Konklusinya, dalam penyelidikan yang dijalankan, terdapat beberapa perkara yang dapat disimpulkan dan diambil perhatian. Antaranya;

- a. Pemikiran etnik Bajau pada hari ini masih dipengaruhikekangan budaya tradisi. Kekangan yang dimaksudkan ialah kepercayaan, pengalaman, persekitaran, agama dan adat resam. Meskipun masyarakat Bajau Semporna pada hari ini mendapat pendidikan secara formal, namun sisa kekangan masih lagi wujud dan sedikit sebanyak masyarakat Bajau berpegang teguh padanya. Pada dasarnya, keadaan ini tidak begitu disedari tetapi akan terserlah apabila membabitkan amalan tradisi masyarakat Bajau. Oleh sebab itu, unsur budaya, alam sekitar, sejarah dan agama terbukti berperanan menyumbang kepada hala tuju corak serta arah pemikiran masyarakat Bajau.
- b. Agama Islam berperanan penting membentuk pemikiran etnik Bajau. Walaupun orang Bajau Semporna masih berpegang teguh dengan amalan tradisi, ia sedikit

---

<sup>405</sup> Di dalam ilmu Usul Fiqh, kaedah “Matlamat Tidak Menghalalkan Cara” ini termasuk dalam sumber hukum yang dikenali sebagai ‘Sadd az-Zari’ah” yang bermaksud menutup pintu (keburukan). Ia merupakan teori yang masyhur dalam bidang Usul Fiqh di samping memberi indikasi bagi menutup pintu dosa dan haram berlaku. Bertitik tolak daripada kaedah ini (matlamat tidak menghalalkan cara), dapat difahami bahawa, jika sesuatu matlamat itu tidak selari dengan kehendak syariat, walaupun cara untuk mencapai matlamat itu dibolehkan syarak, ia tetap tertolak. Seperti contoh, niat/matlamat seseorang individu untuk menolong golongan fakir miskin. Tetapi cara individu tersebut untuk menolong golongan itu adalah dengan cara mencuri kemudian diberikan kepada golongan fakir tersebut. Walaupun matlamat dan niat individu itu adalah murni dan sangat dituntut dalam Islam, tetapi caranya sangat dilarang dan diharamkan di dalam Islam. Begitu jugalah dengan amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau. Walau pun cara ritual tersebut telah diubahsuai untuk diselaraskan dengan kehendak syariat Islam seperti mengadakan doa selamat selepas mengadakan ritual upacara *magombbo’* umpamanya, namun matlamat dan niat asal untuk upacara tersebut adalah ditolak dan ditegah di dalam Islam kerana terdapat keyakinan semangat nenek moyang mampu memberi kesejahteraan kepada mereka.

sebanyak telah mengalami perubahan dengan kemasukan norma-norma agama dalam sesuatu adat resam tertentu. Campur aduk ini diistilahkan sebagai sinkretisme-Islam dengan adat resam Bajau. Namun, harus diingati, walaupun adat resam tersebut disesuaikan dengan kehendak agama Islam, terdapat banyak unsur khurafat dan bidaah yang menyeleweng dari ajaran agama Islam khususnya dalam amalan tradisi yang diamalkan masyarakat Bajau.

- c. Walaupun Islam meraikan '*urf* sesuatu bangsa atau masyarakat, tetapi '*urf* tersebut hendaklah yang selari dengan kehendak Islam. Dalam erti kata lain, '*urf* tersebut tergolong dalam '*urf* sahih. Tidak dapat dinafikan terdapat beberapa adat resam orang Bajau Semporna yang menepati syarat dalam '*urf* sahih. Tetapi, di dalam amalan tradisi Bajau, rata-ratanya amalan tersebut mempunyai unsur syirik dan khurafat. Oleh yang demikian, ia tergolong dalam '*urf* fasid. Ia wajib ditinggalkan kerana secara tidak langsung menyekutukan Allah SWT serta pelakunya mendapat dosa besar.
- d. Terdapat konflik antara adat resam yang diamalkan masyarakat Bajau Semporna dan syariat Islam. Walaupun konflik ini tidak begitu kelihatan memandangkan banyak adat resam Bajau yang cuba disesuaikan dengan kehendak agama dan persekitaran, namun jika dianalisis dengan mendalam, ia sebenarnya mempunyai konflik yang begitu besar memandangkan konflik tersebut banyak berkait rapat dengan unsur syirik dan khurafat yang membawa kepada dosa besar ke atas pelakunya. Ini disebabkan implikasi daripada fenomena sinkretisme-Islam. Fenomena sinkretisme ini menyebabkan masyarakat Bajau keliru dalam membezakan perkara adat atau syariat. Seolah-olah segala adat resam Bajau telah diharmoniskan dengan kehendak agama, maka ia tidak ditegah untuk diamalkan.

Hakikatnya, ia tidak mengalami perubahan secara total malah lebih buruk lagi ia dapat membahayakan akidah individu Bajau Muslim kerana ia tidak disedari secara langsung.

## **5.2 SARANAN DAN CADANGAN**

Kebanyakan daripada amalan tradisi orang Bajau tidak menepati syariat Islam. Amalan tradisi ini termasuk dalam ‘urf fasid yang wajib ditinggalkan dan dijauhi. Faktor utama amalan tradisi ini masih diamalkan adalah disebabkan ketidakjelasan fahaman orang Bajau apa itu adat dan apa itu syariat. Selain itu, rata-ratanya orang Bajau juga tidak meneliti amalan tradisi yang mereka amalkan sama ada sumbernya sahih atau sebaliknya. Mereka hanya mengamalkannya dan mengikut apa yang diajarkan kepada mereka oleh generasi tua secara turun temurun tanpa usul periksa. Oleh itu, pengkaji akan mengutarakan beberapa saranan kepada badan-badan tertentu dan masyarakat awam bagi mencegah gejala khurafat yang berhubung dengan amalan tradisi Bajau ini.

### **1. Saranan kepada Jabatan Agama Islam**

Pihak jabatan agama Islam khususnya Majlis Ugama Islam Semporna (MUIS) sewajarnya mendedahkan kekeliruan kepada masyarakat bahawa amalan tradisi yang orang Bajau amalkan menyeleweng dari landasan syariat Islam yang sebenar. Antara cara yang pengkaji sarankan kepada mereka ialah;

- a. Memperbanyakkan risalah-risalah atau buku-buku agama yang berkaitan mengenai kesalahan dan penyelewengan amalan tradisi Bajau menurut perspektif hukum Islam. Nas-nas sahih daripada al-Quran dan al-Sunnah yang boleh mendedahkan penyelewengan ini boleh didapati dalam kajian yang dilakukan pengkaji sendiri. Saluran ini mampu mendedahkan kekeliruan kepada masyarakat dan menambah pengetahuan mereka dalam memastikan adat yang mereka amalkan menepati syariat Islam atau sebaliknya. Untuk menjadikan medium ini lebih efisien, risalah-risalah tersebut seharusnya diletakkan di dalam papan kenyataan setiap masjid serta diedarkan ke setiap rumah.
  
- b. Memperbanyakkan forum-forum agama atau ceramah-ceramah agama berkaitan isu syirik di masjid-masjid atau surau di sekitar daerah Semporna. Medium yang paling sesuai dalam menjelaskan isu syirik ini adalah melalui khutbah Jumaat. Ini kerana rata-ratanya individu Bajau Muslim yang mendengar khutbah Jumaat merupakan ketua keluarga orang Bajau. Justeru itu, pendedahan yang jelas kepada mereka melalui medium ini secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada mereka bahawa amalan tradisi yang mereka lakukan adalah salah dan menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Realitinya hari ini, pengisian khutbah Jumaat hanya menekankan isu yang masyarakat sedia maklum dan sedari seperti soal keadilan, rumah tangga, kasih sayang dan sebagainya. Isu yang besar seperti syirik, khurafat dan bidaah jarang sekali kedengaran diutarakan di dalam khutbah lebih-lebih lagi yang berhubung dengan soal amalan tradisi Bajau Semporna.
  
- c. Bekerjasama dengan para pendakwah dalam membasmi gejala khurafat ini. Di Semporna, ramai pendakwah-pendakwah yang terdiri daripada jemaah tabligh,

tarikat-tarikat tertentu dan sebagainya. Mereka seharusnya mengambil satu inisiatif untuk mendedahkan kekeliruan di kalangan masyarakat Bajau berhubung amalan khurafat yang terdapat dalam amalan tradisi Bajau. Penekanan kepada isu khurafat yang berleluasa di kalangan masyarakat Bajau seharusnya diambil perhatian yang lebih daripada isu-isu remeh temeh yang lain.

- d. Pihak jabatan Agama Islam hendaklah menyediakan silibus pengajian agama secara tidak formal di kampung-kampung tidak kira sama ada ia dijalankan oleh pihak masjid, surau atau perseorangan. Pengisian tersebut sewajarnya meliputi soal-soal khurafat dan bidaah disertakan dengan nas yang jelas dan sahih daripada al-Quran mahupun al-Sunnah.

## **2. Saranan kepada golongan masyarakat**

- a. Berhubung soal kemasyarakatan, pihak yang perlu memberi peranan yang utama dan lebih adalah golongan ibu bapa. Ibu bapa seharusnya menjadi wadah dan benteng membanteras gejala khurafat yang wujud dalam amalan tradisi Bajau agar generasi seterusnya tidak terus mengekalkan amalan tradisi ini. Ibu bapa seharusnya berani menghapuskan amalan-amalan syirik ini. Malangnya, ibu bapa yang berbangsa Bajau pada hari ini lebih menekankan soal adat daripada syariat. Mereka lebih takut kepada melanggar adat atau pantang larang nenek moyang daripada melanggar pantang larang Allah SWT. Jika keadaan ini berterusan, generasi seterusnya yang terdiri daripada anak-anak mereka akan terus berada dalam kejahilan dan dibelenggu fahaman animisme iaitu takut kepada semangat roh sama ada daripada semangat jin ataupun nenek moyang. Jika ibu bapa berani mengubah tradisi ini, pengkaji yakin dan percaya amalan tradisi yang diamalkan

oleh masyarakat Bajau Semporna pada hari ini akan terhapus dan bebas dari elemen syirik, khurafat mahu pun bidaah. Oleh yang demikian, dalam soal ini, ibu bapa perlu mempunyai pengetahuan agama yang mencukupi untuk mendidik anak agar tidak percaya kepada amalan-amalan tradisi ini. Mereka haruslah berusaha untuk memenuhi keperluan tersebut dengan menghadiri kelas-kelas bimbingan agama, membaca buku-buku agama yang berautoriti dan sebagainya.

- b. Masyarakat Bajau seharusnya cuba mendalam Islam dengan cara yang sebenar. Kesedaran dalam diri setiap individu Bajau itu sangat penting dan merupakan faktor utama bagi mengatasi masalah ini. Kesedaran yang pengkaji maksudkan ialah minat dalam diri sendiri untuk mengetahui masalah-masalah agama yang berkaitan dengan amalan tradisi Bajau. Memperbanyak bertanya kepada orang yang arif dan berautoriti dalam agama merupakan cara yang baik kerana secara tidak langsung ia mampu menghindarkan diri daripada mempercayai sesuatu yang ditegah dalam agama.
  
- c. Sikap masyarakat perlu diubah. Masyarakat Bajau perlu selektif dalam mengekalkan amalan tradisi Bajau. Sikap yang terlalu berpegang kepada semangat nenek moyang perlu dihapuskan dan wajib ditinggalkan. Tidak dinafikan, mengekalkan khazanah warisan nenek moyang merupakan satu bentuk pelestarian identiti budaya. Namun, harus diingati, mana-mana warisan yang jelas bercanggah dengan syariat Islam adalah tertolak.

### **5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

- a. Kajian ini terbatas kepada adat resam Bajau berhubung amalan tradisi Bajau Semporna sahaja menurut perspektif hukum Islam. Oleh itu, dicadangkan kajian yang serupa iaitu kajian sosiologi hukum Islam terhadap semua aspek adat resam Bajau bermula dari proses kelahiran hingga proses kematian. Ini kerana, di dalam adat-adat tersebut terdapat beberapa aspek yang perlu dianalisis menurut hukum Islam agar semua amalan orang Bajau bebas dari unsur syirik.
- b. Kajian ini bertumpu hanya dalam masyarakat Bajau pantai timur Sabah iaitu daerah Semporna. Kajian ini dilakukan di sini kerana masyarakat Bajau banyak bertumpu di sini. Oleh itu, sewajarnya dilakukan kajian yang serupa tetapi dilakukan di tempat yang berbeza iaitu di pantai barat Sabah seperti Kota Belud. Ini kerana, setakat ini, belum ditemui kajian sosiologi hukum Islam berhubung adat resam orang Bajau di pantai barat Sabah.

### **5.4 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, orang Bajau perlu memahami bahawa, apa-apa isu yang berkaitan dengan perkara ghaib seperti perihal kepercayaan kepada konsep tulah, konsep *magombbo'* (roh nenek moyang), konsep kepercayaan kepada jin, ramalan yang akan datang dan sebagainya ialah satu keyakinan yang mesti disumberkan kepada tiga sumber sahaja iaitu; Al-Quran, al-Sunnah ( Hadis Sahih dan Hasan), fitrah kejadian alam (Sunnatullah).

Tanpa ketiga-tiga sumber ini, kepercayaan tadi seperti yang diamalkan oleh masyarakat Bajau boleh terjebak kepada gejala bidaah, syirik dan khurafat. Islam amat menjaga maslahat umatnya. Jika sesuatu adat itu mampu memberi kesenangan kepada mereka tanpa ada unsur bercanggah dengan syariat Islam, sudah pasti ia tergolong dalam ‘urf sahih dan diiktiraf. Namun, hakikatnya amalan tradisi orang Bajau Semporna banyak dipengaruhi unsur-unsur syirik dan khurafat. Justeru itu, ia tergolong dalam ‘urf fasid. Ia wajib ditinggalkan atau diubahsuai secara total dengan kepercayaan yang boleh menyeleweng dengan kehendak Islam hendaklah dihentikan serta-merta.

Kesemua amalan tradisi Bajau termasuk dalam kategori ‘urf fasid kerana sebahagian besar kepercayaan dan pengamalan tersebut banyak dipengaruhi oleh perkara-perkara khurafat yang menyentuh isu syirik sama ada syirik tersebut berbentuk syirik *jali* (nyata) seperti upacara *magombbo* atau syirik *khafi* (tersembunyi) seperti kepercayaan kepada *tulah*. Apabila sesuatu amalan bercanggah dengan ajaran Islam dari sudut kepercayaan, maka tidak ada kompromi dalam amalan tersebut. Ia wajib ditinggalkan demi mengelakkan pelakunya (orang Bajau) berterusan mengamalkan perkara syirik, khurafat mahu pun bidaah dalam agama. Oleh itu, orang Bajau wajib mengingati balasan kepada pelaku yang mengamalkan syirik antaranya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik,<sup>406</sup> merosakkan amalan,<sup>407</sup> menjadi hamba yang hina,<sup>408</sup> diharamkan masuk syurga,<sup>409</sup> dan sebagainya.

---

<sup>406</sup> Hakikat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Nisa' : 48.

<sup>407</sup> Hakikat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Zumar : 65.

<sup>408</sup> Hakikat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Hajj: 31.

<sup>409</sup> Hakikat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Maidah: 72.

## BIBLIOGRAFI

### **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

- A. Aziz Deraman. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* . Kuala Lumpur : Kementerian Belia dan Sukan, 1975.
- Abbas Mahmud al-Aqqad. *Ketuhanan Sepanjang Ajaran Agama-agama dan Pemikiran Manusia* , terj. A. Hanafi. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1970.
- Abdul Halim Mat Diah. *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1987.
- Abdul Malik Karim Amrullah. *Sejarah Umat Islam*, ed. ke-2. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1977.
- Abdul Rahman Abdullah. *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Tauhid Melayu*. Petaling Jaya : Access Infotech, 1995.
- \_\_\_\_\_. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara : Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- \_\_\_\_\_. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications, 2000.
- Abdullah Yusof, “ Beberapa Aspek ‘Urf Fasid Dalam Budaya Melayu dan Kesannya Terhadap Hukum”, dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj. Ahmad . Universiti Malaya: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 2006.
- Abu Mazaya al-Hafiz. *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW*. Selangor: al-Hidayah Publications, 2010.
- Ahmad Mahdzan Ayob. *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Fakulti Pengajaran Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

- Amat Juhari Moain. *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 19.
- Amir Mu’alim Yusdani. *Konfigurasi Hukum Islam*. Yogyakarta: UII Press, 1999.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi* . Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000.
- Ghufron A. Mas’adi. *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta: t.p., 1997.
- Haron Din. *Menjawab Persoalan Makhluk Halus, Kaitannya Dengan Penyakit dan Pengubatan* . Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa’) & Koperasi Darussyifa’, 2009.
- Hashim Awang A.R . *Fieldwork: Suatu Pencarian dan Pengalaman*. Kuala Lumpur: t.p.,1996.
- Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Shah Alam Selangor, 2009.
- Ismail Hamid. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti, 1985.
- \_\_\_\_\_. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Mahayudin Haji Yahaya. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Marohaini Yusoff. “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif”, dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*, ed. Marohaini Yusoff. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.
- M. Atho Mudzhar. *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori Dan Praktek*. Yogjakarta: Pustaka Pelajar, 1998.
- Mohammad Radzuan Mohd Arif. *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000.

- Mohd Daud Bakar, “Usul Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Syariah” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001.
- Mohd Ghouse Nasruddin. *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Mohd Salleh Hj. Ahmad, “ ‘Urf dan ‘Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak Dinaskan” dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzuan Ahmad .Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.
- M. Tahir Azhari, “Penelitian Agama Islam: Tinjauan Disiplin Ilmu Hukum” dalam *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam, Tinjauan Antara Disiplin Ilmu*, ed. Mastuhu. Bandung: Penerbit Nuansa & Pusjarlit, 1998.
- Mohd Taib Osman. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, ed. ke-2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , 1988.
- Mohd Wahid Abdul. Hanif, “Solat Bersama Jin” , *Majalah Solusi*, isu no. 42, April 2012
- 
- \_\_\_\_\_, “Atlas al-Quran (Kisah Nabi Sulaiman A.S)”, *Majalah Solusi* , Isu no. 20. 2010.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*. Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd, 2002.
- Nagatsu Kazufumi, “Kai No Min Samajin No Sankei Senryaku” (*Strategi Orang-orang Sama*), *Kokuritsu Miuzoku Hakubutsukan* (*Majalah Kebangsaan Muzium Suku-Suku Kaum*) .Jepun, t.p, 1995.
- Nik Safiah Abdul Karim et al., *Kajian Kebudayaan Melayu* .Kota Bharu : Pustaka Dian, 1963.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan*, ed. ke-4 . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989

Othaman Ishak. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Rosnah Ismail, *Interaksi Keluarga Bajau* (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2001

Saidatul Nornis Mahali. *Bajau Pantai Barat, Siri Etnik Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012.

\_\_\_\_\_. *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Centre For The Promotion of Knowledge and Language Universiti Malaysia Sabah, 1999.

Siti Zainol Ismail. *Getaran, Jalur dan Warna*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985.

Yap Beng Liang. *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-Aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Yazid b. 'Abdul Qadir Jawwas. *Syarah Aqidah Ahlus Sunnah wal Jema'ah*. Bogor: Pustaka Imam Syafie, 2009.

Yusuf al-Qaradawi. *Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam*, terj. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa, 2009.

Zaharuddin Abdul Rahman. *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008.

Zahazan Mohamed. *Himpunan Kisah Benar Tapi Pelik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2012.

## **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

A.Belford. *The Encyclopedia Americana International Edition*. Connecticut: Grolier Incorporated, 1996.

Alliston, C. *In the Shadow of Kinabalu*. London: Robert Hele Ltd, 1961.

\_\_\_\_\_. *Threatened Paradise: North Borneo and Its Peoples*. Great Britain: Bristol Typesetting Co. Ltd, 1966.

- Asmah Omar. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Baker, M.H. *North Borneo, The First Ten Years 1946-1956, Number One: Singapore Studies on Borneo and Malaya*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd, 1962.
- Bruce, C. *Twenty Years in Borneo*. London: Casell & Co. Ltd, 1924.
- Carsten Colpe, “Syncretism”, dalam *The Encyclopedia of Religion*, Eliade, Mircea, ed. New York: Simon & Schuster Macmillan, 1987.
- Catherine Soaners, ed., *Oxford Dictionary, Thesaurus and Wordpower Guide* . New York: Oxford University Press, 2001.
- David. L. Sills et.al, ed., *International Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: The Macmillan Company & The Free Press, 1968.
- David S. Power. *Studies in Qur'an and Hadis: The Formation of Islamic Law of Inheritance* . London: University of California Press, 1986.
- D.E. Brown. *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate Brunei*. Brunei: Brunei Museum, 1970.
- Evans, I.H.N. *Among Primitive Peoples In Borneo*. London: Seeley Service & Co. Ltd, 1922.
- \_\_\_\_\_. *Studies in Religion, Folk-Lore & Custom in British North Borneo and the Malay Peninsula*. London: Frank Cass & Co. Ltd, 1970.
- Frank Athelstane Swettenham, *Malay Sketches*. London : John Lane, 1895.
- Gibb H.A.R., J.H. Kramer dan E-Levi Provencel J. Schacht, *Encyclopedia of Islam*. Leiden: E.J. Brill, 1979.
- G.W Earl, *The Eastern Seas: or Voyages & Adventures in the Indian Archipelago in 1823-1834, Comprising a Tour of The Islands of Java-Visit to Borneo, The Malay Peninsula*. London: W.H Allen, 1824.
- Hanaffi Hussin, “Magpaii-Bahau: Reunion Between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia”, dalam *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*, ed. Hanafi Hussin. Kuala Lumpur: University of Malaya, Institute of Ocean and Earth Sciences.

- H.A Nimmo, “Reflections in Bajau History”, *Philippines Studies* 16, no. 1, 1968.
- \_\_\_\_\_. *The Sea People of Sulu (A Study of Social Change in The Philippines)*. London: International Textbook Co. Ltd, 1972.
- James Mark Baldwin, ed., *Encyclopedia of Philosophy and Psychology*. New Delhi: Cosmo Publications, 1986.
- Jones, L.W. *North Borneo: Census of Population Taken On 10<sup>th</sup> August 1960*. Kuching: Government Printing Office, 1962.
- \_\_\_\_\_. *The Population of Borneo (A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei)*. University of London: The Athlone Press, 1966.
- Julius Gould et.al, ed., *A Dictionary of The Social Sciences*. New York: Free Press, 1964.
- Karen Armstrong, *A History of God : The 4000 Year Quest of Judaism, Christianity and Islam*. New York : Ballantine Books, 1933.
- K.M. Endicott, *An Analysis of Malay Magic*, ed. ke-3 . Singapore : Oxford University Press, 1991.
- Lee Yong Peng. *North Borneo (Sabah), A Study in Settlement Geography*. Singapura: Eastern Universities Press Ltd, 1965.
- Less, W.A. & Vogt, E.Z. “Magic, Witchcraft, and Divination”, dalam *Reader in Comparative Religion*. Edisi Kedua. London, 1965.
- Malinowski, B. “The Role of Magic and Religion”, dalam *Reader in Comparative Religion*. Edisi Kedua. London, 1965.
- Martha Mundy, “The Family, Inheritance, and the Islam: A Re-examination of the Sociology of Faraid Law” dalam *Islamic Law Social and Historical Contexts*, ed. Aziz al-Azemah .New York: Routledge, 1988.
- Mohd Anis Md Nor & Stephanie, ed., *Sharing Identities Celebrating Dance in Malaysia* . New Delhi: Routledge Taylor & Francis Group, 2011.
- Najeeb M. Saleeby. *The History of Sulu*. Manila: Publications of the Filipina Book Guild, 1963.
- Radcliffe Brown, A.R. & Forde. *African Systems of Kinship and Marriage, 10<sup>th</sup> Impression* .Britain: Oxford University Press, 1970.

Richard James Wilkinson, ed., *Papers on Malay Subjects* .Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971.

Richard Olof Winstedt, *The Malay Magician : Being Shaman, Saiva and Sufi*, ed. ke-3 .Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1933.

R.J. Wilkinson, *Malay Beliefs* .London : Luzac & Co, 1906.

Sather, C.A. "The Bajau Laut" dalam *Essays on Borneo Studies*, ed. Victor King .Oxford: Oxford University Press, 1978

\_\_\_\_\_. "Bajau" dalam *Encyclopedia of World Cultures: East and Southeast Asia*, ed. David Levinson. Boston: G.K. Hall & Co, 1993.

\_\_\_\_\_. *The Bajau Laut, Adaptation, History and Fate ia a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah* .Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

Sopher, D.E. *A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia* .Syracuse University, Memoirs of The National Museum ,1965.

\_\_\_\_\_. *The Sea Nomads*. Syracuse University: Memoirs of The National Museum, 1977.

*The Encyclopedia Americana international Edition* .Danbury: Grolier Inncoorated, 1999

Wallace, B.J, *Village Life in Insular Southeast Asia* .Boston: Methodist University Little Brown Company, 1965.

Walter William Skeat, *Malay Magic : An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula* .London : MacMillan, 1900.

William McDougall, *Body and Mind : A History and Defense of Animism*, ed. ke-7 (London : Methuen & Co., 1928

William L. Reese, *Dictionary of Philosophy and Religion* .New Jersay: Humaanities Press Inc, 1980.

William Shaw, *Aspects of Malaysian Magic* .Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1975.

Yap Beng Liang. "The Traditional World –View of the Indigenous Peoples of Sabah". Dalam *Malaysian World View*:76-130, ed. Mohd Taib Osman. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985.

Ziba Mir-Hosseni, *Marriage on Trail: A Study of Islamic Family Law, Iran and Morocco Compared*. London: New York: I.B Tauris & Co. Ltd, 1993.

## **RUJUKAN BAHASA ARAB**

Abadi, Majd al-Din Muhammad ibn Ya'kub al-Fayruz. *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: al-Muassasah al-'Arabiyyah, t.t.

'Abd Allah ibn Ahmad al-Nasafi. *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Nafa'is, 1996.

'Abd al-Wahhab Khallaf . *'Ilm Usul al-Fiqh*. Madinah Nasr: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1995.

Abu al-Aynayn Badran, *Usul al-Fiqh al-Islami* . Al-Jami'iyyah Iskandariyyah: Muassasah Syabab, t.t.

Abu al-Fida', Isma'il Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fahya', 1998.

Abu Bakr Ahmad Ibn 'Ali al-Razi al-Jassas. *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi', 1992.

Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani, Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i. Kaherah: Zakariya Ali Yusuf, 1984.

Ahmad Fahmi Abu Sunnah, *al-'Urf wa al-'Adah fi Ra'y al-Fuqaha*. Kaherah: Dar al-Basa'ir, 2004.

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Maudu'ah wa Atharuha al-Sayy fi al-Ummah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1988.

Al-Amidi, Sayf al-Din 'Ali Ibn Muhammad. *Al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. Kaherah: Matba'ah Subaih, 1347H.

Al-Asqalani, Ahmad Ibn Hajar. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al- Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd, 2001.

Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Isma‘il. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam Lil Nasyri wa al-Tauzi’, 1999.

Al-Bustami, *Munjid al-Tullab*. Beirut: Dar al-Masyriq, t.t.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. *al-Mustasfa*. Kaherah: al-Matba’ah al-‘Aminiyah, 1324.

Al-Jurjani, ‘Ali b. Muhammad. *Kitab al-Ta‘rifat*. Kaherah: t.p, 1283H.

Al-Kattani, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Karim, *Nizam al-Hukumat al-Nabawiyah*. Beirut, t.p, t.t.

Al-Nasa’i, Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad ibn Syu’ayb. *Sunan al-Nasa’i*. Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1988.

Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariya Yahya ibn Sharaf ibn Muri al-Hazami. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, ed. ‘Abd Allah Ahmad Abu Zinah. Kaherah: Dar al-Sh’ab, t.t.

\_\_\_\_\_. *Kitab Al-Majmu’ Syarh al-Muhaddhab li al-Shirazi*. Takmilah Muhammad Najib al-Muti’i. Kaherah : Dar al-Turath al-‘Arabi, t.t.

\_\_\_\_\_. *Al-Taqrif wa al-Taysir li Ma’rifah Sunan al-Basyir al-Nadhir*. Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1985.

Al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakri. *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 2006.

Al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhr al-Din ibn al-‘Allamah Diya’ al-Din ‘Umar. *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. Beirut : Dar al-Fikr, 1985.

Al-Sabuni, Muhammad `Ali. *Al-Tibyan fi ‘Ulum al-Quran*. Kaherah : Dar Gharib li al-Tiba’ah, 1970.

\_\_\_\_\_. *Rawa’i` al-Bayan : Tafsir Ayat al-Ahkam ‘Ain al-Qur'an*, Kaherah : Dar al-Sabuni, 2007.

Al-Sajastani al-Azadi, Abu Dawud Sulayman ibn al-Asy’ath. *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Maktabah al-Ma’arif Lil Nasyr wa al-Tawzi’, 2008.

Al-Salami, Abu Muhammad Izz al-Din ‘Abd al-Aziz ibn ‘Abd al-Salam. *Qawaaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. T.tp.: Dar al-Jayl, 1980.

Al-Sarkhasi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. *Al-Mabsut*, Beirut, Lubnan : Dar Ibn Hazm, 1978.

Al-Syaffi'i, Abu Abdallah Muhammad Bin Idris. *al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa, 2001.

Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. *Jam'i Al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Beirut : Muassasah Al-Risalah, 2000.

Al-Suyuti, Jalal al-Din. *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, Kaherah : Maktabah Al-Qiyamah, t.t.

Al-Syawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Abd ibn al-Hasan. *Nayl al-Awthar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1999.

\_\_\_\_\_. *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min Ilm al-Usul*. Kaherah: Matba 'ah Subaih, 1349H.

Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*. Mesir: Dar al-Ma'arif, t.t.

Al-Tufi, *Risalah fi al-Maslahah* .Kaherah: t.p., 1954

Al-Zuhayli, Wahbah, *Usul al-Fiqh al-Islami* .Damsyik: Dar al-Fikr, 2010.

Al-Qaradawi, Yusuf. *Fi Fiqh al-Awlaiyyat* .Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.

\_\_\_\_\_. *Al-Sahwah al-Islamiyyah Wa Humum al-Watan al-'Arabi wa al-Islami* Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997.

'Amir 'Abdul 'Aziz, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Mesir: Dar al-Salam, 1997

Badran Abu al-'Aynayn Badran, *Usul al-Fiqh al-Islami* .Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jami'ah, t.t

Hasanin Muhammad Makhluf, *Tafsir al-Qur'an al-Karim* .t.t.p: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1375/1956.

Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. *Radd al-Mukhtar 'ala ad-Dur al-Mukhtar*, Bayrut : Dar al-Fikr, 2005.

Ibnu Kathir, Isma`il Ibn `Umar . *Tafsir Ibnu Kathir*, M. Abd. Ghoffar E.M., Abdul Rahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari (terj.), Bogor : Pustaka Imam As-Syafie, 2008.

Ibn Majah, Abu 'Abdillah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1975.

Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Makram. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr, 1956.

Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din `Abd. Allah Ibn Ahmad. *Al-Mughni*, Riyadh : Dar al- 'Alam al-Kutub, 1997.

Luis Ma'luf, *al-Munjid* .Beirut: t.p, 1952.

Muhammad Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh* .Kaherah: Dar al-Fiqh al-'Arabi, 1958.

Muhammad al-Ghazali, *Laysa Min al-Islam* .Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadhithah, 1963.

Muhammad al-Khudhari Bik, *Usul al-Fiqh* .Kaherah: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, 1962.

Muhammad Jabran al-'Alafi, " al- 'Urf: Bahth Fiqhi Muqaran" , *Majalah Majma al-Fiqh al-Islami*, al-Dawrah al-Khamisah, bil. 5 ,1988.

Muhammad Salam Madkhur, *Usul al-Fiqh al-Islami* . Mesir: Dar al-Nahdah al-'Arabiah, 1976.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

Mustafa 'Abd al-Rahim Abu 'Ajilah, *al-'Urf Wa Atharuhu fi al-Tasyri' al-Islami* .Tarbalas: al-Mansya'ah al-'Ammah, 1986.

Mustafa Ahmad al-Zarqa, *al-Madkhal al-Fiqh al-'Amm* .Damshiq: Dar al-Qolam, 1998.

Mustafa Dib al-Bugha, *Athar al-'Adillah al-Mukhtalaf fiha fi al-Fiqh al-Islami* .Damsyiq: Dar al-Qalam, 1993.

Ruqayyah Taha Jabir al-Alwani, *Athar al- 'Urf fi Fahm al-Nusus* .Beirut: Dar al-Fikr al-Mua'sir, 2004.

Salih bin Ghanim al-Sadlan, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra wa ma Tafarra'a Anha*. Riyadh: Dar al-Balansiyah, 1999.

Subhi Mahmasani. *Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam*. Beirut: t.p, 1971.

Sulayman al-Asyqar, “al- ‘Urf Bayna al-Fiqh wa al-Qanun”, *Majalah Majma’ al-Fiqh al-Islami*, al-Dawrah al-Khamisah, bil. 5, 1988.

Tantawi Jawhari, *Tafsir al-Jawahir*. Mustafa al- Babi al-Halabi, 1350H.

Zayn al-Din Abu Bakar, *Mukhtar al-Shihah*, .Beirut: t.p, 1985.

### **TESIS DAN LATIHAN ILMIAH**

Amir Fazlim Jusoh. “Metode Kompromi: Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha”. Disertasi Sarjana, Jabatan fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.

Hikmah Hamid . “Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bajau Darat di Daerah Semporna Sabah: Satu Tinjauan Menurut Perpektif Islam”. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.

Jeniar Subeh. “Seni Persembahan Ngalai dalam Ritual Sistem Pengubatan: Kajian Kes Masyarakat Bajau Kg. Karang Benai, Kota Belud”. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Jabatan Sosio Budaya, Universiti Malaya, 2002.

Justin Lee Hing Giap. “The Blurring of Boundaries at The Periphery: Explaining the Eclecticism and Syncretism of Alternative Healing, Psychotherapeutic, Motivational and Spiritual Movements”. Disertasi Sarjana, Jabatan Sosiologi, Universiti Nasional Singapura.

Mirafuentes, M.E, “A Contrastive Analysis of the Phonemes and Verb Morphology of Central Sinama and Bajau Darat”. Dissertation, University of Philippines, 1990.

Mohamad Bin Muda. ‘Urf Tempatan Di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis”. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004.

- Mohd. Fauzi Yaakob. "Main Puteri". Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1965.
- Noor Naemah Abdul Rahman. "Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an-1990an: Satu Analisis". Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.
- Saidatul Nornis. "Fonologi Bahasa Bajau: Satu Kajian Preliminari". Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.
- Sather, C.A. "Kindship and Domestic Relations Among the Bajau Laut of Northern Borneo". Tesis kedoktoran, Universiti Harvard, 1971.
- Syed Abdullah Hassan. "Kepercayaan-kepercayaan dan Ilmu dukun di Kelompok Tausug Daerah Sandakan" Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1973.
- Warren, C. "Bajau Consciousness in Social Change: The Transformation of a Malaysian Minority Community". Disertasi Sarjana, Australian National University, 1977.
- Yap Beng Liang. "Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya". Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1977.

#### **KERTAS DATA/ KERJA/PERSIDANGAN**

- Arce, W.F. "Social Organization of the Muslim People of Sulu" *Philippines Studies* 2, no.2 ,1963.
- Halina Sendera Mohd Yakin, "Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya" Kertas Kadangkala, Bil. 7, Universiti Malaysia Sabah, 2007.
- Hardaker, M.B. "Racial and Cultural Associations Accepted by the Peoples of Sabah and Sulu", *Borneo Research Bulletin*, Jil. 6, no.1, 1974.
- Jacqueline Pugh-Kitingan, Hanafi Hussin & Judeth John Baptish. "Dance as Ritual, Dance as Celebration-Tradition and Change Among the Bajau of Semporna

- Sabah, Malaysia". Kertas Kerja Proceeding of Asia Pasific International Dance Conference, 2005.
- Jehom, W.J., "Ethnicity and Ethnic Identity in Sarawak", *Akademika* 55, 1999.
- Jenar Lamdah. "Sistem Nilai-nilai dan Norma Masyarakat Bajau di Sabah" makalah, Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 10-19 Mac 1980.
- Md. Saffie Abdul Rahim. "Sejarah Semporna: Sistem Pentadbiran dan Pembangunan Ekonomi 1963-1985" Kertas Kerja Seminar Sabah Setelah 50 Tahun Malaysia Merdeka, Universiti Teknologi Mara, 2007.
- Nimmo, H.A. "Reflections on Bajau History", *Philippine Studies*, jil. 6, no. 1, 1968.
- Sather, C.A, "Cultural Affiliation in Eastern Sabah and Sulu Province", *Borneo Research Bulletin* 6, no. 1, 1974.
- Singh, Raghbir & De Henning. "The Sea Gypsies" *The Asia Magazine*, jil. 13, no. 18, 1973.
- Soesangobeng. "Perkampungan Bajo di Bajo-E, Satu Rintisan Studi Tentang Bajo dan Konsep Pemukimannya di Teluk Bone dan Sekitarnya". Laporan Penelitian Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial, Ujung Pandang , 1977.
- Suraya Sintang. "Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah", Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu 1, Institut Peradaban Melayu, Kuala Lumpur, 12-14 Ogos 2003.
- Spillett, P.G, "A Race Apart". Makalah, Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Masyarakat Bajau, Jakarta, 22-25 November 1993.
- Verheijen, J.A.J. "The Sama/ Bajau Language in the Lesser Sunda Islands". *Pacifics Linguistics*, Series C, No. 7, 1986.
- Warren, J.F. "The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909" Kertas Kerja International Studies, Southeast Asia Series, no 22, Ohio University Centre For International Studies, 1971.

## **JURNAL**

- Abd. Ghani Bagul. "Notes on the Bajau Language". *The Sarawak Museum Journal*, 1950.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah, & Ab Mumin Ab Ghani. " Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Muamalat". *Jurnal Syariah*, bil. 2 (2008).
- Appell, G.N. "Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect". *Sabah Society Journal* 3, no. 4 , 1968.
- Asmah Omar, "The Bajau Darat Language". *The Brunei Museum Journal* 4, no. 4, 1980.
- Collins, J.T. "Bahasa Bajo Sangkuang: Laporan Awal". *Jurnal Dewan Bahasa* 40 (1), 1996.
- Costa, H. de la, S.J. "Muhammad Alimuddin I, Sultan of Sulu 1735-1773". *Journal of the Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, jil. xxxviii, 1965.
- Dalrymple, S.E. "The Tawaran and Putatan Rivers, North Borneo", *ISBRAS*, no. 13 ,1884.
- Evans, I.H.N. "Notes on the Bajau and other Coastal Tribes of North Borneo". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 25, no.1 ,1952.
- Hassan Mat Nor. "Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud, Sabah" . *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 8, 1980.
- Hanafi Hussin. "Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah". *Borneo Research Journal*, no. 2, 2008.
- Headly, D. "Some Illaanuns and Bajau Marriage Customs in the Kota Belud District". *North Borneo Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 24, no. 3 (1951).
- Ismail Ali. "Boggo Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut di Sabah: Malaysia". *Jurnal Kajian Malaysia*, Jil. xxv, no. 1, 2007.
- Jacle, M.N. "Spirit Boats". *Journal of the Sabah Society*, no. 4, 1963.
- K.P Tabrett, "The Founding of Semporna". *Sabah Society Journal* 16 . 1999.
- P.W.J Nababan, "Languages of Indonesia in Papers on Southeast Asian Languages", *Anthology Series 5*. SEAMEO Regional Language Centre, 1979.

Rahimin Affandi Abdul Rahim. "Ke arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini: Satu Pengenalan" dalam *Jurnal Syariah* 10. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002.

Richard L.Stone. "Intergroup Relation Among the Tausug, Samal and Bajau of Sulu". *Philippine Sociological Review*, bil. X ,1962.

Sather, C.A. "Bajau Number & Adjacent of Quantity". *Sabah Society Journal* 2, no. 2 ,1965.

\_\_\_\_\_. " A Bajau Prawn Snare" dalam Sabah Society Journal, jil. 3, no.1, 1966.

\_\_\_\_\_. "Some Notes Concerning Bajau Laut Phonology and Grammar" dalam Sabah Society Journal, jil. 3, no. 4, 1968.

Sunetra Fernando. "Tagunggu' Practice by the Bajau of Semporna, Sabah". *Tirai Panggung, Jurnal Seni Persembahan* , 2002.

Valera, J. "The Old Forts of Semporna". *Journal of the Sabah Society*, no. 2, Sabah: Sabah Society, 1962.

## **LAMAN SESAWANG**

Abd Allah b. Bayyih, "Shared Values" laman sesawang Islam Today, dicapai 12 Mac 2013, [http://www.Islamtoday.com/showme2.cfm?cat\\_id+29&sub\\_cat\\_id+982](http://www.Islamtoday.com/showme2.cfm?cat_id+29&sub_cat_id+982)

Azemir,"Kebudayaan Kaum Bajau", dicapai 10 September 2012, <http://bukuskrabudaya.blogspot.com/2012/03/kebudayaan-kaum-bajau.html>

Budaya dan Pempelajaran. "Aspek Kepelbagai Sosiodik Bajau, dicapai 15Ogos 2012, <http://www.scribd.com/doc/102413161/Edu-3106-Etnik-Bajau>

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) @ DBP Malaysia. "Buang Ancak", dicapai 14 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=buang&d=8>,

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) @ DBP Malaysia. "Tulah", dicapai 14 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tulah>

Wikipedia, "Bajau People", dicapai 6 Februari 2012, [http://en.wikipedia.org/wiki/Bajau\\_people](http://en.wikipedia.org/wiki/Bajau_people)